

# BAB 1

# Permulaan


KISAH INI DICERITAKAN DARI SEBUAH BUKU LAMA YANG BERUSIA RIBUAN TAHUN. SETIAP PERKATAAN YANG HENDAK SAYA SAMPAIKAN ADALAH BENAR. SEBAHAGIANNYA SUKAR DIPERCAYAI,
TETAPI KEBENARAN SELALU ANEH DARIPADA FIKSEN.


PADA MULANYA, SEBELUM MANUSIA PERTAMA, BUMI, MATAHARI, BINTANG BAHKAN SEBELUM CAHAYA DAN MASA DICIPTAKAN, ALLAH SUDAH ADA.


DIA SENDIRI SUDAH WUJUD, TANPA PERMULAAN, TETAPI DIA TIDAK KESEPIAN. TIDAK SEPERTI MANUSIA YANG TERBATAS, ALLAH WUJUD SERENTAK SEBAGAI TIGA PERIBADI DALAM SATU. SETIAP PERIBADI YANG BERBEZA ADALAH TEMAN-SETARA DAN TEMAN-ABADI, DALAM SATU HAKIKAT, SIFAT, KUASA, TINDAKAN DAN KEHENDAK. DIA HIDUP HARMONI DALAM KASIH BERSAMA-SAMA.
TETAPI ALLAH MAHU BERKONGSI HIDUP-NYA. DIA MAHUKAN TEMAN DAN JIRAN.


ALKITAB MEMBERITAHU KITA BAHAWA ALLAH MENCIPTA BANYAK MAHKLUK SYURGA UNTUK MEMBERIKAN PUJIAN DI SEKITAR TAKHTA-NYA, TETAPI MAKHLUK YANG DISEBUT LUCIFER MEMIMPIN SEPERTIGA MAKHLUK SYURGA DALAM PEMBERONTAKAN. ALLAH MENGUSIR MEREKA DARI SYURGA DAN NAMA LUCIFER DIUBAH MENJADI SYAITAN.




YESAYA 45:18 - *LIHAT HALAMAN 322 UNTUK PENERANGAN RINGKAS MENGENAI BUKU YANG DISEBUT ALKITAB. UNTUK MAKLUMAT LEBIH LANJUT TENTANG SYAITAN, LIHAT: YESAYA 14:12-14; YEHEZKIEL 28:13-19; MATIUS 25:41; LUKAS 10:18; WAHYU 12:4, 20:2


PADA MULANYA ALLAH MENCIPTAKAN LANGIT DAN BUMI. MAKA TERJADILAH BUMI YANG BELUM BERBENTUK DAN KOSONG, DAN KUASA SANG PENCIPTA BERGERAK DI PERMUKAAN AIR.


TIBA-TIBA ALLAH BERFIRMAN DI DALAM KEGELAPAN...
"HENDAKLAH ADA CAHAYA"


TIDAK SEPERTI MANUSIA MODEN. SANG PENCIPTA TIDAK MEMANFAATKAN EVOLUSI. DIA MENCIPTAKAN SEMUA DENGAN HANYA BERFIRMAN. DALAM ENAM HARI 24 JAM ALLAH MENCIPTAKAN TUMBUH-TUMBUHAN DAN HAIWAN UNTUK MENHUNI BUMI.
KIRA-KIRA 4004 S.M. - KEJADIAN 1:2-3


PADA HARI KEENAM, DENGAN DIPERHATIKAN OLEH ROH-ROH JAHAT, ALLAH MEMBENTUK MAKHLUK BARU DARI DEBU TANAH.
ALLAH MENGHEMBUSKAN NAFAS-NYA KE DALAM TUBUH TANAH LIAT ITU DAN MANUSIA ITU PUN HIDUP. DIA DICIPTAKAN MENYERUPAI ALLAH - MENGUASAI HAIWAN.


ALLAH MEMANGGIL MAKHLUK BARU ITU MANUSIA DAN MENAMAKANNYA ADAM
KEJADIAN 1:31, 2:7
ALLAH MELIHAT SEMUA CIPTAAN-NYA DAN BERKATA, "IANYA SANGAT BAIK."


SETIAP HARI ALLAH BERCAKAP DENGAN ADAM DAN KEHIDUPAN ITU INDAH. ALLAH MEMBAWA SEMUA HAIWAN DI HADAPAN ADAM SUPAYA DIA BOLEH MEMBERIKAN NAMA MASING-MASING. KETIKA HAIWAN ITU BERLALU PERGI, ADAM MENYEDARI BAHAWA DIA TIDAK MEMPUNYAI PASANGAN SEPERTI MEREKA.


DAN ALLAH BERFIRMAN...
AKU AKAN MEMBUAT PASANGAN ADAM UNTUK MEMBANTUNYA.
ALLAH MEMBUAT ADAM TIDUR NYENYAK, LALU MENGAMBIL TULANG RUSUKNYA. DENGAN TULANG RUSUK ITU, ALLAH MENJADIKAN SEORANG PEREMPUAN CANTIK MENJADI PEMBANTU ADAM YANG PENYAYANG.


ALLAH MEMBANGUNKAN ADAM DAN MEMBAWA PEREMPUAN ITU KEPADANYA. DIA MENYURUH MEREKA MEMPUNYAI ANAK DAN MEMENUHI BUMI SERTA MEMANGGIL ISTERINYA ITU "HAWA."
DIA ADALAH TULANG DARI TULANGKU DAN DAGING DARI DAGINGKU.
SYAITAN, SI JAHAT ITU SEDANG MEMERHATI.
MEREKA BERDUA TELANJANG, TETAPI SEPERTI KANAK-KANAK, MEREKA TIDAK MENYEDARINYA.



KEJADIAN 1:28, 2:2, 16-22, 25


SYAITAN MEMBENCI ALLAH DAN HENDAK MEMUSNAHKAN APA YANG SEDANG DILAKUKAN-NYA, TETAPI DIA PERLUKAN JALAN UNTUK BERKOMUNIKASI DENGAN HAWA, JADI DIA MEMASUKI TUBUH MAKHLUK YANG CANTIK DAN BERCAKAP MELALUI MULUTNYA.
ADAKAH ALLAH MEMBERITAHU BAHAWA ENGKAU TIDAK BOLEH MAKAN BUAH DARI SETIAP POKOK DARI TAMAN INI?


KATA-NYA KAMI BOLEH MAKAN BUAH DARI SETIAP POKOK YANG ADA DI TAMAN INI KECUALI YANG SATU INI, JIKA KAMI MENYENTUHNYA, KAMI AKAN MATI.
HA! KAMU TIDAK AKAN MATI. KAMU AKAN MENJADI SEPERTI TUHAN APABILA KAMU MEMAKANNYA. KAMU AKAN TAHU KEBENARAN SEPERTI KAMI DAN AKAN TAHU TENTANG YANG BAIK DAN JAHAT.


IA KELIHATAN INDAH DAN SEDAP DIMAKAN. AKU AKAN MENJADI BIJAK DENGAN MEMAKANNYA, TETAPI ALLAH BERFIRMAN JANGAN MEMAKANNYA.
HAWA TIDAK TAHU TENTANG YANG BAIK DAN JAHAT.


HAWA TIDAK MENTAATI ALLAH DAN MAKAN BUAH ITU.
SUDAH TERLAMBAT, HAWA SEDAR DIA SUDAH TERTIPU. DIA TAHU TENTANG YANG BAIK DAN JAHAT TETAPI YANG JAHAT MENGUASAI.




KEJADIAN 3:1-6; WAHYU 20:2


MEREKA MENGETAHUI KEBENARAN DAN MALU DENGAN KETELANJANGAN MEREKA.
HA, HA, HA DIA AKAN MEMBUNUHMU SEKARANG. LIHATLAH APA YANG DIA TELAH LAKUKAN KEPADAKU.


APA YANG TELAH KITA LAKUKAN?
KITA TIDAK MENTAATI ALLAH. DIA AKAN DATANG SEGERA. KITA HARUS MENUTUP KETELANJANGAN KITA.


ADAM, DI MANAKAH ENGKAU?
AKU DENGAR SUARA-MU TETAPI AKU TAKUT KERANA AKU TELANJANG.
SIAPAKAH YANG MEMBERITAHU BAHAWA ENGKAU TELANJANG? ADAKAH ENGKAU TIDAK MENTAATI-KU DAN MAKAN BUAH LARANGAN ITU?




KEJADIAN 3:6-12


HISSSS...
ULAR ITU MENIPUKU. KATANYA AKU TIDAK AKAN MATI, AKU AKAN MENJADI SEPERTI-MU, TETAPI TIDAK. AKU SANGAT MALU.


JADI ALLAH MENGUTUK ULAR ITU DAN BERKATA KEPADANYA...
KERANA PERBUATANMU, AKU AKAN MEMBUATKAN ENGKAU MENJALAR DAN DEBU TANAH ADALAH MAKANANMU.
AKU AKAN MEMBUATKAN KETURUNANMU DAN KETURUNAN PEREMPUAN ITU BERMUSUHAN. KETURUNANMU AKAN MEMATUK TUMIT KETURUNANNYA, TETAPI DIA AKAN MEREMUKKAN KEPALAMU.


INI ADALAH JANJI PERTEMPURAN DI MASA HADAPAN. MASANYA AKAN TIBA KETIKA KETURUNAN PEREMPUAN ITU AKAN MENGALAHKAN SYAITAN. PERIBADI INI AKAN MENEBUS MANUSIA KEMBALI PADA ALLAH DAN MEMBEBASKAN MEREKA DARI KUTUKAN DOSA DAN KEMATIAN.
ALLAH BOLEH SAJA MENGHAPUSKAN LUCIFER DAN PENGIKUTNYA DALAM SEKELIP MATA, TETAPI DIA MEMBIARKAN MEREKA HIDUP SEBAGAI UJIAN BAGI UMAT MANUSIA. ADAKAH MANUSIA AKAN MENGUTUK ALLAH, ATAU MENGIKUT SYAITAN DALAM PEMBERONTAKKANNYA?
KEJADIAN 13:13-15


ALLAH MENGUTUK MANUSIA DENGAN BERFIRMAN...
ADAM, KERANA ENGKAU MENYERAH PADA PUJUKAN ISTERIMU DAN TIDAK MENTAATI-KU, AKU AKAN MENGUTUK BUMI INI DAN MENYEBABKAN TUMBUHAN BERDURI TUMBUH LEBIH BAIK DARIPADA SAYUR-SAYURAN, DAN ENGKAU HARUS BEKERJA KERAS DEMI MEMBUAT TANAH MENGHASILKAN SESUATU UNTUK DIMAKAN. SELAMA HIDUP, ENGKAU AKAN MENGALAMI KESEDIHAN, BEKERJA DENGAN KERAS SEHINGGA MATI DAN KEMBALI KE TANAH TEMPAT ENGKAU DICIPTAKAN.


TIBA MASANYA ADAM DAN HAWA MATI SEPERTI JANJI ALLAH. TETAPI BUKANNYA MEMBUNUH MEREKA, ALLAH MEMBUNUH BINATANG DAN MENGAMBIL KULITNYA UNTUK DIBUAT BAJU BAGI MEREKA.


DIA TIDAK MEMBUNUH KITA! KITA MASIH HIDUP!
DIA MEMBUNUH HAIWAN BUKANNYA KITA.
ADAM DAN HAWA TIDAK MATI PADA HARI ITU KERANA HAIWAN YANG TIDAK BERSALAH MENGGANTIKAN TEMPAT MEREKA. TETAPI HUKUMAN MATI TELAH DIJATUHKAN PADA MEREKA DAN SEPATUTNYA MEREKA JUGA MATI. KEMATIAN ADALAH HUKUMAN BAGI DOSA.


SEJAK ADAM DAN HAWA BERDOSA, ALLAH MENGUSIR MEREKA KELUAR DARI TAMAN YANG INDAH ITU SUPAYA MEREKA TIDAK AKAN LAGI MAKAN BUAH POKOK KEHIDUPAN DAN SELAMANYA HIDUP DALAM KEADAAN BERDOSA.


ALLAH MENEMPATKAN MALAIKAT KHAS YANG DIPANGGIL KERUBIM DI PINTU MASUK TAMAN ITU UNTUK MENCEGAH SIAPAPUN YANG MASUK MENDAPATKAN BUAH DARI POKOK KEHIDUPAN ITU. TAMAN ITU AKHIRNYA MUSNAH DAN POKOK ITU DIPINDAHKAN DARI BUMI, TETAPI SAYA AKAN MENERUSKAN CERITA INI.
KEJADIAN 3:17-24: YEHEZKIEL 18:4


ADAM DAN HAWA MEMPUNYAI RAMAI ANAK. KEMUDIAN, ANAK LELAKI DAN PEREMPUAN MEREKA BERKAHWIN SATU SAMA LAIN DAN MEMPUNYAI ANAK MEREKA SENDIRI.
KETIKA MANUSIA MULA-MULA DICIPTAKAN, GEN MUTAN YANG MENYEBABKAN KECACATAN MELALUI PEMBIAKAN BELUM BERKEMBANG, TETAPI KEMUDIAN APABILA IANYA MENJADI MASALAH, TUHAN MEMERINTAHKAN AGAR SAUDARA TERDEKAT TIDAK BOLEH BERKAHWIN.


ANAK LELAKI PERTAMA MEREKA, KAIN, YANG BERCUCUK TANAM. ANAK LELAKI KEDUA MEREKA, HABEL, PENTERNAK HAIWAN. ADAKAH SALAH SEORANG MEREKA ADALAH ANAK YANG DIJANJIKAN UNTUK MEMUSNAHKAN SYAITAN?
KAIN DAN HABEL TAHU AKAN ALLAH DAN KEJADIAN DI TAMAN ITU. TETAPI ALLAH TIDAK LAGI BERSAMA DAN BERCAKAP DENGAN MANUSIA. ADAM DAN SELURUH KETURUNANNYA TERPISAH DARI ALLAH DISEBABKAN KETIDAKTAATANNYA. HIDUP SUSAH TANPA ALLAH.


YA, ALLAH, AKU MANUSIA BERDOSA; AKU MEMBUNUH BINATANG INI DAN MEMPERSEMBAHKANNYA KEPADA-MU BAGI KEMATIANKU.
HARINYA TIBA APABILA KEDUA ANAK LELAKI ITU DATANG MENYEMBAH ALLAH. AYAH MEREKA TELAH MEMBERITAHU TENTANG ALLAH YANG TELAH MEMBUNUH BINATANG DI TAMAN ITU, JADI DENGAN IMAN, HABEL MENYEMBELIH SEEKOR HAIWAN DAN MEMPERSEMBAHKANNYA KEPADA ALLAH.




KEJADIAN 4:1-4; ROMA 3:23; IBRANI 11:4


TIDAK, KAIN!
ALLAH TIDAK MENERIMA PERSEMBAHAN KAIN KERANA IANYA TANPA DARAH.


ALLAH SENANG DENGAN PERSEMBAHAN HABEL. APABILA MELIHAT DARAH SEMBELIHAN KAMBING BIRI-BIRI YANG TIDAK BERSALAH ITU, ALLAH MENGHAPUSKAN DOSA HABEL.
ALLAH BERFIRMAN KEPADA KAIN, "SEKIRANYA ENGKAU MELAKUKAN YANG SEPATUTNYA, AKU DISENANGKAN. ENGKAU JUGA AKAN MEMERINTAH ADIKMU HABEL, DAN DIA AKAN TUNDUK KEPADAMU.


ENGKAU FIKIR ENGKAU SIAPA? APAKAH BUAH-BUAHAN DAN SAYUR-SAYURAN-KU LEBIH BERHARGA DARI KAMBING BIRI-BIRI YANG DISEMBELIH ITU?
ABANGKU, MASIH ADA KESEMPATAN MEMPERSEMBAHKAN PERSEMBAHAN SEMBELIHAN.




HABEL MATI DAN KAIN CUBA MENYEMBUNYIKAN KESALAHANNYA DARI ALLAH.


TETAPI KAIN TIDAK DAPAT MENYEMBUNYIKAN KEJAHATANNYA, ALLAH MELIHAT DAN TAHU SEGALANYA.
KAIN, DI MANAKAH ADIKMU HABEL?
BAGAIMANA AKU TAHU? ADAKAH AKU YANG HARUS MENJAGANYA?
DARAH ADIKMU MASIH BERLUMURAN DI TANAH. IA BERBICARA KEPADA-KU TENTANG KEJAHATANMU.

ALLAH TAHU SEGALANYA. DIA MELIHAT SEMUA ORANG SEPANJANG MASA. TIDAK ADA YANG DAPAT DISEMBUNYIKAN DARI-NYA. DIA MELIHAT APA YANG TELAH KAIN LAKUKAN PADA HABEL. ALLAH MENGUTUK KAIN DAN MEMBUANGNYA DI PADANG GURUN DENGAN MEMBAWA ISTERINYA BERSAMA. KESALAHANNYA MEMBUATKANNYA SANGAT SEDIH DAN MENDERITA.






KEJADIAN 4:9-16, 5:4;
KISAH RASUL-RASUL 17:24-26


SET MEMPUNYAI ANAK LELAKI DAN ANAK LELAKINYA MEMPUNYAI ANAK LELAKI JUGA, DAN LEBIH RAMAI LAGI ANAK-ANAK LELAKI DILAHIRKAN, TETAPI MASIH BELUM ADA YANG DAPAT MEMBUANG KUTUKAN DAN MENGHAPUSKAN KEMATIAN. DENGAN CEPAT BUMI DIPENUHI BANYAK BANDAR, KAMPUNG DAN LADANG.


DENGAN SETIAP GENERASI BARU, SEIRING DENGAN BERTAMBAHNYA MANUSIA, DOSA JUGA BERTAMBAH. MANUSIA MELAKUKAN DOSA SEKSUAL DAN KEKERASAN. SETIAP FIKIRAN BERDOSA. TIDAK SEORANG PUN BENAR. ADAM TELAH MELAKUKAN SATU DOSA; MANUSIA SEKARANG MELAKUKAN BANYAK DOSA.
AKU MENYESAL MENCIPTAKAN MANUSIA DI BUMI. AKU AKAN MUSNAHKAN SEGALA YANG HIDUP DI BUMI. SYAITAN YANG MEMBENCI KERAJAAN ALLAH, AKAN BERGEMBIRA MELIHAT ALLAH MEMBUNUH SEMUA ORANG.


SEMBILAN GENERASI (1400 TAHUN) SUDAH BERLALU DAN BUMI DIPENUHI DOSA.
MANUSIA MENJADIKAN SESAMANYA HAMBA.
ADAKAH ALLAH AKAN MEMILIKI SEBUAH KELUARGA YANG MENGASIHI-NYA DAN BERJALAN DI DALAM KETAATAN?
KEJADIAN 6:5-7; ROMA 5:12




TETAPI ADA SEORANG ANAK LELAKI YANG HIDUP BENAR. WALAUPUN ALLAH AKAN MEMBUNUH SEMUA ORANG, DIA BERMURAH HATI PADA LELAKI INI DAN TIDAK MEMBUNUHNYA DAN KELUARGANYA.


NUH,
AKU AKAN KIRIMKAN
BANJIR BESAR KE
BUMI. SEMUA YANG
HIDUP AKAN MATI. BAGI
MENYELAMATKAN
DIRIMU, KELUARGAMU
DAN HAIWAN, ENGKAU
HARUS MEMBINA
KAPAL BESAR.


BAWALAH SETIAP HAIWAN SEPASANG. AMBILLAH TUJUH DARI SETIAP YANG BOLEH DIMAKAN. AKU AKAN MEMBERITAHU ENGKAU BAGAIMANA MEMBINA KAPAL ITU DAN APA YANG PERLU DISEDIAKAN BAGI MENGHADAPI BANJIR BESAR ITU.


MUNGKINKAH NUH YANG AKAN MENJADI ANAK YANG DIJANJIKAN UNTUK MEMUSNAHKAN SYAITAN? ADAKAH DIA AKAN MENTAATI ALLAH ATAU DIA JUGA AKAN GAGAL?
ALLAH MEMBERITAHU NUH BETAPA BESARNYA KAPAL ITU BAGI MENAMPUNG PASANGAN SETIAP MAKHLUK BESERTA MAKANAN MEREKA.
KEJADIAN 6:8-9, 17-22, 7:2


AKU BERPESAN KEPADAMU KALI TERAKHIR. ALLAH AKAN MUSNAHKAN BUMI INI DENGAN BANJIR BESAR. PERCAYALAH KEPADAKU DAN SERTAILAH AKU.
HAL ITU MEMBUATKAN NUH SEDIH MEMIKIRKAN SEMUA ORANG AKAN BINASA. JADI PADA SETIAP KESEMPATAN, DIA MENGINGATKAN MEREKA UNTUK BERHENTI MELAKUKAN DOSA.


MENGAPAKAH ALLAH YANG MAHA PENGASIH MEMUSNAHKAN ANAK-ANAK-NYA?
KERANA DOSA. ENGKAU HARUS BERHENTI BERDOSA DAN MENGASIHI SESAMAMU.
KAU BODOH!


120 TAHUN KEMUDIAN, APABILA KAPAL ITU SIAP, ALLAH MENYEBABKAN SEMUA BINATANG DATANG KEPADA NUH DARI SELURUH PELOSOK BUMI.
LIHAT, LEBIH BANYAK HAIWAN DATANG. MEREKA DATANG DENGAN SENDIRI, SEPERTI SESEORANG SEDANG MEMANGGIL MEREKA.




KEJADIAN 7:7–9; 2 PETRUS 2:5


TIDAK ADA BANYAK RUANG YANG TINGGAL.
INI ADALAH YANG TERAKHIR DARI MEREKA.
NUH, MASANYA TELAH TIBA, MASUKLAH KE DALAM KAPAL BERSAMA SELURUH KELUARGAMU DAN BINATANG-BINATANG ITU. SUDAH TERLAMBAT BAGI MEREKA YANG TIDAK MAHU BERHENTI BERDOSA.


ALLAH MENUTUP PINTU ITU DAN SELAMA TUJUH HARI TIDAK ADA APA-APA YANG BERLAKU.
HA, HA, HA, LIHATLAH ORANG-ORANG BODOH ITU, TERPERANGKAP DI DALAM KAPAL BERSAMA BINATANG-BINATANG ITU DI TENGAH-TENGAH DARATAN YANG KERING, JAUH DARI TEMPAT YANG BERAIR.
YAH, AKU YAKIN SINGA-SINGA ITU SUDAH MEMBAHAM MEREKA.
SUDAH SEMINGGU MEREKA BERADA DI SANA!


TETAPI PADA HARI YANG KETUJUH HUJAN MULAI TURUN, DAN AIR MULAI NAIK KE DARATAN.
AKU BELUM PERNAH MELIHAT SEPERTI INI; ADAKAH ENGKAU FIKIR ORANG-ORANG GILA DI DALAM KAPAL ITU BENAR TENTANG ALLAH YANG MAHU MEMBUNUH SEMUA ORANG KERANA DOSA MEREKA?


JANGAN KONYOL; ALLAH ITU KASIH. BAGAIMANA SEORANG ITU BENAR DAN SEMUA PEMIMPIN AGAMA KITA SALAH?
SEBELUM INI HUJAN TIDAK PERNAH TURUN. CUACA SELALU BAIK DAN KABUS KELUAR DARI BUMI MEMBASAHI TANAH. TIDAK ADA SEORANG PUN YANG MELIHAT DAN MENDENGAR TENTANG HUJAN, RAMAI ORANG BERFIKIR BAHAWA NUH GILA KERANA MENGANGGAP AIR AKAN TURUN DARI LANGIT, TETAPI NUH PERCAYA TENTANG APA YANG ALLAH TELAH FIRMANKAN.




KEJADIAN 7:9-12, 16


KIRA-KIRA 2348 SEBELUM MASIHI
PADA MASA ORANG-ORANG ITU MENYEDARI NUH BERKATA BENAR, SUDAH TERLAMBAT.
HUJAN TURUN SELAMA 40 HARI, SEHINGGA AIR MENUTUPI SETIAP GUNUNG DI SELURUH BUMI. SETIAP MAKHLUK YANG HIDUP MATI, KECUALI YANG BERSAMA DENGAN NUH DI DALAM KAPAL ITU. IANYA MENGAMBIL MASA SETAHUN SEBELUM MEREKA BOLEH MENINGGALKAN KAPAL ITU.


KEJADIAN 7:12, 19-23, 8:9-12
AKHIRNYA NUH MELEPASKAN SEEKOR BURUNG MERPATI DAN IA KEMBALI DENGAN SEBATANG RANTING DI PARUHNYA, YANG BERMAKSUD SUDAH ADA POKOK YANG TUMBUH DI SUATU TEMPAT. KEMUDIAN, DIA MELEPASKAN SEMULA BURUNG ITU, DAN KALI INI BURUNG ITU TIDAK KEMBALI LAGI, YANG BERMAKSUD IA TELAH MENEMUI TEMPAT TINGGAL YANG BAIK.
AKU AKAN BERASA GEMBIRA APABILA AIR SUDAH SURUT DAN KITA BOLEH MENINGGALKAN KAPAL INI.


TIDAK LAMA KEMUDIAN KAPAL ITU TERDAMPAR DI PUNCAK GUNUNG YANG BERNAMA ARARAT. SEMUA KELUAR DI DUNIA BARU, DUNIA TANPA DOSA.

NUH MEMBINA SEBUAH MEZBAH DAN MEMPERSEMBAHKAN KORBAN KEPADA ALLAH. WALAUPUN NUH SEORANG YANG BENAR, MASIH ADA DOSA DI HATINYA. PENGORBANAN DARAH ITU DIPERSEMBAHKAN KEPADA ALLAH BAGI MENGGANTIKAN NYAWA NUH DAN SELURUH KELUARGANYA.




AKU AKAN MEMBUAT PELANGI DI LANGIT SEBAGAI PERINGATAN BAHAWA AKU TIDAK AKAN LAGI MEMUSNAHKAN BUMI DENGAN AIR. ENGKAU HARUS MEMPUNYAI RAMAI ANAK DAN TERSEBAR KE SELURUH BUMI.


AKU AKAN MEMBUAT BINATANG TAKUT KEPADA MANUSIA. ENGKAU BOLEH MAKAN SEMUA MAKHLUK HIDUP DAN BINATANG MERAYAP, SEPERTI ENGKAU MEMAKAN TUMBUH-TUMBUHAN DAN HERBA, TETAPI ENGKAU TIDAK BOLEH MAKAN DARAH. JANGAN MEMBUNUH.
JIKA SESEORANG DIDAPATI MEMBUNUH, DIA JUGA HARUS DIBUNUH. SEKIRANYA SEORANG MENUMPAHKAN DARAH ORANG LAIN, MAKA ORANG LAIN JUGA HARUS MENUMPAHKAN DARAH ORANG ITU BAGI MEMBALAS KEJAHATANNYA, KERANA ADA HIDUP DI DALAM DARAH.



NUH MENJADI PETANI DAN MENANAM ANGGUR. DUNIA BARU SEPI DENGAN HANYA ADA EMPAT BUAH KELUARGA, TETAPI TIDAK LAMA KEMUDIAN ANAK-ANAK LELAKI MEREKA MEMPUNYAI ANAK MASING-MASING.




NUH MENDAPATI BAHAWA DENGAN MELETAKKAN BUAH DI DALAM BEKAS DAN MEMBIARKANNYA BEBERAPA MINGGU, IA MENJADI MINUMAN BERALKOHOL. NUH MENYUKAI MINUMAN ITU YANG MEMBUATNYA KADANG-KADANG TIDAK DAPAT BEKERJA. DIA TERJATUH DAN TIDAK SEDARKAN DIRI. ITU MENYEBABKAN NUH MELAKUKAN PERKARA YANG TIDAK MENYENANGKAN HATI ALLAH.


SUATU HARI NUH MABUK DAN TELANJANG, TIDAK SEDARKAN DIRI. ANAK LELAKINYA HAM, MELIHAT KEMALUAN AYAHNYA DAN MENYUKAINYA. DIA MEMBERITAHU SAUDARA-SAUDARANYA DENGAN NADA SINIS TENTANG APA YANG TELAH DILIHATNYA.


APABILA NUH SEDAR, ANAK-ANAK LELAKINYA MEMBERITAHU APA YANG TELAH HAM LAKUKAN.
ANAK LELAKIMU, KANAAN, DAN SEMUA KETURUNANMU AKAN MENJADI HAMBA SAUDARAMU SEM.


BEBERAPA TAHUN KEMUDIAN, NUBUATAN INI MENJADI KENYATAAN. ORANG-ORANG KANAAN MENDUDUKI PALESTIN DAN AKHIRNYA MENJADI HAMBA ORANG YAHUDI.
KEJADIAN 9:21-27; 1 TAWARIKH 4:40; MAZMUR 78:51, 105:23, 27, 106:22


SET
ADAM & HAWA
KAIN
HABEL
ALLAH MEMBUNUH SEMUA ORANG KECUALI LAPAN ORANG ITU.


NUH DAN KELUARGANYA DIRAHMATI ALLAH.
EROPAH
YAFET
TURKI
SEM
ASIA
HAM
AFRIKA
MESIR
MASANYA YAFET PERGI KE BARAT DAN UTARA UNTUK MENETAP DAN BERANAK PINAK DI SANA. SEM PERGI KE TIMUR DAN MENETAP DI ASIA. HAM PERGI KE SELATAN DAN MENETAP DI AFRIKA DAN DI ASIA SELATAN. KETURUNAN ANAK LELAKINYA, KANA, MENETAP DI TANAH YANG SEKARANG DIPANGGIL PALESTIN. MAKA BUMI DIPENUHI SEMULA.


KIRA-KIRA 2247 SEBELUM MASIHI
ANAK LELAKI NUH, HAM MEMPUNYAI SEORANG ANAK LELAKI BERNAMA KUSH, DAN KUSH MEMPUNYAI ANAK LELAKI BERNAMA NIMROD. DIA MEMBESAR MENJADI PEMBURU YANG HEBAT, DAN DIKENALI DI SELURUH DUNIA. DIA TIDAK MENTAATI ALLAH DAN MEMULAKAN AGAMA SALAHNYA DI TEMPAT YANG BERNAMA BABILON.


PENDUDUK BABILON TIDAK MAHU TERSEBAR DAN MEMENUHI BUMI SEPERTI YANG DIPERINTAHKAN ALLAH, JADI MEREKA BERSATU DAN MEMBINA SEBUAH MENARA YANG BESAR DAN HEBAT SEBAGAI PUSAT PENYEMBAHAN.



TETAPI BUKAN PENCIPTA MEREKA YANG DISEMBAH; SYAITAN MEMIMPIN MEREKA MENCIPTAKAN ALLAH MEREKA DARI POKOK-POKOK, BATU-BATU DAN BESI.

ALLAH MARAH KERANA MEREKA TIDAK MAHU TERSEBAR KE SELURUH BUMI, JADI ALLAH MENYEBABKAN MEREKA BERTUTUR DALAM BERBAGAI BAHASA.



PEKERJA-PEKERJA ITU TIDAK MEMAHAMI SATU SAMA LAIN, JADI MEREKA TIDAK DAPAT MENERUSKAN PEKERJAAN.


SETIAP KUMPULAN BAHASA MENGIKUT JALANNYA SENDIRI. BEBERAPA ORANG PERGI KE TEMPAT YANG JAUH, ADA YANG PERGI MENAIKI KAPAL KE PULAU-PULAU YANG JAUH, ADA JUGA PERGI KE UTARA TEMPAT YANG SEJUK, DAN BEBERAPA PERGI KE PADANG GURUN TEMPAT YANG PANAS. JADI, PERINTAH ALLAH UNTUK MEMENUHI BUMI TERLAKSANA.



SEBAIK SAHAJA BUMI DIPENUHI MANUSIA, DOSA KEMBALI MENINGKAT. MANUSIA MENYEMBAH BERHALA DAN MELUPAKAN ALLAH YANG HIDUP.

KEJADIAN 10:6-10, 11:1-9



# BAB 2

# ABRAHAM

ADA SEORANG LELAKI BERNAMA ABRAHAM YANG TIDAK PERCAYA BAHAWA PATUNG ITU ADALAH BENAR-BENAR DEWA-DEWI. DIA TAHU ALLAH ADALAH SANG PENCIPTA DAN TIDAK BOLEH DISEMBAH MELALUI BERHALA.



ALLAH BERFIRMAN KEPADANYA, "ABRAHAM TINGGALKAN BANDAR PENYEMBAHAN BERHALA INI. TINGGALKAN KELUARGAMU DAN NEGARI INI. AKU AKAN MENUNJUKKAN KEPADAMU KE MANA ENGKAU HARUS PERGI. AKU AKAN MENJADIKAN ENGKAU BAPA SEGALA BANGSA. AKU AKAN MEMBERKATI MEREKA YANG MEMBERKATIMU DAN MENGUTUK MEREKA YANG MENGUTUKIMU. MELALUI ENGKAU SEMUA BANGSA DIBERKATI.




KIRA-KIRA 1921 SEBELUM MASIHI
ABRAHAM TAHU SUARA YANG TERDENGAR ITU ADALAH SUARA ALLAH, JADI DIA MENTAATINYA, TIDAK TAHU KEMANAKAH DIA AKAN PERGI. DIA TAHU BAHAWA DIA MENINGGALKAN PENYEMBAHAN BERHALA DAN MENGIKUT ALLAH YANG HIDUP. ITU SUDAH CUKUP BAGI ABRAHAM. TETAPI DIA MEMBAWA BERSAMANYA LOT, ANAK BUAHNYA.


PERJALANAN ABRAHAM MEMBAWANYA KE TANAH KANAAN, TEMPAT ANAK HAM MENETAP. HARI INI TEMPAT ITU DIPANGGIL PALESTIN. DI SANA ALLAH BERFIRMAN KEPADANYA:
ABRAHAM, BERJALANLAH KE SELURUH PELOSOK TANAH INI. AKU AKAN MEMBERIKAN SELURUH TANAH INI KEPADA ANAK-ANAKMU. AKU AKAN MEMBERIKAN ENGKAU ANAK YANG TIDAK TERKIRA BANYAKNYA. MEREKA AKAN BERTAMBAH BERLIPAT KALI GANDA SEPERTI DEBU TANAH.




KEJADIAN 12:1-3, 13:14-17


SEMASA DALAM PERJALANANNYA, ABRAHAM SEKALI SEKALA BERHENTI UNTUK MEMPERSEMBAHKAN KORBAN BAKARAN KEPADA ALLAH. SEPERTI HABEL, DIA MEMPERSEMBAHKAN KORBAN DENGAN IMAN DAN MENGAKUI DIA ADALAH ORANG BERDOSA YANG SELAYAKNYA MATI.
PENGORBANAN ANAK KAMBING BIRI-BIRI ITU TIDAK DAPAT MENGHAPUSKAN DOSANYA TETAPI ALLAH MELIHAT IMAN ABRAHAM, LALU MENUTUP DOSANYA.


10 TAHUN KEMUDIAN
ABRAHAM, 10 TAHUN LALU ENGKAU BERKATA BAHAWA ALLAH BERFIRMAN AKU AKAN MEMPUNYAI ANAK. SEKARANG AKU BERUMUR 75 TAHUN DAN ENGKAU 85 TAHUN. KITA SEMAKIN TUA TETAPI MASIH BELUM MEMPUNYAI ANAK. ENGKAU AKAN TERLALU LANJUT UMUR UNTUK MEMPUNYAI ANAK. ADAKAH ENGKAU PASTI TELAH MENDENGARNYA DARI ALLAH?


AKU YAKIN BAHAWA ALLAH YANG TELAH BERFIRMAN KEPADAKU, TETAPI AKU TIDAK FAHAM KENAPA AMBIL MASA YANG LAMA. DIA BERFIRMAN BAHAWA AKU AKAN MENJADI BAPA KEPADA BANGSA YANG HEBAT, TETAPI YANG AKU ADA HANYALAH TUBUH YANG TUA, ISTERI TUA YANG TIDAK DAPAT MELAHIRKAN ANAK, DAN KAWANAN KAMBING BIRI-BIRI YANG BESAR.


JANGAN TAKUT ABRAHAM, AKU ADALAH PERLINDUNGANMU YANG MEMBERKATI ENGKAU.
APAKAH BERKAT YANG AKAN ENGKAU BERIKAN KEPADAKU, AKU TIDAK MEMPUNYAI ANAK?
ENGKAU DAN SARA AKAN MEMPUNYAI ANAK.


MARI, ABRAHAM, LIHATLAH BINTANG-BINTANG ITU, ADAKAH ENGKAU DAPAT MENGHITUNGNYA? ENGKAU AKAN MEMPUNYAI ANAK YANG BANYAK SEPERTI BINTANG-BINTANG YANG TIDAK BOLEH DIHITUNG ITU.
AKU PERCAYA IANYA AKAN TERJADI SEPERTI YANG ENGKAU FIRMANKAN.


KEJADIAN 15:1-5, 13-14
OLEH KERANA ENGKAU PERCAYA KEPADA-KU, AKU AKAN MEMPERHITUNGKAN IMANMU SEBAGAI KEBENARAN. KETAHUILAH PASTI BAHAWA ANAK-ANAKMU AKAN MENJADI ORANG ASING DI NEGERI ORANG LAIN.


DI MANAKAH JANJI TENTANG ANAK ITU? AKU SEMAKIN TUA. TIDAK LAMA LAGI ENGKAU TIDAK AKAN DAPAT MENGHASILKAN BENIH. ABRAHAM, AKU TIDAK AKAN DAPAT MEMBERIKANMU ANAK.


ADAT NEGERI MEMPERBOLEHKAN HAMBA PEREMPUANKU MEMPUNYAI ANAK UNTUKKU.


ABRAHAM, TIDAKKAH ENGKAU SEDAR BAHAWA INI ADALAH PELUANG TERAKHIR KITA MEMILIKI ANAK? SEBELUM TERLAMBAT, ENGKAU HARUS TIDUR DAN MEMPUNYAI ANAK BERSAMANYA. IA AKAN MENJADI KETURUNANMU. IA ADALAH KEHENDAK ALLAH. BAGAIMANA ENGKAU AKAN MENJADI BAPA BAGI BANGSA YANG HEBAT?



KEJADIAN 16:1-4


BEBERAPA BULAN KEMUDIAN.
AKU AKAN MELAHIRKAN ANAK ABRAHAM.
KETIKA HAGAR TAHU BAHAWA DIA MENGANDUNG ANAK ABRAHAM, DIA BANGGA DAN MEMANDANG RENDAH SARA. SARA BERTAMBAH TIDAK SENANG BESERTA CEMBURU.


SARA MEMBERIKAN KERJA YANG BANYAK KEPADA HAGAR DAN TIDAK RAMAH KEPADANYA. ALLAH TIDAK MAHU SUAMI MEMPUNYAI DUA ISTERI ATAU MEMPUNYAI ANAK MELALUI GUNDIKNYA.
APABILA ENGKAU SELESAI MENGANGKAT AIR, POTONG KAYU API ITU.
HAGAR MEMBUAT RANCANGAN UNTUK MELARIKAN DIRI.


HAGAR MELARIKAN DIRI KE PADANG BELANTARA. DIA PENAT DAN TIDAK DAPAT MENERUSKAN PERJALANAN, LALU JATUH TERSUNGKUR. ALLAH MELIHAT HAGAR DAN BERFIRMAN KEPADANYA.
HAGAR, KEMBALILAH KEPADA SARA DAN LAYANILAH DIA. ENGKAU AKAN MELAHIRKAN ANAK LELAKI DAN AKAN MENAMAKANNYA ISMAEL, YANG BERMAKSUD “ALLAH MENDENGAR.”


MELALUINYA AKAN ADA RAMAI ANAK-ANAK. ISMAEL AKAN MENJADI LELAKI LIAR. DIA AKAN SELALU MEMERANGI SEMUA ORANG DAN SEMUA ORANG AKAN MEMERANGINYA. DIA AKAN SELALU DEKAT DENGAN SAUDARA-SAUDARANYA.


HAGAR PULANG KE RUMAH DAN MASANYA ANAK ITU DILAHIRKAN.
ALLAH BERFIRMAN KEPADAKU TENTANG ANAK ABRAHAM, DIA AKAN MENJADI BAPA KEPADA BANYAK BANGSA.
ISMAEL KEMUDIANNYA MENJADI BAPA KEPADA BANGSA ARAB.
KEJADIAN 16:4-16


ABRAHAM BERUMUR 86 TAHUN SEMASA ISMAEL DILAHIRKAN. BEBERAPA LAMA SELEPAS ISMAEL LAHIR, ABRAHAM SUDAH TERLALU TUA UNTUK MENDAPATKAN ANAK. ADAKAH ISMAEL ADALAH ANAK YANG DIJANJIKAN KEPADA ABRAHAM? TETAPI ALLAH BERFIRMAN BAHAWA ANAK ITU AKAN LAHIR MELALUI SARA DAN ABRAHAM.
BAGAIMANAKAH ALLAH MENUNAIKAN JANJI-NYA SEKIRANYA KEDUA-DUA MEREKA SUDAH TERLALU TUA UNTUK MENDAPATKAN ANAK?


APABILA ISMAEL BERUMUR 13 TAHUN DAN ABRAHAM 99 TAHUN, ALLAH KEMBALI BERFIRMAN KEPADA ABRAHAM.
ABRAHAM, AKU ADALAH ALLAH YANG MAHA KUASA. LAKUKANLAH SEMUA YANG AKU PERINTAHKAN KEPADAMU DAN JANGAN BERBUAT DOSA. AKU TELAH BERFIRMAN SEBELUMNYA BAHAWA AKU AKAN MELIPATGANDAKAN ANAK-ANAKMU, DAN ENGKAU AKAN MENJADI BAPA KEPADA BANYAK BANGSA. INILAH PERJANJIAN-KU DENGANMU DAN SELURUH KETURUNANMU.


AKU AKAN MEMBERIKAN KETURUNANMU TANAH KANAAN SEBAGAI HARTA PUSAKA SELAMA-LAMANYA. SARA AKAN MENGANDUNG DAN MELAHIRKAN ANAK SEPERTI YANG AKU JANJIKAN, DIA AKAN MENJADI KETUA BAGI BANYAK BANGSA.
HA, HA! BAGAIMANA MUNGKIN ITU TERJADI? SEKARANG AKU SUDAH BERUSIA 99 TAHUN DAN SARA 89 TAHUN. TUBUHKU SEBAIKNYA MATI. KAMI TIDAK AKAN MENDAPAT ANAK. BIARKANLAH ISMAEL MENJADI ANAK YANG DIJANJIKAN.


TIDAK, SEPERTI YANG AKU FIRMANKAN SEJAK AWAL LAGI, ENGKAU DAN SARA AKAN MEMPUNYAI ANAK SENDIRI. PERJANJIAN BERKAT AKAN DIWARISINYA, BUKAN ISMAEL. DALAM MASA SETAHUN, SARA AKAN MELAHIRKAN SEORANG ANAK LELAKI.


MUNGKINKAH? ...YA! ALLAH YANG MENCIPTAKAN MANUSIA PASTI BOLEH MEMBUATKAN DUA ORANG YANG TERLALU TUA, DENGAN TUBUH YANG KEREPOT, MENJADI SUBUR KEMBALI. ...PASTI! ALLAH DAPAT MELAKUKANNYA!


BEBERAPA HARI KEMUDIAN, TIGA ORANG LELAKI MUNCUL DARI PADANG PASIR. MEREKA TIDAK KELIHATAN TELAH BERJALAN JAUH, MEREKA JUGA BUKAN ORANG TEMPATAN. MEREKA KUAT, BERKEYAKINAN DAN AWET MUDA.


ABRAHAM MEMERHATI DAN MENDEKATI MEREKA DAN MENDAPATI MEREKA BERBEZA, TETAPI APA YANG TIDAK DISEDARINYA ADALAH TETAMU ITU BUKAN BERASAL DARI DUNIA INI.
DUA DARIPADA MEREKA ADALAH MALAIKAT DAN YANG KETIGA ITU ADALAH ALLAH, YANG MUNCUL SEPERTI MALAIKAT AGAR DAPAT BERKATA-KATA DENGAN ABRAHAM. ABRAHAM KELUAR MENEMUI MEREKA.
KEJADIAN 17:1-21, 18:1-2


ABRAHAM, ISTERIMU SARA AKAN MEMPUNYAI ANAK LELAKI.
HE, HE, HE...
AKU SUDAH TUA, MALAHAN ABRAHAM LEBIH TUA DARIKU, BOLEHKAH KAMI BIRAHI LAGI?


MENGAPAKAH SARA KETAWA KETIKA ALLAH BERKATA DIA AKAN MEMPUNYAI ANAK?
AKU TIDAK KETAWA.
ENGKAU MEMANG KETAWA. ENGKAU TIDAK PERCAYA. ADAKAH PERKARA YANG SUKAR BAGI ALLAH? AKU AKAN DATANG KEMBALI APABILA MASANYA ENGKAU MENGANDUNG DAN AKAN MEMPUNYAI SEORANG ANAK.



ADAKAH SEHARUSNYA AKU MEMBERITAHU ABRAHAM APA YANG AKAN KULAKUKAN? DIA AKAN MENJADI BAPA KEPADA BANYAK ANAK, DAN DIA AKAN MENGAJAR ANAK-ANAK DAN CUCU-CUCUNYA MENTAATI AKU.
YA, DIA PERLU TAHU.


DOSA SODOM DAN GOMORAH SUDAH TERLALU BANYAK. AKU AKAN MEMBINASAKAN KEDUA-DUA BANDAR ITU, LELAKI, WANITA DAN KANAK-KANAK.
TETAPI ANAK BUAHKU LOT DAN KELUARGANYA TINGGAL DI SANA.
KEJADIAN 18:10-22


ALLAH PASTI TIDAK MEMBINASAKAN ORANG BENAR BERSAMA ORANG-ORANG JAHAT. SEKIRANYA ADA 50 ORANG BENAR DI SANA, ADAKAH ALLAH AKAN MEMBINASAKAN BANDAR ITU? SAYA TAHU HAKIM ATAS MANUSIA MENGHAKIMI DENGAN ADIL.
JIKA ADA 50 ORANG BENAR DI BANDAR ITU AKU AKAN MENYELAMATKANNYA..


AKU ORANG BERDOSA YANG TIDAK LAYAK BERCAKAP DENGAN ALLAH, TETAPI SEKIRANYA TERDAPAT 45 ORANG BENAR DI BANDAR ITU, ADAKAH ENGKAU AKAN MEMBINASAKANNYA?
JIKA ADA 45 ORANG BENAR DI BANDAR ITU AKU TIDAK AKAN AKAN MEMUSNAHKANNYA.
BAGAIMANA JIKA ADA 40 ORANG YANG BENAR?
AKU TIDAK AKAN MEMUSNAHKANNYA JIKA TERDAPAT 40 ORANG BENAR DI SANA.


JANGANLAH MURKA KEPADAKU, BAGAIMANA JIKA ADA 30 ORANG?
AKU TIDAK AKAN MEMUSNAHKANNYA JIKA ADA 30 ORANG BENAR.
BAGAIMANA JIKA ADA 20 ORANG BENAR?
AKU TIDAK AKAN MEMUSNAHKAN BANDAR JAHAT ITU JIKA TERDAPAT 20 ORANG BENAR DI SANA.


TOLONG JANGAN MURKA. INI ADALAH KALI TERAKHIR AKU BERTANYA KEPADA-MU. BAGAIMANA JIKA HANYA ADA 10 ORANG BENAR DI SANA. ADAKAH ENGKAU MASIH MEMUSNAHKANNYA?
TIDAK, JIKA AKU DAPATI ADA 10 ORANG BENAR, BANDAR ITU TIDAK AKAN AKU MUSNAHKAN.
JIKA ENGKAU TIDAK MENDAPATI 10 ORANG BENAR, MAHUKAN ENGKAU MENYELAMATKAN ANAK BUAHKU LOT?
KAMI AKAN KE TEMPATNYA MALAM INI.


DUA MALAIKAT ITU MASUK KE BANDAR PADA PETANG ITU DAN PERGI KE RUMAH LOT.
INI SANGAT KETERLALUAN, LEBIH TERUK DARI APA YANG AKU FIKIRKAN.
SEKARANG BARULAH AKU FAHAM MENGAPA ALLAH MAHU MEMBINASAKAN SEMUA ORANG, TERMASUKLAH KANAK-KANAK DAN HAIWAN.


HEI, ORANG ASING, KAMU TIDAK BOLEH TINGGAL DI JALAN MALAM INI, IANYA TIDAK SELAMAT. BERMALAMLAH DI RUMAHKU.
HEI! COMELNYA MEREKA. KAMI AKAN MEMBERITAHU YANG LAIN TENTANG MEREKA.
KEJADIAN 18:23-19:2


DIA FIKIR DIA SIAPA, TERHORMAT DAN BERKUASA? ORANG MUNAFIK YANG KETAKSUBAN.
LOT, KELUARKAN ORANG ASING ITU SUPAYA KAMI DAPAT BERHUBUNGAN SEKS DENGAN MEREKA.
PERGI; KAMU TIDAK BOLEH MELAKUKAN KEJAHATAN INI.


KAMI AKAN PECAHKAN PINTU INI DAN KERJAKAN ENGKAU, ORANG ASING.
BENCI, MENYAMPAH!
KAMI TIDAK MAHU ANAK PEREMPUANMU, KAMI MAHU LELAKI CANTIK ITU!


TUHAN ALLAH MEMBUATKAN KAMU BUTA.
DI MANA MEREKA?


SIAPA YANG TUTUP LAMPU?
AKU TAK NAMPAK? APA TELAH BERLAKU?
KUASA APAKAH INI?


KAMU HARUS MENINGGALKAN BANDAR INI PAGI ESOK. BERILAH AMARAN KEPADA SESIAPA SAJA. ALLAH ADIL DAN TIDAK AKAN BERTOLAK ANSUR DENGAN DOSA.
ESOK, ALLAH AKAN TURUNKAN API DARI SYURGA KE TEMPAT INI. SETIAP ORANG DI SODOM DAN GOMORAH AKAN MATI.




KEJADIAN 19:4-17


JANGAN TOLEH KEBELAKANG!
EEEK...


O TIDAK! AYAH, IBU TIDAK MENTAATI ALLAH. DIA SUDAH MENJADI GARAM.
JANGAN MENOLEH! TERUSKAN BERJALAN.


SETIAP MAKHLUK HIDUP DI SODOM DAN GOMORAH MATI PADA HARI ITU. ALLAH ITU BENAR DAN DIA MEMBENCI DOSA, TERUTAMANYA DOSA SEKS SEJENIS, LELAKI DENGAN LELAKI DAN PEREMPUAN DENGAN PEREMPUAN. DOSA SEKSUAL YANG MELIBATKAN KANAK-KANAK SANGAT TERUK. ALLAH TELAH BERJANJI TIDAK MEMBINASAKAN BUMI DENGAN AIR, TETAPI DENGAN API TIDAK. SETERUSNYA ADALAH API.


AKIBAT DOSA ADALAH KEMATIAN YANG KEKAL DI LAUTAN API. OLEH RAHMAT ALLAH, LOT DISELAMATKAN DARI PENGHAKIMAN ALLAH. ISTERINYA TIDAK PERCAYA KEPADA ALLAH KETIKA DIA SERIUS MEMBERIKAN AMARAN AGAR TIDAK MENOLEH KEBELAKANG.




KEJADIAN 19:24-26; IMAMAT 18:22;
ROMA 1:23-32, 6:23;
1 KORINTUS 6:9-11; WAHYU 21:8


ALLAH SUDAH BERJANJI BAHAWA SARA AKAN MEMPUNYAI ANAK. ABRAHAM DAN SARA MULA MERASAKAN KEWUJUDAN PERASAAN YANG SUDAH LAMA HILANG.
ABRAHAM, APA YANG DATANG KEPADAMU? SUDAH BERTAHUN-TAHUN ENGKAU TIDAK MELIHAT AKU SEPERTI ITU.


MUKJIZAT TERJADI! DENGAN CEPAT, SEMUA ORANG TAHU SARA MENGANDUNG.




ALLAH MENEPATI JANJI-NYA. DIA TETAP MENUNAIKANNYA.

ISMAEL, ANAK LELAKI ABRAHAM MELALUI HAGAR, SEKARANG BERUMUR 14 TAHUN DAN MEMBENCI BAYI YANG BARU ITU.




USIR HAMBA ITU DENGAN ANAK LELAKINYA. MEREKA TIDAK AKAN MENDAPAT HARTA PUSAKA DENGAN ISHAK, ANAK PERJANJIAN.
ALLAH BERFIRMAN KEPADA ABRAHAM, "SARA BENAR. USIRLAH HAGAR DAN ISMAEL PERGI. ISMAEL TIDAK AKAN MENJADI PEWARIS BERSAMA ISHAK. TETAPI JANGANLAH SEDIH KERANA AKU AKAN MENJAGA MEREKA.




KEJADIAN 21:1-3, 9-14

NAMA ISHAK BERMAKSUD KETAWA


ENGKAU ADALAH ANAK MUKJIZAT. ADAKAH ENGKAU YANG MENJADI PELEPAS DOSA DUNIA?
ABRAHAM MENGASIHI ANAKNYA ISHAK, DAN MEREKA TIDAK DAPAT DIPISAHKAN.


AYAH MENGAPA ENGKAU MEMBUNUH ANAK KAMBING BIRI-BIRI YANG COMEL INI DAN MEMBAKARNYA DI ATAS TIMBUNAN BATU?
ALLAH ALAM SEMESTA ADALAH KUDUS DAN SUCI, SANGAT TIDAK LAYAK BAGIKU SEORANG YANG BERDOSA. MANUSIA PERTAMA ADAM, TIDAK MENTAATI ALLAH DAN MANUSIA SEJAK DARI ITU BERDOSA.
ALLAH BERFIRMAN KEPADA ABRAHAM, JIKA BERDOSA DIA AKAN MATI. TETAPI SELEPAS ADAM BERDOSA, ALLAH MEMBUNUH BINATANG DAN MEMBUAT KULITNYA MENJADI PAKAIAN MENUTUP KETELANJANGAN ADAM DAN HAWA.


KETIKA AKU MEMBUNUH ANAK KAMBING BIRI-BIRI DAN MEMPERSEMBAHKANNYA KEPADA ALLAH, ITU TANDANYA AKU MENYEDARI DOSAKU DAN MEMPERSEMBAHKAN KORBAN YANG TIDAK BERSALAH ITU SEBAGAI GANTI KEMATIANKU.


ISHAK MEMBESAR DENGAN KUAT DAN BELAJAR MEMPERCAYAI ALLAH BAPANYA. ABRAHAM SANGAT MENYAYANGINYA DAN MEREKA SELALU BERSAMA-SAMA PERGI MEMPERSEMBAHKAN KORBAN PERSEMBAHAN. ANAK KAMBING BIRI-BIRI ITU DISEMBELIH DAN DILETAKKAN DI ATAS MEZBAH TEMPAT PEMBAKARAN.


ABRAHAM, AKU MAHU ENGAKU MENGAMBIL SATU-SATUNYA ANAKMU YANG ENGKAU SAYANGI DAN KORBANKAN DIA SEBAGAI KORBAN PERSEMBAHAN KEPADA-KU.


ALLAHKU, SAMPAI HATI ENGKAU MAHU AKU MELAKUKAN PERKARA ITU? INI BUKAN ENGKAU. ORANG KAFIR MENGORBANKAN MANUSIA! ENGKAU BERFIRMAN AKAN MENJADIKAN BANGSA YANG HEBAT MELALUI ANAKKU ISHAK. SEKIRANYA DIA DIBUNUH JANJI-MU TIDAK AKAN TERLAKSANA.




KEJADIAN 22:2; ROMA 5:12


IANYA PERJALANAN SELAMA TIGA HARI, JADI KAMI AKAN PERGI SELAMA SEMINGGU.
BERHATI-HATILAH, AKU AKAN BERDOA UNTUK KAMU BERDUA.

TIGA HARI KEMUDIAN...




AYAH, KITA SUDAH MEMBAWA KAYU DAN MEMBUAT MEZBAH, TETAPI DI MANAKAH KORBAN BAKARAN ITU?
ISHAK, INGATKAH ENGKAU APA YANG AYAH KATAKAN TENTANG ALLAH YANG BERFIRMAN KEPADAKU DAN MEMBUATKAN KAMI MEMPUNYAI ANAK PADA USIA YANG LANJUT? DIA BERFIRMAN LAGI KEPADAKU.


KALI INI DIA BERFIRMAN, AKU AKAN MEMPERSEMBAHKAN ENGKAU SEBAGAI KORBAN BAKARAN.
AKU? AYAH PASTIKAH?


BUKANKAH ALLAH MEMBERITAHUMU BAHAWA AKU YANG AKAN MENJADI PEWARIS, KETUA BANGSA YANG HEBAT, BAHAWA ANAK-ANAKKU RAMAI SEPERTI BANYAKNYA BINTANG DI LANGIT? JIKA AKU MATI APAKAH ERTINYA JANJI ALLAH ITU?
SAYA TAHU BAHAWA APA YANG ALLAH JANJIKAN DIA AKAN TUNAIKAN. VJIKA ALLAH BERFIRMAN BAHAWA ENGKAU AKAN MENJADI BAPA BAGI BANGSA YANG HEBAT, MAKA ITU AKAN TERJADI WALAUPUN ENGKAU MATI.


TETAPI BAGAIMANA ITU TERJADI JIKA AKU MATI?
AKU TIDAK TAHU KECUALILAH DIA MEMBANGKITKAN ENGKAU DARI KEMATIAN.
AYAH, KITA HARUS MENTAATI ALLAH WALAU APAPUN YANG TERJADI.
KEJADIAN 22:3-9


WALAUPUN ABRAHAM MENTAATI ALLAH, IA MEMBUATKAN HATINYA SEDIH DAN TANGANNYA BERGETAR KETIKA MELAKUKAN KEBIASAAN KETETAPAN MEMPERSEMBAHKAN KORBAN BAKARAN.
DIA MENGIKAT TANGAN DAN KAKI ANAKNYA SERTA MEMBARINGKANNYA DI ATAS MEZBAH. DAN SETERUSNYA ADALAH MENYEMBELIH ANAKNYA.

DENGAN IMAN KEPADA ALLAH, ABRAHAM MENGANGKAT PISAU. SEBAIK SAHAJA DIA MELETAKKAN PISAU ITU DI LEHER ANAKNYA, TIBA-TIBA TERDENGAR SUARA DARI SYURGA:




ABRAHAM! ABRAHAM! JANGAN APA-APAKAN ANAK ITU.


SEKARANG AKU TAHU ENGKAU MEMANG PERCAYA KEPADA-KU DENGAN MENTAATI PERINTAH-KU, SEHINGGA SANGGUP MEMBERIKAN SATU-SATUNYA ANAKMU.


KETIKA ABRAHAM MENDONGAK KE ATAS, DIA MELIHAT SEEKOR KAMBING BIRI-BIRI JANTAN TERPERANGKAP DI BELUKAR.
AYAH, LIHAT! ALLAH MENYEDIAKAN KAMBING BIRI-BIRI JANTAN MENGGANTIKAN TEMPATKU.


ABRAHAM, KERANA ENGKAU MELAKUKAN HAL INI DENGAN MENGORBANKAN SATU-SATUNYA ANAKMU, AKU AKAN MEMBERKATI ENGKAU DAN MEMBUATKAN ANAKMU RAMAI SEPERTI BINTANG DI LANGIT, DAN MEREKA AKAN MEMILIKI TANAH INI SERTA MENGALAHKAN MUSUH MEREKA. MELALUI SEORANG DARI ANAKMU, YANG BELUM DILAHIRKAN, DIA AKAN MENJADI BERKAT KEPADA SEMUA BANGASA DI BUMI.
AYAH, DIA SEMEMANGNYA ALLAH YANG PENUH DENGAN BELAS KASIHAN SEPERTI YANG ENGKAU KATAKAN.
KEJADIAN 22:9-18; IBRANI 11:17-19


ABRAHAM MEMPUNYAI DUA ORANG ANAK IAITU ISMAEL DAN ISHAK, ISHAK ADALAH ANAK YANG DIJANJIKAN ALLAH KEPADA ABRAHAM. ISHAK MEMPUNYAI SEORANG ANAK LELAKI BERNAMA YAKUB, YANG NAMANYA KEMUDIAN DIUBAH MENJADI ISRAEL. YAKUB MEMPUNYAI 12 ORANG ANAK YANG PADA MASANYA, MEREKA TELAH PERGI KE MESIR DAN MENJADI HAMBA DI SANA (1706 SEBELUM MASIHI).


KEJADIAN 21:5, 13, 24:67, 25:12-18, 21-26, 29:23-30
YAKUB MEMPUNYAI 12 ORANG ANAK LELAKI YANG KEMUDIANNYA MENJADI 12 SUKU ISRAEL.
ISMAEL MEMPUNYAI 12 ANAK PEREMPUAN DAN MENJADI ORANG-ORANG ARAB.
ISMAEL
ABRAHAM
ISHAK
1896 SEBELUM MASIHI
YAKUB
1836 SEBELUM MASIHI



BAB 3

# MUSA


1706 SEBELUM MASIHI
SEMASA MUSIM KEBULURAN, YAKUB, CUCU ABRAHAM MEMBAWA 12 ANAKNYA KE MESIR DAN HIDUP SEBAGAI HAMBA DI SANA SERTA BERTAMBAH BANYAK SEPERTI DEBU.


TIDAK LAMA KEMUDIAN ANAK-ANAK YAKUB YANG NAMANYA DITUKAR ISRAEL, MELEBIHI JUMLAH PENDUDUK MESIR.


FIRAUN, PEMERINTAH MESIR, MENJADIKAN MEREKA HAMBA DAN MEMAKSA MEREKA MELAKUKAN KERJA BERAT, MEMBUAT BATU-BATA. SELEPAS 300 TAHUN BERADA DI SANA, MEREKA SUDAH LUPA AKAN JANJI ALLAH KEPADA ABRAHAM DAN BAPA LELUHUR MEREKA.


ALLAH TELAH BERFIRMAN KEPADA ABRAHAM BAHAWA KETURUNANNYA AKAN KE TANAH ORANG ASING DAN MENJADI HAMBA DI SANA. ALLAH JUGA BERJANJI SELEPAS 400 TAHUN DIA AKAN MENGHAKIMI BANGSA ITU DAN MEMBAWA UMAT-NYA KEMBALI KE TANAH PERJANJIAN.


ITU BETUL! FIRAUN TAKUT KITA MENJADI TERLALU RAMAI. DIA MEMBUNUH SEMUA BAYI. ORANG MESIR LEMAH DAN MALAS. ORANG LELAKI KITA KUAT BEKERJA. MEREKA TAKUT KEPADA KITA.
MEREKA TIDAK BOLEH MEMBUNUH BAYIKU. ALLAH AKAN MELINDUNGINYA.
HA! APA YANG DAPAT ALLAH LAKUKAN TERHADAP KEKUASAAN FIRAUN?




FIRAUN, KERANA TAKUT ORANG TAHUDI SEMAKIN RAMAI, MEMUTUSKAN UNTUK MEMBUNUH BAYI YANG BARU LAHIR.

KEJADIAN 46:5-7; KELUARAN 1:1-12, 22


TETAPI MAK, APA YANG HARUS AKU KATAKAN KEPADA ASKAR-ASKAR ITU DAN KEPADA JIRAN TETANGGA APABILA MEREKA BERTANYA TENTANG BAYI KITA?
BERITAHU MEREKA KEBENARANNYA BAHAWA IBUNYA TELAH MEMBUANGNYA KE DALAM SUNGAI JADI ASKAR-ASKAR ITU TIDAK AKAN MEMBUNUHNYA.


KIRA-KIRA 1525 SEBELUM MASIHI
MAK, PASTIKAH ENGKAU IANYA TIDAK BOCOR?
IA DILAPISI DENGAN TAR. IA AKAN TERAPUNG.


ADAKAH KITA AKAN MELIHATNYA LAGI? OH, ORANG MESIR.
ALLAH AKAN MELINDUNGINYA. ENGKAU HARUS MENGIKUT DAN MELIHATNYA.


ANAK PEREMPUAN FIRAUN DATANG KE SUNGAI UNTUK MANDI.
LIHAT! DI SANA ADA SUARA DATANG DARI BAKUL ITU.


DIA MUNGKIN SALAH SATU DARI BAYI ORANG IBRANI.
OH, TIDAKKAH IANYA COMEL?
DIA PASTINYA LAPAR.


AKU AKAN MENJAGA DIA SEKIRANYA BERJAYA MENDAPATKAN ORANG YANG BOLEH MENYUSUINYA.
ADA SEORANG BUDAK IBRANI. MUNGKIN DIA TAHU SIAPA YANG BOLEH MENYUSUINYA.




KELUARAN 2:3-9


ENGKAU TIDAK ADA PILIHAN LAIN. ENGKAU TIDAK DAPAT MENYEMBUNYIKANNYA SELAMANYA. LAMA KELAMAAN ASKAR-ASKAR ITU AKAN MENEMUINYA DAN MEMBUNUHNYA. ENGKAU HANYA PERLU TERUS PERCAYA KEPADA ALLAH.
APA YANG TELAH AKU LAKUKAN? AKU TIDAK AKAN MELIHAT BAYIKU LAGI. ADAKAH ALLAH PEDULI?
MAK, MAK!


MAK, PUTERI FIRAUN DATANG KE SUNGAI DAN MENJUMPAI ADIK. DIA HENDAK MEMELIHARANYA DAN MENCARI SEORANG YANG BOLEH MENYUSUINYA. DIA SEDANG KE MARI.
TERPUJILAH ALLAH YANG KEKAL!


AKU DENGAR ENGKAU KEHILANGAN BAYI. AKU TURUT BERSIMPATI. AKU TEMUI SEORANG BAYI DI SUNGAI. AKU AKAN MEMBAYAR ENGKAU BAGI MENYUSUI BAYI INI.
KETIKA DIA DISAPIH AKU AKAN DATANG DAN MEMBAWANYA KE ISTANA DI MANA DIA AKAN DIBESARKAN SEBAGAI FIRAUN. KAMI AKAN MEMANGGILNYA MUSA.
KETIKA MUSA MEMBESAR, IBUNYA MENGAJARNYA TENTANG ALLAH YANG BENAR KEPADA AYAHNYA. ALLAH MEMPUNYAI TUJUAN KHUSUS BAGI ANAK INI.


LOMPATLAH KE DALAM PUTERA KECIL. KAMI AKAN MEMBAWAMU KE ISTANA.
BERAPA LAJU KUDA ITU BERLARI?
TERIMA KASIH KERANA MENYUSUI MUSA. DIA NAMPAK SANGAT SIHAT. DIA AKAN MEMBESAR MENJADI KAYA DAN KUAT.
KELUARAN 2:8-10


SEBAGAI ANAK ANGKAT KEPADA ANAK PEREMPUAN FIRAUN, MUSA MEMBESAR MENJADI SEORANG LELAKI YANG HEBAT DI MESIR. DIA DITAKDIRKAN MENJADI KAYA DAN BERKUASA, TETAPI TIDAK PERNAH MELUPAKAN WARISANNYA.


YAH, DAN DIA JUGA BERFIRMAN BAHAWA KITA AKAN MENDERITA DI TANAH ITU SELAMA 400 TAHUN. KITA SUDAH BERADA DI TANAH INI 359 TAHUN SEKARANG, ADA 41 TAHUN LAGI.
AKU BERITAHU ENGKAU MUSA, ALLAH NENEK MOYANG KITA, ABRAHAM, ISHAK DAN YAKUB, TELAH BERFIRMAN KEPADA ABRAHAM BAHAWA KETURUNANNYA AKAN BERLIPAT GANDA DAN MEREKA AKAN MENJADI ORANG ASING DI TANAH ASING. INILAH KAMI!


LUARBIASA. FIRAUN TIDAK AKAN MEMBENARKAN PARA HAMBANYA PERGI BERSAMA DENGAN KEKAYAAN. TETAPI MUNGKIN ADA JALAN. MENGAPA PERLU MENUNGGU 41 TAHUN LAGI?
DAN ALLAH JUGA BERFIRMAN KEPADA ABRAHAM BAHAWA BANGSA ITU AKAN DIHAKIMI-NYA KERANA KEJAHATAN YANG MEREKA LAKUKAN KEPADA KAMI, DAN KAMI AKAN PERGI DENGAN KEKAYAAN YANG BESAR DAN KEMBALI KE TANAH YANG ALLAH TELAH BERIKAN KEPADA BAPA LELUHUR KAMI.


ANAK-ANAK IBRANI MENDERITA DI BAWAH PEMERINTAHAN TUAN MEREKA. MEREKA DIPAKSA BEKERJA DI LUBANG KOTORAN DAN MEMBUAT BATU BATA. MUSA TIDAK TAHAN MELIHAT MEREKA MENDERITA, JADI DIA MEMUTUSKAN UNTUK MELAKUKAN SESUATU.
BERDIRILAH SEBELUM DIA MEMUKULMU SEHINGGA MATI.
BANGUN, BABI KOTOR!
EBER, BANGUN.
KELUARAN 2:10-11


SUATU HARI MUSA MELIHAT SEORANG MESIR MEMUKUL BANGSANYA DENGAN KEJAM.
MASA PELEPASAN SUDAH SAMPAI. INI MESTI DIHENTIKAN.


WHACK!
HENTIKAN!
MUSA MEMBUNUH ORANG MESIR ITU DAN MENGUBURKANNYA, TETAPI SESEORANG TELAH MELIHATNYA DAN MELAPORKAN HAL ITU KEPADA FIRAUN.



YA ALLAH! APA YANG SUDAH AKU LAKUKAN?
BERHENTI! ENGKAU HARUS DIHADAPKAN KE PENGADILAN KERANA MEMBUNUH.
ITU MUSA.


KIRA-KIRA 1491 SEBELUM MASIHI
MUSA MENINGGALKAN MESIR DAN PERGI KE PADANG GURUN. DIA SEORANG DIRI TANPA KAWAN DAN KELUARGA. DIA TIDAK MELEPASKAN BANGSANYA. DIA SENDIRI TIDAK DAPAT MELEPASKAN DIRINYA.
KELUARAN 2:11–15


MUSA BERJALAN BERHARI-HARI LAMANYA. APABILA DIA SUDAH TIDAK BERDAYA LAGI, DIA PERGI BERHAMPIRAN DENGAN PERKHEMAHAN PARA GEMBALA.
LIHAT! ADA SEORANG LELAKI.
DIA KELIHATAN HAMPIR MATI. BAWAKAN AIR.
DIA ORANG MESIR.

MUSA MENEMUI KEHIDUPAN BARU BERSAMA DENGAN ORANG MIDIAN. DIA BELAJAR CARA HIDUP DI PADANG GURUN, BERKAHWIN DAN MENJADI GEMBALA. 40 TAHUN BERLALU, KENANGAN SEMASA DI MESIR SEMAKIN DILUPAKAN. MUSA SUDAH BERPUTUS ASA MELIHAT BANGSANYA KEMBALI.




PELIKNYA! BAGAIMANA BELUKAR ITU BOLEH BERAPI TETAPI TIDAK TERBAKAR? IANYA TERUS TERBAKAR.


MUSA, TANGGALKAN SELIPARMU. ENGKAU SEDANG BERDIRI DI TANAH YANG SUCI. AKU ADALAH ALLAH AYAHMU, ABRAHAM, ISHAK DAN YAKUB.


AKU SUDAH MELIHAT PENDERITAAN DAN MENDENGAR DOA UMAT-KU DI MESIR. MASANYA TELAH TIBA UNTUK MELEPASKAN MEREKA DARI PENINDASAN DAN MEMBAWA MEREKA KE TANAH YANG TELAH AKU JANJIKAN KEPADA NENEK MOYANG MEREKA.
AKU AKAN UTUS ENGKAU KEPADA FIRAUN DAN AKAN MEMBAWA UMAT-KU KELUAR DARI TANAH PERHAMBAAN ITU. ENGKAU AKAN MEMINTA FIRAUN MELEPASKAN MEREKA TETAPI DIA MENOLAK. AKU AKAN MENUNJUKKAN KUASA-KU ATAS MESIR. SELEPAS ITU FIRAUN AKAN MELEPASKAN MEREKA PERGI.
KELUARAN 2:16-3:10


TETAPI MEREKA TIDAK AKAN PERCAYA KEPADAKU. MEREKA HANYA AKAN MENTERTAWAKANKU.


LEMPARKAN TONGKATMU KE TANAH.


APA? TONGKATKU!


IA MENJELMA MENJADI ULAR BERBISA.


AMBIL ULAR ITU MELALUI EKORNYA.


IANYA KEMBALI MENJADI BATANG KAYU!


PERGILAH KE MESIR. AKU AKAN MENGAJARKAN ENGKAU APA YANG HARUS DIKATAKAN DAN HARUS DILAKUKAN. HARUN AKAN MENJADI PEMBANTUMU.
KELUARAN 4:1-4, 12-16


1445 SEBELUM MASIHI
SUDAH 40 TAHUN. SEMUA ORANG YANG TAHU MASA LALUKU SUDAH MENINGGAL. TIDAK SEORANG PUN AKAN MENGENALIKU.
ENGKAU AKAN KEMBALI KE MESIR! BAGAIMANA DENGAN SEMUA ORANG YANG HENDAK MEMBUNUHMU?
SEHINGGA FIRAUN MELEPASKAN UMAT ALLAH PERGI.
BERAPA LAMA ENGKAU AKAN PERGI?


PANGGIL SEMUA PEMIMPIN BERKUMPUL! MASA PEMBEBASAN TELAH TIBA!
SIAPAKAH MEREKA?
ITU HARUN ORANG LEWI ITU. YANG SATU LAGI SEPERTI KITA, TAPI DIA BUKAN HAMBA.




KELUARAN 4:29-31


40 TAHUN YANG LALU, MUSA TELAH MENGAMBIL KEPUTUSAN UNTUK RELA MENDERITA BERSAMA SEBANGSANYA DARIPADA MEMERINTAH SEBAGAI ORANG MESIR. DIA BERUSAHA MELEPASKAN KITA DENGAN KEKUATANNYA TETAPI GAGAL. SELAMA 40 TAHUN, DIA TINGGAL DI PADANG GURUN, TANAH YANG DIJANJIKAN ALLAH KEPADA NENEK MOYANG KITA. BARU-BARU INI ALLAH TELAH MENUNJUKKANNYA CARA UNTUK MEMBEBASKAN KITA DARI FIRAUN! SEKARANG MUSA AKAN MENUNJUKKANMU TANDA-TANDA YANG AKAN MEYAKINKAN FIRAUN UNTUK MELEPASKAN KITA PERGI.


ALLAH ABRAHAM TELAH BERFIRMAN KEPADAKU MELALUI BELUKAR YANG TERBAKAR DAN MENGUTUS AKU MEMIMPIN ENGKAU KEMBALI KE TANAH NENEK MOYANG KITA. INILAH TANDANYA.


YAKS! TONGKATNYA MENJELMA MENJADI ULAR BERBISA.
JANGAN TAKUT.


LIHATLAH.


ALLAH TELAH MENGUTUS SEORANG PEMBEBAS.
IYA, ITU AKAN DITUNJUKKAN KEPADA FIRAUN.


ITU SEBUAH MUKJIZAT!
ALLAH ABRAHAM!
SEKARANG KITA KE TEMPAT FIRAUN.
KELUARAN 4:17, 30


TIDAK ADA YANG BERUBAH DI SINI SEJAK SAYA MENINGGALKAN TEMPAT INI 40 TAHUN LALU. INGAT APA YANG HARUS DIKATAKAN SEPERTI YANG TELAH KUKATAKAN KEPADAMU.


ALLAH ISRAEL TELAH BERFIRMAN KEPADA MUSA. ENGKAU HARUSLAH MEMBIARKAN ORANG ISRAEL PERGI SELAMA TIGA HARI PERJALANAN KE PADANG GURUN UNTUK MENYEMBAH DAN MEMPERSEMBAHKAN KORBAN.
HA! ALLAH ISRAEL? HA, HA, HA! AKU TIDAK KENAL ALLAHMU. SIAPAKAH ALLAH ITU SEHINGGA AKU HARUS MENTAATI-NYA? TIDAK MASUK AKAL. AKU TIDAK AKAN MEMBENARKAN HAMBA-HAMBAKU PERGI SELAMA TIGA HARI DI PADANG GURUN.




KELUARAN 5:1-7


BERANINYA MEREKA?
SANGAT KELAKAR. MEREKA BERARAK MASUK SEPERTI MEREKA ADALAH PERWAKILAN ALLAH.


ENGKAU MEMBERITAHU KAMI BAHAWA SEMUA YANG TELAH ENGKAU LAKUKAN HANYALAH MEMBERIKAN BEBAN KERJA YANG LEBIH KEPADA KAMI? INIKAH PEMBEBASAN? ADAKAH ALLAH MENGUTUS ENGKAU?
DIA FIKIR DIRINYA SIAPA?
AKU TIDAK SANGKA KITA TERJERUMUS DI DALAM PENIPUAN INI.
SEORANG FANATIK!


ENGKAU BELUM CUKUP KERJA LAGI. ENGKAU HENDAK PERGI MENYEMBAH ALLAHMU. KAMI AKAN MENGAJAR KAMU BAGAIMANA TIDAK BERDIAM.


JEHOVAH, SEJAK AKU BERBICARA DI DALAM NAMA-MU, KEADAAN MENJADI LEBIH TERUK. MENGAPA ENGKAU MENGUTUS AKU KE SINI?
AKU ADALAH YEHOVAH, ALLAH NENEK MOYANGMU, AKU TELAH MELIHAT PENDERITAAN, DAN TELAH MENDENGAR TANGISAN UMAT-KU ISRAEL.
MASANYA TELAH TIBA UNTUK MENGABULKAN JANJI-KU KEPADA ABRAHAM DAN MEMIMPIN BANGSA INI KE TANAH KANAAN. ENGKAU, MUSA, AKAN MEMIMPIN MEREKA.


TETAPI AKU TIDAK BETAH BERKATA-KATA, FIRAUN TIDAK AKAN MENDENGAR KATA-KATAKU.
HARUN YANG AKAN BERKATA-KATA; ENGKAU HANYA MENDENGAR PERKATAAN-KU DAN SAMPAIKAN ITU KEPADA HARUN. PADA MULANYA, FIRAUN TIDAK AKAN MENDENGARKAN ENGKAU, TETAPI AKU AKAN MENUNJUKKANNYA TANDA-TANDA YANG BESAR SEHINGGA ORANG MESIR TAHU BAHAWA AKU ADALAH ALLAH YANG BENAR.


HA, HA! APA YANG KAMU MAHU DATANG KEMBALI LAGI KE SINI?
JEHOVAH BERFIRMAN, "LEPASKAN UMAT-KU PERGI."


INILAH TANDA YEHOVAH TELAH BERFIRMAN.
HA, HA, HA! ITU HANYALAH SILAP MATA. IANYA TIDAK MENAKUTKANKU. PANGGIL AHLI SIHIR KITA.




KELUARAN 5:10-23, 7:7-11


MARI CEPAT, BAWALAH PERALATAN SIHIR YANG BOLEH MENJELMAKAN TONGKAT MENJADI ULAR BERBISA.


DEWA ULAR KAMI, NESERT, DIHANTAR KE SINI MEMBERITAHU KAMU UNTUK MEMBUAT LEBIH BANYAK BATU-BATA. HA, HA, HA!




KELUARAN 7:11-12


LIHAT! ULARNYA MELAWAN ULAR KITA.


ULARNYA SEDANG MEMAKAN ULAR KITA.


ULAR ITU TELAH MENELAN ULAR KITA.


JANGAN-JANGAN ULAR ITU AKAN MENELAN ULAR KITA YANG LAIN! DEWA ULAR KITA, NESERT, AKAN MARAH.


AKU TIDAK PERCAYA. SEMUA ULAR KITA TELAH HABIS DIMAKAN.
BAGAIMANA INI BOLEH TERJADI?




KELUARAN 7:12


AKU TIDAK TAHU BAGAIMANA ENGKAU MELAKUKANNYA, TETAPI AKU TIDAK AKAN MEMBAYAR PERTUNJUKKAN INI DENGAN RIBUAN HAMBA. PERGI DARI SINI!
KELUARAN 7:13 "ALLAH MEMBUATKAN FIRAUN BERDEGIL DAN TIDAK MAHU MENDENGARKAN MUSA DAN HARUN, SEPERTI YANG SUDAH DIFIRMANKAN TUHAN."


MENGAPAKAH YEHOVAH MENGUTUS KITA DENGAN TANDA YANG MEREKA JUGA BOLEH LAKUKAN? KITA KELIHATAN BODOH DI SANA.
AKU TIDAK TAHU TETAPI ALLAH TELAH BERFIRMAN BAHAWA DIA AKAN MEMBUAT FIRAUN BERDEGIL. ITULAH YANG BERLAKU. TIDAKKAH ENGKAU MELIHAT BETAPA MARAHNYA DIA APABILA MELIHAT TONGKATKU MEMAKAN ULAR PELIHARAANNYA?
AKU HARUS MENCARI TEMPAT UNTUK BERBICARA DENGAN YEHOVAH. AKU TIDAK TAHU APA YANG HARUS DILAKUKAN SETERUSNYA.


ALLAH KEMBALI BERJUMPA DENGAN MUSA DAN MEMBERITAHU APA YANG HARUS DILAKUKAN. ORANG MESIR MENGEJEK MUSA. BANGSANYA SENDIRI MENOLAKNYA KERANA FIRAUN LEBIH KEJAM MEMPERHAMBAKAN MEREKA, TETAPI MUSA PERCAYA KEPADA ALLAH DAN MENTAATI-NYA WALAUPUN TIDAK MEMAHAMI APA YANG TERJADI.
YEHOVAH BERFIRMAN. “KERANA ENGKAU MENOLAK UNTUK MELEPASKAN UMAT-KU PERGI, DAN SUPAYA ENGKAU TAHU BAHAWA AKU ADALAH ALLAH YANG BENAR, SEMUA AIR DI MESIR BERTUKAR MENJADI DARAH.”



KELUARAN 7:15-21


LIHAT? AHLI SIHIRKU JUGA DAPAT MELAKUKANNYA. AKU TIDAK AKAN BOLEH DIPUJUK DENGAN MUSLIHAT SIHIRMU.


AKU TIDAK PERNAH MELIHAT HAL INI SEPANJANG HIDUPKU. MALAH MATA AIR DAN KOLAM KECIL JUGA BERTUKAR MENJADI DARAH. APA YANG DIA KATAKAN TENTANG NAMA ALLAHNYA?
AKU TIDAK PERNAH DENGAR MEREKA KATAKAN ITU. APA PERBEZAANNYA? KITA ADA BERIBU-RIBU TUHAN. DEWA SUNGAI NIL PASTI MARAH.


MUSA BERKATA BAHAWA HANYA ALLAH ADALAH TUHAN.
SATU ALLAH? MENGARUT.


TUJUH HARI SELEPAS SELEPAS AIR BERTUKAR MENJADI DARAH, MUSA KEMBALI MEMBAWA HUKUMAN ATAS MESIR.
KELUARLAH KATAK YANG BANYAK DARI AIR.




KELUARAN 7:21-25, 8:6


RUMAHKU PENUH DENGAN KATAK.


SELURUH MESIR DIPENUHI KATAK. PARA DEWA SUDAH MARAH.
DI MANAKAH IMAM KITA? BOLEHKAH MEREKA LAKUKAN SESUATU?


EIIII...


MENGAPA MEREKA MEMBUAT LEBIH BANYAK KATAK? BUKANKAH SUDAH CUKUP YANG MUSA BERIKAN? SEKARANG FIRAUN BERIKAN LEBIH BANYAK KEPADA KAMI.
FIRAUN, LIHATLAH, KAMI AHLI SILAP MATA JUGA BOLEH MEMBUAT KATAK.


MENGAPA ENGKAU TIDAK MELEPASKAN MEREKA PERGI SEPERTI YANG MEREKA MINTA? KAMI TIDAK BOLEH BERTAHAN LEBIH DARI INI.


PANGGIL MUSA, AKU HENDAK BERBICARA DENGANNYA.
BAIKLAH TUANKU.


MINTALAH KEPADA YEHOVAH MEMBAWA PERGI SEMUA KATAK-KATAK ITU. JIKA DIA MELAKUKANNYA, AKU AKAN MELEPASKAN BANGSAMU PERGI UNTUK MEMPERSEMBAHKAN KORBAN.
KATAKAN SAJA BILA ENGKAU HENDAK KATAK-KATAK ITU MATI DAN IA AKAN BERLAKU.




KELUARAN 8:7-10


APABILA FIRAUN MELIHAT KATAK-KATAK ITU MATI PADA MASA YANG DIA PILIH, DIA BERDEGIL DAN MENOLAK UNTUK MELEPASKAN ORANG IBRANI PERGI.
JENIS DEWA APAKAH YEHOVAH INI SEHINGGA DIA MEMENUHI TANAH KITA DENGAN KATAK?
APAKAH SEBAB ENGKAU BERFIKIR DEMIKIAN? MUNGKIN INI HANYALAH FENOMENA ALAM SEMULAJADI.


JADI BAGAIMANA MUSA TAHU INI AKAN BERLAKU SUPAYA DIA BOLEH MENJANGKAKANYA? DAN BAGAIMANA DIA TAHU BILA MASANYA SEMUA KATAK ITU MATI?
DIAM! TERUSKAN MENYODOK ATAU KITA TIDAK AKAN DAPAT SELESAIKAN SEMUA INI.


DAN YEHOVAH BERFIRMAN KEPADA MUSA, "KATAKANLAH KEPADA HARUN, HULURKAN TANGANMU DAN PUKULAH DEBU TANAH, IA AKAN MENJADI AGAS DI SELURUH TANAH MESIR."


DAN SEMUA DEBU TANAH DI MESIR BERTUKAR MENJADI AGAS.
IEEEEE!


APAKAH MAKSUDMU YANG ENGKAU TIDAK BOLEH MEMBUAT AGAS? RAKYAT AKAN BERFIKIR ALLAHNYA LEBIH BERKUASA DARI DEWA KITA! ITU SAHAJAKAH SILAP MATA YANG KAMU SEMUA DAPAT LAKUKAN?
TETAPI TUAN, INI ADALAH HASIL KERJA ALLAH. TIDAK ADA MANUSIA DAPAT LAKUKAN APA YANG DILAKUKAN OLEH DUA ORANG ITU. KAMI TIDAK BERDAYA.


TENTU ADA PENJELASAN SECARA ALAM SEMULAJADI, TETAPI KITA TIDAK LAGI BOLEH BERTAHAN. PERGI KEPADA MUSA. KATAKAN KEPADANYA JIKA ALLAH MENGHILANGKAN AGAS INI, AKU AKAN MEMBIARKAN ORANG IBRANI PERGI MENGABDI KEPADA ALLAH MEREKA.
KELUARAN 8:13-19


AGAS SUDAH HILANG TAPI AKU TIDAK BOLEH BIARKAN HAMBA-HAMBA ITU PERGI. SELEPAS INI APA LAGI ALLAHNYA BOLEH LAKUKAN?


ALLAH TELAH BERFIRMAN KEPADA MUSA. FIRMANNYA. "AKU AKAN MENGHANTAR LALAT KE SELURUH MESIR. RUMAH-RUMAHMU AKAN DIPENUHI LALAT. TETAPI KALI INI AKU AKAN MEMBUAT PERBEZAAN DI ANTARA ORANG MESIR DAN ORANG IBRANI.
TIDAK AKAN ADA LALAT DI TEMPAT UMAT-KU. DENGAN INI, SETIAP ORANG AKAN TAHU BAHAWA AKU ADALAH ALLAH SELURUH BUMI."


AYAH, MENGAPA IMAM KITA TIDAK BOLEH HENTIKAN ORANG INI? DI MANAKAH KUASA MEREKA?
AKU TIDAK TAHU APA-APA TENTANG AGAMA. AKU HANYA PENTINGKAN PERNIAGAANKU.


SEPERTI YANG DIA KATAKAN TIDAK ADA LALAT DI KALANGAN ORANG IBRANI. INI PASTI PERBUATAN ALLAH MEREKA.
PERGI CARI MUSA.


PERGILAH DAN PERSEMBAHKANLAH KORBAN KEPADA ALLAHMU, TETAPI JANGAN TINGGALKAN TANAH MESIR.
KAMI HARUS PERGI SELAMA TIGA HARI PERJALANAN.
AKU KATA ENGKAU BOLEH PERGI TETAPI TIDAK BOLEH PERGI TERLALU JAUH. SEKARANG PERGI BERBICARALAH DENGAN ALLAHMU DAN MINTALAH KEPADA-NYA UNTUK MENGHALAU LALAT-LALAT YANG BUSUK INI.




KELUARAN 8:20-32


ALLAH TURUNKAN BALA YANG LAIN DI MESIR. SEMUA LEMBU. KAMBING BIRI-BIRI, KUDA DAN UNTA MEREKA DITIMPA PENYAKIT DAN MATI. TETAPI BINATANG ORANG IBRANI TIDAK DIJANGKITI PENYAKIT.
SEMUA BINATANG TERNAKAN KAMI MATI DAN TERNAKAN KAMU SIHAT. BAGAIMANA ITU BOLEH TERJADI?
MUSA BERKATA ITU DISEBABKAN OLEH ALLAH NENEK MOYANG KAMI TELAH DATANG UNTUK MEMBEBASKAN KAMI DARI PERHAMBAAN, TETAPI AKU HANYALAH ORANG BIASA; AKU TIDAK TAHU AKAN HAL ITU.


IMAM KAMI MEMPERSEMBAHKAN KORBAN KEPADA DEWA DEWI KAMI. LEMBU JANTAN SUCI KAMI AKAN MARAH DAN MENGHENTIKAN SEMUA INI.


DI MANA DEWA DEWI ORANG MESIR? ADAKAH MEREKA SUDAH TIDAK BERKUASA?
BERITAHU FIRAUN IANYA SUDAH TERLAMBAT. SEMUA LEMBU JANTAN SUCI KAMI TELAH MATI. RAKYAT AKAN MARAH APABILA MEREKA TAHU DEWA DEWI KITA TIDAK DAPAT MELINDUNGI MEREKA DARI SERANGAN HANTU ALLAH ORANG IBRANI.


TETAPI FIRAUN TETAP BERDEGIL.
KELUARAN 9:6-7


SEKALI LAGI ALLAH BERFIRMAN KEPADA MUSA DAN MEMBERITAHUNYA UNTUK MENABURKAN ABU DI SELURUH BANDAR DAN ORANG MESIR AKAN DISELAPUTI BISUL.
ALLAH BERFIRMAN, "KERANA ENGKAU TIDAK MELEPASKAN UMAT-KU PERGI, KU AKAN MENGHANTAR BISUL YANG DAHSYAT MELIPUTI TUBUHMU DAN SEMUA TERNAKANMU.
OH, TIDAK, JANGAN LAGI!


PANGGIL SEMUA AHLI SIHIR. BERITAHU MEREKA UNTUK MEMANGGIL SEMUA KUASA SIHIR MEREKA. BUAT PENGORBANAN UNTUK DEWA DEWI. HENTIKAN SEMUA INI.


ENGKAU SUDAH PANGGIL YANG TERKEMUKA?
ENGKAU JUGA? ADAKAH ENGKAU TIDAK ADA KUASA MENENTANG ALLAH MUSA INI?


PERGI DARI PANDANGANKU KAMU SEMUA PENIPU YANG TIDAK BERDAYA. ENGKAU MELAKUKAN MUSLIHAT TANGAN DAN MENIPU RAKYAT, TETAPI AKU TAHU ENGKAU PENIPU. DI MANAKAH DEWA DEWIMU?


BANGUNLAH AWAL DAN BERDIRI DI HARAPAN FIRAUN SERTA BERKATALAH KEPADANYA, "ALLAH ORANG IBRANI BERFIRMAN, 'LEPASKAN UMAT-KU PERGI. UNTUK BALA SETERUSNYA AKAN MENJADI JAUH LEBIH TERUK. IA AKAN MEMBAWA KEHANCURAN YANG AKAN MEMBUNUH RAMAI RAKYATMU. DENGAN INI ENGKAU AKAN TAHU BAHAWA TIDAK ADA ALLAH LAIN SEPERTI AKU.
ENGKAU TIDAK MENYEDARINYA, AKULAH YANG MENJADIKAN ENGKAU FIRAUN. LIHATLAH, AKU TAHU ENGKAU AKAN BERDEGIL DAN ENGGAN MELEPASKAN UMAT-KU PERGI.


KEDEGILANMU MEMBERIKAN PELUANG KEPADA-KU UNTUK MENYATAKAN KUASA-KU, DAN MEMBAWA PENGHAKIMAN TERHADAP MESIR ATAS KEZALIMAN YANG MEREKA LAKUKAN KEPADA UMAT-KU. ENGKAU MEMPROMOSIKAN KEPENTINGANMU SENDIRI DAN MENOLAK MELAKUKAN KEHENDAK-KU,
JADI ESOK MASA SEPERTI INI, AKU AKAN MENURUNKAN HUJAN AIS BATU DAN API YANG BELUM PERNAH TERJADI DI BUMI SEBELUM INI.


"AKU BERFIRMAN KEPADAMU SUPAYA ENGKAU BOLEH MEMBERIKAN AMARAN KEPADA SEMUA ORANG UNTUK MEMASUKKAN SEMUA BINATANG PELIHARAAN MEREKA DI DALAM KANDANG, KERANA SEMUA YANG BERADA DI LUAR AKAN MATI."
KELUARAN 9:8-19


TERJADILAH SEPERTI YANG DIFIRMANKAN YEHOVAH.


BAGAIMANA INI BOLEH TERJADI, API DAN AIS BERCAMPUR?
ALLAH SETH YANG PERKASA, SELAMATKANLAH KAMI.
AHHHH!
MEREKA YANG TIDAK MENGHIRAUKAN AMARAN ITU TERPERANGKAP DI LUAR DAN MATI.


AYAH, BAGAIMANA MUSA MELAKUKAN HAL INI? ADAKAH ALLAHNYA LEBIH BERKUASA DARI SETH, TUHAN KEKACAUAN DAN RIBUT?
DIA MENDAKWA HANYA ADA SATU ALLAH DAN ORANG-ORANG IBRANI INI ADALAH ANAK-ANAK-NYA.
TETAPI TIDAK ADA SEORANG PUN YANG PERNAH MELIHAT ALLAHNYA, ORANG IBRANI PUN TIDAK PERNAH. ALLAHNYA YANG DIDAKWANYA ITU HANYA ROH, MENCUBA UNTUK MEYAKINKAN FIRAUN UNTUK MELEPASKAN MEREKA PERGI KE PADANG GURUN UNTUK BERIBADAH.


OH, SETH YANG PERKASA, TUHAN KEKACAUAN DAN RIBUT, KAMI MEMOHON KEPADAMU, HENTIKANLAH RIBUT YANG DAHSYAT INI. TENTULAH ENGKAU LEBIH BESAR DARI ALLAH MUSA YANG TIDAK KELIHATAN INI.
KELUARAN 9:23-26


KITA TIDAK TERTIMPA; HANYA TERTIMPA PADA ORANG MESIR.
AYAH, AKU TAKUT, ADAKAH AIS DAN API ITU AKAN MENIMPA KITA?


TIDAK ANAKKU, YEHOVAH MENGHUKUM ORANG MESIR KERANA TIDAK MENTAATI-NYA. DIA MENUNJUKKAN KEPADA MEREKA BAHWA TUHAN RIBUT MEREKA, SETH, TIDAK BERDAYA MEMBANTU MEREKA.
SANGAT NGERI.


AKU BERDOSA TERHADAP YEHOVAH. ALLAH ORANG IBRANI ADALAH BENAR DAN AKU SERTA RAKYATKU JAHAT. MINTALAH KEPADA YEHOVAH MENGHENTIKAN AIS DAN API INI, AKU AKAN SEGERA MELEPASKAN BANGSAMU PERGI.


SEBAIK SAHAJA AKU BERADA DI LUAR BANDAR, AKU AKAN MENGANGKAT TANGANKU KE SYURGA DAN BALA INI AKAN TERHENTI. DENGAN INI ENGKAU AKAN TAHU BAHAWA DUNIA INI MILIK YEHOVAH, TETAPI ENGKAU TIDAK AKAN MENEPATI KATA-KATAMU. ENGKAU TIDAK TAKUT KEPADA ALLAH.
APABILA FIRAUN MELIHAT RIBUT ITU TELAH BERLALU, DIA BERDOSA LAGI DAN BERDEGIL. DIA TIDAK MELEPASKAN BANGSA ITU PERGI.


ALLAH MENGHANTAR SATU LAGI BALA. BELALANG PEMUSNAH DATANG DAN MEMAKAN SEMUA YANG HIJAU YANG TIDAK MUSNAH OLEH RIBUT ITU. KEMUDIAN BELALANG ITU MEMAKAN HINGGA KE DALAM RUMAH.
KELUARAN 9:26-35; 10:13-15


IBU,
IBU!
AHHHHEEE!
AMBIL
KAU!


GEB, DEWA TUMBUH-TUMBUHAN, TIDAKKAH ENGKAU MELIHAT APA YANG SEDANG ALLAH ORANG IBRANI LAKUKAN ATAS TANAMAN KAMI?
OSIRIS, TUNJUKKANLAH DIRIMU YANG KUAT HARI INI.
FIRAUN MEMANGGIL MUSA DAN BERJANJI UNTUK MELEPASKAN BANGSA ITU PERGI, TETAPI APABILA ALLAH MENGHALAU BELALANG PEMUSNAH ITU, SEKALI LAGI FIRAUN BERDEGIL, DAN ENGGAN MENYERAHKAN HAMBA-HAMBANYA.
KELUARAN 10:14-20


KEMUDIAN ALLAH MENJADIKAN MESIR GELAP GULITA. SELAMA TIGA HARI KEGELAPAN ITU MELIPUTI MESIR TETAPI RUMAH ORANG IBRANI TIDAK GELAP GULITA.
AKU BOLEH SAJA MEMBUNUH ENGKAU SEKARANG, TETAPI ITU MEMBUKTIKAN DEWA DEWI KAMI TIDAK BERKUASA MELAWANMU.


PERGI DARI PANDANGANKU. AKU TIDAK AKAN MELIHAT WAJAHMU LAGI, KERANA MASA ITU ENGKAU AKAN MATI.
ENGKAU BERKATA BENAR UNTUK PERTAMA KALINYA. KITA TIDAK AKAN BERSUA MUKA LAGI.


RA, DEWA MATAHARI, DENGARLAH KAMI. SELAMA TIGA HARI ENGKAU TELAH BERSEMBUNYI. BOLEHKAH ENGKAU JANGAN DIKALAHKAN OLEH ALLAH ORANG IBRANI INI?


INILAH DIA! BALA YANG TERAKHIR DAN FIRAUN AKAN GEMBIRA MELIHAT KITA PERGI. PADA TENGAH MALAM INI MALAIKAT PEMUSNAH AKAN MENJELAJAH SELURUH TANAH MESIR. ANAK LELAKI SULUNG SETIAP KELUARGA AKAN MATI. ALLAH AKAN MENGHUKUM PADA MALAM INI.
TETAPI BAGAIMANA DENGAN ANAK SULUNG LELAKI KAMI? ADAKAH MEREKA JUGA AKAN MATI?


ALLAH SUDAH SEDIAKAN KESELAMATAN BAGI ORANG YANG BERIMAN TERMASUKLAH ORANG MESIR. PERGILAH SEKARANG DAN AMBILLAH ANAK KAMBING BIRI-BIRI ATAU KAMBING JANTAN MUDA, BUNUHLAH PADA PETANG INI, DAN OLESLAH DARAH KAMBING ITU DI SISI DAN ATAS PINTU RUMAHMU.
YEHOVAH BERFIRMAN, “SEMASA AKU MENJELAJAH SELURUH TANAH MESIR MALAM IN, KUBUNUH SEMUA ANAK LELAKI SULUNG, APABILA AKU MELIHAT DARAH DI LUAR PINTU, AKU AKAN MELEPASI RUMAH ITU, DAN TIDAK MEMBUNUH ANAK SULUNG LELAKI DI RUMAH ITU.” KEKALLAH BERADA DI DALAM RUMAH PADA MALAM INI DAN MAKANLAH DAGING KAMBING YANG ENGKAU TELAH BUNUH ITU.
KELUARAN 10:22-29, 11:4-5, 12:3-7


ESOK, PERGILAH KEPADA TUAN-TUAN MESIRMU, DAN PINJAMLAH BARANG-BARANG BERHARGA SEPERTI EMAS, PERMATA DAN PERAK. ALLAH TELAH MENYENTUH HATI MEREKA. MEREKA AKAN BERI DENGAN SUKARELA DAN DENGAN JUMLAH YANG BANYAK.
KEMASLAH BARANG-BARANGMU DAN BERSEDIALAH UNTUK PERGI DARI SINI ESOK PAGI. ENGKAU TIDAK AKAN KEMBALI KE SINI LAGI. SELAMAT TINGGAL MESIR UNTUK SELAMA-LAMANYA. INI AKAN MENJADI MASA PERMULAAN DAN HARI PERTAMAMU.


AYAH, ITU ADALAH SATU-SATUNYA KAMBING BIRI-BIRI KITA, TIDAK BOLEHKAH KITA HANYA MEMAKAI CAT MERAH ATAU BENDA LAIN?
ANAKKU, ALLAH BERFIRMAN UNTUK MEMBUNUH SEEKOR KAMBING BIRI-BIRI DAN MENGOLESKAN DARAHNYA PADA TIANG PINTU. KITA MESTI LAKUKAN DENGAN TEPAT SEPERTI YANG DIFIRMANKAN-NYA. ENGKAU TELAH MELIHAT BAGAIMANA DIA MENGHUKUM ORANG YANG TIDAK MENTAATI-NYA. KAMBING BIRI-BIRI INI AKAN MENYELAMATKAN ENGKAU DARI KEMATIAN.


JADI KAMBING BIRI-BIRI INI HARUS MATI BAGIKU?
DAN JUGA BAGIKU. AKU JUGA ADALAH SEORANG ANAK LELAKI SULUNG.


IBU, MENGAPA AYAH MENGECAT PINTU RUMAH KITA DENGAN DARAH?
YEHOVAH BERFIRMAN, "APABILA AKU MELIHAT DARAH PADA PINTU RUMAHMU, AKU TAHU ENGKAU PERCAYA KEPADA-KU, DAN AKU TIDAK AKAN MEMBUNUH SIAPAPUN DI RUMAHMU."
KELUARAN 12:26-18, 35-36


MENGAPA ENGKAU TIDAK MEMBUNUH KAMBING DAN MENGOLESKAN DARAHNYA PADA PINTU RUMAHMU?
HA! ENGKAU PERCAYA SEMUA PERKARA KHURAFAT ITU? BAGAIMANA DARAH YANG SEDIKIT BOLEH MENGHALANG DATANGNYA KEMATIAN? ANAK LELAKIKU TIDAK TAKUT, ADAKAH ENGKAU, YOIKIM?


TENTULAH BUKAN. ENGKAU FIKIR AKU ADALAH PEMBANCI? AGAMA ADALAH BAGI ORANG YANG LEMAH. ALLAH YANG BAIK TIDAK AKAN MEMBUNUH ORANG HANYA KERANA TIDAK MELETAKKAN DARAH PADA PINTU. BAGAIMANA PULA DENGAN ORANG YANG BELUM TAHU TENTANG INI?


AYAH, MENGAPA MALAM INI BERBEZA DENGAN SEMUA ORANG YANG LAIN?
KERANA MALAM INI ALLAH AKAN MENGHANTAR MALAIKAT PEMUSNAH UNTUK MEMBUNUH SEMUA ANAK LELAKI SULUNG YANG TIDAK PERCAYA KEPADA-NYA. TETAPI DIA AKAN BERLALU PERGI APABILA MELIHAT DARAH.
INI ADALAH HARI PERMULAAN BAGI KITA. SETIAP TAHUN MASA SEPERTI INI KITA AKAN MERAYAKAN PASKAH INI DAN MENGINGAT BAHAWA ALLAH TELAH MELEPASKAN KITA DARI TANGAN FIRAUN.


OH AYAH, DENGARLAH TERIAKAN ITU! MALAIKAT PEMUSNAH ITU PASTI SUDAH DATANG.
JANGAN TAKUT. KITA SUDAH MENTAATI ALLAH. DARAH ADA PADA TIANG PINTU. KITA SEDANG MAKAN DAGING KAMBING BIRI-BIRI.


ANAK LELAKIKU TELAH MATI! YA ALLAH. PANGGIL MUSA.
KELUARAN 12:28


IEEE!
TIDAK, ALLAH! BUKAN BAYIKU.
TIDAAAK!


MAAF IA SUDAH TERLAMBAT. ENGKAU TELAH DIBERI AMARAN TETAPI ENGKAU TIDAK PERCAYA. SUDAH RAMAI YANG MENINGGAL MALAM INI.
SEMASA MALAIKAT PEMUSNAH ITU MENJELAJAHI BANDAR PADA MALAM ITU, BERIBU-RIBU ORANG MATI. MEREKA YANG PERCAYA DAN MENGOLESKAN DARAH PADA PINTU RUMAH MEREKA, SELAMAT.


ANAK KITA TELAH MATI.
CEPAT, BAWALAH MUSA SECEPATNYA KEMARI.


DIA ADALAH ANAK LELAKI SULUNG DALAM KELUARGANYA.
APA YANG...?
KELUARAN 12:29-31


FIRAUN SEKALI LAGI MEMANGGIL MUSA.

TETAPI FIRAUN TIDAK
MELIHAT WAJAH MUSA.




SEPERTI YANG DIJANJIKAN OLEH ALLAH NENEK MOYANG MEREKA, SELEPAS 400 TAHUN MEREKA MENINGGALKAN MESIR.




KELUARAN 12:31-38, 13:21-22



## BAB 4

# KELUARAN


MEREKA BERJALAN SEHINGGA MASUK KE PERGUNUNGAN YANG BERTENTANGAN DENGAN LAUT MERAH. MEREKA BERKHEMAH DI SANA SAMBIL BERBINCANG BAGAIMANA MENYEBERANGI LAUT YANG LUAS ITU.


SETELAH FIRAUN SELESAI BERKABUNG BAGI ANAKNYA, KEMARAHANNYA BERTAMBAH MENDADAK DARI SEBELUMNYA. KENAPA DIA MELEPASKAN HAMBA-HAMBANYA PERGI?
SEDIAKAN KERETA BERKUDA. KEJAR ORANG-ORANG IBRANI ITU. BAWA KEMBALI ATAU BUNUH MEREKA.
SEPERTI YANG ENGKAU KATAKAN, TUANKU.
KELUARAN 14:5-7


LIHAT, TENTERA MESIR DATANG! KITA TERPERANGKAP DI TENGAH PADANG GURUN.
MUSA MEMBAWA KITA KE SINI UNTUK MATI. LEBIH BAIK HIDUP SEBAGAI HAMBA DARIPADA MATI DI TANGAN ALLAH, DI TEMPAT YANG TERBIAR INI.


APABILA ORANG MESIR MELIHAT ORANG IBRANI TIDAK BERDAYA DAN TERINGAT AKAN PENDERITAAN YANG DISEBABKAN MUSA ATAS MESIR, MEREKA BERSEDIA UNTUK MEMBUNUH.
ALLAH TIDAK DAPAT MENYELAMATKAN KITA.
ADA GUNUNG DI SAMPING KITA DAN LAUT DI HADAPAN KITA. KITA TERPERANGKAP.


BERDIRILAH DI TEMPATMU. ALLAH AKAN MENYELAMATKAN KITA DENGAN CARA YANG DAHSYAT.
ALLAH TELAH MENYEBABKAN FIRAUN SEKALI LAGI BERDEGIL. SELEPAS INI ENGKAU TIDAK AKAN PERNAH MELIHAT LAGI TENTERA MESIR INI.
KELUARAN 14:5-13


APABILA TENTERA MESIR SEOLAH-OLAH AKAN MENYERBU ORANG IBRANI, TIBA-TIBA TIANG API YANG BESAR TURUN DARI SYURGA MENGHALANGI JALAN MEREKA. PADA MALAM ITU, TEMPAT ORANG IBRANI BERCAHAYA DAN TEMPAT ORANG MESIR GELAP GULITA.


MUSA MENGANGKAT TONGKATNYA KE ARAH LAUT DAN DATANGLAH ANGIN BESAR DARI SYURGA, BERTIUP KE PERMUKAAN AIR, LALU LAUT TERPISAH DUA, DAN KELIHATAN TANAH KERING DI DASAR LAUT.
SANGAT AJAIB. ANAK-ANAK ISRAEL BERJALAN DI TANAH YANG KERING MELINTASI LAUT ITU.
DI MASA HADAPAN MEREKA AKAN BERNYANYI TENTANG ALLAH YANG TELAH MEMBUAT LINTASAN DI DASAR LAUT. SETIAP ORANG AKAN TAHU BAHAWA HANYA ADA SATU ALLAH DAN NAMA-NYA IALAH YEHOVAH.
KELUARAN 14:15-22


INI MENGALAHKAN SEMUA YANG KITA LIHAT DI MESIR.
WOW, ALLAH KITA YANG TERBAIK DARI SEMUA. KITA BERADA DI TENGAH-TENGAH LAUTAN.


YOSIAH! KAMU GILAKAH? JAUHI ITU! KAMU TAHU YANG KAMU TIDAK TAHU BERENANG.


AKU HENDAK MENYENTUH IKAN YANG CANTIK ITU.


APABILA ORANG IBRANI HAMPIR SELESAI MENYEBERANG, ALLAH MENARIK KEMBALI TEMBOK BERAPI YANG MENAHAN ORANG MESIR ITU. MEREKA TIDAK MELIHAT LAUTAN DAN BERGEGAS MENGEJAR ORANG IBRANI.
MAJU, BUNUHLAH ORANG-ORANG IBRANI ITU!
KELUARAN 14:22-23


HARI INI ENGKAU TELAH MELIHAT KUASA YEHOVAH.
LIHAT, AIR LAUT ITU KEMBALI. SEMUA MEREKA AKAN TENGGELAM.


SEMUA TENTERA MESIR TENGGELAM DI DASAR LAUT. DEWA KAYU DAN BATU MEREKA TIDAK DAPAT MENYELAMATKAN MEREKA.
KELUARAN 14:27-28


LIHAT MAYAT-MAYAT ITU. LAUTAN ITU PENUH DENGAN MAYAT TENTERA MESIR.
PASTI, YEHOVAH ADALAH SATU-SATUNYA TUHAN ALLAH. TIADA SESIAPA YANG DAPAT MELAKUKAN PERKARA SEPERTI INI. KAMI AKAN MENGINGAT HARI INI UNTUK SELAMA-LAMANYA.

MENINGGALKAN LAUT DAN MAYAT TENTERA MESIR, ANAK-ANAK IBRANI MENGIKUT MUSA DAN AWAN ITU KE PADANG GURUN YANG LUAS. MEREKA MAKAN DAN MINUM MAKANAN YANG MEREKA BAWA KELUAR DARI MESIR.



SELEPAS BEBERAPA HARI PERJALANAN, AWAN YANG MEMBAWA MEREKA BERHENTI DI TEPI SEBUAH TELAGA AIR. MEREKA BERKHEMAH DI SANA SEHINGGA KEHABISAN MAKANAN. TIDAK ADA TEMPAT UNTUK MENCARI MAKANAN. KEADAAN MEREKA TIADA HARAPAN.


KITA SEPATUTNYA TINGGAL DI MESIR DAN HIDUP LEBIH BAIK DARI INI. SEBAGAI HAMBA KITA MEMPUNYAI MAKANAN YANG CUKUP. DI SINI KITA TIDAK ADA MAKANAN.
YAH, ADAKAH ENGKAU MEMBAWA KAMI KE SINI UNTUK MATI KELAPARAN?


DENGARLAH, ENGKAU TIDAK MERUNGUT TERHADAP SAYA TETAPI TERHADAP ALLAH YANG KITA IKUTI.
YEHOVAH BERFIRMAN DIA AKAN MENURUNKAN ROTI DARI SYURGA. SETIAP PAGI ENGKAU AKAN MENEMUINYA MELIPUTI TANAH. ENGKAU HANYA PERLU MENGAMBIL DAN MEMAKANNYA.


APA YANG MUSA KATAKAN? BAGAIMANA KITA DAPATKAN MAKANAN? ANAK-ANAK SANGAT KELAPAN.
DIA BERKATA BAHAWA YEHOVAH AKAN TURUNKAN ROTI DARI SYURGA SETIAP PAGI.



KELUARAN 12:21-22, 30, 16:2-3, 7-8


ROTI DARI SYURGA SEPERTI YANG DIA KATAKAN.
KENAPA KITA MASIH RAGU-RAGU?


LIHAT! IA ADA DI MANA-MANA.
OH, SEDAPNYA. RASA SEPERTI MADU.
BENAR, YEHOVAH ADALAH ALLAH DAN MUSA ADALAH NABI-NYA.


SEPANJANG MEREKA BERADA DI PADANG GURUN, ALLAH MEMBERIKAN MEREKA MAKANAN DARI SYURGA.
SELAMA AWAN ITU BERADA DI PERKHEMAHAN MEREKA, ORANG IBRANI TINGGAL DI TEPI MATA AIR DAN MAKAN ROTI DARI SYURGA, TETAPI APABILA AWAN ITU BERGERAK, MEREKA MENGEMASKAN BARANG-BARANG DAN MENGIKUTI AWAN ITU KE TEMPAT YANG MEREKA TIDAK KETAHUI.


TETAPI MASANYA TIBA KETIKA MEREKA KEHABISAN AIR.
JADI, DIA MEMBERIKAN KITA ROTI, TAPI SEKARANG DIA MEMBUNUH KITA DENGAN KEDAHAGAAN.
ANAK PEREMPUANKU AKAN MATI JIKA KITA TIDAK SEGERA MEMPUNYAI AIR.




KELUARAN 16:14-15, 17:2-4;
MAZMUR 78:24-25


ALLAH BERFIRMAN KEPADA MUSA APA YANG HARUS DILAKUKAN.
MARI DAN LIHATLAH KUASA YEHOVAH. ENGKAU TIDAK PERCAYA KEPADA-NYA. ENGKAU MENGELUH DAN MERUNGUT.


DIA MEMBERIMU ROTI DAN SEKARANG DIA MEMBERIMU AIR DARI BATU YANG TANDUS INI.


WHACK!
IEEE!
KELUARAN 17:5-6


AIR MENGALIR SEPERTI SUNGAI.


SEKALI LAGI AWAN ITU MULAI BERGERAK DAN ORANG IBRANI BERKEMAS DAN MENGIKUTINYA KE PADANG GURUN DI GUNUNG SINAI.




KELUARAN 17:6, 19:1-6, 9


KATAKANLAH, JIKA MEREKA MENTAATI PERINTAH-KU, MEREKA AKAN MENJADI UMAT-KU YANG ISTIMEWA DI ATAS BANGSA-BANGSA YANG LAIN DI MUKA BUMI INI. JIKA MEREKA TAAT, MEREKA AKAN MENJADI SEBUAH KERAJAAN IMAM.
MUSA, APABILA AKU BERBICARA KEPADAMU, AKU AKAN DATANG DI DALAM AWAN YANG TEBAL SUPAYA BANGSA ITU DAPAT MELIHAT, MENDENGAR DAN TAHU ITU ADALAH AKU.


MUSA TURUN DARI GUNUNG DAN MENYAMPAIKAN APA YANG ALLAH SUDAH FIRMANKAN.
KAMI AKAN TAAT. KAMI AKAN LAKUKAN SEMUA YANG DIFIRMANKAN.
PERGILAH, BASUHLAH TUBUH DAN PAKAIANMU; PERSIAPKAN DIRIMU UNTUK BERIBADAH KEPADA ALLAH. TIGA HARI DARI SEKARANG ALLAH AKAN MELAWAT KAMU.


SEPERTI YANG DIPERINTAHKAN ALLAH, PADA HARI KETIGA SEMUA ORANG BERKUMPUL DI HADAPAN GUNUNG ITU UNTUK MENUNGGU ALLAH BERFIRMAN. AWAN YANG PELIK TURUN KE ATAS GUNUNG DAN KEMUDIAN...
MUSA NAIK KE GUNUNG ITU.


MUSA, AKU ADALAH ALLAH YEHOVAH, YANG MEMBAWA ENGKAU KELUAR DARI MESIR. APABILA ENGKAU TURUN PASANGLAH PAGAR DI SEKITAR GUNUNG INI.
JIKA SESIAPA YANG LAIN MENYENTUH GUNUNG INI MEREKA AKAN MATI. AKU MEMBERIMU SEPULUH HUKUM, YANG MANA ENGKAU HARUS MENYAMPAIKANNYA KEPADA BANGSA ITU.
KELUARAN 19:7-25




KELUARAN 20:3-17




KELUARAN 20:3-4, 32:15-20


JANGAN MEMBUNUH.
JANGAN BERZINA.
JANGAN MENCURI.
JANGAN BERSAKSI DUSTA KEPADA TETANGGA.
JANGAN MENGINGINI KEPUNYAAN TETANGGA.
EXODUS 20:3-17


KETIKA MUSA TELAH TURUN KE BAWAH, DIA MENGUMPULKAN 70 PEMIMPIN ISRAEL DAN MENYAMPAIKAN PERINTAH ALLAH KEPADA MEREKA.
KAMI AKAN MELAKUKANNYA.
ITU ADALAH PERINTAH YANG BAIK.
KAMU 70 LELAKI HARUS MENGIKUT AKU KEMBALI KE GUNUNG ITU DAN BERTEMU DENGAN ALLAH SEPERTIMANA AKU. ENGKAU SENDIRI AKAN TAHU. TETAPI AKU HARUS MENULIS DALAM SEBUAH BUKU PERINTAH YANG ALLAH SUDAH FIRMANKAN KEPADAKU.

MUSA DENGAN CERMAT MENULIS SEMUA YANG DIFIRMANKAN ALLAH. ROH ALLAH MEMBANTUNYA AGAR TIDAK TERJADI KESALAHAN.




APABILA MUSA SELESAI MENULIS, DIA MENGUMPULKAN BANGSA ITU DAN MEMBACA PERKATAAN FIRMAN ITU KEPADA MEREKA.
SEMUA YANG ALLAH FIRMANKAN BAIK, DAN KAMI AKAN MENTAATINYA.
JAI BANGSA ISRAEL MEMBUAT PERJANJIAN DENGAN ALLAH. DIA AKAN MEMBERKATI MEREKA, MEMBERIKAN HIDUP, DAN MELEPASKAN MEREKA DARI MUSUH; DAN MEREKA AKAN MENTAATI PERINTAH-NYA, BERJALAN DI DALAM KEBENARAN.


ALLAH MEMERINTAHKAN MUSA MEMPERSEMBAHKAN KORBAN DARAH DAN MEMERCIKKAN DARAH ITU KEPADA BANGSA ITU.


SEMUANYA BERDOSA, BERHAK MATI, TIDAK TERKECUALI MUSA DAN HARUN. TETAPI ALLAH ITU PENUH BELAS KASIHAN. DIA MENYEDIAKAN JALAN KELUAR.

DENGAN MEMBUNUH KAMBING BIRI-BIRI DAN MEMERCIKKAN DARANYA ATAS BANGSA ITU, ALLAH MENUTUP DOSA MEREKA, DAN TIDAK MEMBUNUH MEREKA YANG SEPATUTNYA DIBUNUH. KAMBING BIRI-BIRI YANG TIDAK SEPATUTNYA DIBUNUH MATI BAGI MEREKA YANG SEPATUTNYA HARUS MATI.




KELUARAN 21:1-8


JADI 70 PEMIMPIN ITU MENGIKUT MUSA NAIK KE GUNUNG DI MANA ALLAH TELAH BERFIRMAN.

TIBA-TIBA TAKHTA ALLAH
MUNCUL DI HADAPAN MEREKA.






KELUARAN 24:9-10


MUSA, BAWALAH BANGSA ITU MEMBINA KHEMAH SUCI UNTUK MENYEMBAH-KU. BUATLAH MEZBAH UNTUK MEMPERSEMBAHKAN KORBAN DAN RUANGAN TEMPAT KUDUS DI MANA AKU AKAN BERTEMU DENGAN IMAM BESAR SETAHUN SEKALI SEPANJANG GENERASIMU.
AKU AKAN MEMBERITAHUKAN ENGKAU SECARA TERPERINCI TENTANG KHEMAH SUCI ITU. SUKU LEWI AKAN MENJADI IMAM-KU, DAN HARUS SERTA KETURUNANNYA AKAN MENJADI IMAM BESAR. MEREKA AKAN MENGAJAR BANGSA ITU MENJADI BENAR DAN AKAN MEMPERSEMBAHKAN KORBAN BAGI DOSA BANGSA ITU.


SUDAH SEMINGGU DIA MENGHILANG DI DALAM API DI GUNUNG ITU. DIA PASTI SUDAH MATI SEKARANG.
KITA TIDAK BOLEH TINGGAL DI PADANG GURUN INI SELAMANYA.
KITA PERLUKAN ALLAH YANG MEMIMPIN KITA SEPERTI YANG MUSA KATAKAN.
MARILAH KITA BUAT PATUNG EMAS ALLAH KITA.


MUSA SUDAH MATI. HARUN AKAN MEMBUAT BAGI KITA ALLAH EMAS YANG MEMIMPIN KITA KEMBALI KE MESIR.
BERIKAN EMASMU KEPADA KAMI.


DENGAN TANGAN ORANG-ORANG BODOH, MEREKA MENCIPTA PATUNG LEMBU JANTAN EMAS DAN MENYEBUTNYA ALLAH. IMEJ ASAL SYAITAN SEBELUM DIA BERDOSA ADALAH SEEKOR LEMBU JANTAN. WALAUPUN MANUSIA TIDAK MENGETAHUINYA, SYAITAN MENGILHAMI MANUSIA UNTUK MENYEMBAHNYA.
HARUN MENGIKUT KEHENDAK BANGSA ITU DAN MEMBANTU MEREKA MEMBUAT ALLAH DARI EMAS.
KELUARAN 20:4, 25:8-9, 28:1-3; YEHEZKIEL 1:10, 10:14, 28:14


HARUN SANGAT BODOH. DIA TAHU BAHAWA PATUNG ITU BUKAN ALLAH, TETAPI DIA TAKUT KEPADA BANGSA ITU.
INILAH ALLAHMU YANG MEMBAWA ENGKAU KELUAR DARI MESIR. ESOK KITA AKAN PERSEMBAHKAN KORBAN PERSEMBAHAN YANG BESAR DAN MENYEMBAH YEHOVAH.
ALLAH TELAH MEMERINTAHKAN MEREKA AGAR TIDAK MEMBUAT PATUNG SEBAGAI PENYEMBAHAN, TETAPI MEREKA MENURUTI IMIGINASI MEREKA.


BANGSA ITU MENARI DENGAN TELANJANG. MEREKA MABUK DAN BERZINA. ALLAH SEDIA MEMBINASAKAN MEREKA DAN MEMBUANG MEREKA KE DALAM API YANG DISEDIAKAN UNTUK IBLIS DAN PARA MALAIKATNYA.
ALLAH BERFIRMAN KEPADA MUSA, “TURUNLAH SEKARANG. BANGSA ITU TELAH BERBUAT DOSA BESAR. MEREKA TELANJANG DAN MENARI DI HADAPAN BERHALA. AKU SEPATUTNYA MEMBINASAKAN MEREKA SEMUA. HATI MEREKA KERAS. MEREKA TIDAK BERJALAN DALAM KEBENARAN.”
KELUARAN 32:5-10


MUSA SANGAT MARAH KETIKA MELIHAT BANGSA ITU TELAH MELUPAKAN ALLAH DAN MEMBUAT BERHALA.
KAMU TELAH MELANGGAR PERINTAH ALLAH!


MUSA MEMECAHKAN BATU YANG TERTULIS PERINTAH ALLAH.


TIDAKKAH DIA BERFIRMAN BAHAWA TIDAK BOLEH ADA ALLAH LAIN SELAIN YEHOVAH? BOLEHKAH PATUNG YANG DIPERBUAT OLEH TANGANMU MENJADI PENCIPTAMU?
MUSA MENGHANCURKAN PATUNG ANAK LEMBU EMAS ITU MENJADI SERPIHAN HABUK.
KELUARAN 20:3-4, 32:15-20


JIKA ENGKAU DIPIHAK YEHOVAH BERDIRILAH BERSAMAKU. JIKA ENGKAU HENDAK MENYEMBAH DEWA-DEWI MESIR BERDIRILAH DI MANA ENGKAU BERADA.
KAMI AKAN MENGIKUT ALLAH ABRAHAM, ISHAK DAN YAKUB.
AKU LEBIH RELA MENGIKUT ALLAH YANG TELAH MEMIMPIN DI LAUT MERAH WALAUPUN TIDAK MEMPUNYAI PATUNG.


AKIBAT DOSA ADALAH MAUT. YEHOVAH BERFIRMAN MEREKA HARUS MATI. SEKARANG AMBIL PEDANGMU DAN BUNUHLAH SEMUA ORANG YANG MENYEMBAH PATUNG ITU.


3,000 PENYEMBAH BERHALA DAN PENZINA DIBUNUH PADA MASA ITU.
HIRIS!
TIDAAK!
KASIHANILAH AKU...
KELUARAN 32:26-28

MUSA NAIK KE ATAS GUNUNG DAN SEKALI LAGI MENULIS PERINTAH-NYA PADA DUA KEPING BATU. APABILA MUSA KEMBALI TURUN, DIA MENUNJUKKAN PERINTAH ALLAH ITU DAN SEMUA BANGSA ITU BERSETUJU MENTAATINYA.




ALLAH BERFIRMAN ENGKAU ADALAH BANGSA YANG KERAS HATI DAN PEMBERONTAK. KETIKA ENGKAU BERDOSA, DIA AKAN MEMBUNUH ENGKAU TETAPI AKU TELAH BERDOA, DAN DIA AKAN MEMBUANG SEMUA DOSAMU. YEHOVAH SEMEMANGNYA PENUH KASIH DAN BELAS KASIHAN.


ALLAH TELAH MEMBERIKAN PETUNJUK UNTUK MEMBINA KHEMAH SUCI. JIKA KITA MEMBINANYA MENGIKUT SPESIFIKASI YANG DIBERIKAN, DIA AKAN MENEMUI KITA DI SANA. KERANA KITA SEMUA BERDOSA, ALLAH MENYEDIAKAN JALAN AGAR KITA DAPAT MENDEKATI-NYA.
SUKU LEWI AKAN MEMPERSEMBAHKAN PERSEMBAHAN KORBAN SETIAP HARI. SETAHUN SEKALI, DARAH AKAN DIPERCIKKAN DI ATAS TABUT PERJANJIAN. APABILA ALLAH MELIHAT DARAH DI ATAS TABUT ITU, SEPERTI YANG DILAKUKAN-NYA DI MESIR, DOSA KITA DIHAPUSKAN DAN TIDAK AKAN MATI. BEGINILAH CARA PENGAMPUNAN ALLAH.


KHEMAH SUCI ITU TELAH SELESAI, DAN PARA IMAM MULAI MEMPERSEMBAHKAN KORBAN HARIAN. APABILA ALLAH MELIHAT IMAN PADA ORANG-ORANG YANG MEMPERSEMBAHKAN KORBAN, DIA MENGHAPUSKAN DOSA MEREKA.
TETAPI BANGSA ITU TIDAK SENANG TINGGAL DI PADANG GURUN, JADI MEREKA SENTIASA MENGELUH.
SAMPAILAH MASANYA KELUHAN DAN KETIDAKPERCAYAAN MEREKA MEMBUATKAN ALLAH MENGHUKUM MEREKA.




KELUARAN 34:28-32, 39:32; BILANGAN 21:5-6


TIDAK LAMA KEMUDIAN PERKHEMAHAN ITU PENUH DENGAN ULAR BERBISA.


ALLAH, TOLONGLAH KAMI!


ULAR BERBISA ITU JUGA MEMASUKI KHEMAH BANGSA ITU PADA WAKTU MALAM.
HISSS


TOLONG. AKU TELAH DIPATUK.


TIDAAAAK!




KANAK-KANAK JUGA MENDERITA KERANA DOSA IBUBAPA MEREKA.

BILANGAN 21:6


TERDENGAR TANGISAN PENDERITAAN DAN KESEDIHAN DARI SELURUH PERKHEMAHAN ITU. AKIBAT DOSA SANGAT DAHSYAT.
IANYA SEPERTI INI DI SELURUH PERKHEMAHAN DAN SEMAKIN TERUK SETIAP MINIT. RAMAI YANG MATI.
KITA HARUS MENCARI MUSA. PASTI INI ADALAH PEKERJAAN ALLAH. DIA MARAH KEPADA BANGSA INI KERANA DOSA MEREKA.
WHACK!


ENGKAU HARUS BERBICARA KEPADA ALLAH. KAMI LAYAK MENERIMA HUKUMAN INI, MOHONLAH KEPADA-NYA BELAS KASIHAN.
BILAKAH UMAT INI BELAJAR BAHAWA ALLAH SANGAT SERIUS TENTANG DOSA? MEREKA HARUS TAAT KEPADA PERINTAH-NYA DAN MENJADI BANGSA YANG KUDUS.




BILANGAN 21:7-8


ALLAH TELAH SEDIAKAN JALAN. LIHATLAH ULAR TEMBAGA ITU DAN ENGKAU AKAN SEMBUH.


DIA AKAN MATI.
TIDAK! ALLAH TELAH SEDIAKAN JALAN. BUKA MATAMU DAN LIHAT. LIHAT DAN HIDUPLAH!


IA SATU MUKJIZAT!
KITA MESTI BERITAHU YANG LAIN.
TERJADI KEPADAKU! AKU AKAN BERITAHU KEPADA YANG LAIN.


LIHAT DAN HIDUPLAH!
BILANGAN 21:9


MENGAPA ENGKAU MENGUSIKKU DENGAN HARAPAN PALSU?
ORANG LAIN JUGA TELAH TENGOK DAN DISEMBUHKAN.
TIDAKKAH ENGKAU MELIHATKU SEDANG NAZAK? MENGAPAKAH SUSAHKAN AKU DENGAN PERKARA BODOH ITU?


DIA SUDAH MATI.
MAAFKANKU. DIA TIDAK PERCAYA.
DIA TERLALU SOMBONG.


SEKALI LAGI BANGSA ITU TELAH MELIHAT KUASA ALLAH. PERKHEMAHAN ITU SUDAH BEBAS DARI ULAR BERBISA DAN HIDUP KEMBALI NORMAL.
TETAPI BANGSA ITU TERUS MENERUS MENGIKUT JALAN MEREKA SENDIRI DAN TIDAK MENTAATI PERINTAH ALLAH.


ANAK-ANAK ISRAEL MENGIKUTI AWAN ITU, ALLAH MEMBERI MEREKA MAKAN MANNA DARI SYURGA, DAN MENYEDIAKAN AIR UNTUK DI MINUM.
DIA BOLEH SAJA MEMIMPIN MEREKA KE TANAH PERJANJIAN, TETAPI MEREKA TIDAK MENTAATI PERINTAH-NYA, SEBAB ITU ALLAH MENYEBABKAN MEREKA MENGEMBARA DI PADANG GURUN SELAMA 40 TAHUN.
BILANGAN 21:9, 32:13


MUSA, ADAKAH ENGKAU BERFIKIR HANYA ENGKAU YANG DEKAT DENGAN ALLAH? KAMI JUGA SUCI SEPERTI ENGKAU. MALAH, SELURUH UMAT ADALAH SUCI. TIDAK ADA LAGI ORANG YANG BERDOSA DI ANTARA KITA. DAN ALLAH TINGGAL DI ANTARA KITA. KAMI TIDAK PERLUKAN ENGKAU DAN HARUN BERKELILING MEMBERITAHU APA YANG KAMI PERLU LAKUKAN DAN MENJADI HAKIM ATAS KAMI. KAMI MAMPU MENILAI SEPERTI KAMU.
YA, AKU PENAT MENGEMBARA DI PADANG GURUN BERSAMA DENGAN ALLAH YANG MEMBUNUH KITA DENGAN HAL YANG REMEH.
YA, INI ADALAH SALAH MUSA. PIAWAIANNYA TERLALU TINGGI.


MUSA PERGI KE KHEMAH SUCI DAN BERTANYA KEPADA ALLAH APA YANG HARUS DILAKUKAN.


ALLAH TELAH BERFIRMAN, "ENGKAU MEMEGANG TERLALU BANYAK TANGGUNGJAWAB, WAHAI KETURUNAN LEWI. ADA DI ANTARA KAMU MENJADI IMAM SEDANGKAN ALLAH TIDAK MELANTIKMU."
ESOK TUHAN AKAN MENGHAKIMI KITA SEMUA, DAN KITA AKAN TAHU SIAPAKAH SEBENARNYA IMAM ALLAH, SIAPAKAH YANG SUCI DAN TIDAK SUCI. DATANGLAH KE KHEMAH SUCI PAGI ESOK. BAWALAH PEDUPAAN YANG BERAPI.
BILANGAN 16:2-6


HARI BERIKUTNYA.
DATANGLAH DEKAT, KAMU YANG MENGAKU SUCI, ENGKAU AKAN MENJADI IMAM DAN MEMERINTAH UMAT.


ALLAH AKAN MENEMUI DAN MEMILIH KITA DI SINI. KITA AKAN MELIHAT KEKUATAN DAN KEMULIAAN-NYA.


PISAHKAN DIRIMU DENGAN ORANG-ORANG YANG JAHAT INI, KERANA AKU AKAN MEMBUNUH MEREKA DALAM MASA SEMINIT.




BILANGAN 16:19-24


INILAH UJIANNYA. JIKA ORANG-ORANG INI MATI DENGAN NORMAL, KAMU AKAN TAHU AKU ADALAH NABI PALSU DAN ALLAH TIDAK BERBICARA MELALUIKU.
TETAPI JIKA PADA HARI INI ENGKAU MELIHAT SESUATU YANG BARU, JIKA BUMI TERBUKA DAN MENELAN SEMUA MEREKA BESERTA DENGAN MILIK MEREKA, MASUK KE LUBANG NERAKA, MAKA ENGKAU AKAN TAHU BAHAWA MEREKA TELAH BERDOSA TERHADAP ALLAH DAN AKU ADALAH NABI-NYA.


TOLONG!
YIEEEE!
TIDAAAAK!

BILANGAN 16:28-33



SEMUA LELAKI YANG INGIN MENJADI IMAM TELAH DITELAN HIDUP-HIDUP KE DALAM API NERAKA BERSAMA DENGAN IBLIS DAN PARA MALAIKAT JAHATNYA.


ANGKAT TEMBAGA DUPA MEREKA DAN JADIKANNYA PENUTUP MEZBAH.
APABILA ENGKAU MELIHAT TEMBAGA YANG MENUTUPI MEZBAH, ENGKAU AKAN INGAT AKAN HARI INI, KETIKA ORANG-ORANG INI MENGABAIKAN PERINTAH ALLAH DAN BERUSAHA MENJADIKAN DIRINYA IMAM.
HARI ITU ADALAH HARI YANG TIDAK AKAN DILUPAKAN OLEH ORANG ISRAEL. ALLAH MENUNJUKKAN DENGAN JELAS BAHAWA MUSA ADALAH NABI-NYA, DAN HANYA MEREKA YANG DIPILIHNYA BOLEH MENJADI IMAM.


KEMULIAAN ALLAH SENTIASA BERADA DI ATAS KHEMAH SUCI ITU DAN BANGSA ITU DENGAN RELA HATI MENGIKUT MUSA MENGEMBARA DI PADANG GURUN.
KEMULIAAN ALLAH MENYERTAI KITA DAN DIA BERIKAN KITA ROTI DARI SYURGA.
ALLAH TERUS MENERUS MEMBERIKAN MEREKA ROTI DARI SYURGA DAN MEMBERIKAN AIR YANG KELUAR DARI BATU. TIANG API MENUTUPI MEREKA PADA WAKTU MALAM DAN AWAN MENGIKUTI MEREKA PADA WAKTU SIANG. MEREKA MENETAP DAN BELAJAR MENJAGA PERINTAH ALLAH.
BILANGAN 16:37-38


PARA IMAM HADIR KE KHEMAH SUCI DAN MEMPERSEMBAHKAN KORBAN PERSEMBAHAN SETIAP HARI SEPERTI YANG DIPERINTAHKAN MUSA.


SELEPAS 40 TAHUN DI PADANG GURUN, SEMUA ORANG SEDANG BERSIAP UNTUK MEMASUKI TANAH PERJANJIAN, ALLAH MEMANGGIL MUSA NAIK KE GUNUNG. SELEPAS BERBICARA DENGAN ALLAH KALI TERAKHIR DI SANA, DIA BERBARING DAN DENGAN TENANG MENINGGAL DUNIA.


SERTA-MERTA, ROHNYA DIJEMPUT KE DALAM KEMULIAAN ALLAH. DIA AKAN KEKAL DI SANA SEHINGGA PADA AKHIR ZAMAN APABILA DIA KEMBALI MENYERTAI BANGSANYA DI TANAH YANG DIJANJIKAN ALLAH KEPADA ABRAHAM.
KIRA-KIRA 1451 SEBELUM MASIHI. - ULANGAN 34:4-5


HAMPIR 500 TAHUN TELAH BERLALU SEJAK ALLAH YEHOVAH MEMANGGIL ABRAHAM MENINGGALKAN BANGSANYA PERGI KE TANAH YANG DIBERIKAN ALLAH KEPADANYA.
JANJI ALLAH KEPADA ABRAHAM DAN SARAH UNTUK MENJADIKAN KETURUNAN MEREKA BANGSA YANG HEBAT MELALUI ISHAK TELAH DIGENAPI. 12 ANAK LELAKI YAKUB, YANG NAMANYA TELAH DITUKAR MENJADI ISRAEL, TELAH MENJADI 12 SUKU YANG SANGAT BESAR.


MEREKA DATANG MELALUI PERHAMBAAN, MENGEMBARA DI PADANG GURUN BERSAMA MUSA, MENERIMA PERINTAH ALLAH, DAN KINI SEDANG MEMASUKI TANAH PERJANJIAN. SEPANJANG BERADA DI PADANG GURUN, ADA SEORANG BUDAK LELAKI YANG SELALU BERADA DI SAMPING MUSA, MELIHAT DAN BELAJAR CARA MEMIMPIN BANGSA ISRAEL.


BUDAK ITU MEMBESAR MENJADI PAHLAWAN YANG PERKASA, YOSUA.


SELEPAS MUSA TELAH KEMBALI KEPADA ALLAH, YOSUA DIPILIH ALLAH MEMIMPIN BANGSA ITU MASUK KE TANAH YANG DIJANJIKAN KEPADA ABRAHAM.
BANGSA ITU MENGINGAT TENTANG NUBUAT YANG MANA MEREKA AKAN BERADA DI TANAH ASING DAN SELEPAS 400 TAHUN AKAN DIBAWA KEMBALI KE TANAH BAPA LELUHUR MEREKA. ALLAH MENGGENAPI FIRMAN-NYA.




ULANGAN 34:9; YOSUA 5:12



# BAB 5

# KERAJAAN


KAMI KORBANKAN ANAK YANG TIDAK BERSALAH INI KEPADAMU, WAHAI BAAL. SEMOGA DARAHNYA MEREDAKAN KEMARAHANMU.
AKU AKAN BERIKAN BAYIKU SEBAGAI BAYARAN DOSA JIWAKU.
BANGSA YANG MENDIAMI PALESTIN, TEMPAT DI MANA BANGSA ISRAEL TELAH DATANG, ADALAH JAHAT. MEREKA DIPANGGIL ORANG KANAAN DAN BAHASA MEREKA BERBEZA DARI ORANG ISRAEL. MEREKA MEMPERSEMBAHKAN MANUSIA SEBAGAI KORBAN DAN SUJUD KEPADA DEWA-DEWI YANG DIPERBUAT DARI EMAS, PERAK, TEMBAGA DAN KAYU.




KEJADIAN 14:18, 20:7; BILANGAN 22:4-8; ULANGAN 18:9-11



PENYEMBAH-PENYEMBAH BERHALA YANG ADA DI TANAH PERJANJIAN ITU MENENTANG KEDATANGAN BANGSA ISRAEL DAN BERJUANG MEMPERTAHANKAN TANAH MEREKA, TETAPI ALLAH MEMBERIKAN KUASA KEPADA BANGSA ISRAEL UNTUK MENGALAHKAN MEREKA.


BERANINYA ENGKAU DATANG KE TEMPAT SUCI INI.
ENGKAU TELAH MEMBUNUH BAYIMU YANG TERAKHIR.


APABILA PERANG DARAH TELAH BERAKHIR, ORANG IBRANI TELAH MENAKLUKI MUSUH MEREKA, DAN TANAH ITU SIAP UNTUK DIAMBIL. YOSUA BERSERU KEPADA BANGSA ITU.
MOYANG KITA ABRAHAM, BERASAL DARI PENYEMBAH BERHALA. ALLAH BERJANJI KEPADANYA UNTUK MENJADIKANNYA BANGSA YANG BESAR.


ALLAH JUGA BERFIRMAN BAHAWA BANGSANYA AKAN TINGGAL DI MESIR SELAMA 400 TAHUN, SETELAH ITU DIA AKAN MEMIMPIN MEREKA DAN MEMBAWA MEREKA KEMBALI KE TANAH DI MANA ENGKAU BERDIRI SEKARANG. INILAH KITA, LEBIH 500 TAHUN KEMUDIAN, ALLAH MENEPATI JANJI-NYA KEPADA ABRAHAM. SEKARANG MASUKLAH DAN TINGGALLAH DI TANAH INI. JANGAN MENGIKUT ORANG YANG BERDOSA DI NEGERI INI, KERANA ALLAH MENGHAKIMI ENGKAU SEPERTI DIA MENGHAKIMI MEREKA.

YOSUA 24:2-14


DI TANAH BARU ITU MEREKA HIDUP DENGAN AMAN. SEMUA ORANG MEMILIKI LADANGNYA SENDIRI DAN ADA BANYAK MAKANAN. ALLAH MEMBERKATI MEREKA LEBIH DARI BANGSA LAIN.
MAKAN MALAM SUDAH SIAP.
SEBENTAR LAGI SEJURUS BATU INI DIKELUARKAN.


SEPERTI YANG ALLAH JANJIKAN, ORANG IBRANI BERTAMBAH RAMAI DAN MEMENUHI TANAH ITU. BANDAR-BANDAR MEREKA DIPERINTAH DALAM KEADAAN ADIL DAN SAKSAMA. BANGSA YANG BARU ITU DIPANGGIL ISRAEL.
DAMAI BAGIMU, SAUDARIKU. BAGAIMANA KEADAAN IKAN HARI INI?
SEGAR SELALU SEPERTI BIASA.


YEHOVAH TELAH MENGALAHKAN MUSUHMU, TETAPI MASIH ADA PENYEMBAHAN BERHALA DI NEGERI INI. PILIHLAH PADA HARI INI KEPADA SIAPA ENGKAU AKAN BERIBADAH; SAMA ADA KEPADA ALLAH-ALLAH PALSU BANGSA INI, ATAU KEPADA ALLAH ABRAHAM. BAGIKU DAN SEISI RUMAHKU, KAMI AKAN BERIBADAH KEPADA TUHAN.
ALLAH MELARANG KITA MENINGGALKAN TUHAN UNTUK BERIBADAH KEPADA TUHAN-TUHAN LAIN; KERANA DENGAN DAHSYAT ALLAH MELEPASKAN KITA DARI TANAH PERHAMBAAN DI MESIR, MEMBAWA DAN MENJAGA KITA DI PADANG GURUN.
KAMI BERJANJI AKAN BERIBADAH KEPADA TUHAN.


DAN TUHAN MENYINGKIRKAN BANGSA LAIN DARI HADAPAN KITA, TERMASUKLAH ORANG AMORI YANG TINGGAL DI NEGERI INI. OLEH ITU, KAMI JUGA AKAN MELAYANI TUHAN; KERANA DIA ADALAH ALLAH KITA.
ALLAH IALAH ALLAH YANG KUDUS; DIA ALLAH YANG CEMBURU; JIKA ENGKAU MENINGGALKAN-NYA DAN MENGIKUT BERHALA, DIA AKAN MENGHUKUM DAN MEMBINASAKAN ENGKAU.


ENGKAU ADALAH SAKSI KEPADA DIRIMU SENDIRI BAHAWA ENGKAU MEMILIH TUHAN UNTUK BERIBADAH KEPADA-NYA.
KAMI ADALAH SAKSI.
AKU AKAN MENULIS PERJANJIAN YANG ENGKAU TELAH BUAT DENGAN ALLAH PADA HARI INI.
SEPERTIMANA KAMI MENTAATI MUSA, KAMI JUGA AKAN MENTAATI ENGKAU; HANYA TUHAN, ALLAHMU MENYERTAI ENGKAU, SEPERTI DIA MENYERTAI MUSA. SESIAPA YANG MENDERHAKA KEPADA PERINTAH ALLAH AKAN DIHUKUM MATI.


BANGSA ITU DIPERINTAH OLEH PARA HAKIM YANG BERBICARA DENGAN ALLAH DAN YANG MEMBACA PERINTAH MUSA. MEREKA MENJELASKAN HUKUM ALLAH KEPADA RAKYAT DAN MEMIMPIN MEREKA UNTUK MENTAATI ALLAH.
KELUARAN 21:28-29; YOSUA 24:15-24
APAKAH YANG DIKATAKAN OLEH HUKUM ALLAH TENTANG LEMBU YANG TELAH MENANDUK SESEORANG?
MUSA BERKATA PEMILIKNYA HARUS BERTANGGUNGJAWAB DAN LEMBU ITU HARUS DIBUNUH.


UNTUK SEKETIKA BANGSA ITU MENGINGAT MUKJIZAT YANG ALLAH LAKUKAN PADA MASA MUSA DAN YOSUA. MEREKA BERSYUKUR KERANA BEBAS DARI PERHAMBAAN DI MESIR. MEREKA MELAYANI ALLAH YEHOVAH DAN MEMPERSEMBAHKAN KORBAN PERSEMBAHAN SEPERTI YANG DIPERINTAHKAN.
AYAH, MENGAPA PARA IMAM MEMBUNUH KAMBING KITA? ADAKAH MALAIKAT PEMUSNAH AKAN MELINTASI KITA SEPERTI YANG BERLAKU KEPADA NENEK MOYANG KITA DI MESIR?
TIDAK, ANAKKU, MALAIKAT PEMUSNAH ITU TIDAK AKAN DATANG, TETAPI DARAH KAMBING INI AKAN MENUTUPI DOSA KITA DAN MENYEBABKAN KITA DITERIMA DI SISI ALLAH.


BANGSA ITU BERJANJI KEPADA YOSUA BAHAWA MEREKA AKAN MENYEMBAH ALLAH DAN MEMELIHARA PERINTAH-NYA, TETAPI BUKAN SEMUA ORANG DAPAT TERUS MENYEMBAH YEHOVAH.
APABILA ZAMAN MUKJIZAT BERLALU, GENERASI SETERUSNYA TELAH MELUPAKAN ALLAH YANG HIDUP DAN MULAI MENYEMBAH PATUNG-PATUNG. MEREKA JUGA MENYEMBAH NENEK MOYANG MEREKA.


SEPERTI AMARAN YOSUA, ALLAH MENGHANTAR ORANG KAFIR MENGHANCURKAN ISRAEL.
TIDAK! SELAMATKAN AKU BAAL!
YAHHHH!
HAKIM-HAKIM 3:7-8, 12-13, 4:1-2, 10:6-7


KETIKA HUKUMAN TERJADI KE ATAS UMAT ALLAH, MEREKA TERINGAT HUKUM-NYA DAN MENGAKUI DOSA MEREKA.
O YEHOVAH, AMPUNILAH DOSA KAMI DAN BERILAH KEAMANAN KEPADA KAMI.
APABILA MEREKA MENGAKU DOSA MEREKA, DIA MENGAMPUNI DAN MEMULIHKAN TANAH MEREKA.


BANGSA ITU SEMAKIN BOSAN MENGIKUT PARA HAKIM YANG MENCARI ALLAH DAN MEMIMPIN BANGSA ITU KELUAR DARI BUKU ALLAH, JADI MEREKA MEMUTUSKAN UNTUK MELANTIK SEORANG RAJA YANG AKAN MEMERINTAH MEREKA.
TANAHMU AKAN DIRAMPAS DEMI KEBAIKAN KERAJAAN. ENGKAU BOLEH TINGGALKAN ANAK PEREMPUANMU DI SINI. KAMI AKAN MENJAGANYA DENGAN BAIK.


SEORANG NABI DAN HAKIM BERNAMA SAMUEL MEMPERINGATKAN MEREKA BAHAWA DENGAN MELANTIK SEORANG RAJA MEREKA TELAH MENOLAK ALLAH SEBAGAI PEMERINTAH MEREKA, TETAPI MEREKA TIDAK MAHU BERJALAN DENGAN IMAN. RAJA SAUL MENGANIAYA MEREKA, MENGAMBIL WANG MEREKA, HARTA, MENJADIKAN ANAK LELAKI MEREKA HAMBA DAN MENDERA ANAK PEREMPUAN MEREKA.


KETIKA RAJA SAUL SUDAH TUA, ROH JAHAT MENGUASAINYA DAN PERANGAINYA TIDAK TERKAWAL.
PADA SUATU HARI, DIA MELEMPARKAN LEMBING MAHU MEMBUNUH SEORANG BUDAK LELAKI BERNAMA DAUD YANG BERMAIN KECAPI UNTUKNYA.
1 SAMUEL 8
SAUL SEMAKIN BERDOSA. DIA CEMBURU DENGAN SEMUA ORANG DAN HIDUP DALAM KETAKUTAN. ROH JAHAT TELAH BERJANJI MEMBERINYA KUASA DAN KEKAYAAN, TETAPI IA HANYA MEMBAWA PENDERITAAN DAN KESENGSARAAN JIWA.


SAUL MENINGGALKAN ALLAH YANG HIDUP DAN BERUNDING DENGAN AHLI SIHIR.
AKU MELIHAT KEGELAPAN. IA TIDAK BAIK. ENGKAU AKAN MATI DALAM PEPERANGAN DAN ORANG LAIN AKAN MENGAMBIL TEMPATMU.
SAUL MATI DALAM PEPERANGAN DAN JIWANYA DICAMPAKKAN KE DALAM NERAKA.


ALLAH MEMILIH SEORANG YANG MUDA MENGGANTIKAN SAUL SEBAGAI RAJA. DIA ADALAH SEORANG BUDAK GEMBALA YANG MENGASIHI ALLAH DAN MEMELIHARA PERINTAH-NYA; ORANG SAMA YANG CUBA DIBUNUH SAUL.
TUHAN ADALAH GEMBALAKU. AKU TAK AKAN KEKURANGAN APA PUN. DIA MEMBARINGKAN AKU DI RUMPUT YANG HIJAU. DIA MEMULIHKAN JIWAKU.
DAUD SEORANG YANG BENAR DAN DIKASIHI ALLAH. MUNGKINKAH DIA ADALAH ORANG YANG PILIH ALLAH UNTUK MENYELAMATKAN MANUSIA DARI DOSA DAN KEMATIAN? ADAKAH DAUD, ORANG YANG DIJANJIKAN ITU?
1 SAMUEL 18:10-11, 3:4, 16:1-13; MAZMUR 23:1-3


DAUD MENULIS: BERBAHAGIALAH ORANG YANG TIDAK MENGIKUT NASIHAT ORANG JAHAT, TIDAK MENGIKUT CONTOH ORANG BERDOSA, ATAU BERGAUL DENGAN ORANG YANG MENGHINA ALLAH, TETAPI SUKA MENTAATI TAURAT TUHAN DAN MERENUNGKANNYA SIANG DAN MALAM.


MEREKA BERJAYA DALAM SEGALA USAHA; MEREKA SEPERTI POKOK YANG DITANAM DI TEPI SUNGAI YANG BERBUAH PADA MUSIMNYA, DAN TIDAK PERNAH LAYU DAUNNYA. TETAPI ORANG JAHAT TIDAK BEGITU; MEREKA SEPERTI SEKAM YANG DITIUP ANGIN.
ORANG JAHAT AKAN DIHUKUM OLEH ALLAH, DAN DIPISAHKAN DARI UMAT-NYA. ORANG YANG TAAT, DIPIMPIN DAN DILINDUNGI TUHAN TETAPI ORANG YANG JAHAT MENUJU KEBINASAAN.


KETIKA SAUL MATI, DAUD MENJADI RAJA ISRAEL, DAN MEMIMPIN RAKYAT ITU MENYEMBAH ALLAH DAN MEMELIHARA PERINTAH-NYA.
KEMBALIKAN TANAH PEREMPUAN INI KEPADANYA, DAN PERHATIKAN AGAR DIA TIDAK DIKENAKAN CUKAI.
2 SAMUEL 2:4; MAZMUR 1; KISAH PARA RASUL 13:22-23
DI BAWAH PEMERINTAHAN DAUD BANGSA ITU AMAN MAKMUR..


ALLAH BERFIRMAN KEPADA DAUD DAN MENYATAKAN BANYAK PERKARA TENTANG MASA HADAPAN. DAUD MENULIS NUBUATAN ITU DI DALAM KITAB MAZMUR. BANYAK DIANTARANYA TELAH DIGENAPI.
DIA AKAN MENGHAKIMI UMAT-MU DENGAN KEADILAN DAN ORANG MISKIN DENGAN PENGHAKIMAN. DIA AKAN MEMBELA ANAK-ANAK MISKIN DAN MENGALAHKAN PENINDAS MEREKA. PADA ZAMANNYA ORANG BENAR DIBERKATI; DAN LIMPAHAN KEDAMAIAN SELAGI BULAN MASIH ADA. KERAJAANNYA MELUAS DARI LAUT KE LAUT, DAN DARI SUNGAI SAMPAI KE HUJUNG BUMI.


DAUD ADALAH SEORANG YANG SOLEH, TETAPI DIA MELAKUKAN DOSA, JADI DIA TIDAK BOLEH MENJADI SEORANG YANG DIJANJIKAN ITU. DIA MENULIS TENTANG PENEBUS YANG AKAN DATANG:
YA, SEMUA RAJA AKAN REBAH DI HADAPANNYA; SEMUA BANGSA AKAN MENYEMBAH KEPADANYA. DIA AKAN MENEBUS JIWA MEREKA DARI PENIPUAN DAN KEKERASAN: DAN DIA AKAN HIDUP. SEMOGA DOA DIUCAPKAN UNTUKNYA SEPANJANG MASA; TERPUJILAH DIA SELAMA-LAMANYA. NAMANYA KEKAL SELAMANYA; NAMANYA KEKAL MASYHUR SEPERTI MATAHARI; MANUSIA DIBERKATI DI DALAMNYA: SEMUA BANGSA AKAN MENYEBUTNYA YANG BERBAHAGIA. (MAZMUR 72)


ALLAH BERFIRMAN KEPADA DAUD: SELEPAS ENGKAU MATI, AKU AKAN MENUBUHKAN KERAJAAN DI BAWAH ANAK LELAKIMU. DIA AKAN MEMBINA SEBUAH BAIT SUCI UNTUK MENYEMBAH, DAN MENETAPKAN KERAJAANNYA SELAMA-LAMANYA.
SETELAH DAUD MATI, SALOMO ANAK LELAKINYA MENJADI RAJA (971 S.M.). BERDASARKAN ARAHAN YANG DIBERIKAN ALLAH, SALOMO MEMBINA SEBUAH BAIT SUCI (966 S.M.) UNTUK MENGGANTIKAN KHEMAH SUCI USANG SEMASA DI PADANG GURUN.


BANGSA ISRAEL HIDUP MAKMUR. SESUNGGUHNYA ALLAH MENEPATI JANJI-NYA, MEMBAWA DAN MEMBERKATI MEREKA DI NEGERI ITU.
2 SAMUEL 7:12-16; MAZMUR 72:1-20
TETAPI MASIH ADA SATU JANJI YANG MASIH BELUM DIGENAPI IAITU KEDATANGAN SANG PENYELAMAT YANG AKAN MENGHANCURKAN PEKERJAAN IBLIS. BANGSA ITU MASIH BERDOA, DAN MASIH MEMPERSEMBAHKAN KORBAN UNTUK MENEBUS DOSA. TETAPI MEREKA BERSYUKUR KERANA ALLAH MEMBERIKAN JALAN UNTUK MENUTUP DOSA MEREKA SAMPAI MASANYA PEMBEBAS DATANG MENGHAPUSKAN DOSA SELAMA-LAMANYA.

ORANG RAMAI DATANG KE BAIT SUCI UNTUK MENDENGAR AJARAN KITAB SUCI. MEREKA GEMBIRA MENDENGAR NUBUATAN KEDATANGAN PENYELAMAT.




DAUD MENULIS BANYAK SEKALI TENTANG KEDATANGAN PEMBEBAS ITU: TUHAN BERFIRMAN KEPADA TUANKU RAJA, "DUDUKLAH DI SEBELAH KANAN-KU, SEHINGGA AKU MENAKLUKKAN MUSUHMU KEPADAMU." (MAZMUR 110:1). TAKHTA YANG DIKURNIAKAN ALLAH KEPADA TUANKU AKAN KEKAL SELAMA-LAMANYA. TUANKU MEMERINTAH RAKYAT DENGAN ADIL; TUAKU MENCINTAI PERKARA YANG BENAR DAN MEMBENCI PERKARA YANG JAHAT. OLEH ITU, ALLAH TUANKU TELAH MEMILIH TAUNKU, DAN MEMBAHAGIAKAN TUANKU LEBIH DARIPADA RAJA LAIN. (MAZMUR 45:6-7)


LEBIH BANYAK NUBUATAN TENTANG KEDATANGAN PENYELAMAT:
AKU AKAN MENJADIKAN DIA PUTERA-KU YANG SULUNG, DAN MENJADIKAN DIA RAJA YANG TERAGUNG DI BUMI.
(MAZMUR 89:27)
OLEH ITU AKU MENYAHUT, "INILAH AKU; ARAHAN-MU UNTUKKU TERCATAT DI DALAM KITAB TAURAT."
(MAZMUR 40:8)
AKU AKAN MENGGUNAKAN PERUMPAMAAN APABILA BERTUTUR DENGAN MEREKA; AKU AKAN MEMBERITAHU MEREKA PERKARA-PERKARA YANG TERSEMBUNYI SEJAK DUNIA DICIPTAKAN:
(MAZMUR 78:2; MATIUS 13:34-35)


DAUD MENULIS PERKARA YANG ANEH TENTANG MESIAS YANG AKAN DATANG: TENAGAKU HILANG, HILANG SEPERTI AIR TUMPAH. SEMUA TULANGKU TERKEHEL; HATIKU MELELEH SEPERTI LILIN. KERONGKONGKU KERING SEPERTI DEBU, DAN LIDAHKU MELEKAT DI LELANGIT. ENGKAU TINGGALKAN AKU DI ATAS DEBU, SEPERTI ORANG YANG SUDAH MATI. SEKUMPULAN ORANG JAHAT MENGELILINGI AKU; SEPERTI SEKUMPULAN ANJING, MEREKA MENGEPUNG AKU; MEREKA MENYIAT TANGAN SERTA KAKIKU. SEMUA TULANGKU KELIHATAN. MUSUH MEMANDANG AKU SEBAGAI TONTONAN; MEREKA MEMBAHAGI-BAHAGIKAN PAKAIANKU DAN MEMBUANG UNDI UNTUK JUBAHKU.
(MAZMUR 22:14-18)


SALOMO MEMERINTAH LAMA DAN MAKMUR, TETAPI SETELAH DIA MENINGGAL, KERAJAAN ITU TERPISAH SEBAHAGIAN DI UTARA DAN MEMILIH RAJA MEREKA YANG JAHAT BERNAMA YEROBEAM (975 SM).
INILAH ALLAH YANG MEMBAWA ENGKAU KELUAR DARI MESIR DAN INI ADALAH IMAM-IMAMNYA.
TAPI BAGAIMANA DENGAN PERINTAH MUSA DAN BAIT SUCI YANG DIBINA ALLAH DI YERUSALEM?
1 RAJA-RAJA 12:20, 28-29, MAZMUR 2:7, 12, 22:6, 14-18, 40:8, 45:6-7, 78:2, 89:27, 110:1, 4, 132:11; MATIUS 13:34-35


KERAJAAN UTARA BERADA JAUH DARI BAIT SUCI DI YERUSALEM. JADI MEREKA MEMBINA TEMPAT MENYEMBAH MEREKA SENDIRI YANG LENGKAP DENGAN BERHALA DAN PATUNG LEMBU EMAS.
ADA BANYAK JALAN KEPADA ALLAH. BEBERAPA ORANG MEMANGGIL-NYA YEHOVAH, ADA YANG MEMANGGILNYA ALLAH, ADA JUGA YANG MEMANGGILNYA CHEMOSH, TAPI KITA MEMANGGILNYA BAAL.
TETAPI BAGAIMANA DENGAN KITAB SUCI YANG ALLAH BERIKAN KEPADA PARA NABI-NYA? IA MEMERINTAHKAN KITA AGAR JANGAN ADA ALLAH LAIN? IA BERKATA HANYA ADA SATU ALLAH DAN HANYA ADA SATU JALAN.


ADAKAH ENGKAU FIKIR ALLAH BERFIKIRAN SEMPIT?
AKU TIDAK MAHU MENDENGAR SEMUA INI LAGI! PENYEMBAHAN BAAL KINI ADALAH AGAMA RASMI DI TANAH INI. ORANG KAFIR AKAN DIBUNUH!


APABILA PARA IMAM MEMILIH PATUNG LEMBU EMAS UNTUK DISEMBAH TANPA DISEDARI TELAH MEMILIH IMEJ LUCIFER, KERUB YANG BERDOSA. MEREKA MENYEMBAH IBLIS, DAN DIA BERGEMBIRA; KERANA DIA MEMALINGKAN ORANG JAUH DARI JANJI ALLAH TENTANG PENEBUS YANG AKAN DATANG.
WAHAI BAAL, TERIMALAH PENGORBANAN KAMI INI.
TERPUJILAH ENGKAU, RATU SYURGA, IBU TUHAN. DENGARLAH DAN AMPUNILAH DOSA KAMI.


APAKAH YANG ENGKAU LAKUKAN DI TEMPAT SUCI INI?
DI DALAM NAMA YEHOVAH, DENGARLAH FIRMAN TUHAN. SEORANG ANAK AKAN LAHIR DARI KETURUNAN DAUD YANG AKAN MENJADI PEMBEBAS. NAMANYA IALAH YOSIA DAN DI ATAS MEZBAH INI DIA AKAN MEMBAKAR PARA IMAM BAAL.
1 RAJA-RAJA 12:28, 13:1-2; YEREMIA 44:17-25; YEHEZKIEL 1:10, 10:14, 28:14


TERGAMAK ENGKAU BERKATA SEDEMIKIAN. TIADA SIAPA YANG TAHU AKAN MASA DEPAN MELAINKAN PARA DEWA-DEWI.
OLEH FIRMAN TUHAN AKU BERKATA KEPADAMU BAHAWA TULANG IMAM-IMAM INI AKAN DIBAKAR YOSIA DI ATAS MEZBAH INI.


ALLAH AKAN MEMBERIMU TANDA BAHAWA AKU BERBICARA BAGI-NYA. TEPAT PADA HARI INI MEZBAH TEMPAT ENGKAU MENYEMBAH BERHALA INI AKAN TERBELAH MENJADI ABU.


HA, HA, HA! DENGARKANLAH ORANG ALIM BODOH ITU. DIA FIKIR DIA BETUL, YANG LAIN SALAH.
TANGKAP DIA! BUNUH DIA. BERANI SUNGGUH DIA MELAWAN AGAMA ORANG LAIN!


LENGANKU MENYUSUT! YEHOVAH TELAH MENGHUKUMKU. BERDOALAH AGAR DIA MENYEMBUHKANKU.


TUHAN ALLAH, NYATAKANLAH DIRI-MU PADA HARI INI. SEMBUHKANLAH.




1 RAJA-RAJA 13:2-6


RUNTUH!
BOOOOM!
EIIII!
NOOOO!
YEHOVAH, CEPATNYA?


SESUNGGUH ENGKAU ADALAH HAMBA ALLAH! TIDAK PERNAH ADA NABI BAAL MELAKUKAN PERKARA SEDEMIKIAN. IKUT AKU. KITA AKAN SEGARKAN DIRI DENGAN MAKANAN DAN MINUMAN, SETERUSNYA MEMBERIMU KEKAYAAN DAN PENGHORMATAN ATAS JASA BESARMU KEPADA ALLAH PADA HARI INI.
TIDAK, AKU TIDAK BOLEH PERGI DENGANMU. ALLAH BERFIRMAN KEPADAKU AGAR TIDAK MAKAN DAN MINUM SEMASA BERADA DI ISRAEL, DAN TIDAK BOLEH KEMBALI SEPERTI PADA MASA AKU DATANG.


DIA TELAH MUSNAHKAN AGAMAKU. TIDAK ADA YANG TINGGAL.
TETAPI KATAMU TULANG PARA IMAM AKAN DIBAKAR DI ATAS MEZBAH INI. MEZBAH TELAH HANCUR DAN TIADA SIAPA YANG MATI.
ITU ADALAH FIRMAN ALLAH BUKAN KATA-KATAKU.
1 RAJA-RAJA 13:5, 7-9

JADI SEPERTI YANG ALLAH PERINTAHKAN, NABI-NYA KEMBALI MELALUI LALUAN YANG BERBEZA. DIA PERNAH HIDUP TANPA MAKANAN ATAU MINUMAN SELAMA DUA HARI DAN DIA SANGAT DAHAGA SERTA LAPAR. DUA ORANG PEMUDA YANG MENYEMBAH PATUNG LEMBU EMAS PADA HARI ITU, MENGIKUTINYA UNTUK MELIHAT ARAH MANAKAH DIA AKAN PERGI.




AYAH, AKU TIDAK PERCAYA JIKA TIDAK MELIHATNYA. IA SEPERTI NABI-NABI LAMA ISRAEL.
CEPAT! SIAPKAN PELANA KELDAI! AKU MESTI CARI DIA!
AYAH, ADAKAH DIA BERKATA BENAR? BENARKAH HANYA YEHOVAH ALLAH YANG HIDUP? ADAKAH BERHALA KITA TIDAK LAIN HANYA EMAS DAN KAYU?


DIA MENJUMPAI NABI YEHOVAH DUDUK DI BAWAH POKOK. DIA HENDAK MENDEKATI ORANG YANG MEMPUNYAI KUASA YANG HEBAT INI. DIA PERNAH MENJADI NABI YEHOVAH, TETAPI APABILA KERAJAAN TERPECAH DIA MENGIKUTI PENYEMBAHAN BERHALA SEBANGSANYA. ALASANNYA, "BUKANKAH SEMUA AGAMA SAMA?"


ENGKAU PASTI HAMBA ALLAH DARI YEHUDA. ENGKAU KELIHATANNYA PENAT. PULANGNYA DENGANKU DAN AKU AKAN MENYAJIKAN MAKANAN DAN MINUMAN KEPADAMU.
TAK BOLEH, ALLAH TELAH BERFIRMAN KEPADAKU UNTUK TIDAK MAKAN DAN MINUM DI TEMPAT INI.
TETAPI, AKU JUGA SEORANG NABI SEPERTIMU, DAN AWAL PAGI INI MALAIKAT TELAH BERCAKAP DENGANKU DAN MENYURUHKU MEMBAWAMU KE RUMAHKU UNTUK MAKAN DAN MINUM.
TERIMA KASIH ALLAH, AKU SANGAT DAHAGA.


MAKANANNYA LAZAT, TETAPI AKU HARUS KEMBALI KE YEHUDA.
YEHOVAH TELAH BERFIRMAN, "KERANA ENGKAU TIDAK MEMATUHI PERINTAH ALLAH YEHOVAH, TETAPI TELAH MAKAN DAN MABUK DI TEMPAT INI, MAYATMU TIDAK AKAN KEMBALI KE YEHUDA UNTUK DIKUBURKAN DI PERKUBURAN KELUARGAMU."
AYAH, ENGKAU BERNUBUAT. ADAKAH ALLAH BERFIRMAN KEPADAMU?
IYA ANAKKU, PERTAMA KALI SELAMA BERTAHUN-TAHUN.



1 RAJA-RAJA 13:10-22


NABI ITU PERGI DENGAN BERAT HATI, MENGETAHUI ALLAH SANGAT SETIA KEPADA FIRMAN-NYA. DIA TAHU DIA AKAN MATI. DIA TIDAK MENYANGKA IANYA AKAN BERLAKU CEPAT, ATAU DENGAN CARA BEGINI.
EIIII!


ITU NABI DARI YEHUDA.
SANGAT ANEH SINGA DAN KELDAI DUDUK DI SANA BERSAMA SEPERTI SEDANG MENJAGA MAYAT ITU.
AKU BELUM PERNAH MELIHAT SEPERTI INI. SINGA ITU MEMBUNUH TETAPI HANYA DUDUK DAN TIDAK MEMAKANNYA.


NABI PALSU ITU MENGAMBIL MAYAT HAMBA ALLAH ITU DAN MENGUBURKANNYA DI KUBURNYA SENDIRI DI KALANGAN KUBUR PARA NABI BAAL, DEKAT DENGAN MEZBAH YANG DIMUSNAHKAN ALLAH.
ALLAH MEMBUNUHNYA KERANA KETIDAKTAATANNYA. PASTI SEMUA YANG DIA NUBUATKAN AKAN BERLAKU.
HAMBA ALLAH ITU DIKEBUMIKAN DAN SEGERA AKAN DILUPAKAN KECUALI BEBERAPA ORANG. MEZBAH ITU DIBAIKI DAN HAMPIR 300 TAHUN KEMUDIAN MASIH DIGUNAKAN OLEH PENYEMBAH BAAL, TETAPI TIDAK SEORANG PUN YANG TULANGNYA DIBAKAR DI ATAS MEZBAH ITU SEPERTI YANG DINUBUATKAN OLEH HAMBA ALLAH ITU.
1 RAJA-RAJA 13:23-31; 2 RAJA-RAJA 21:24, 22:8-11, 23:1-3

300 TAHUN KEMUDIAN, RAJA YANG BERNAMA YOSIA MEMERINTAH DI YEHUDA (640 SM). DIA PERGI KE BAIT SUCI DAN MENJUMPAI SALINAN KITAB SUCI. IA SEDAR BAHAWA BANGSA ITU TELAH MELUPAKAN ALLAH YANG HIDUP DAN MENGIKUT BERHALA, JADI DIA MEMERINTAHKAN SEMUA PEMIMPIN, NABI-NABI DAN IMAM-IMAM SERTA SEMUA PENDUDUK YERUSALEM BERKUMPUL DAN MENDENGAR KITAB ITU DIBACA.





IBU SUCI, SELAMATKANLAH KAMI!
BANGSA ITU MEMATUHI HUKUM ALLAH DAN MENGHANCURKAN SEMUA BERHALA DI NEGERI ITU. MEREKA MEMBUNUH SEMUA IMAM YANG MENYEMBAH MATAHARI, BULAN, PLANET DAN KEPADA RATU SYURGA.


HUKUM ALLAH, YANG DIBERIKAN MUSA, MELARANG HOMOSEKSUAL, JADI SEMUA PELIWAT DIHALAU KELUAR DARI NEGERI ITI.
TIDAK ADA TOLERANSI LANGSUNG.


MEREKA JUGA MEMBERSIHKAN NEGERI ITU DARIPADA SEMUA YANG BERHUBUNG DENGAN ROH-ROH, PERANTARA, DAN AHLI SIHIR.
PECAHKAN BOLA KRISTALNYA DAN BAKAR RUMAHNYA JUGA.
2 RAJA-RAJA 23:5, 7, 10, 24


YOSIA NAIK KE TEMPAT TINGGI YANG SAMA DENGAN YEROBEAM, RAJA PERTAMA KERAJAAN UTARA, 300 TAHUN LEBIH AWAL.
MEREKA MEROBOHKAN MEZBAH, MENGHANCURKAN SEMUA BERHALA, MENEBANG POKOK DAN MENGISARKANNYA.
TETAPI ADA SATU ALLAH YANG TIDAK DISEMBAH MELALUI IMEJ. IMAM-IMAM PALSU INI TELAH MEMIMPIN BANGSA INI JAUH DARI YEHOVAH.


ENGKAU HARUS MATI.
SEKALI LAGI MEZBAH ITU TERBELAH DUA MENJADI ABU.


SEMUA IMAM PALSU ITU DIBUNUH DAN MAYAT MEREKA DIBAKAR BERSAMA RERUNTUHAN MEZBAH ITU.
ADA TANAH PERKUBURAN IMAM-IMAM PALSU BERDEKATAN. UNTUK MENGELAKKAN BANGSA ITU MENYEMBAH KUBURAN MEREKA, YOSIA MENGGALI KUBUR ITU DAN MENGAMBIL TULANG MEREKA LALU MEMBAKARNYA DI ATAS MEZBAH.
2 RAJA-RAJA 23:15-16


BAKAR SEMUA TULANG-TULANG ITU.
DAN BEGITU JUGA NUBUATAN YANG BERUSIA 300 TAHUN ITU SUDAH DIGENAPI, SEPERTI YANG DIKATAKAN OLEH HAMBA ALLAH ITU.
TINGGALKAN TULANG ITU. BAKAR YANG LAIN. PENYEMBAHAN BERHALA INI HARUS BERAKHIR JIKA ALLAH HENDAK MEMBERKATI KITA.
TETAPI KEMURAHAN HATIMU, INI ADALAH MAKAM HAMBA ALLAH YANG DATANG DARI YEHUDA LEBIH 300 TAHUN YANG LALU, YANG BERNUBUAT TENTANG HARI INI. KATANYA, SEORANG LELAKI BERNAMA BERNAMA YOSIA, ITU ADALAH ENGKAU, AKAN DATANG DAN MELAKUKAN PERKARA YANG ENGKAU LAKUKAN HARI INI.


SEKARANG PENYEMBAHAN BERHALA SUDAH HILANG, RAJA YOSIA MEMERINTAHKAN SEMUA ORANG MEMELIHARA PASKAH SEBAGAI MEMPERINGATI YEHOVAH, YANG MEMBAWA NENEK MOYANG MEREKA KELUAR DARI MESIR DAN MEMBERIKAN MEREKA TANAH INI.
TERPUJILAH ENGKAU, YA TUHAN ALLAH KAMI, RAJA ALAM SEMESTA, YANG MENGELUARKAN ROTI DARI BUMI.


@ RAJA-RAJA 23:17-18, 21-22
AYAH, BAGAIMANA HARI INI BERLAINAN DENGAN HARI YANG LAIN?
JADI AYAH MENCERITAKAN KISAH LAMA KEPADA MEREKA BAGAIMANA ALLAH MEMBEBASKAN MEREKA DARI PERHAMBAAN DI MESIR DAN MEMBERIKAN MEREKA HUKUM SERTA KHEMAH SUCI. DIA MENCERITAKAN BAGAIMANA DARAH PADA TIANG PINTU MENYELAMATKAN ANAK LELAKI SULUNG DARI MALAIKAT PEMUSNAH. IA ADALAH PASKAH BESAR YANG PERNAH ADA.



# BAB 6

# Elia


ADA SEORANG LELAKI BERNAMA AHAB MENJADI RAJA ISRAEL, KERAJAAN UTARA (918 S.M.). DIA TINGGAL DI SAMARIA BERHAMPIRAN DENGAN ORANG ZIDON YANG ADALAH PENYEMBAH BAAL. AHAB BERKAHWIN DENGAN IZEBEL, ANAK PEREMPUAN SEORANG IMAM BAAL.


IZEBEL DIKENALI SEBAGAI ORANG YANG BERSEMANGAT DALAM AGAMANYA. DIA MENGHINA ALLAH ISRAEL DAN MENGANGKAT PENYEMBAHAN BAAL DI SELURUH NEGERI ITU.


CARI SEMUA NABI YEHOVAH DAN BUNUHLAH MEREKA. BAAL AKAN MENJADI ALLAH KITA.
RAJA MEMPUNYAI SEORANG HAMBA YANG BERNAMA OBAJA YANG MENYEMBAH YEHOVAH.
AKU HARUS MENCARI PARA NABI ALLAH DAN MEMBERI AMARAN KEPADA MEREKA.


OBAJA MENYEMBUNYIKAN 100 NABI DI DALAM SEBUAH GUA DAN MEMBAWA MAKANAN SERTA MINUMAN KEPADA MEREKA.
1 RAJA-RAJA 16:28, 31, 18:4


TETAPI ADA SEORANG NABI ALLAH YANG HIDUP TIDAK BERSEMBUNYI; ELIA.


WAHAI RAJA AHAB, KERANA ENGKAU MENINGGALKAN ALLAH BAPA LELUHURMU, DAN MENGIKUT ISTERIMU IZEBEL YANG HIDUP DALAM KEJAHATAN, YEHOVAH TELAH BERFIRMAN BAHAWA TIDAK AKAN ADA HUJAN DI ISRAEL SEHINGGA AKU BERFIRMAN ADA.
HA, HA! JADI ENGKAU FIKIR ENGKAU ADALAH NABI? AKU ADA SERIBU NABI DAN MEREKA TIDAK KATAKAN APA-APA TENTANG KEMARAU. KITA MENGALAMI HUJAN YANG LEBAT KEBELAKANGAN INI. ENGKAU ORANG SOLEH PENIPU. PERGI DARI JALANKU.


KEBULURAN MELANDA DAN SEMAKIN TERUK. NABI-NABI PALSU MEMANGGIL BAAL TETAPI TIADA JAWAPAN. KEMARAU BERTERUSAN TANPA SETITIK HUJAN. ELIA TELAH PERGI KE RUMAH SEORANG JANDA DAN JANDA ITU MEMBERIKANNYA TEMPAT TINGGAL SERTA MAKANAN SEHINGGA KEMARAU BERAKHIR.
BOLEHKAH ENGKAU MEMBERIKANKU AIR MINUMAN DAN SEDIKIT ROTI UNTUK DIMAKAN?
SEBENARNYA AKU HANYA MEMPUNYAI TEPUNG SECUKUPNYA DAN MINYAK YANG HANYA BOLEH MEMBAKAR DUA KEPING ROTI. INI CUKUP UNTUK AKU DAN ANAK LELAKIKU. KAMI AKAN MEMAKANNYA, SELEPAS ITU HANYA BERBARING MENUNGGU MATI. TIDAK ADA LAGI HARAPAN. ALLAH TELAH MENGHUKUM KAMI KERANA DOSA KAMI.


JANGAN TAKUT. ALLAH AKAN MEMELIHARAMU.
BAKAR ROTI ITU DAN BAWALAH KEPADAKU DULU. SELEPAS ITU ENGKAU DAN ANAKMU BOLEHLAH MAKAN. UNTUK INI, YEHOVAH BERFIRMAN, ALLAH ISRAEL, “TONG MAKANAN DAN BALANG MINYAK KAMU TIDAK AKAN HABIS SEHINGGA HARI ALLAH MENURUNKAN HUJAN ATAS ISRAEL.”


BENAR! MASIH TERDAPAT MAKANAN DI DALAM TONG MAKANAN DAN MINYAK DI BALANG ITU!
1 RAJA-RAJA 17:1, 10-16


KAMI TIDAK BOLEH CURAHKAN SEMUANYA! IA TERUS MELIMPAH!
IANYA MUKJIZAT! ALLAH ITU BAIK.
UNTUK DUA TAHUN SETERUSNYA, KETIGA MEREKA TERUS MAKAN ROTI DARI TONG MAKANAN ITU.


SUATU HARI ELIA PULANG KE BILIKNYA DI RUMAH JANDA ITU, MENDAPATI ANAK LELAKINYA SUDAH MENINGGAL.
DIA MENGALAMI DEMAM DAN MENINGGAL.


APA YANG AKU TELAH LAKUKAN YANG MENYAKITIMU? ADAKAH ENGKAU KE SINI UNTUK MENGINGATKAN AKU AKAN DOSAKU DAN AKAN ALLAH YANG MEMBUNUH ANAKKU?
MASIH ADA ALLAH DI ISRAEL.


O YEHOVAH, BIARLAH NYAWA BUDAK INI KEMBALI KE TUBUHNYA.


ALLAH MENDENGAR DOA ELIA DAN NYAWA BUDAK ITU KEMBALI KE TUBUHNYA.




1 RAJA-RAJA 17:17-24


KEBULURAN BERTERUSAN SELAMA TIGA TAHUN. BANGSA ITU KELAPARAN TETAPI MEREKA TERUS MENYEMBAH DEWA BAAL.
MENGAPA BAAL TIDAK MENDENGAR DAN MENURUNKAN HUJAN?
MUNGKIN BAAL HANYALAH PATUNG BODOH. DIA TIDAK MEMPUNYAI TELINGA.


IZEBEL DAN AHAB MENYALAHKAN ELIA ATAS KEBULURAN ITU. MEREKA MENGHANTAR TENTERA KE SELURUH NEGERI DAN JUGA KE NEGERI JIRAN UNTUK MENCARI ELIA. PERINTAH MEREKA ADALAH UNTUK MEMBUNUHNYA JIKA DIJUMPAI.
SERAHKAN ELIA KEPADA KAMI. JIKA ENGKAU SEMBUNYIKAN DIA, ENGKAU AKAN DIBUNUH.


AHAB, ADAKAH ENGKAU MENCARIKU?
ENGKAUKAH YANG MENYUSAHKAN BANGSA INI DENGAN KEBULURAN?
ENGKAULAH YANG MENYUSAHKAN BANGSA ISRAEL DENGAN BERHALAMU. MARI KITA ADAKAN PERTANDINGAN DI ANTARA YEHOVAH DAN BAAL. BAWALAH 850 NABIMU BERJUMPA DENGANKU DI GUNUNG KARMEL.
PERTANDINGAN? MENARIK! KAMI AKAN JUMPA ENGKAU DI SANA.


BEBERAPA HARI KEMUDIAN DI ATAS GUNUNG KARMEL.
BERAPA LAMAKAH ENGKAU AKAN BERDIRI DI ANTARA DUA PENDAPAT? HANYA ADA SATU ALLAH. JIKA YEHOVAH ADALAH ALLAH, SEMBAHLAH DIA SAHAJA. JIKA BAAL ADALAH ALLAH, MAKA SEMBAHLAH DIA. BUATLAH KEPUTUSAN.
AKU MENCABAR KAMU NABI-NABI BAAL. KITA AKAN TAHU SIAPAKAH ALLAH YANG BENAR.
YA, SEBUAH PERTANDINGAN DI ANTARA DEWA-DEWI. APA YANG AKAN KITA LAKUKAN?
1 RAJA-RAJA 18:1, 17-21


BERDOALAH KEPADA BAAL DAN AKU AKAN BERDOA KEPADA YEHOVAH. ALLAH AKAN MENJAWAB DOA KITA DENGAN MENGHANTAR API KE ATAS KORBAN, MAKA DENGAN ITU KITA TAHU MANAKAH ALLAH YANG BENAR DAN MENYEMBAH DIA SAHAJA. ENGKAU MEMPUNYAI BILANGAN YANG BANYAK JADI ENGKAU AKAN MULA DAHULU.
BUATLAH MAZBAH UNTUK BAAL DAN AKU AKAN MEMBUAT MEZBAH UNTUK YEHOVAH. LETAKKANLAH KAYU DI ATAS MEZBAH DAN KORBAN DI ATAS KAYU ITU, TETAPI JANGAN HIDUPKAN API.


WAHAI BAAL, DENGARKANLAH KAMI. KAMI DEDIKASIKAN KORBAN INI DEMI NAMAMU YANG HEBAT.


WAHAI BAAL, YANG HEBAT DAN BESAR.
WAHAI RATU SYURGA, DATANG DAN TOLONGLAH BAAL HARI INI.



1 RAJA-RAJA 18:22-27


ITU SAHAJAKAH? DIA SEDANG TIDUR, ENGKAU HARUS LEBIH KUAT BERTERIAK, BANGUNKAN DIA.
JANGAN PUTUS ASA. MUNGKIN JIKA KITA MELUKAI TUBUH KITA, BAAL AKAN SENANG.


PARA NABI BAAL TERDESAK DAN MULA MENGHEMPASKAN DIRI KE TANAH, MENGHIRIS TUBUH MEREKA DAN MENJERIT AGAR BAAL MENDENGARKAN MEREKA.
EIIII!
AAAAAAAAAH!
YAAAAIIIIEEEE!
INILAH DARAHKU WAHAI BAAL. DENGARKANLAH KAMI! HANTARLAH API! BUKTIKANLAH DIRIMU!


HA, HA! LIHATLAH DIRIMU! SUDAH SEMBILAN JAM ENGKAU MEMANGGIL DEWA YANG TIDAK MENJAWAB. JIKA DIA ADALAH ALLAH, PASTI DIA AKAN MEMBUKTIKANNYA.
SEKARANG TIBALAH GILIRANKU. DATANGLAH DEKAT DAN LIHATLAH APA YANG AKU AKAN LAKUKAN.
WAHAI BAAL, MENGAPA ENGKAU TIDAK MENJAWAB?
1 RAJA-RAJA 18:28-30


KENAPA DIA MENGGALI LUBANG BEGITU DALAM?
DIA HANYA MENCURI MASA AGAR HARI MENJADI GELAP.
BILAKAH ENGKAU AKAN MULA BERDOA? INI BUKAN PERTANDINGAN MENGGALI LUBANG.
PERGI DAN BAWALAH EMPAT TONG AIR, TUANGKAN KE ATAS KORBAN DAN PADA KAYU.
AIR? TIDAK AKAN TERBAKAR JIKA ENGKAU MEMBASAHINYA.


BELUM CUKUP BASAH. TUANG EMPAT TONG AIR LAGI.
NABI INI SUDAH GILA. DIA TIDAK AKAN MELIHAT SENJA.
ADAKAH DIA KEHILANGAN AKAL? MENGAPAKAH RAJA BERURUSAN DENGANNYA?
1 RAJA-RAJA 18:32-34


HA, HA! ADAKAH SESUATU YANG SUKAR BAGI ALLAH YANG HIDUP? TUANG EMPAT TONG AIR LAGI. ENGKAU AKAN TAHU ADA ALLAH DI ISRAEL DAN NAMANYA BUKAN BAAL.
AHAB AKAN MEMENGGAL KEPALANYA.


BERDIRI DI BELAKANG.
LEBIH JAUH.
KE BELAKANG LAGI.


YEHOVAH, ALLAH ABRAHAM, ISHAK DAN ISRAEL, BIARLAH PADA HARI INI DIKETAHUI BAHAWA ENGKAU ADALAH SATU-SATUNYA ALLAH YANG BENAR, AKU ADALAH HAMBAMU, DAN BAHAWA ENGKAU TELAH MEMBALIKKAN HATI MEREKA KEPADA-MU.


VAROOOOOM!
AHHHHH!
CRRRACK!
IEEE!
1 RAJA-RAJA 18:35-38


ALLAH ABRAHAM!
PANAS TERIK!
API DARI SYURGA!
TO-LONG!


ALLAH ABRAHAM DAN ISHAK TELAH MENJAWAB DENGAN API.
MALAH MEMBAKAR BATU DAN KOTORAN!
APAKAH JENIS ALLAH INI YANG TIDAK MEMPUNYAI PATUNG TAPI MASIH BOLEH MELAKUKAN INI?




ULANGAN 17:2-5, 1 RAJA-RAJA 18:38-40


BUNUH MEREKA! SEMUA 850 ORANG.
TAPI KAMI TIDAK TAHU.
BUNUH MEREKA DENGAN PEDANG. SEKARANG!
SEMUA NABI BAAL DIBUNUH.


WAHAI RAJA, ENGKAU PERLUKAN MAKAN DAN MINUM, SERTA PERLU KEMBALI KE RUMAH SEGERA. AKU MENDENGAR BUNYI HUJAN YANG LEBAT TURUN.


TIGA TAHUN SETENGAH SEBELUMNYA, ELIA PERNAH MEMBERITAHU AHAB BAHAWA HUJAN TIDAK AKAN TURUN DI ISRAEL DAN HANYA AKAN TURUN JIKA ELIA MEMERINTAHKANNYA. DENGAN MATINYA NABI-NABI BAAL DAN BANGSA ITU KEMBALI MENYEMBAH ALLAH YANG BENAR, ELIA MEMERINTAHKAN HUJAN TURUN.
HUJAN TURUN DENGAN LEBAT MEMENUHI SUNGAI DAN MENGHALANG MEREKA KEMBALI KE RUMAH, JADI MEREKA TERGESA-GESA NANTI BERISIKO AKIBAT BANJIR.
ELIA, DENGAN KUASA ALLAH, BERLARI MENDAHULUI KERETA KUDA SEJAUH 20 BATU PERJALANAN BALIK KE ISTANA RAJA.


AKU RASA ENGKAU TELAH MEMBUNUH ELIA. KELIHATANNYA BAAL TELAH MENGHANTAR HUJAN KEPADA KITA.
TIDAK, SAYANG. ELIA BERADA DI LUAR. DIA BERLARI MENDAHULUI KERETA KUDAKU DARI GUNUNG KARMEL.
SANGAT TIDAK MASUK AKAL. TIDAK ADA SEORANG PUN DAPAT BERLARI SEPERTI ITU. DI MANAKAH PARA IMAM BAAL? KITA HARUS MERAIKAN DATANGNYA HUJAN.
1 RAJA-RAJA 18:40-41, 44-46, 19:1


AKU TELAH BUNUH MEREKA SEMUA. MEREKA PENJAHAT DAN PEMBOHONG.


APA? BODOH! ENGKAU SEPATUTNYA MEMBUNUH ELIA!


TETAPI ALLAHNYA MENJAWAB DENGAN API. IA SATU KEAJAIBAN. IMAM KITA TIDAK BERDAYA. BANGSA ITU JUGA BERPALING KEPADA YEHOVAH.


TETAPI SAYANG, APA LAGI YANG DAPAT KULAKUKAN? AKU TAKUT KEPADA BANGSA ITU.
ENGKAU MEMBUNUH
IMAM-IMAMKU. BODOH!


TIDAK ADA KEAJAIBAN YANG AKAN MELINDUNGI ELIA DARI MURKA BAAL.
JIKA AKU TIDAK MEMBUNUH ELIA KERANA INI, BIARLAH DEWA DEWI MELAKUKAN HAL YANG SAMA KEPADAKU DAN LEBIH LAGI.
AKU HARUS MELARIKAN DIRI.




1 RAJA-RAJA 19:1-4


YA ALLAH, AKU SUDAH BERTAHAN SEMAMPUKU. BIARLAH AKU MATI SEKARANG SEBELUM IZEBEL MENJUMPAIKU.
AKU MALU DENGAN DIRIKU. AKU GAGAL PERCAYA KEPADA-MU. AKU BUKANLAH LEBIH BAIK DARI AYAHKU YANG BERDOSA. BIARKANLAH AKU MATI.


ELIA MELARIKAN DIRI SELAMA 40 HARI JAUH KE PADANG GURUN DAN BERSEMBUNYI DI SEBUAH GUA. DIA KE GUNUNG SINAI DI MANA MUSA MENERIMA 10 HUKUM. DI SANALAH ALLAH BERFIRMAN KEPADANYA.


ELIA, APA YANG ENGKAU LAKUKAN DI SINI?
SEMUA ORANG TELAH MENINGGALKAN HUKUM-MU KECUALI AKU. SEMUA NABI-MU TELAH DIBUNUH. HANYA TINGGAL AKU SEORANG YANG MENYEMBAH-MU DAN MEREKA MAHU MEMBUNUHKU.
PERGI DAN BERDIRILAH DI ATAS GUNUNG DI HADAPAN TUHAN.


1 RAJA-RAJA 19:4, 8-12
SEMASA ELIA BERDIRI DI HADAPAN TUHAN, DATANGLAH ANGIN KENCANG TETAPI ALLAH TIDAK ADA DI SITU.
KEMUDIAN TERJADI GEMPA BUMI TETAPI ALLAH JUGA TIDAK ADA DI SANA.
AKHIRNYA TURUNLAH API DARI SYURGA, TETAPI ALLAH TIDAK ADA DI SANA JUGA.
ALLAH CUBA MENUNJUKKAN ELIA BAHAWA DIA JAUH LEBIH DAHSYAT DARI IZEBEL.


APABILA ANGIN, GEMPA BUMI DAN API BERHENTI, ELIA MENDENGAR ALLAH BERFIRMAN DI DALAM KETENANGAN DENGAN SUARA PERLAHAN. DIA BERTANYA KEPADA ELIA SOALAN YANG SAMA SEBELUM INI:
ELIA, APA YANG ENGKAU LAKUKAN DI SINI?
ELIA MASIH BELUM BELAJAR APA-APA. DIA MASIH KASIHANKAN DIRINYA, MAKA JAWAPANNYA SAMA SEPERTI SEBELUM INI.
SEMUA ORANG TELAH MENINGGALKAN HUKUM-MU KECUALI AKU. SEMUA NABI-MU TELAH DIBUNUH. HANYA TINGGAL AKU SEORANG YANG MENYEMBAH-MU DAN MEREKA MAHU MEMBUNUHKU.


BAIKLAH, JIKA ENGKAU SEPERTI INI, PERGI DAN URAPILAH ELISA MENGGANTIKAN TEMPATMU SEBAGAI NABI-KU.
WALAUPUN ENGKAU TIDAK MENGETAHUINYA, ADA 7,000 ORANG DI ISRAEL YANG TIDAK MENYEMBAH PATUNG-PATUNG BAAL. SEKARANG PERGILAH; SEMUA KELUARGA AHAD AKAN MATI.


ELIA MENEMUI ELISA YANG SEDANG MEMBAJAK DENGAN LEMBUNYA DAN MENGURAPINYA MENJADI NABI.
TUHAN SUDAH BERFIRMAN ENGKAU AKAN MENJADI NABI-NYA.
AKU AKAN MENGORBANKAN LEMBUKU KEPADA TUHAN DAN MENGIKUT ENGKAU.
1 RAJA-RAJA 19:12-21


BERSEBELAHAN DENGAN ISTANA AHAD ADALAH LADANG ANGGUR YANG DIMILIKI NABOT. AHAB SELALU MELIHAT LADANG ITU DI LUAR TINGKAP, MENGAGUMINYA DAN BERHARAP AKAN MENJADI MILIKNYA. SEMAKIN DIA BERFIKIR TENTANG LADANG ITU SEMAKIN DIA MAHUKAN HARTA JIRANNYA. MENURUT HUKUM, "JANGANLAH MENGINGINI," TETAPI AHAB MELAKUKANNYA DAN TIDAK MENGHIRAUKAN YEHOVAH.


AHAB MEMPUNYAI BANYAK WANG, DIA MEMBUAT KEPUTUSAN MEMBELI LADANG ANGGUR ITU.
JUALLAH LADANG ANGGUR INI KEPADAKU. IA HANYA BERSEBELAHAN DENGAN RUMAHKU, AKU AKAN MEMBERIKAN ENGKAU LADANG ANGGUR YANG LEBIH BAIK DI TEMPAT LAIN.
ALLAH TIDAK MEMBENARKAN HAL SEDEMIKIAN.


HARTA INI SUDAH DIMILIKI OLEH KELUARGAKU LEBIH 500 TAHUN LAMANYA. UNDANG-UNDANG MEMERINTAHKAN TIDAK BOLEH MENJUAL TANAH KEPADA ORANG LAIN.


KENAPA SAYANG TIDAK MAKAN? KENAPA BERSEDIH?
KERANA NABOT TIDAK MENJUAL LADANG ANGGURNYA KEPADAKU.


KELUARAN 20:17;
1 RAJA-RAJA 21:1-7
ENGKAU ADALAH RAJA, ENGKAU MEMPUNYAI KUASA MELAKUKAN APA SAJA YANG KAU KEHENDAKI. JANGAN BIARKAN SEORANG PETANI YANG HINA MENGHALANGI KEBAHAGIAANMU. AKU AKAN MENDAPATKAN LADANG ANGGUR ITU UNTUKMU.


AKU AKAN BAYAR LEBIH KEPADAMU APABILA KERJA ITU SELESAI. SEKARANG TUTUP MULUTMU NANTI ENGKAU JUGA TERIMA AKIBATNYA.


HUKUM MUSA BERKATA: "ENGKAU HENDAKLAH JANGAN BERSAKSI PALSU TERHADAP JIRANMU."
KLINK


DI SANA. DIALAH ORANG ITU.
IYA, DIA KATAKAN BAHAWA RAJA AKAN MATI.
DIA JUGA BERKATA BAHAWA TUHAN TELAH MENGHANTAR SYAITAN MERASUKI RAJA.
DIA HARUS DIBUNUH.
MEREKA MEMBAWA NABOT PERGI DAN MEMBUNUHNYA.


DI SANA SAYANG. INILAH LADANG ANGGURMU. ENGKAU TIDAK BOLEH MAJU KE DEPAN TANPA BERLAKU KEJAM. YANG KUAT AKAN BERTAHAN HIDUP.
INDAH, BUKAN? AKU BERHAK MEMILIKINYA, BUKAN?
KELUARAN 20:16; 1 RAJA-RAJA 21:10-16
IZEBEL TAHU DEWANYA, BAAL, TIDAK MEMILIKI MATA UNTUK MELIHAT, TETAPI ALLAH DI SYURGA MELIHAT SETIAP KELAKUAN DAN TIDAK PERNAH LUPA.


ELIA, AHAB SEDANG BERADA DI LADANG ANGGUR NABOT. PERGI DAN TEMUI DIA DI SANA. SAMPAIKANLAH FIRMAN-KU KEPADANYA.


AHAD, ALLAH BERFIRMAN KEPADAKU BAHAWA ENGKAU TELAH MEMBUNUH ORANG YANG TIDAK BERSALAH DAN MENGAMBIL HARTANYA. KERANA DOSA-DOSAMU, ANJING-ANJING YANG AKAN MENJILAT DARAH NABOT ITU AKAN MENJILAT DARAHMU JUGA.
ADAKAH MUSUHKU TELAH MENEMUIKU DI SINI?


ENGKAU TIDAK DAPAT BERSEMBUNYI DARI ALLAH. KERANA ENGKAU TELAH MENUKARKAN JIWAMU DENGAN HARTA BENDA, ALLAH AKAN MENDATANGKAN MALAPETAKA KEPADA SEMUA AHLI KELUARGAMU. SEMUA ANAK-ANAKMU DAN SANAK SAUDARAMU BAHKAN ANAK-ANAK KECIL AKAN MATI.
ENGKAU TELAH MENIMBULKAN KEMARAHAN ALLAH. ANJING-ANJING ITU AKAN MEMAKAN IZEBEL DI DINDING RUMAHMU. APABILA AHLI KELUARGAMU MATI DI BANDAR, ANJING-ANJING AKAN MEMAKAN DAGING MEREKA. JIKA MEREKA MATI DI PADANG, BURUNG-BURUNG AKAN MEMAKAN MAYAT MEREKA. TIDAK ADA ACARA PENGEMBUMIAN.


INILAH FIRMAN TUHAN. IA AKAN BERLAKU.
TOLONGLAH, AKU AKAN MELAKUKAN KORBAN PERSEMBAHAN KEPADA YEHOVAH.
1 RAJA-RAJA 21:17-26


SEMUA YANG DIKATAKAN ELIA AKAN BERLAKU.
AHAD MEMPERSEMBAHKAN KORBAN KEPADA YEHOVAH, TETAPI DENGAN HATI YANG TIDAK BENAR.


TIDAK LAMA KEMUDIAN PARA NABI PALSU MENASIHATI RAJA AHAD DALAM ISU KETENTERAAN.
NAIK KE ATAS DI RAMOT-GILEAD DAN BERTARUNGLAH DI SANA , ALLAH AKAN MEMBERIKAN ENGKAU KEMENANGAN YANG BESAR.
ADAKAH NABI-NABI BERSETUJU TENTANG INI?


RAJA AHAB, YEHOVAH TELAH BERFIRMAN KEPADAKU. ENGKAU AKAN NAIK KE RAMOT-GILEAD DI DALAM PEPERANGAN DAN TERBUNUH DI SANA.
JANGAN HIRAUKAN MIKHA. DIA BUKANLAH SATU-SATUNYA NABI YEHOVAH. ADA 400 NABI KITA YANG BERKATA BAHAWA AKAN ADA KEJAYAAN YANG BESAR DI RAMOT-GILEAD.
AKU BENCI PADA MIKHA. SEMUA PERKATAANNYA NEGATIF.


RAJA AHAB, ENGKAU TELAH HIDUP DALAM KEJAHATAN DI MATA ALLAH. ENGKAU TELAH BERUNDING DENGAN NABI-NABI PALSU YANG MEMINTA BAYARAN ATAS PERTOLONGAN MEREKA. MEREKA BERBOHONG.


AKU MELIHAT ALLAH SEDANG DUDUK DI TAKHTA DAN SEMUA MALAIKAT BERDIRI DI HADAPAN-NYA. DIA BERTANYA, "SEJAK ELIA MEMBERITAHU AHAB BAHAWA DIA AKAN MATI, DIA SANGAT BERHATI-HATI AGAR TIDAK PERGI KE TEMPAT BAHAYA. DIA HARUS DIPUJUK UNTUK PERGI BERPERANG. SIAPAKAH YANG BOLEH MEMUJUKNYA PERGI BERPERANG DI RAMOT-GILEAD DI MANA DIA AKAN DIBUNUH?
DAN SEORANG BERKATA SATU PERKARA DAN YANG LAIN MEMBERIKAN CADANGAN. SELEPAS BERBINCANG SEORANG MALAIKAT TAMPIL KE DEPAN DAN BERKATA:


AKU ADA SATU CADANGAN YANG AKAN BERJAYA. AKU AKAN TURUN PADA SEMUA NABI-NABINYA. AKU AKAN MEMBERITAHU MEREKA YANG AHAB HARUS PERGI BERPERANG.
INI ADALAH IDEA YANG HEBAT. MEREKA AKAN BERNUBUAT BAHAWA DIA AKAN MENANG DALAM PERTEMPURAN TETAPI AKU AKAN MEMBUAT DIA DIBUNUH. JADI, PERGILAH.
1 RAJA-RAJA 21:27, 22:5-22


ENGKAU FIKIR ROH YEHOVAH TELAH MENINGGALKAN AKU DAN BERFIRMAN KEPADAMU?
SMACK!


ENGKAU AKAN TAHU SIAPAKAH YANG MEMPUNYAI ROH YEHOVAH APABILA ENGKAU MASUK KE DALAM BILIK BERSEMBUNYI KERANA TAKUT.
ADAKAH INI NUBUATAN YANG LAIN? HA!


PENJARAKAN ORANG INI DAN BERI SEDIKIT MAKANAN AGAR DIA TETAP HIDUP. APABILA AKU KEMBALI DARI PERTEMPURAN, KITA AKAN MEMBUNUHNYA.
JIKA ENGKAU KEMBALI DARI PERTEMPURAN, AKU ADALAH NABI PALSU DAN SELAYAKNYA DIBUNUH.


ITU ADALAH IDEA YANG BAGUS MENYAMAR SEBAGAI ASKAR BIASA. MEREKA TIDAK AKAN TAHU ENGKAU ADALAH RAJA. AKU TIDAK SABAR MELIHAT MUKA NABI ITU APABILA ENGKAU KEMBALI.
IYA. PERISAI INI AKAN MELINDUNGI AKU DARI SEBARANG ANAK PANAH.
1 RAJA-RAJA 22:24-30


SEORANG ASKAR MEMANAH TIDAK MENSASARKAN SESIAPA, HANYA BERHARAP AKAN MENGENAI SESEORANG.










THUD!
APA?
UGGHH!




1 RAJA-RAJA 22:34


AKU RISAU DIA TELAH MATI.
ANAK PANAH ITU MENGENAI BAHAGIAN TUBUH YANG TIDAK BERPERISAI. AKU FIKIR SUDAH MASANYA DIA MATI.
YA ALLAH, TIDAK!


LETAKKAN MAYATNYA DI LADANG ANGGUR NABOT NANTI KITA AKAN URUSKANNYA APABILA MASANYA TIBA.


SEPERTI YANG DIKATAKAN ELIA, ANJING-ANJING ITU MENJILAT DARAH AHAD TEPAT DI BAWAH TINGKAP IZEBEL. DIA YANG PERTAMA MATI DALAM KELUARGANYA, YANG LAIN AKAN MENYUSUL.


SELEPAS MENCUCI DARAH AHAD PADA KERETA BERKUDA, ASKAR ITU KEMBALI KE ISTANA.
DI MANAKAH RAJA AHAB? ADAKAH DIA MERAYAKAN KEMENANGANNYA?
1 RAJA-RAJA 22:37-38; 2 RAJA-RAJA 9:8-10


KAU BODOH! ENGKAU BUKAN NABI ALLAH. PEMBOHONG! AHAB TELAH MATI SEPERTI YANG DINYATAKAN MIKHA NABI YEHOVAH.
TETAPI IANYA TIDAK BOLEH TERJADI. SEMUA ORANG BERKATA AHAB AKAN MENANG.
BUKAN SEMUA. BUKAN MIKHA YANG ENGKAU TAMPAR DAN MASUKKAN KE PENJARA. JIKA PENDUDUK MENDENGAR HAL INI, MEREKA AKAN MEMANCUNG KEPALAMU.


ENGKAU TELAH DIBEBASKAN. AHAD TELAH MATI.
AKU TAHU, ANJING MENJILAT DARAHNYA SEPERTI YANG DIFIRMANKAN ALLAH. SETERUSNYA ADALAH IZEBEL DAN SEMUA YANG ADA HUBUNGAN DENGAN AHAB. ALLAH TELAH BERFIRMAN.


AKU HARUS BERSEMBUNYI.


OH TIDAK! MIKHA BERKATA AKU AKAN TAHU SIAPAKAH YANG MEMPUNYAI ROH ALLAH PADA HARI AKU BERSEMBUNYI DI BILIK KECIL.

KETURUNAN AHAB AKAN MEMERINTAH MENGGANTIKAN DIA DAN 12 TAHUN BERLALU IZEBEL TETAP MENJADI PERMAISURI. ISRAEL TERUS MENYEMBAH DEWA-DEWI DAN MELANGGAR PERINTAH ALLAH.



ALLAH MENENTANG KELUARGA AHAB, DENGAN BERFIRMAN, "MASANYA TELAH TIBA, SEMUA KELUARGA AHAB AKAN BINASA TERMASUKLAH KANAK-KANAK. TIDAK ADA SEORANG PUN YANG AKAN HIDUP. IZEBEL AKAN DIMAKAN ANJING, JANGANLAH MERATAPI DAN MENGUBURNYA."




2 RAJA-RAJA 9:30


AKU AKAN BERDIRI DI SINI AGAR MEREKA DAPAT MELIHAT BAHAWA AKULAH YANG BERKUASA SEKARANG.


SIAPA YANG MEMIHAK KEPADAKU?


KAMI BERSAMAMU JENERAL.
CAMPAKKAN IZEBEL KE BAWAH.
ENGKAU TIDAK BOLEH LAKUKAN ITU, AKU ADALAH PERMAISURI.




2 RAJA-RAJA 9:32-33


BIARKAN MAYAT ITU.


ANJING-ANJING ITU MEMAKAN MAYAT IZEBEL DAN MENJILAT DARAHNYA DI MANA TEMPAT YANG SAMA DARAH SUAMINYA DIJILAT ANJING SEPERTI YANG DIKATAKAN OLEH NABI ALLAH ITU.
GRRRRR!


2 RAJA-RAJA 9:33-37
TETAPI ANJING-ANJING ITU TIDAK MEMAKAN TANGAN YANG KOTOR DAN TELAH MELAKUKAN BANYAK KEJAHATAN ITU.
SEPERTI YANG DIKATAKAN OLEH PARA NABI, SEMUA ANAK-ANAK AHAB DIBUNUH OLEH PENDUDUK DI BANDAR ITU, SEHINGGA TIDAK ADA SEORANG PUN DARI KELUARGANYA YANG HIDUP.
MEREKA YANG MATI DI LAPANGAN DIMAKAN OLEH BURUNG PEMANGSA DAN YANG MATI DI BANDAR TELAH DIMAKAN OLEH ANJING. TIDAK ADA YANG DIKEBUMIKAN. SESUNGGUHNYA AKIBAT DOSA ADALAH KEMATIAN.


KETIKA ELIA SEDANG BERDOA PARA NABI MUDA DATANG KEPADA ELISA UNTUK MENYAMPAIKAN PESAN.
ALLAH TELAH BERFIRMAN KEPADA BEBERAPA ORANG NABI MUDA. TIDAKKAH ENGKAU TAHU BAHAWA HARI INI TUANMU ELIA AKAN TERANGKAT KE SYURGA?
IYA, ALLAH JUGA SUDAH BERFIRMAN KEPADAKU, TETAPI TOLONG SENYAP. JANGAN LAGI KATAKAN APA-APA.


ELISA,
TETAPLAH DI SINI AKU AKAN KE YERIKHO.
SELAGI ALLAH HIDUP, AKU TIDAK AKAN MENINGGALKAN ENGKAU. AKU AKAN PERGI KE MANA ENGKAU PERGI.


TIDAKKAH ENGKAU TAHU BAHAWA TUANMU ELIA AKAN TERANGKAT KE SYURGA HARI INI?
IYA, AKU TAHU. JANGAN GANGGU KAMI. AKU TIDAK AKAN MEMBIARKAN DIA PERGI DARI PANDANGANKU.


TETAPLAH DI YERIKHO. AKU HARUS TURUN KE SUNGAI YORDAN.
SESUNGGUHNYA SELAGI ALLAH DAN ENGKAU HIDUP, AKU TIDAK AKAN MENINGGALKAN ENGKAU.


ADA BEBERAPA NABI MUDA KEMBALI MENGEKORI KITA.
BAGAIMANA KITA AKAN MENYEBERANG SUNGAI? AIR NAIK HARI INI.
ATAS TANAH YANG KERING.
2 RAJA-RAJA 2:3-7


SLAP!
AHH!
TIDAKKAH KAMU MELIHATNYA? AIR ITU TERBELAH DUA AGAR MEREKA DAPAT MELINTASINYA.
IYA, SEPERTI MUSA.
AKU SEPATUTNYA TIDAK TERLEPAS AKAN HAL INI.
AKU BERHARAP NABI BAAL MENYAKSIKANNYA.


APAKAH YANG ENGKAU MAHU AKU LAKUKAN KEPADAMU SEBELUM AKU PERGI?
BERI AKU URAPAN ROH DUA KALI GANDA DARIPADAMU?
ENGKAU MEMINTA PERKARA YANG SUSAH, TETAPI ENGKAU AKAN MENERIMANYA APABILA ENGKAU MELIHAT AKU TERANGKAT KE SYURGA.

2 RAJA-RAJA 2:8-11




WROARRRR
KERETA KUDA BERAPI MEMISAHKAN ELIA DARI ELISA


ELIA TERANGKAT KE SYURGA DI DALAM PUTING BELIUNG.


SEJURUS KEMUDIAN SUNYI SEPI. ELIA SEKARANG SUDAH BERADA DI HADIRAT ALLAH.
HANYA TINGGAL MANTELNYA SAHAJA. INILAH YANG DIGUNAKANNYA UNTUK MEMBELAH AIR.
2 RAJA-RAJA 2:11-13


DI MANAKAH ALLAH ELIA?


ROH ELIA SUDAH MERASUKI ELISA!
WHOP!
HARI INI LUARBIASA!


ELISA MELAKUKAN DUA KALI MUKJIZAT SEBANYAK YANG ELIA LAKUKAN. DIA BEGITU SETIA KEPADA ALLAH TETAPI BANGSA ITU MASIH MELAKUKAN PENYEMBAHAN BERHALA.
KEMANAKAH ELIA PERGI?
KITA HARUS MENCARI DIA.
SIA-SIA. DIA SUDAH PERGI KE SYURGA.
2 RAJA-RAJA 2:14-16



BAB 7

# Nubuat tentang Kristus

SELEPAS ELISA, ALLAH MEMBANGKITKAN NABI-NABI LAIN, SEPERTI YESAYA, YEREMIA, DAN AMOS YANG AKAN MEMANGGIL BANGSA ITU BERPALING DARI PENYEMBAHAN BERHALA DAN DOSA. ALLAH BERFIRMAN MELALUI NABI-NABI INI, MEMAKAI MEREKA UNTUK MENULIS BANYAK NUBUAT TENTANG PERKARA YANG AKAN DATANG.




"JIKA ENGKAU TIDAK MELAKUKAN KEJAHATAN DAN MEMBELA YANG TERTINDAS, MENJAGA YATIM PIATU, DAN MEMBERI NAFKAH KEPADA JANDA-JANDA, AKU AKAN PULIHKAN DAN SEMBUHKAN ENGKAU, TETAPI JIKA ENGKAU TIDAK KEMBALI KEPADA-KU ENGKAU AKAN DIBUNUH DENGAN PEDANG. SELURUH TANAHMU AKAN MENJADI SUNYI SEPI DAN BANDAR-BANDARMU AKAN HANGUS OLEH API. DAN MEREKA AKAN MEMBAWA SEMUA ANAK LELAKIMU KE BABEL DAN DIJADIKAN SIDA-SIDA MELAYANI RAJA."




"YEREMIA ADALAH NABI SEMASA PEMERINTAHAN RAJA YOSIA, YOYAKIM, DAN ZEDEKIA (KIRA-KIRA 630-590 S.M.). DIA BERKATA, "BEGINILAH FIRMAN TUHAN, SESUNGGUHNYA, AKU MENETAPKAN DIHADAPANMU JALAN KEHIDUPAN, DAN JALAN KEMATIAN. YANG MASIH BERADA DI BANDAR INI AKAN MATI OLEH PEDANG DAN OLEH KELAPARAN, DAN OLEH PENYAKIT SAMPAR: TAPI DAPAT KELUAR AKAN JATUH TANGAN ORANG KASDIM, IA AKAN HIDUP TETAPI AKAN MENJADI HAMBA DI BABEL. SEBAB AKU MEMBUAT KETETAPAN UNTUK MELAWAN BANDAR INI KERANA KEJAHATANNYA, FIRMAN TUHAN: IA AKAN DISERAHKAN KE TANGAN RAJA BABEL.


TUHAN BERFIRMAN MELALUI YEREMIA BERKATA, "DAN AKU SENDIRI AKAN BERPERANG MELAWAN ENGKAU DENGAN TANGAN TERULUR DAN DENGAN LENGAN YANG KUAT, DALAM KEMARAHAN, KEGERAMAN, DAN DALAM KEMURKAAN YANG BESAR. DAN AKU AKAN MEMUKUL PENDUDUK BANDAR INI, MANUSIA DAN BINATANG:

MEREKA AKAN MATI DALAM WABAK YANG DAHSYAT. DAN KEMUDIAN, FIRMAN TUHAN, AKU AKAN MEMBEBASKAN ZEDEKIAH, RAJA YEHUDA, DAN HAMBA-HAMBANYA, RAKYATNYA, DAN BAKI PENDUDUK BANDAR INI DARI WABAK ITU, DARI PEDANG, DAN DARI KELAPARAN KE TANGAN RAJA NEBUKADNEZAR, RAJA BABILONIA, KE TANGAN MUSUH MEREKA, DAN KE TANGAN MEREKA YANG MAHU MENCABUT NYAWA MEREKA: DAN IA AKAN MEMUKUL MEREKA DENGAN PEDANG; IA TIDAK AKAN MENGAMPUNI MEREKA, TIDAK ADA BELAS KASIHAN. KEMARAHAN-KU AKAN MENYALA SEPERTI API DAN TIADA SIAPA YANG AKAN DAPAT MEMADAMKANNYA. MEREKA AKAN MEMBAWA ENGKAU SEBAGAI HAMBA KE BABEL, DAN AKAN MEMBUNUH ENGKAU DENGAN PEDANG. RAMAI YANG AKAN MATI DAN DIKEBUMIKAN DI SANA."

YEREMIA 20:4-6, 21:5-7, 10-12


AMOS ADALAH NABI SEMASA PEMERINTAHAN RAJA UZIA DAN YEROBEAM II (KIRA-KIRA 765-750 S.M.). ALLAH BERFIRMAN MELALUINYA, "ISTERIMU SEPERTI LEMBU YANG DIJAGA OLEH SUAMINYA. ENGKAU TIDAK LAGI MENGUASAI SUAMIMU. ENGKAU AKAN MENJADI HAMBA YANG DICANGKUK DI BABEL."



"ENGKAU AKAN BERBARING ATAS PERABOT YANG MAHAL DAN MAKAN MAKANAN YANG BERLEMAK. ENGKAU MENDENGAR MUZIK SAMBIL MINUM BANYAK ALKOHOL. ENGKAU MEMBUANG KEBENARAN, MEMIJAK ORANG MISKIN, MENINDAS ORANG BENAR DAN MENGAMBIL RASUAH, DAN MERAMPAS KEADILAN ORANG MISKIN. ENGKAU AKAN MENANAM ANGGUR, TETAPI MUSUHMU AKAN MENGECAPI HASILNYA. TENTERAMU AKAN MUSNAH DAN ENGKAU AKAN DIBAWA KE NEGERI ASING SEBAGAI HAMBA."


ALLAH BERFIRMAN, "AKU AKAN MUSNAHKAN MEZBAH DI BETHEL DAN MEROBOHKAN RUMAH SEJUKMU BESERTA RUMAH PANASMU. ENGKAU MENINDAS YANG MISKIN, MENGAMBIL RASUAH DAN MENGABAIKAN MEREKA YANG MEMERLUKAN PERTOLONGAN. AKU MENAHAN HUJAN, MENGHANTAR KEBULURAN DAN PENYAKIT, TETAPI ENGKAU MASIH TIDAK BERTAUBAT. ENGKAU MENANAM BANYAK ANGGUR TETAPI TIDAK MENGECAP HASILNYA."
IBU, AKU LAPAR.
AMOS 4-6


753 S.M.
HOSEA ADALAH NABI SEMASA PEMERINTAHAN RAJA UZIA, YOTAM, AHAS, DAN HEZEKIAH (KIRA-KIRA 785-725 S.M.). DIA BERNUBUAT, "ISRAEL AKAN GUGUR OLEH PEDANG, ANAK-ANAK KECIL MEREKA AKAN BERTEMPIARAN DI TANAH, PEREMPUAN MENGANDUNG AKAN DIROBEK."
LONG
"HARINYA AKAN TIBA ALLAH MENGAMPUNI DOSANYA, DAN MENGASIHI ISRAEL DENGAN BEBAS. SEKALI LAGI ISRAEL AKAN BERKEMBANG SEPERTI BUNGA LILI. IA AKAN MAKMUR SEPERTI POKOK ZAITUN DAN WANGI SEPERTI POKOK CEDAR DI LEBANON."


"PADA TAHUN-TAHUN YANG AKAN DATANG, SELEPAS BABEL, ENGKAU AKAN BERTABURAN KE BANGSA-BANGSA DAN MEREKA AKAN MENGANIAYA ENGKAU, MERAMPAS HARTAMU, DAN TIDAK ADA TEMPAT UNTUK ENGKAU MENETAP."




YESAYA 10:21, BAB 35, 51:11; YEREMIA 30:11; YEHEZKIEL 17:21;
HOSEA 13:16, 14:1-6; YOEL 3:2


MENURUT DOKUMEN INI, SEMUA YAHUDI HARUS MENINGGALKAN NEGARA INI DAN TIDAK DIBENARKAN MEMBAWA APA-APA HARTA BENDA.
INILAH LEMBU YANG AKU IDAM-IDAMKAN.
KERANA BANGSA ISRAEL MENOLAK FIRMAN ALLAH, MEREKA AKAN BERTABURAN KE SEMUA BANGSA-BANGSA DI BUMI; TETAPI MEREKA TIDAK AKAN TEMPAT MENETAP SEHINGGA ALLAH MENGEMBALIKAN MEREKA KE NEGERI NENEK MOYANG MEREKA.


"SELURUH TANAH ISRAEL AKAN MENJADI SUNYI SEPI DAN ENGKAU AKAN BERKHIDMAT KEPADA RAJA BABEL SELAMA 70 TAHUN. SELEPAS 70 TAHUN AKU AKAN MENGHUKUM BABEL KERANA KEMUNGKARAN MEREKA, DAN MEMBAWA SISA BANGSA ISRAEL KEMBALI KE TANAH INI BAGI MEMBINANYA SEMULA."
"YERUSALEM AKAN MENJADI SANGAT TERBIAR SEPERTI PADANG YANG DIBAJAK."


NUBUATAN INI TELAH TERJADI. MUSUH SEMEMANGNYA TELAH MENGHANCURKAN YERUSALEM. TETAPI PADA HARI-HARI TERAKHIR BAIT SUCI AKAN DIBINA SEMULA DAN AKAN DIPENUHI ORANG.
NABI MIKHA, HIDUP DARI TAHUN 750-686 S.M., BERNUBUAT:


"DAN BANYAK BANGSA AKAN DATANG DAN BERKATA, "MARI, KITA NAIK KE ATAS GUNUNG TUHAN, DAN KE RUMAH ALLAH YAKUB; DIA AKAN MENGAJAR KITA TENTANG JALAN-NYA, DAN KITA AKAN BERJALAN DI JALAN-NYA: KERANA HUKUM AKAN KELUAR DARI SION, DAN FIRMAN TUHAN DARI YERUSALEM."
"DIA AKAN MENGHAKIMI MANUSIA, DAN MENEGUR BANGSA YANG KUAT; MEREKA AKAN MENEWASKAN PEDANG DENGAN MATA BAJAK, DAN LEMBING MEREKA JADI MATA PEMANGKAS:


BANGSA TIDAK AKAN MENGANGKAT PEDANG MELAWAN BANGSA, DAN TIDAK AKAN BERPERANG LAGI. TETAPI MEREKA HARUS DUDUK DI BAWAH POKOK ANGGUR DAN POKOK ARA; DAN TIDAK ADA SIAPAPUN MENAKUTKAN MEREKA: MULUT TUHAN SUDAH BERBICARA."
"DAN KITA AKAN BERJALAN DI DALAM NAMA TUHAN ALLAH KITA SELAMA-LAMANYA. PADA HARI ITU, FIRMAN TUHAN, AKU AKAN MENGUMPULKAN MEREKA YANG TERCERAI BERAI, DAN AKU AKAN MEMBUAT MEREKA BANGSA YANG KUAT: DAN TUHAN AKAN MEMERINTAH ATAS MEREKA DI GUNUNG SION DARI SEKARANG, BAHKAN UNTUK SELAMA-LAMANYA."
YEREMIA 25:11-12; MIKHA 3:12, 4:1-7


YEREMIA DAN NUBUAT YANG LAIN
"RAJA ZEDEKIA HIDUP JAHAT DI MATA TUHAN. DIA TIDAK AKAN DIBUNUH. DIA AKAN PERGI KE BABEL, HIDUP DENGAN RAKYATNYA, TETAPI DIA TIDAK AKAN MELIHAT BABEL. DIA AKAN BUTA. ENGKAU AKAN TINGGAL DI BABEL SELAMA 70 TAHUN."
"PADA PENGHUJUNG TAHUN KE 70, BABEL AKAN DITAKLUKI OLEH TENTERA DARI UTARA DAN SISA BAKI BANGSA KITA AKAN KEMBALI KE TANAH INI UNTUK MEMBINA SEMULA BANDAR INI DAN BAIT SUCINYA."


"SELEPAS PENGHAKIMAN, ALLAH AKAN MENGAMPUNI DOSA-DOSA MEREKA DAN YERUSALEM AKAN DIDIAMI SEPANJANG ZAMAN."
"BAWA BUKU INI BERSAMA KE BABEL DAN BACA DI HADAPAN BANGSA ITU. BIARKAN MEREKA TAHU APA YANG MEREKA HARUS PERTAHANKAN SEBELUM MEREKA KEMBALI."
"AKU AKAN MEMULIHKAN TAKHTA DAUD DAN ENGKAU AKAN KEMBALI MEMILIKI SELURUH NEGERIMU."


"YEHEZKIEL BERNUBUAT: "MEREKA AKAN BERTABURAN DI KALANGAN BANGSA-BANGSA, TETAPI ALLAH AKAN MEMBAWA MEREKA KEMBALI KE TANAH MEREKA."
"ALLAH BERJANJI KEPADA ABRAHAM BAHAWA KETURUNANNYA AKAN MEWARISI NEGERI ITU SELAMA-LAMANYA, DAN IA TIDAK AKAN MEMUNGKIRI JANJI-NYA. NAMUN, APABILA BANGSA ITU BERDOSA, ALLAH MENGHANTAR MEREKA SEBAGAI TAWANAN KE BANGSA-BANGSA LAIN DI MANA MEREKA AKAN MENYEMBAH DEWA-DEWI, TETAPI PADA AKHIRNYA IA AKAN MEMBAWA MEREKA KEMBALI."
YEREMIA 34:3, 39:7, 51:60-61, 52:11; YEHEZKIEL 12:13-16; YOEL 3:20-21; AMOS 9:11-15


"MESIR JUGA AKAN DIHAKIMI OLEH BABEL DAN SELAMA 40 TAHUN MESIR AKAN SUNYI SEPI. SELEPAS MEREKA KEMBALI DARI BABEL, MESIR TIDAK LAGI HEBAT SEPERTI DAHULU, TETAPI IA AKAN BERTAHAN SEHINGGA PADA AKHIRNYA. DAN PADA HARI-HARI TERAKHIR MESIR DAN ASYUR AKAN MENYERTAI UMAT-KU ISRAEL DALAM PERJANJIAN DAMAI TIGA HALA DAN AKU AKAN MEMBERKATI MEREKA."


"ORANG FILISTIN AKAN DIMUSNAHKAN DAN TIDAK AKAN ADA LAGI. DEMIKIAN JUGA ASDOD, EKRON DAN AMON, TIDAK AKAN ADA LAGI. EDOM AKAN SAMA SEKALI MENJADI SUNYI SEPI. TIRUS AKAN MUSNAH DAN SEMUA BATU-BATA SERTA KAYU AKAN DIBUANG KE DALAM LAUT. IA TIDAK AKAN DIDIAMI LAGI DAN TANAHNYA AKAN MENJADI LICIN SEPERTI BATU, IANYA TEMPAT UNTUK NELAYAN MENEBARKAN JALA."


"TETAPI PARSI (IRAN), TURKI, ETHIOPIA DAN LIBYA AKAN KEKAL SEHINGGA AKHIR, PADA MASA TERTENTU MEREKA AKAN MENYERANG ISRAEL, TETAPI MEREKA AKAN MATI DI PERGUNUNGAN ISRAEL."


ALKITAB SENTIASA TEPAT DENGAN BANYAK NUBUATNNYA. BANDAR-BANDAR DAN BANGSA-BANGSA YANG DAHULU DINUBUATKAN LENYAP, TERJADI. BANGSA-BANGSA YANG DINBUATKAN BERTAHAN SEHINGGA AKHIR MASIH BERSAMA KITA PADA HARI INI.
YEREMIA 25:15-26; YEHEZKIEL 25, 26:15-19, 29:12-16, 30:1-8; AMOS 1


PADA TAHUN 605 S. M., ISRAEL DITAKLUKI OLEH BABEL, SEPERTI YANG DINUBUATKAN OLEH PARA NABI.
YA TUHAN, KERANA DOSA NENEK MOYANG KAMI DIHUKUM. TOLONG KAMI MEMATUHI HUKUM-MU WALAUPUN SEKARANG KAMI BERADA DI TANAH BANGSA LAIN.


LEBIH 5,000 ORANG YAHUDI DIBAWA KE BABEL SEBAGAI TAWANAN PERANG. MEREKA MEMBAWA GOLONGAN MUDA DAN TERPELAJAR DENGAN HARAPAN AGAR MEREKA DAPAT BERKHIDMAT KEPADA KERAJAAN ITU. DI ANTARA MEREKA ADA SEORANG PEMUDA BERNAMA DANIEL. DIA TETAP MEMELIHARA HUKUM DAN DAN TAAT KEPADA ALLAH ABRAHAM.


KAMI BERTERIMA KASIH KEPADA-MU, YA TUHAN SYURGA DAN BUMI, RAJA ALAM SEMESTA, ENGKAU MEMBERIKAN ROTI DI BUMI.
DANIEL ADALAH SEORANG TAHANAN DI NEGARA LAIN, TETAPI DIA MEMUTUSKAN UNTUK TETAP SETIA KEPADA ALLAHNYA. PENAWANNYA TAHU DIA MEMPUNYAI SEMANGAT YANG BAIK, SEBAB ITU MEREKA MELETAKKANNYA DI KEDUDUKAN YANG ISTIMEWA SEBAGAI SALAH SATU ORANG YANG BIJAKSANA DI BABEL.


NEBUKADNEZAR, RAJA BABEL, TERBANGUN KERANA BERMIMPI BURUK.
APAKAH MAKSUD MIMPIKU INI? PASTI ITU DIBERIKAN DEWA-DEWI UNTUK MENDEDAHKAN MASA DEPAN.




DANIEL 1:2-7, 17-21, 2:1-11


AKU TAHU KAMU SEMUA PENIPU. DEWA-DEWI TIDAK BERCAKAP KEPADAMU. ENGKAU DAN KELUARGAMU AKAN DIBUNUH, DAN RUMAHMU AKAN DIJADIKAN BUKIT NAJIS.


MAAFKAN AKU DANIEL, ESOK ENGKAU DAN SEMUA ORANG BIJAK DI BABEL AKAN DIBUNUH. RAJA TIDAK LAGI PERCAYA KEPADA PARA IMAMNYA SENDIRI.
TETAPI ALLAH YEHOVAH BOLEH MENDEDAHKAN DAN MENTAFSIR MIMPI RAJA. AKU HARUS BERSENDIRIAN UNTUK BERDOA. LENGAHKAN MASANYA UNTUK SEHARI.


TUHAN, HANYA ENGKAULAH ALLAH DAN RAJA ALAM SEMESTA. TOLONG NYATAKAN KEPADA HAMBA-MU TENTANG PERKARA YANG AKAN TERJADI. TIDAK ADA ALLAH LAIN SEPERTI ENGKAU.
DANIEL, DENGARKANLAH AKU...


CEPAT, BAWA AKU KEPADA RAJA!
JIKA ENGKAU TIDAK DAPAT MENDEDAHKAN MIMPI RAJA, AKU AKAN DIBUNUH.


JANGAN SIA-SIAKAN MASAKU, ENGKAU DAPAT MENDEDAHKAN MIMPIKU ITU ATAU TIDAK?
WAHAI RAJA, ENGKAU ADALAH RAJA ATAS RAJA-RAJA LAIN, ALLAH SYURGAWI YANG MENJADIKAN ENGKAU DEMIKIAN. DIA TELAH MEMBERIKAN ENGKAU VISI INI TENTANG APA YANG AKAN TERJADI PADA MASA HADAPAN.
ALLAH YANG BENAR, PENCIPTA ALAM SEMESTA, TELAH MENDEDAHKAN MIMPIMU KEPADA HAMBA-MU.
DANIEL 2:12-30


WAHAI RAJA, ENGKAU TELAH MELIHAT VISI IMEJ YANG HEBAT. IMEJ INI MEWAKILI KERAJAANMU DAN TIGA YANG LAIN MENGIKUTIMU.
IA BENAR! AKU TIDAK MEMBERITAHU SESIAPA PUN! ALLAHMU ADALAH ALLAH YANG YANG BENAR.


ENGKAU ADALAH KEPALA EMAS, RAJA ATAS SEGALA RAJA. SEBELUM ENGKAU MENKLUKI YEHUDA, PARA NABI KAMI TELAH MEMBERITAHU KAMI BAHAWA ALLAH AKAN MENHAKIMI KAMI KERANA DOSA-DOSA KAMI, DAN MEMBERIKAN ENGKAU KERAJAAN. SEKARANG PEMERINTAHANMU AKAN MENJADI MULIA.



DADA PERAK MEWAKILI KERAJAAN
LAIN, IAITU MEDES DAN PARSI.
SELEPAS ENGKAU MATI, MEREKA AKAN
MENAKLUKI BABEL DAN MEMERINTAH
DUNIA SEPERTI ENGKAU.


WAHAI RAJA, SELEPAS KEPALA EMAS DAN DADA PERAK, ENGKAU LIHAT PERUT TEMBAGA ITU. TEMBAGA ITU MEWAKILI KERAJAAN KETIGA, YUNANI. KERAJAANNYA AKAN DATANG SELEPAS PERSIA DAN SANGAT PANTAS DAN DAN GANAS.
KERAJAAN KEEMPAT ADALAH BERBEZA DENGAN YANG LAIN, IAITU KAKI YANG DIPERBUAT DARI BESI, DAN IA AKAN DIHEMPAP BERKECAI SEBAGAI BANGSA-BANGSA. TETAPI LIHATLAH KAKI BESI ITU BERCAMPUR DENGAN TANAH LIAT. PADA AKHIR ZAMAN KERAJAAN ITU AKAN DIBAHAGIKAN KEPADA 10 DAN IANYA AKAN MENJADI LEMAH.
DANIEL 2:31-33, 39-43


KEMUDIAN, WAHAI RAJA, ENGKAU MELIHAT BATU YANG TERBELAH OLEH GUNUNG BUKAN OLEH MANUSIA. IA TERGULING DAN MELANGGAR KAKI PATUNG ITU DAN SEMUA KERAJAAN MUSNAH DALAM SEKELIP MATA.


BATU ITU MEWAKILI ANAK ALLAH YANG AKAN DATANG KE BUMI DAN MEMBANGUNKAN SEBUAH KERAJAAN YANG MULIA.
PADA AKHIR ZAMAN, SEMUA YANG MATI AKAN DIBANGKITKAN DAN DIHAKIMI. MEREKA YANG MELAKUKAN KEJAHATAN AKAN DIPERMALUKAN DAN MENERIMA PENGHINAAN YANG KEKAL. MEREKA YANG MELAKUKAN KEBAIKAN AKAN MENERIMA HIDUP YANG KEKAL.


TANPA SOALAN, PERKATAANMU ADALAH DARI ALLAH. BAGAIMANAKAH ENGKAU BOLEH TAHU MIMPIKU DENGAN TERPERINCI? AKU AKAN MENJADIKAN ENGKAU KETUA ATAS SEMUA ORANG BIJAKSANA.
DANIEL TERUS BERADA DI BABEL SELAMA 68 TAHUN. DIA MENAFSIR BANYAK MIMPI DAN BERNUBUAT BANYAK KALI. PADA MASA NEBUKADNEZAR MANGKAT, ANAKNYA BELSYAZAR MENGGANTIKANNYA.

PADA SUATU MALAM KETIKA BELSYAZAR MENGADAKAN PESTA-PORA, TANGAN MISTERI MUNCUL DAN MENULIS KE DINDING. DANIEL DIPANGGIL UNTUK MENTAFSIRKANNYA. ALLAH MEMBERIKAN PEMAHAMAN TERHADAP BAHASA YANG TIDAK DIKETAHUI INI.




PENGKHUTBAH 12:13-14; YESAYA 9:6-7, 45:1; DANIEL 2:34-35, 44-48, 5:1-29; WAHYU 20:11-21:5
PARA NABI MERAMALKAN BAHAWA MUSUH INI AKAN MENAKLUKI BABEL SECARA SENYAP DENGAN MEMASUKI DUA PINTU GERBANG YANG MENYALURKAN AIR KE BANDAR. ORANG BABEL SANGAT MABUK DAN TIDAK MENYEDARINYA. SEJARAH MEREKODNYA KEJATUHAN BABEL SAMA SEPERTI YANG DIRAMALKAN.


SELEPAS ORANG MEDIA DAN ORANG PARSI MENAKLUKI BABEL, DANIEL MENEMUI BUKU LAMA YANG DITULIS OLEH NABI YEREMIA, SALAH SATU KITAB DI DALAM ALKITAB. SEMASA MEMBACANYA, DIA TERKEJUT MENDAPATI ALLAH TELAH BERFIRMAN BAHAWA PENAWANAN BABEL HANYA BERTAHAN SELAMA 70 TAHUN.
SELEPAS ITU SAKI-BAKI BANGSA ITU KEMBALI KE YERUSALEM MEMBINA SEMULA TEMBOK DAN BAIT SUCI. MEMBACA LEBIH LANJUT, BELIAU MENDAPATI 200 TAHUN LEBIH AWAL NABI YESAYA TELAH YANG DINAMAKAN OLEH RAJA PERSIA YANG AKAN MEMERINTAHKAN MEREKA PULANG.


KINI HAMPIR 69 TAHUN...HANYA TINGGAL SETAHUN LAGI. IA MENGATAKAN BAHAWA CIRUS ADALAH HAMBA ALLAH YANG MELAKUKAN KEHENDAK ALLAH. DIA AKAN MEMERINTAHKAN KITA PULANG KE TANAH AIR KITA! TERPUJILAH ENGKAU YA TUHAN ALLAH KAMI, RAJA SEMESTA ALAM.


SEPERTI YANG DIJANJIKAN ALLAH KEPADA ABRAHAM, DIA TELAH MEMBERIKAN TANAH INI SEBAGAI MILIK YANG KEKAL. DIA MEMBERIKAN AMARAN KEPADA NENEK MOYANG KITA YANG KITA AKAN DISERAHKAN KE TANGAN MUSUH KITA JIKA KITA MENYEMBAH ALLAH LAIN, TETAPI DIA BERJANJI TIDAK MELUPAKAN UMAT-NYA. ALLAH MENEPATI FIRMAN-NYA. SEKARANG KITA TELAH KEMBALI, KITA MESTI MENTAATI-NYA.
CIRUS MEMANG MELEPASKAN ORANG YAHUDI 70 TAHUN KEMUDIAN DARI PENAWANAN, SEPERTI YANG DINUBUATKAN OLEH KITAB SUCI, DAN 52,000 ORANG KEMBALI UNTUK MEMBINA SEMULA BANDAR ITU.


KITA MESTI TERATUR. KITA AKAN MEMBINA SEMULA TEMBOK DAHULU DAN KEMUDIAN MEMBINA BAIT SUCI.
WAHAI TUHAN ALLAH ABRAHAM, ENGKAU TELAH MEMBAWA KAMI PULANG SEPERTI JANJI-MU. PIMPINLAH KAMI BERJALAN DIJALAN-MU.
AKU ADA BAWA AIR. MARILAH KITA MULA BEKERJA.
YESAYA 44:28; YEREMIA 25:11-12, 29:10; DANIEL 9:1-2

DANIEL SUDAH SANGAT TUA, JADI DIA TIDAK PULANG BERSAMA YANG LAIN. DIA MASIH ADA PERANAN PENTING IAITU MENASIHATI RAJA-RAJA EMPAYAR MEDIA-PARSI, YANG TERLETAK DI BANDAR BABILON. ALLAH MEMBERIKANNYA BANYAK PENGLIHATAN TENTANG MASA DEPAN, BAHKAN HINGGA AKHIR ZAMAN. DALAM SATU MIMPI DIA MELIHAT SEEKOR BINATANG BUAS LOGAM. SEORANG MALAIKAT MEMBERITAHUNYA TENTANG MAKSUD MIMPI ITU.




ALLAH SEDANG MENUNJUKKAN KEPADAMU TENTANG APA YANG AKAN TERJADI PADA HARI-HARI TERAKHIR. DIA MENDEDAHKAN KEPADA RAJA NEBUKADNEZAR BAHAWA AKAN ADA EMPAT BUAH KERAJAAN. SEKARANG ADA DUA BUAH. SELEPAS EMPAYAR MEDO-PARSI AKAN DATANG YUNANI. IA AKAN MENKLUK DENGAN PANTAS TAPI AKAN SEGERA JATUH DAN TERBAHAGI KEPADA EMPAT BUAH KERAJAAN, YANG KEMUDIAANNYA AKAN BERPERANG SESAMA SENDIRI SEHINGGA HANYA TINGGAL DUA BUAH. MEREKA AKAN BERPERANG TERUS MENERUS SELAMA BERTAHUN-TAHUN SEHINGGA MEREKA DITAKLUKI OLEH EMPAT BUAH KERAJAAN, YANG MANA SEBAGAI BINATANG BUAS LOGAM ITU.


DANIEL 7:17-28; MATIUS 24:4-25
KERAJAAN KEEMPAT AKAN MENJADI SEPERTI BESI, LEBIH BERKUASA DAN GARANG DARI KERAJAAN SEBELUMNYA. IA AKAN MENAKLUKI SEMUA, TETAPI PADA ZAMAN AKHIR KERAJAAN INI AKAN DIBAHAGIKAN KEPADA 10 BUAH NEGARA. KEMUDIAN AKAN MUNCUL SEORANG LELAKI YANG AKAN BERKATA-KATA TENTANG DAMAI. DIA ADALAH TANDUK TERAKHIR YANG TUMBUH DARI KEPALA BINATANG ITU. PADA HARI-HARI TERAKHIR DIA AKAN MENYANJUNG DAN MENJANJIKAN KEAMANAN, HANYA UNTUK MENAKLUK DAN MEMUSNAHKAN. KEMUDIAN DIA AKAN MELETAKKAN PERKARA YANG KEJI DI BAIT SUCI YAHUDI, MENJADIKAN UPACARA ITU NAJIS SUPAYA PERSEMBAHAN KORBAN TIDAK TERJADI. AKAN TIBA MASANYA BUMI MENGALAMI MASALAH YANG BESAR, TETAPI ORANG-ORANG BENAR AKAN SELAMAT.


"DANIEL, ALLAH MAHU ENGKAU TAHU APA YANG AKAN BERLAKU DAN BILA IANYA BERLAKU. DARI MASA PERINTAH UNTUK MEMULIHKAN DAN MEMBINA SEMULA BAIT SUCI ITU, ADA 483 TAHUN, SELEPAS PENYELAMAT DIBUNUH SEBAGAI BAYARAN BAGI DOSA-DOSA MANUSIA, DAN KEMUDIAN BAIT SUCI AKAN DIMUSNAHKAN LAGI.
NUBUAT INI AKAN DIGENAPI, DAN PENYELAMAT ITU AKAN DIURAPI. AKAN ADA PENDAMAIAN YANG DIBUAT BAGI DOSA-DOSA, DAN KEBENARAN YANG KEKAL AKAN DIBAWA BAGI MANUSIA."




KEJADIAN 49:9-10; MAZMUR 22, 53;
YESAYA 7, 9:1-2, 42:1, 49:6, BAB 53;
DANIEL 9:25-26; MIKHA 5:2;
ZAKARIA 9:9; MATIUS 24:1-2; IBRANI 2:9

ALLAH MEMBERITAHU ABRAHAM BAHAWA PENYELAMAT ITU AKAN DATANG DARI KETURUNANNYA MELALUI ANAKNYA ISHAK.

ALLAH MEMBERITAHU ISHAK BAHAWA YANG DIJANJIKAN ITU AKAN DATANG MELALUI ANAKNYA YAKUB, DAN DIA MEMBERITAHU YAKUB BAHAWA KRISTUS AKAN DATANG MELALUI YEHUDA.

BANYAK NUBUATAN KHUSUS TENTANG KEHIDUPAN PENEBUS YANG DIJANJIKAN TELAH DIBERIKAN KEPADA RAMAI NABI-NABI.

MEREKA BERKATA KEHADIRAN-NYA YANG AKTIF ITU DATANGNYA DARI KEKEKALAN, BAHAWA DIA AKAN DILAHIRKAN DARI RAHIM PERAWAN SUCI DI BANDAR BETLEHEM YEHUDA, DIA DATANG DALAM KEHINAAN, DIRENDAHKAN DAN MENUNGGANG KELEDAI.

TUHAN AKAN MEMBERIKAN ROH-NYA KEPADA DIA, DAN AKAN MENJADI HAKIM KEPADA ORANG-ORANG BUKAN YAHUDI.

DIA AKAN MENJADI TERANG BAGI ORANG BUKAN YAHUDI DAN MEMBAWA KESELAMATAN BAGI SEMUA YANG BERADA DI BUMI.

DIA AKAN MENJADI PENYELAMAT YANG MENDERITA DAN AKAN DITOLAK OLEH KAUMNYA, DAN MATI DENGAN TANGAN DAN KAKI YANG DISALIBKAN.

DIA AKAN DIGANTUNG TELANJANG, DAN AKAN HAUS TETAPI DIBERIKAN CUKA UNTUK DIMINUM.

DIA AKAN MATI DI ANTARA DUA PENCURI DAN DIKUBURKAN DI KUBUR ORANG KAYA.


NUBUAT DANIEL MENGENAI KEEMPAT-EMPAT KERAJAAN ITU TELAH DIGENAPI SAMA SEPERTI YANG DIRAMALKAN. PADA 330 S.M., ALEXANDER AGUNG, DARI GREECE, MEMULAKAN KEMPEN YANG BERLANGSUNG SELAMA TUJUH TAHUN, DI MANA DIA MENAKLUKI DUNIA YANG TERKENAL, TERMASUK EMPAYAR MEDO-PARSI YANG LUAS. YUNANI MEMEGANG KUASA SEHINGGA 167 S.

M APABILA KERAJAAN DUNIA KEEMPAT, ROM, MULA MENAKLUKI. ROM, DIWAKILI DI DALAM MIMPI NEBUKADNEZAR SEPERTI TAPAK DAN KAKI BESI, DAN DALAM PENGLIHATAN DANIEL SEBAGAI BINATANG LOGAM, MENINGKATKAN KUASA DAN WILAYAHNYA, SEPERTI YANG DIRAMALKAN OLEH PARA NABI. MENJELANG 5 S. M., IA MEMERINTAH ISRAEL DENGAN TANGAN BESI.

## 500 TAHUN KEMUDIAN.

LEBIH 500 TAHUN TELAH BERLALU SEJAK NUBUAT OLEH DANIEL. PADA 6 S.M. ORANG ROMA MEMBERIKAN KEBEBASAN BERAGAMA KEPADA ORANG YAHUDI TETAPI MENGENAKAN CUKAI YANG TINGGI. BAIT SUCI TELAH DIBINA SEMULA DAN MENJADI PUSAT KEPADA ORANG YAHUDI. RAMAI ORANG SUDAH LUPA AKAN NUBUAT TENTANG PENYELAMAT YANG AKAN DATANG, TETAPI MASIH ADA YANG MEMELIHARA HUKUM DAN MENCARI KRISTUS. DI ANTARA MEREKA ADA SEORANG TUA BERNAMA SIMEON. DIA SEORANG YANG SOLEH DAN RINDU MELIHAT DIA YANG DIKATAKAN OLEH PARA NABI. SELAMA BERTAHUN-TAHUN DIA MEMBACA TENTANG NUBUATAN DAN MENGETAHUI MASANYA SEMAKIN DEKAT. TETAPI SEKARANG INI DIA SUDAH TUA DAN TIDAK HIDUP YANG LAMA LAGI. SUDAH 4000 TAHUN SEJAK ALLAH TELAH BERJANJI MELALUI HAWA BAHAWA KETURUNANNNYA AKAN DATANG DAN MEMUSNAHKAN PEKERJAAN IBLIS.

***SEKARANG SUDAH TIBA MASANYA.*** LEBIH 350 NUBUAT TELAH SIAP UNTUK DIGENAPI.



# BAB 8

# PERJANJIAN BARU


6 S.M
WAHAI ALLAH ABRAHAM, ISHAK DAN YAKUB, AKU SUDAH MENUNGGU SANG PENYELAMAT, TETAPI AKU TIDAK AKAN HIDUP LAMA.
SESUNGGUHNYA ENGKAU TIDAK AKAN HIDUP LAMA, TETAPI ENGKAU AKAN MELIHAT PENYELAMAT ITU SEBELUM ENGKAU MATI.


SIMEON, ENGKAU DATANG KE SINI SETIAP HARI. AKU BERHARAP AGAR SEMUA IMAM YANG LAIN JUGA TAAT SEPERTIMU.
SIMEON MENYELIDIKI KITAB SUCI DAN MENDAPAT BANYAK NUBUAT TENTANG KRISTUS.
UNTUK APAKAH ENGKAU NUBUAT YESAYA TENTANG KRISTUS INI? IA MENGATAKAN SEORANG PERAWAN AKAN MENGANDUNG DAN MELAHIRKAN SEORANG ANAK LELAKI. INI MESTI KETURUNAN WANITA ITU, SEPERTI YANG DIKATAKAN KEPADA HAWA.
YA, DAN YESAYA JUGA BERKATA BAHAWA DIA AKAN DISEBUT ALLAH YANG PERKASA. TETAPI NUBUAT ITU SUKAR UNTUK DIFAHAMI.


MENURUT MIKHA 5:2 KNAK ITU KEKAL, SEPERTI ALLAH. DAN APAKAH PULA NUBUAT DALAM MAZMUR 45.6 DI MANA ALLAH MEMANGGIL ANAK ALLAH?
HANYA SEDIKIT YANG BERSETUJU DENGANMU, SEBAB ITULAH ENGKAU TIDAK BOLEH BERCAKAP TENTANG INI SECARA UMUM; ENGKAU AKAN DIREJAM BATU SAMPAI MATI.
ENGKAU AKAN LIHAT. SEBELUM AKU MATI MESIAS AKAN DATANG KE BAIT SUCI INI, DAN AKU AKAN MELIHATNYA.


DIA BOLEH SAJA BENAR.
SIAPAKAH ENGKAU? APAKAH YANG ENGKAU TAHU TENTANG SEMUA INI?


AKU TIDAK DAPAT TOLONG TETAPI AKU MENDENGAR PERBUALAN KAMU. AKU JUGA TELAH MENGKAJI KITAB SUCI, DAN 500 TAHUN DAHULU DANIEL MENGATAKAN HAL YANG MENARIK TENTANG KEDATANGAN MESIAS ITU.
APAKAH YANG ENGKAU TAHU YANG TIDAK DIKETAHUI OLEH AHLI TAURAT?
KEJADIAN 3:15; MAZMUR 45:6; YESAYA 7:14, 9:6; DANIEL 9:25-26; MIKHA 5:2; LUKAS 2:25-26


AYAHKU ADALAH SEORANG JURUTULIS DAN DIA MENUNJUKKAN KEPADAKU NUBUATAN ITU. ALLAH MEMBERITAHU DANIEL SEJAK PERINTAH UNTUK MEMBINA SEMULA YERUSALEM DIBERIKAN SEHINGGA DATANGNYA MESIAS ITU ADALAH KIRA-KIRA 483 TAHUN.
SEKARANG SUDAH 449 TAHUN SEJAK PERINTAH ITU DIBERIKAN. HANYA TINGGAL 34 TAHUN YANG BERMAKSUD MESIAS ITU BOLEH SAJA BERJALAN-JALAN SEKARANG.
TIDAK, BELUM LAGI. ROH KUDUS MENDEDAHKAN KEPADAKU BAHAWA SEBELUM MATI AKU AKAN MELIHAT BAYI MESIAS DI BAIT SUCI INI.
BAGAIMANAKAH ENGKAU TAHU HAL ITU?
ENGKAU AKAN MELIHATNYA NANTI.

SIMEON SEMAKIN TUA DAN MENUNGGU KEDATANGAN KRISTUS DI BAIT SUCI, SEORANG IMAM BERNAMA ZAKHARIA PERGI KE BAIT SUCI UNTUK BERDOA. DIA DAN ISTERINYA SUDAH TUA TETAPI BELUM PERNAH MEMPUNYAI ANAK.


TIBA-TIBA MALAIKAT MUNCUL DI SEBELAH KANAN MEZBAH.
JANGAN TAKUT. DOAMU TELAH DIDENGAR DAN ISTERIMU AKAN MELAHIRKAN SEORANG ANAK LELAKI DAN HENDAKLAH ENGKAU MENAMAKANNYA YOHANES.
RAMAI ORANG AKAN BERGEMBIRA APABILA DIA DILAHIRKAN KERANA DIA AKAN MENYIAPKAN ORANG-ORANG BAGI KEDATANGAN MESIAS. DIA TIDAK AKAN MINUM AIR ANGGUR ATAU MINUMAN KERAS DAN DIA AKAN MENERIMA ROH DAN KUASA ELIA.


BAGAIMANA AKU TAHU APA YANG ENGKAU KATAKAN ITU BENAR? AKU DAN ISTERIKU SUDAH TUA UNTUK MELAHIRKAN ANAK, LAGIPULA DIA MANDUL.
AKU ADALAH MALAIKAT JIBRAIL, YANG BERDIRI DEKAT DENGAN ALLAH, AKU DIUTUS UNTUK MEMBERITAHU AKAN HAL INI. ADAKAH ENGKAU MAHU TANDA? ENGKAU AKAN MENJADI BISU SEHINGGA ENGKAU SENDIRI MELIHAT HAL ITU TERJADI.


AKU GEMBIRA APABILA KITA BERBICARA TENTANG HAL ITU. RUMAH INI SANGAT SENYAP. ENGKAU TIDAK SEPATUTNYA BERCAKAP LAGI DENGAN MALAIKAT ITU.
ZAKHARIA, MASIH SUSAH UNTUK MEMPERCAYAINYA. SAMA SEPERTI SARAH, IBU BANGSA KITA, ALLAH DENGAR DOA KITA, DAN AKU AKAN MENJADI IBU KEPADA NABI YANG BESAR.

SELAMA 4000 TAHUN DAHULU PARA NABI MENUBUATKAN KEDATANGAN MESIAS. 700 TAHUN SEBELUMNYA, NABI YESAYA BERKATA: “LIHAT, SEORANG PERAWAN AKAN MENGANDUNG DAN MELAHIRKAN SEORANG ANAK LELAKI, DAN AKAN DIPANGGIL IMANUEL, ALLAH BERSERTA KITA.”



MARIA TELAH BERTUNANG DENGAN YUSUF. DIA TIDAK PERNAH BERHUBUNGAN INTIM DENGAN SIAPAPUN. DIA TAAT KEPADA SEMUA HUKUM MUSA.


TIBA-TIBA, MALAIKAT MUNCUL DI HADAPAN MARIA.
MARIA, ENGKAU MENDAPAT KASIH KARUNIA ALLAH YANG BESAR. ENGKAU AKAN MENGANDUNG DAN ANAK ITU AKAN DISEBUT ANAK ALLAH YANG MAHA TINGGI.
BAGAIMANA IANYA TERJADI SEDANGKAN AKU TIDAK PERNAH BERHUBUNGAN INTIM DENGAN SIAPAPUN?
ROH KUDUS ALLAH AKAN MENAUNGI ENGKAU. JANIN SUCI YANG ADA DALAM KANDUNGANMU ADALAH ANAK ALLAH. SEPUPUMU ELIZABETH YANG MANDUL ITU SEKARANG SEDANG HAMIL ENAM BULAN.

YESAYA 7:14; LUKAS 1:5-20, 26-40




ELIZABETH!
MARIA, ANAKKU!


"BERBAHAGIALAH ENGKAU DI KALANGAN SEMUA WANITA DAN BERBAHAGIALAH ANAK YANG ADA DI KANDUNGANMU! MENGAPAKAH PENGHORMATAN YANG SEBESAR INI DIBERIKAN KEPADAKU, SEHINGGA IBU TUHANKU DATANG MELAWAT AKU? SEBAIK SAHAJA AKU MENDENGAR SALAMMU, ANAK DALAM KANDUNGANKU BERGERAK KERANA BERSUKACITA."
HATIKU MENYANJUNG TUHAN DAN ROHKU BERSUKACITA KERANA ALLAH, PENYELAMATKU. MULAI SEKARANG, SEMUA ORANG AKAN MEMANGGILKU YANG DIBERKATI, KERANA ALLAH TELAH MELAKUKAN PERKARA YANG BESAR KEPADAKU.
DIA TELAH MENINGGIKAN KITA YANG BERKETURUNAN RENDAH. SEBAGAIMANA DIA TELAH BERBICARA KEPADA BAPA ABRAHAM, DIA MENGINGAT KITA DALAM RAHMAT-NYA.
MARIA TINGGAL BERSAMA ELIZABETH SELAMA TIGA BULAN.


MASANYA SUDAH TIBA UNTUK ELIZABETH MELAHIRKAN ANAK.
ZAKHARIA PASTI IA ADALAH SEORANG ANAK LELAKI KERANA MALAIKAT YANG TELAH MEMBERITAHUNYA.
NAH, JIKA IA SEORANG BUDAK LELAKI, NAMANYA ADALAH ZAKHARIA MENGIKUT NAMA BAPANYA.
DIA SUDAH DATANG, MARI KITA BERTANYA KEPADANYA.


DIA BERKATA BAHAWA MALAIKAT MENJADIKANNYA BISU KERANA TIDAK PERCAYA.
APAKAH NAMA YANG AKAN ENGKAU BERIKAN KEPADA ANAK ITU?
DIA MAHU MENULISNYA.


DIA BERKATA ANAK ITU AKAN DIBERIKAN NAMA YOHANES SEPERTI YANG DIPERINTAHKAN OLEH MALAIKAT ITU.
TETAPI TIDAK ADA SEORANG PUN DALAM KELUARGA KITA YANG BERNAMA YOHANES.


IA SEMEMANGNYA SEORANG ANAK LELAKI, ANAK YANG BERBULU LEBAT.


NAMANYA ADALAH YOHANES SESUAI DENGAN FIRMAN TUHAN. DIA AKAN MEMPERKENALKAN MESIAS KEPADA BANGSA ISRAEL.
DIA BERCAKAP! SELEPAS BEBERAPA BULAN!
BOLEH JADIKAH INI ADALAH ELIA YANG BERNUBUAT?
LUKAAS 1:41-64


SEMENTARA ITU, YUSUF MENDAPATI MARIA SEDANG MENGANDUNG DAN TAHU ITU BUKAN BAYINYA.
IBU, AKU TIDAK BOLEH PERCAYA. DI SANA TIDAK ADA LELAKI. DIA SENTIASA BERSAMA DENGAN KELUARGANYA, DAN SEMUA ORANG TAHU MARIA ADALAH PEREMPUAN YANG SOLEHA. AKU PASTI DIA TIDAK MELAKUKANNYA! TETAPI FAKTANYA DIA MENGANDUNG.


O YUSUF, APA YANG ENGKAU AKAN LAKUKAN?
AKU TIDAK BOLEH BERKAHWIN DENGANNYA SEKARANG, TETAPI AKU TIDAK MAHU HAL INI DIKETAHUI UMUM. DIA BOLEH DIREJAM KERANA BERZINA. MUNGKIN KITA BOLEH PUTUSKAN PERTUNANGAN SECARA SENYAP.


SIAPAKAH AYAH ANAK ITU?
KATANYA AYAH KEPADA ANAK INI ADALAH ALLAH, OLEH KUASA ROH KUDUS TANPA HUBUNGAN BADAN.


ALAMAK! ADAKAH DIA SUDAH HILANG AKAL?
KATANYA ANAK ITU AKAN MENJADI PENYELAMAT DUNIA, ANAK ALLAH.
ITU ADALAH KATA-KATA KUFUR DARI SEORANG PEREMPUAN. AKU HARUS MENYINGKIRNYA SECEPAT DAN SESENYAP YANG MUNGKIN.


PADA MALAM ITU, MALAIKAT MUNCUL SEMASA YUSUF SEDANG TIDUR.
YUSUF, ANAK DAUD, JANGAN TAKUT MENGAMBIL MARIA SEBAGAI ISTERIMU, ANAK YANG DIKANDUNGNYA ADALAH OLEH KUASA ROH KUDUS. DIA AKAN MELAHIRKAN ANAK LELAKI DAN ENGKAU AKAN MENAMAINYA YESUS, KERANA DIA AKAN MENYELAMATKAN UMAT-NYA DARI DOSA MEREKA.


INI ADALAH PENGGENAPAN NUBUATAN YESAYA: “SEORANG ANAK DARA AKAN MENGANDUNG DAN MELAHIRKAN SEORANG ANAK LELAKI YANG DISEBUT IMANUEL, YANG BERMAKSUD “ALLAH BESERTA KITA.”


MARIA, BAGAIMANA ENGKAU MASIH MEMAAFKAN AKU SELEPAS MERAGUIMU?
AKU TAHU, SEMUANYA LUARBIASA! DARI SEMUA PEREMPUAN ISRAEL DAN DALAM SEMUA PERADABAN, ALLAH MEMILIHKU UNTUK MEMBAWA MESIAS DATANG KE DUNIA!


BAYI ITU AKAN JADI APA NANTI? MEMANDANGKAN DIA AKAN MENJADI ALLAH YANG MENJELMA MENJADI MANUSIA, ADAKAH DIA AKAN BERCAKAP WAKTU DILAHIRKAN NANTI? ADAKAH DIA JUGA TAHU MEMBACA?
O YUSUF AKU TIDAK TAHU TETAPI ALLAH TAHU. KITA HANYA TUNGGU DAN LIHAT.


KEJADIAN 3:15; YESAYA 7:14, 9:7; MATIUS 1:18-23; LUKAS 1:32-33
KITA BERDUA ADALAH KETURUNAN DAUD, DAN PARA NABI BERKATA MESIAS AKAN DATANG DARI KETURUNAN DAUD.
AKU HANYA MEMIKIRKAN SESUATU YANG LAIN. DI TAMAN EDEN, ALLAH BERJANJI BAHAWA KETURUNAN PEREMPUAN ITU AKAN MEREMUKAN KEPALA ULAR ITU. AKU SUDAH MELIHATNYA SEKARANG! ANAK INI BUKAN SAHAJA DARI KETURUNAN LELAKI TETAPI JUGA DARI KETURUNAN PEREMPUAN. WAH! ALLAH SUDAH MERANCANGKAN SEMUA INI SEJAK DARI AZALI.


YUSUF DAN MARIA TINGGAL DI NAZARETH, GALILEA, TETAPI ADA NUBUATAN LAMA YANG MENGATAKAN BAHAWA MESIAS AKAN DILAHIRKAN DI BETHLEHEM, YUDEA (MIKHA 5:2). TIDAK LAMA LAGI MARIA AKAN MELAHIRKAN ANAKNYA DI BANDAR YANG SALAH. MEREKA JAHIL TENTANG NUBUATAN ITU, DAN TIDAK MEMPUNYAI ALASAN MELAKUKAN PERJALANAN YANG JAUH KE BETHLEHEM.
DENGARLAH, DENGARLAH, MELALUI PENGISTIHARAN RASMI OLEH EMPAYAR ROM, DITANDATANGANI OLEH KAISAR SENDIRI, BANCIAN AKAN DIBUAT DAN SEMUA BANGSA ISRAEL AKAN KEMBALI KE BANDAR KELAHIRAN MEREKA MASING-MASING UNTUK MENDAFTAR.


YUSUF, INI BERMAKSA ENGKAU HARUS PERGI KE BETLEHEM. SEMASA ENGKAU PERGI BAYI INI AKAN DILAHIRKAN.
ORANG TIDAK AKAN FAHAM AKU PERGI. AKU AKAN MEMBAWA ENGKAU BERSAMA.


MARIA, AKU TIDAK SEPATUTNYA MEMBAWA ENGKAU BERSAMA. MUNGKIN KITA PATUT BERPATAH BALIK.
TIDAK, AKU HARUS BERSAMAMU SEMASA BAYI INI DILAHIRKAN. TIDAK ADA SEORANG PUN YANG AKAN FAHAM.


IA MENGAMBIL LEBIH DARI SEMINGGU UNTUK PERJALANAN 100 BATU.
KITA HARUS CEPAT, JIKA ENGKAU DAPAT. RASANYA MASA MELAHIRKAN SUDAH TIBA.
AKU PASTIKAN JIKA KITA BOLEH DAPATKAN BILIK DI RUMAH PENGINAPAN.


MARIA, AKU MENJUMPAI SEORANG IBU YANG AKAN MEMBANTU KITA.
TIDAK ADAKAH BILIK DI RUMAH PENGINAPAN?
SEMUANYA PENUH.


ENGKAU MELAHIRKAN DENGAN BAIK BAYI PERTAMAMU. KESIAN DIA DILAHIRKAN DI KANDANG SAPI.
JANGAN BIARKAN ITU MENGGANGGUMU. DIA AKAN MEMERINTAH DUNIA SUATU HARI NANTI.
DIA KELIHATAN SEPERTI BAYI BIASA BAGIKU.

LUKAS 2:1-7


APA? IANYA MALAIKAT!
BERIBU-RIBU MALAIKAT!
JANGAN TAKUT, ALLAH YANG MENGHANTAR AKU KE SINI UNTUK MEMBERITAKAN KHABAR BAIK BAGI MANUSIA, KERANA HARI INI TELAH LAHIR BAGIMU SEORANG PENYELAMAT DI BANDAR DAUD, TUHAN, MESIAS YAHUDI.
KEMULIAAN BAGI ALLAH DI TEMPAT YANG MAHA TINGGI! ALLAH MEMBAWA DAMAI DI BUMI, KERANA DIA MEMPUNYAI KEHENDAK YANG BAIK BAGI MANUSIA.


INI AKAN MENJADI TANDA KEPADAMU, ENGKAU AKAN MENJUMPAI SEORANG BAYI YANG DIBUNGKUS DENGAN KAIN, YANG TERBARING DI DALAM PALUNGAN.


PERCAYAKAH ENGKAU? MALAIKAT MUNCUL DI DEPAN KAMI!
TUNGGU AKU AKAN MEMBERITAHU ISTERIKU!
ADAKAH ENGKAU MENDENGARNYA? PENYELAMAT ITU AKAN LAHIR DI ISRAEL.
AKU MAHU PERGI MELIHATNYA.
SEORANG PENYELAMAT! DAMAI SEJAHTERA BAGI MANUSIA! SEORANG BAYI? MARI PERGI MELIHATNYA!


PENYELAMAT!
MAAFKAN KAMI KERANA MENGGANGGU, TETAPI ADA MALAIKAT TELAH MENJEMPUT KAMI.
SIAPAKAH YANG SANGGUP BERFIKIR TENTANG ITU, ALLAH MENJADI SEORANG BAYI?
LUKAS 2:8-20


TIBA MASANYA YUSUF DAN MARIA MENYERAHKAN BAYI YANG BARU LAHIR ITU KEPADA IMAN DAN MEMPERSEMBAHKAN KORBAN SESUAI DENGAN HUKUM.
YUSUF, INI ADALAH PERTAMA KALI DIA DATANG KE BAIT SUCI, DAN TIDAK ADA SEORANG PUN TAHU DIA ADALAH KRISTUS.
DAN AKU FIKIR KITA TIDAK PATUT BERITAHU KEPADA SESIAPA. TUNGGU SEHINGGA DIA BESAR.


SIMEON DI DALAM BAIT SUCI.
SIAPAKAH DIA MARIA?
AKU TIDAK TAHU. TIADA SEORANG PUN DI SINI YANG MENGENALI KITA.
ITULAH DIA! KAMI TELAH TUNGGU TERLALU LAMA.


TERPUJILAH ENGKAU YA TUHAN ALLAH KAMI. SEKARANG AKU BOLEH MATI DENGAN TENANG KERANA AKU TELAH MELIHAT KESELAMATAN-MU, SEPERTI YANG ENGKAU JANJIKAN. DIA AKAN MENJADI CAHAYA KEPADA ORANG BUKAN YAHUDI SEPERTI KEMULIAAN ISRAEL.
TETAPI, BAGAIMANAKAH ENGKAU TAHU?


DENGARKANKU, ANAK INI AKAN MENYEBABKAN RAMAI ORANG ISRAEL BANGKIT DAN BEBERAPA AKAN JATUH, DAN DIA AKAN DILAWAN.
YA, DAN HATIMU AKAN BERKECAI MELIHAT APA YANG TERJADI PADANYA.


LIHATLAH! ITULAH MESIAS! DIA TELAH DATANG KE BAIT SUCI. DIALAH YANG DIKATAKAN OLEH PARA NABI.
ITU HANNAH. DIA TELAH MENUNGGU MESIAS SEPANJANG HIDUPNYA.


ANAK MUDA, ANAK INI ADALAH KRISTUS, PENYELAMAT DUNIA. DIA AKAN MENYELAMATKAN ISRAEL DARI DOSA-DOSA MEREKA.
SEJAK ITU, HANNAH BERKATA-KATA TENTANG DIA KEPADA SEMUA YANG SEDANG MENCARI PENEBUSAN.

LUKAS 2:27-38


TERDAPAT ORANG YANG BIJAK PANDAI DI NEGARA SEBELAH TIMUR ISRAEL YANG BELAJAR TENTANG TULISAN KUNO DAN MENCARI TAHU TENTANG ALLAH. MEREKA TAHU NUBUAT TENTANG MESIAS. DALAM MIMPI DAN PENGLIHATAN, ALLAH NYATAKAN KEPADA MEREKA TENTANG SEORANG YANG DIJANJIKAN TELAH LAHIR.
KAMI DATANG DARI JAUH. INI ADALAH TANAH ASING BAGI KAMI. SUDAH BERMINGGU-MINGGU KAMI DALAM PERJALANAN.
BINTANG ITU TERUS BERGERAK. KITA AKAN MENGIKUTINYA SEJAUH YANG KITA DAPAT.


RAJA HERODES, ADA TIGA ORANG LELAKI YANG KELIHATAN KAYA DATANG DARI JAUH DI TIMUR. MEREKA SEDANG MENCARI RAJA BARU ISRAEL, SEORANG BAYI YANG BARU LAHIR.
ISRAEL TIDAK MEMPUNYAI RAJA KETIKA ITU KERANA ROM MEMERINTAH MEREKA, TETAPI ROM MELANTIK HERODES SEBAGAI RAJA ORANG YAHUDI DI YERUSALEM. ORANG YANG BIJAK PANDAI ITU MENCARI RAJA HERODES UNTUK BERTANYA TENTANG RAJA YANG BARU LAHIR ITU.
SEORANG BAYI? SEORANG RAJA? AKULAH RAJA. JEMPUT MEREKA MASUK DAN BAWA JUGA KEPADAKU KETUA IMAM DAN AHLI TAURAT.


KAMU KATA ENGKAU DATANG UNTUK MELIHAT SEORANG BAYI RAJA? BAGAIMANA ENGKAU TAHU PERKARA SEDEMIKIAN?
KAMI TELAH MELIHAT BINTANG-NYA DI TIMUR DAN DATANG UNTUK MENYEMBAH DIA?
DI MANAKAH DIA?
KAMI KURANG PASTI. ITULAH SEBABNYA KAMI DATANG KEPADAMU.
AKU TELAH MEMANGGIL PARA ILMUAN. KITA AKAN LIHAT APA YANG MEREKA TAHU TENTANG INI. MARI IKUT AKU KE BILIK PERIBADI.


MEREKA DATANG UNTUK MENYEMBAH RAJA ORANG YAHUDI, SEORANG YANG TELAH DINUBUATKAN AKAN DATANG DAN AKAN MENJADI PENYELAMAT. ADAKAH TULISAN-TULISANMU TENTANG SEORANG RAJA?
YA, RAMAI NABI MENCERITAKAN KEDATANGAN-NYA, TETAPI KITA JANGAN PERCAYA NUBUAT SEDEMIKIAN SECARA LITERAL.
AKU TIDAK PEDULI TENTANG PENDAPATMU. TEPAT SEKALIKAH NUBUATAN ITU?
NABI MIKHA BERKATA BAHAWA MESIAS ITU AKAN DILAHIRKAN DI BETLEHEM DARI SUKU YEHUDA.

MATIUS 2:1-8; MIKHA 5:2




HERODES TAKUT AKAN RAJA YANG TELAH LAHIR ITU, JADI DIA MEMUTUSKAN UNTUK MEMBUNUH SEMUA KANAK-KANAK SEJURUS MENGETAHUI TEMPAT ITU.


TULISAN NABI-NABI ISRAEL TIDAK SEPERTI YANG LAIN. AKU BELUM PERNAH MELIHAT NUBUAT YANG BEGITU TERPERINCI.
ADA SESUATU, PARA AHLI TAURAT ITU PASTI TAHU DI MANA ANAK ITU AKAN DILAHIRKAN. TETAPI MEREKA ACUH TAK ACUH DENGAN NABI MEREKA SENDIRI.


LIHAT! BINTANG YANG SAMA KITA LIHAT DI TIMUR!
IANYA TIDAK SEPERTI BINTANG YANG LAIN KITA PERNAH LIHAT. IA TIDAK BERGERAK SEPERTI SEMUA BINTANG YANG LAIN DAN IA SANGAT CERAH BERSINAR.
TANDAKAN KEDUDUKANNYA. ESOK KITA AKAN MENGIKUTINYA.


DI SANA, ATAS RUMAH ITU. TETAPI INI BUKAN BETLEHEM! SUDAH BERMINGGU-MINGGU. MUNGKIN MEREKA SUDAH PINDAH.
PERJALANAN YANG SANGAT JAUH. KITA SUDAH HAMPIR TIBA.
BINTANG ITU AMAT PELIK. IA PASTI TINGGI TIDAK MELEBIHI AWAN ITU.


KAMI HARAP TIDAK MENGGANGGU. KAMI TELAH MELAKUKAN PERJALANAN YANG JAUH UNTUK MELIHAT DAN MENYEMBAH RAJA YANG BARU LAHIR.
BAGAIMANA ENGKAU MENGETAHUINYA?
KAMI MEMBACA TULISAN SUCI DARI SEMUA ORANG. NABI-NABI KAMU TELAH MENUBUATKAN KEDATANGAN-NYA, DAN MUNCULLAH SEBUAH BINTANG YANG MEMIMPIN KAMI KE SINI. BINTANG ITU BERADA TEPAT DI ATAS ENGKAU BERADA.


DENGAN RENDAH HATI KAMI MEMPERSEMBAHKAN PERSEMBAHAN YANG KECIL INI UNTUK MENGHORMATI PENYELAMAT DUNIA. DIA AKAN MEMBAWA RAMAI ORANG KEPADA KEBENARAN.
PADA MALAM ITU ALLAH BERBICARA KEPADA ORANG YANG BIJAK PANDAI ITU DI DALAM MIMPI AGAR TIDAK MEMBERITAHU HERODES TEMPAT ANAK ITU BERADA, TETAPI MENGAMBIL JALAN LAIN KEMBALI KE NEGARA MEREKA. ALLAH JUGA BERFIRMAN KEPADA YUSUF UNTUK MELARIKAN DIRI KE MESIR, KERANA HERODES AKAN BERUSAHA MEMBUNUH ANAK ITU.
MATIUS 2:9-12


ORANG-ORANG DARI TIMUR ITU TELAH MENIPUKU. MEREKA PULANG DENGAN MENGAMBIL JALAN LAIN. MAKSUDNYA MEREKA TELAH MENJUMPAI ANAK ITU DAN TAKUT MELALUI JALAN INI.
HANTAR SKUAD KHAS AKU KE BETLEHEM. ARAHKAN MEMBUNUH SEMUA KANAK-KANAK YANG BERUMUR DUA TAHUN KE BAWAH.


BERTAHUN-TAHUN DAHULU, PARA NABI TELAH MENUBUATKAN BAHAWA PERISTIWA SEDIH INI AKAN TERJADI DI BETLEHEM.


YUSUF DAN MARIA MEMBAWA BAYI YESUS KE MESIR. PERSEMBAHAN ORANG BIJAK PANDAI ITU MEMBOLEHKAN MEREKA MELAKUKAN PERJALANAN ITU DAN HIDUP SELAMA DUA TAHUN DI SANA.
SELEPAS HERODES MENINGGAL, APABILA YESUS BERUMUR DUA TAHUN, ALLAH MEMERINTAHKAN MEREKA KEMBALI KE ISRAEL. INI JUGA ADALAH PENGGENAPAN NUBUAT ALKITAB: "AKU MEMANGGIL ANAK-KU KELUAR DARI MESIR."



APABILA MEREKA PULANG DARI MESIR, SEORANG MALAIKAT MEMBERITAHU YUSUF UNTUK BERPINDAH KE BANDAR KECIL DI NAZARET.
INI JUGA ADALAH PENGGENAPAN NUBUATAN, YANG MENGATAKAN BAHAWA DIA AKAN DIPANGGIL ORANG NAZARET.
ADAKAH KELIMA-LIMA ANAK LELAKIKU AKAN TERUS BEKERJA SEPANJANG HARI? MASA UNTUK MAKAN.
YESUS BEKERJA DENGAN BAPA TIRINYA DI KEDAI KAYU. DIA MEMBESAR DENGAN SEMAKIN BIJAK.
YEREMIA 31:15; HOSEA 11:1; MATIUS 2:13-23


KETIKA YESUS BERUMUR 12 TAHUN, YUSUF MEMBAWA KELUARGANYA KE YERUSALEM UNTUK MERAYAKAN PASKAH. MEREKA MEMBAWA KAMBING BIRI-BIRI SEBAGAI KORBAN PERSEMBAHAN BAGI DOSA MEREKA.
YESUS, BAWALAH KAMBING BIRI-BIRI ITU KEPADA PARA IMAM. MEREKA HARUS MENGESAHKANNYA SEBELUM DIKORBANKAN ESOK. KITA AKAN CARI TEMPAT UNTUK BERMALAM.
AYAH, BOLEHKAH AKU PERGI BERSAMA YESUS UNTUK MELIHAT BAIT SUCI?


BEBERAPA HARI KEMUDIAN, SELEPAS UPACARA PERSEMBHAN KORBAN...
YUSUF, AKU TIDAK DAPAT MENCARI YESUS. TIDAK SEORANG PUN YANG MELIHAT DIA SEPANJANG HARI.
TETAPI DIA TAHU KITA AKAN PERGI. AKU FIKIR DIA ADA BERSAMA-SAMA DENGAN SAUDARA-MARA KITA.
MUNGKIN KITA SUDAH TINGGALKANNYA DI YERUSALEM.
KITA HARUS KEMBALI DAN MENCARINYA.


KAMU SEMUA BERSETUJU BAHAWA MESIAS ITU ADALAH ANAK DAUD, SEPERTI PARA NABI KATAKAN. KAMU JUGA BERSETUJU DAUD MEMANGGIL-NYA TUHAN, BAHAWA MESIAS ITU ADALAH ALLAHNYA. JADI, BAGAIMANA BOLEH MENJADI ANAK DAUD DAN MASA YANG SAMA ADALAH TUHAN, KECUALI...
ENGKAU HARUS BERHATI-HATI DENGAN ALASAN ITU. KESIMPULANNYA BOLEH MENGHUJAT.
TETAPI ENGKAU MENGANDAIKAN BAHAWA TAFSIRANMU ITU BETUL. PARA PENATUA LEBIH LAYAK MEMAHAMI LEBIH DALAM AKAN KEBENARAN INI.


YESAYA 9:7; LUKAS 2:42-46; 2 TIMOTIUS 3:16-17
SAMA ADA KITAB SUCI BENAR ATAU PALSU. ADAKAH KITA PERCAYA ITU SAHAJA YANG SESUAI DENGAN TRADISI KITA?
ADAKAH KEBENARAN PERNAH DALAM? BUKANKAH KITAB SUCI DIBERIKAN UNTUK PEMAHAMAN KITA?
TETAPI ENGKAU TIDAK BOLEH MENTAFSIR SEMUANYA SECARA LITERAL. PARA GURU KITA BERKATA...
DIA ADA DI SANA.


YESUS, KAMI SUDAH MENCARI ENGKAU DI MERATA TEMPAT, MENGAPA LAKUKAN INI KEPADA KAMI?
DIA BERSAMA KAMI SELAMA DUA HARI. KAMU MEMILIKI ANAK YANG LUARBIASA.


MENGAPA KAMU MENCARI AKU? TIDAKKAH ENGKAU TAHU BAHAWA AKU HARUS MELAKUKAN KEHENDAK BAPA-KU?


AKU TIDAK PERNAH MENJUMPAI BUDAK YANG SANGAT TAHU TENTANG KITAB SUCI.
APAKAH MAKSUD-NYA, "DIA HARUS MELAKUKAN KEHENDAK BAPA-NYA? BUKANKAH YANG MENCARI-NYA ITU ADALAH BAPA-NYA?


YESUS KEMBALI BERSAMA IBUBAPA-NYA DAN TETAP MENGHORMATI MEREKA. DIA MENERUSKAN PEKERJAAN-NYA SEBAGAI TUKANG KAYU DAN MENINGKAT DEWASA DALAM KEBIJAKSANAAN DAN PERWATAKAN YANG BAIK.
KERANA DIA SELALU BERJALAN DI DALAM KEBENARAN DAN BERKELAKUAN BAIK SESAMA-NYA, DIA SANGAT DISUKAI OLEH SEMUA ORANG.


KETIKA PEMUDA LAIN JATUH DI DALAM DOSA, YESUS TETAP MENTAATI SEMUA PERINTAH ALLAH.
ENGKAU SELALU MELEBIHI YANG ADIL, TIDAK ADA TUKANG KAYU YANG LEBIH BAIK DI NAZARET. AKU MAHU ENAM LAGI SEPERTI INI.
LUKAS 2:46-52


INGAT BAHAWA ELIZABETH TELAH MELAHIRKAN SEORANG ANAK LELAKI SEBELUM MARIA. MALAIKAT MEMBERITAHU ZAKHARIA UNTUK MENAMAKANNYA YOHANES, DIA AKAN MEMPERSIAPKAN HATI BANGSA ITU BAGI KEDATANGAN MESIAS. INI JUGA TELAH DINUBUATKAN OLEH PARA NABI 500 TAHUN SEBELUMNYA.
ENGKAU HARUS BERPALING DARI JALAN-JALANMU YANG JAHAT DAN MENTAATI ALLAH, KERANA KERAJAAN SYURGA SUDAH TIBA. JIKA ENGKAU MENYIAPKAN HATIMU UNTUK MENERIMA MESIAS, AKU AKAN MEMBAPTIS ENGKAU DENGAN AIR.


TETAPI SEORANG AKAN DATANG, YANG DIUTAMAKAN SEBELUM AKU KERANA DIA WUJUD SEBELUM AKU WUJUD. DIA AKAN MEMBAPTIS ENGKAU BUKAN DENGAN AIR TETAPI DENGAN ROH KUDUS ALLAH SENDIRI. BERTAUBATLAH DARI DOSA-DOSAMU SEBELUM TERLAMBAT.
APA SEPATUTNYA KAMI LAKUKAN YOHANES? APAKAH KEHENDAK ALLAH BAGI KAMI UNTUK MENJADI SOLEH?


JIKA ENGKAU MEMPUNYAI DUA HELAI KOT DAN ENGKAU BERJUMPA DENGAN SEORANG YANG TIDAK MEMPUNYAI KOT, BERIKANLAH KEPADANYA SEHELAI KOTMU ITU. JIKA ENGKAU MEMPUNYAI MAKANAN DAN ADA YANG KELAPARAN, BERIKANLAH DIA MAKANAN.
CARILAH KEADILAN BAGI SEMUA ORANG.


YOHANES, APAKAH YANG KAMI HARUS KAMI LAKUKAN, YANG BEKERJA DALAM KERAJAAN UNTUK MENYENANGKAN HATI ALLAH? AKU BEKERJA SEBAGAI PEMUNGUT CUKAI DAN NABAL BEKERJA SEBAGAI PEGAWAI KASTAM.
JANGAN AMBIL RASUAH. JANGAN GUNAKAN JABATAN ANDA UNTUK MEMERAS WANG DARI SESIAPA SAHAJA. BERSIKAPLAH ADIL DAN SAKSAMA DALAM SEMUA URUSANMU.


AKU BUKAN DARI BANGSAMU DAN BUKAN ORANG BERAGAMA. TETAPI AKU JUGA HENDAK MENYENANGKAN HATI ALLAH. APA YANG PATUT AKU LAKUKAN?
JANGAN BERTINDAK KEJAM KEPADA ORANG, JANGAN MENCURI ATAU MENGAMBIL HARTA BENDA SERTA WANG DARIPADA SIAPAPUN MENGGUNAKAN KEDUDUKANMU. BERPUAS HATILAH DENGAN GAJIMU.




MALEAKHI 3:1; LUKAS 3:2-18, 7:24, 27


SIAPAKAH ENGKAU YANG DATANG MENGISTIHARKAN MESIAS? PERKENALKAN DIRIMU.
AKU BUKANLAH MESIAS ITU?
ADAKAH ENGKAU ADALAH NABI YANG DIKATAKAN OLEH MUSA, SEORANG YANG AKAN MEMIMPIN BANGSA INI BERBALIK KEPADA ALLAH?
BUKAN, SEPERTI NABI YESAYA KATAKAN, "AKU ADALAH SUARA YANG BERSERU-SERU DI PADANG GURUN, SEDIAKAN JALAN BAGI MESIAS."


LALU APAKAH HAK ENGKAU DATANG KE SINI DAN MEMBAPTIS ORANG-ORANG INI?
AKU HANYALAH UTUSAN YANG MENYEDIAKAN JALAN BAGI MESIAS, TETAPI ENGKAU ADALAH KETURUNAN ULAR. ENGKAU FIKIR HANYA KERANA KAMU ORANG YAHUDI DAN KETURUNAN ABRAHAM, KAMU ADALAH ANAK ALLAH.
ENGKAU HARUS MENGETEPIKAN KEEGOAN DAN KESOMBONGANMU. KAPAK SUDAH TERSEDIA, ENGKAU AKAN DITEBANG DAN DICAMPAKKAN KE DALAM API KUTUKAN JIKA ENGKAU TIDAK MENGUBAH HATIMU.


YOHANES, ENGKAU KATAKAN BAHAWA MESIAS AKAN DATANG. BAGAIMANA ENGKAU MENGENALINYA APABILA DIA DATANG NANTI?
MALAIKAT ALLAH MEMBERITAHUKU BAHAWA ROH ALLAH YANG BERBENTUK SEEKOR MERPATI AKAN TURUN KE ATAS-NYA, DIA ITULAH MESIAS, PENYELAMAT DUNIA.


AKU TAHU MASA INI PASTI TIBA. MALAIKAT JIBRAIL MEMBERITAHU BAHAWA AKU AKAN MENGALAMI KESEDIHAN YANG BESAR. AKU BERHARAP AGAR AYAHMU, MAKSUDKU ADALAH AYAH TIRIMU, MASIH HIDUP DAN MELIHAT SEMUA INI.
YOHANES TELAH BERKHUTBAH SELAMA ENAM BULAN DAN PADA KETIKA ITU YESUS SUDAH BERUMUR 30 TAHUN.
APAKAH YANG AKAN ENGKAU LAKUKAN? BAGAIMANA ENGKAU MEMULAKANNYA? ENGKAU AKAN KE BAIT SUCIKAH?
AKU TIDAK TAHU. BAPA-KU AKAN MENUNJUKKANNYA. MULA-MULA AKU AKAN BERJUMPA DENGAN YOHANES DAN AKAN DIBAPTIS OLEHNYA. DIA SUDAH BANYAK MENYIAPKAN JALAN UNTUK HARI PEMULIHAN ITU.


ADAKAH ENGKAU AKAN KEMBALI MELIHATKU?
SUDAH TENTU, IBU, AKU TIDAK AKAN MENINGGALKAN ENGKAU, TETAPI ENGKAU HARUS TABAH. AKAN DATANG HAL KEPADA-KU YANG MEMBUAT ENGKAU SUSAH.
ULANGAN 18:15; YESAYA 40:3; MATIUS 3:1-12; LUKAS 3:15-18, 23; YOHANES 1:19-27, 33


BERSEDIALAH BAGI KEDATANGAN MESIAS. PARA AYAH, HATIMU AKAN BERBALIK KEPADA ANAK-ANAKNYA. ENGKAU HARUS BERHIKMAT DAN DEDIKASIKAN MASA DAN TENAGAMU UNTUK MENGAJAR HUKUM-HUKUM ALLAH. JIKA ANAKMU YANG DURHAKA ITU MELIHAT KEIKHLASANMU, MEREKA AKAN MEMALINGKAN HATI MEREKA KEPADA AYAH MEREKA DAN KELUARGAMU AKAN DISEMBUHKAN.
JIKA INI ADALAH HATIMU, DAN SANGGUP MENGIKUT MESIAS APABILA DIA DATANG, MAKA DATANGLAH KE MARI, AKU AKAN MEMBAPTIS ENGKAU DENGAN BAPTISAN PERTAUBATAN DAN APABILA MESIAS ITU DATANG DIA AKAN MENGAMPUNI DOSAMU.


YOHANES, BOLEHKAH ENGKAU MEMBAPTIS AKU?
ADALAH LEBIH SESUAI ENGKAU YANG MEMBAPTISKAN AKU. ENGKAU ADALAH SEORANG YANG BENAR.
YOHANES, AKU HARUS MEMATUHI HUKUM-HUKUM ALLAH. AKU AKAN MELAKUKANNYA SEPERTI PERINTAH BAPA-KU KEPADA UMAT-NYA.








MATIUS 3:13-17; LUKAS 3:21-22


ENGKAU ADALAH MESIAS! AKU SEPATUTNYA MENGETAHUINYA.


INILAH ANAK-KU YANG KUKASIHI, KEPADA-NYALAH AKU BERKENAN.
INILAH DIA, ANAK DOMBA ALLAH YANG AKAN MENGHAPUS DOSA DUNIA!




LUKAS 3:22; YOHANES 1:29-34; 1 YOHANES 2:1-2


MEMANG, TETAPI DIA MESTI LULUS DALAM PENCUBAAN DAHULU.
DI MANAKAH DIA PERGI? BUKANKAH DIA AKAN MENEBUS BANGSA INI?
PENCUBAAN APA?
GODAAN YANG ADAM DAN SELURUH KETURUNANNYA TELAH GAGAL MELALUINYA. DIA HARUS BERTEMU DENGAN PUTERA KEGELAPAN.


BAPA MEMBERITAHU ANAK-NYA YESUS UNTUK BERPUASA SELAMA 40 HARI DAN 40 MALAM. DIA LANGSUNG TIDAK MAKAN APA-APA JENIS MAKANAN. TUBUHNYA SEMAKIN LEMAH, SETAN CUBA MEMPENGARUHI-NYA AGAR TIDAK MENTAATI BAPA-NYA DAN MEMUASKAN KELAPARAN-NYA.
MANUSIA PERTAMA, ADAM, TIDAK TAAT KEPADA ALLAH DAN KEHILANGAN KEDUDUKAN ISTIMEWANYA. YESUS WUJUD SEBAGAI ALLAH SEJAK AZALI, TETAPI KINI DIA ADALAH SEORANG MANUSIA YANG MEMPUNYAI TUBUH. ADAKAH DIA AKAN LULUS DALAM UJIAN GODAAN YANG MANA RAMAI TELAH GAGAL?

DI HARI TERAKHIR 40 HARI BERPUASA, YESUS LAPAR DAN LEMAH. DIA SEKARANG FAHAM BAGAIMANA RASANYA DALAM KEMISKINAN, MERASA LAPAR SEHINGGA MEMAKAN DIRI SENDIRI. DIA KINI FAHAM BAGAIMANA RASANYA KESEORANGAN, DITINGGALKAN, SAKIT DAN LEMAH.



SELAMA BEBERAPA HARI, SYAITAN MENYERANG FIKIRAN YESUS DENGAN KERAGUAN DAN KETAKUTAN. MENGETAHUI GODAAN HAMPIR BERAKHIR, DAN YESUS BERADA DI TITIK YANG PALING LEMAH, SYAITAN MELAKUKAN SESUATU YANG JARANG DILAKUKANNYA; DIA MUNCUL DI HADAPAN YESUS.




MATIUS 4:1-3; LUKAS 4:1-3;
ROMAN 3:23, 5:12-21; IBRANI 4:15


SYAITAN MENGGODA MANUSIA PERTAMA IAITU ADAM UNTUK MAKAN BUAH TERLARANG. DIA MENGGUNAKAN GODAAN YANG SAMA PADA ANAK MANUSIA YANG SEDANG LEMAH DAN LAPAR.
IA MERUPAKAN GODAAN YANG BESAR TERHADAP MANUSIA YANG TIDAK MAKAN SELAMA 40 HARI.


INI, ENGKAU BOLEH JADIKAN BATU INI MENJADI ROTI UNTUK MENGHILANGKAN LAPARMU.


TIDAK, SAMA SEKALI TIDAK, ADA TERTULIS DI DALAM KITAB SUCI BAHAWA MANUSIA TIDAK HIDUP DENGAN ROTI SAHAJA TETAPI DENGAN SETIAP PERKATAAN YANG DIUCAPKAN OLEH ALLAH.
IKUTLAH AKU. AKU AKAN MEMBAWA-MU KE TEMPAT YANG ENGKAU BOLEH MENTAATI ALLAH.


JIKA ENGKAU TERJUN DARI SINI, PARA MALAIKAT AKAN MENYAMBUT ENGKAU, DAN SEMUA ORANG YANG MELIHAT AKAN MENERIMA ENGKAU SEBAGAI MESIAS, SEBAB ITU AKU TAHU ALASAN KEDATANGAN-MU.
KITAB SUCI MENULISNYA BAHAWA MALAIKAT AKAN MENATANG ENGKAU SEHINGGA KAKI-MU TIDAK TERHENTAK KE BATU. SEKARANGLAH MASANYA ENGKAU MEMPERLIHATKAN KUASA-MU.
KITAB SUCI JUGA MENGATAKAN BAHAWA, "JANGANLAH MENCUBAI TUHAN ALLAHMU."


AKU TAHU ENGKAU MENGASIHI DUNIA DAN DATANG UNTUK MENYELAMATKANNYA, JADI AKU AKAN MENUNJUKKAN SESUATU YANG ENGKAU AKAN SUKA.
MATIUS 4:3-7


INILAH, DARI SINI KITA BOLEH MELIHAT KEBANYAKKAN KERAJAAN YANG TERKEMUKA. TIDAKKAH MEREKA BENAR-BENAR MULIA? SEJAK DAM MEMBELAKANGI HUKUM-MU, AKULAH YANG MEMILIKI DUNIA INI. MANUSIA MEMBERIKANNYA PADAKU BERULANG KALI. SEMUANYA ADALAH MILIKKU. AKULAH TUHAN BAGI DUNIA INI, BUKAN ENGKAU. TETAPI AKU AKAN BERIKAN SEMUANYA KEPADA-MU...DENGAN SATU SYARAT. JIKA ENGKAU SUJUD MENYEMBAHKU, AKU AKAN MENYERAHKAN KUASAKU UNTUK MENGAWAL DUNIA KEPADA-MU. APA KATA-MU?


KITAB SUCI BERKATA, "SEMBAHLAH DAN LAYANILAH ALLAH YEHOVAH SAHAJA." ENGKAU TELAH GAGAL. ENYAHLAH DARI SINI!
SYAITAN MELARIKAN DIRI DARI KRISTUS. PERTAMA KALI DALAM SEJARAH SYAITAN BERHADAPAN DENGAN SEORANG MANUSIA YANG TIDAK BOLEH DITIPU. YESUS TELAH LULUS UJIAN GODAAN ITU. BUMI KINI MEMILIKI SEORANG MANUSIA YANG BENAR-BENAR ADA PENYERAHAN PENUH KEPADA ALLAH.


UJIAN GODAAN ITU BERAKHIR PADA HARI KE 40, TETAPI YESUS MERASA SANGAT LEMAH UNTUK MENERUSKANNYA.

PARA MALAIKAT DATANG MELAYANI-NYA BERSAMA MAKANAN DAN MINUMAN. APABILA TUBUHNYA MENJADI KUAT, DIA KEMBALI KE TEMPAT DI MANA YOHANES SEDANG BERKHUTBAH.



MATIUS 4:8-11; LUKAS 4:14



BAB 9

# PERMULAAN PELAYANAN


LIHATLAH, ANAK DOMBA ALLAH TELAH DATANG KE DUNIA UNTUK MENGHAPUS DOSA MANUSIA.
ITULAH MESIAS ITU!
DIALAH YANG DIKATAKAN OLEH PARA NABI.
APAKAH YANG AKAN DIA LAKUKAN?


TETAPI AKU TIDAK BOLEH MENINGGALKAN ENGKAU, TUAN.
IKUTLAH YESUS.
AKU BUKAN TUANMU. AKU HARUS SEMAKIN DAN DIA SEMAKIN BESAR. DIA ADALAH BENAR-BENAR MESIAS, PENYELAMAT DUNIA. IKUTLAH DIA.


TUAN, KAMI MAHU MENGIKUT ENGKAU DAN MENJADI MURID-MU. DI MANAKAH ENGKAU TINGGAL?
MARI DAN ENGKAU AKAN MELIHATNYA.


FILIPUS, IKUTLAH AKU.
YA TUAN, KAMI SEDANG MENUNGGU-MU, TETAPI AKU HARUS MENCARI NATANAEL DAHULU.
DIA JUGA MENTAATI HUKUM ALLAH DAN MENANTIKAN KEDATANGAN MESIAS.




YOHANES 1:35-39, 43-45, 3:30-31


NATANAEL, DI MANAKAH ENGKAU?
DI SINI SAUDARAKU.
NATANAEL, KAMI TELAH MENEMUI-NYA, YANG DITULIS OLEH MUSA DAN PARA NABI, YESUS DARI NAZARET, ANAK LELAKI MARIA.


MESIAS? SUDAHKAH ENGKAU BERCAKAP DENGAN-NYA? BELUM PERNAH YANG BAIK KELUAR DARI NAZARET. BAGAIMANAKAH MESIAS BOLEH DATANG DARI TEMPAT YANG MISKIN DAN JAHIL? DIA SEPATUTNYA DILAHIRKAN DI BETLEHEM, YEHUDA.
MARI DAN LIHATLAH SENDIRI. YOHANES MEMBERI KESAKSIAN TENTANG-NYA DAN ANDREAS SEDANG BERSAMA-NYA.


SUNGGUH, DIALAH INILAH ORANG ISRAEL YANG SEJATI.
FILIPUS, ADAKAH ENGKAU MEMBERITAHU APA-APA TENTANGKU KEPADA-NYA?
SEDIKIT PUN TIDAK ADA.


ENGKAU TIDAK MENGENALKU. BAGAIMANA ENGKAU TAHU AKU ADALAH SEORANG ISRAEL SEJATI?
SEBELUM FILIPUS MEMANGGILMU, ENGKAU SEDANG DUDUK DI BAWAH POKOK ARA, AKU MELIHAT ENGKAU DI SANA.
BAGAIMANA ENGKAU DAPAT MELIHATKU? TIDAK SEORANG PUN TAHU DI MANA AKU BERADA.


ENGKAU ADALAH ANAK ALLAH. ENGKAU ADALAH RAJA ORANG ISRAEL.
ADAKAH INI MENGAGUMKANMU? ENGKAU AKAN MELIHAT KEAJAIBAN YANG LEBIH BESAR DARI INI. ENGKAU AKAN MELIHAT SYURGA TERBUKA, DAN PARA MALAIKAT TURUN NAIK KEPADA-KU. MARILAH. BANYAK YANG PERLU KITA LAKUKAN.
YOHANES 1:45-51


ANDREAS JUGA PERGI MEMBERITAHU ABANGNYA TENTANG YESUS.
SIMON, KAMI TELAH MENEMUI MESIAS YANG DIKATAKAN OLEH YOHANES.
MARI DAN LIHATLAH SENDIRI.
BILA? DI MANA? BAGAIMANAKAH RUPANYA? ADAKAH ORANG MENGIKUTI DIA?


ENGKAU SIMON ANAK YOHANES, ENGKAU AKAN DIPANGGIL PETRUS.
AKU AKAN KEMBALIKAN BOTKU KEPADA KELUARGAKU DAN MENGIKUT ENGKAU.


TIDAK LAMA KEMUDIAN, YESUS TELAH MEMILIH 12 ORANG MENGIKUTI-NYA DAN MENDENGAR AJARAN-NYA. MEREKA AKAN DIPANGGIL 12 MURID. MEREKA PERGI DARI BANDAR KE BANDAR MEMBERITAKAN INJIL KERAJAAN ALLAH.


YESUS DAN MURID-MURID-NYA MASUK KE DALAM BAIT SUCI UNTUK BERDOA, TETAPI TEMPAT ITU DIPENUHI DENGAN ORANG YANG BERJUALAN.
MENGAPA AKU HARUS TUKARKAN WANGKU SEBELUM MEMBERIKANNYA KEPADA BAIT SUCI? NAMPAKNYA ENGKAU MENGAMBIL KEUNTUNGAN DARINYA.
PARA IMAM MEMBENARKANNYA.
PARA IMAM ADALAH IMAM YANG MENGAMALKAN RASUAH. MEREKA MENDAPATKAN SEMUA KEUNTUNGAN DARI PENJUALAN DI DALAM BAIT SUCI.
MARKUS 3:16; YOHANES 1:40-42, 2:12-14


APA YANG DIA SEDANG LAKUKAN? DIA SUDAH BERDIRI SELAMA HAMPIR SEJAM DI TEMPAT YANG SAMA, TIDAK MENGUCAPKAN SEPATAH PUN, HANYA MENYIMPUL TALI SAHAJA.
KITA MENDAPAT BANYAK KEUNTUNGAN PADA HARI INI. INI LEBIH BAIK DARIPADA BEKERJA.


PENYEBAT! DIA SEDANG MEMBUAT PENYEBAT!


RUMAH BAPA-KU SEPATUTNYA ADALAH RUMAH DOA, TETAPI KAMU JADIKANNYA SARANG PENCURI. KOSONGKAN SEMUANYA, SEKARANG!
RUMAH BAPA-NYA? DIA FIKIR DIA SIAPA? MESIAS?


JANGAN CUBA-CUBA JADIKAN RUMAH BAPA-KU SEBAGAI TEMPAT PERDAGANGAN. KAMU SEMUA PENCURI!
KRAS!
JOHN 2:15-16


SNAP!
KAMU ADALAH GENERASI ULAR BERBISA. JANDA YANG KELAPARAN.
OHHH!
DIA FIKIR DIA SIAPA?

MATIUS 6:5-7, 12:34;
YOHANES 2:15-16;
1 TIMOTIUS 6:10




APABILA ENGKAU DATANG LAGI KE RUMAH BAPA-KU, ENGKAU HARUS MENGAKU DOSAMU.


ADAKAH ENGKAU INGAT TENTANG PETIKAN YANG DIKATAKAN OLEH DAUD BERKENAAN MESIAS?
ENGKAU TAHU, PARA AHLI TAURAT MENGAJAR APABILA MESIAS ITU DATANG, DIA AKAN DENGAN TIBA-TIBA DATANG KE BAIT-NYA.
YA, "CINTAKU UNTUK RUMAH ALLAH BERKOBAR-KOBAR, KERANA MUSUH-MUSUH ALLAH TELAH MELUPAKAN FIRMAN TUHAN."


AKU RASA ENGKAU ADALAH YESUS DARI NAZARET YANG DIKATAKAN YOHANES. ENGKAU PENYEBAB BANYAK MASALAH HARI INI. APAKAH TANDA YANG ENGKAU AKAN TUNJUKKAN KEPADA KAMI?
BUKTI AKU ADALAH MESIAS AKAN TERBUKTI APABILA ENGKAU MERUBUHKAN BAIT SUCI INI. DALAM TIGA HARI AKU AKAN MEMBANGUNKANNYA.




MAZMUR 69:9, 119:139; YOHANES 2:17-22


YESUS DAN MURID-MURID-NYA MENINGGALKAN YERUSALEM DAN KEMBALI KE UTARA NAZARET, KAMPUNG HALAMAN YESUS.
O, YESUS, ENGKAU TELAH PULANG KE RUMAH. BAWALAH SEMUA KAWAN-KAWANMU DAN KAMI AKAN MENYEDIAKAN HIDANGAN YANG BAIK.
IBU, KAMI AKAN BERADA DI SINI SEKEJAP SAHAJA, SEHINGGA SABAT.




*SABAT ADALAH HARI REHAT MINGGUAN KEAGAMAAN YANG DITETAPKAN ALLAH PADA HARI KETUJUH DAN DITAHBIS SEBAGAI 10 PERINTAH KEPADA ORANG YAHUDI (KEJADIAN 2:2-3; KELUARAN 20:10). YESAYA 42:7, 61:1-2; LUKAS 4:16-21


YESUS MEMBUKA KITAB YESAYA DAN MENEMUKAN AYAT NUBUAT TENTANG MESIAS.
"ROH ALLAH ADA PADA-KU, KERANA DIA TELAH MENGURAPI-KU UNTUK MEMBERITAKAN INJIL KEPADA ORANG MISKIN, MENCELIKKAN ORANG YANG BUTA, MEMBEBASKAN MEREKA YANG TERSIKSA, DAN MEMBERITAKAN BAHAWA MASANYA TELAH TIBA SEKARANG BAHAWA ALLAH MEMBAWA KESELAMATAN KEPADA UMAT-NYA."


HARI INI, NUBUATAN INI TELAH DIGENAPI.


PENGHUJATAN!
ENGKAU HANYALAH ANAK SEORANG TUKANG KAYU.
BERTENANG. KAMI AKAN PERGI.
REJAM DIA DENGAN BATU SAMPAI MATI. DIA MENGAKU SEBAGAI MESIAS!


YESUS DAN MURID-MURID-NYA DATANG KE KAPERNAUM, SEBUAH KOTA DI ATAS TASIK TEMPAT TINGGAL BEBERAPA MURID-NYA. SEKALI LAGI MEREKA MASUK KE RUMAH IBADAT.


DAN NABI BERKATA MESIAS ITU AKAN MENJADI CAHAYA KEPADA ORANG BUKAN YAHUDI DAN DI DALAM DIA MEREKA AKAN PERCAYA. BERBAHAGIALAH ORANG YANG SUCI HATINYA, DIA AKAN MELIHAT ALLAH. ALLAH TIDAK AKAN MENOLAK SESIAPA SAHAJA YANG DATANG KEPADA-NYA, SAMA ADA DIA ORANG YAHUDI ATAU BUKAN.
YANG KUDUS! TINGGALKAN KAMI.


AKU KENAL SIAPA ENGKAU. ENGKAU YANG KUDUS DARI ALLAH.
DIA DIRASUK BANYAK ROH JAHAT. HALAU DIA DARI SINI.


ADAKAH ENGKAU DATANG UNTUK MEMBINASAKAN KAMI SEBELUM MASANYA? TINGGALKANLAH KAMI. APAKAH URUSAN KAMI DENGAN-MU?
SIAPA YANG BENARKAN DIA MASUK? AWAS! DIA BERBAHAYA.


ROH-ROH JAHAT,
AKU PERINTAHKAN ENGKAU KELUAR DARI ORANG INI DAN JANGAN MENYIKSANYA LAGI!

LUKAS 4:28-35


PERGI!
EEAAHHH!


APA YANG TELAH ENGKAU LAKUKAN KEPADANYA?
ADAKAH DIA SUDAH MATI?


TIBA-TIBA, DIA BERDIRI.
TERPUJILAH ALLAH!
ROH-ROH JAHAT TELAH PERGI. ENGKAU TELAH BEBAS. PERGILAH DAN JANGAN BERDOSA LAGI.
YESUS MEMPUNYAI KUASA MUTLAK KE ATAS ROH-ROH JAHAT ITU. LELAKI ITU KEMBALI NORMAL.


PETRUS, ISTERIMU BERKATA ENGKAU HARUS PULANG KE RUMAH. IBUNYA SEDANG MENGALAMI DEMAM PANAS.
KAMI AKAN DATANG.


O PETRUS, SUAMIKU, AKU SANGAT RISAU. DEMAMNYA BERTAMBAH TERUK.
JANGAN TAKUT. GURU ADA DI SINI.


BANGUNLAH WAHAI PEREMPUAN, PENYAKITMU TELAH HILANG.


MARKUS 1:25-30;
LUKAS 4:35-38
DIA SEDANG BANGUN! DIA SUDAH SEMBUH!
DIA BERDIRI DARI KATILNYA DAN DILAYANI OLEH YESUS DAN MURID-MURID-NYA.


BERITA TENTANG PENYEMBUHAN ITU TERSEBAR, DAN MEREKA MEMBAWA RAMAI ORANG YANG SAKIT KEPADA YESUS.
GURU, AYAHKU LUMPUH SEJAK AKU MASIH BUDAK KECIL. KAYU BALAK TERTIMPA PADANYA MEMATAHKAN TULANG BELAKANGNYA. TOLONGLAH JIKA ENGKAU DAPAT.
BANGKIT DAN BERJALANLAH.


KEMULIAAN BAGI ALLAH!




MARKUS 1:30-34; LUKAS 4:38-40


SEBAGAIMANA KITAB SUCI BERKATA, "ORANG BUTA MELIHAT." ANAK PEREMPUANMU SUDAH BOLEH MELIHAT SEKARANG.


AYAH, APAKAH ITU ENGKAU?


O, AYAH, AKU TIDAK PERNAH MELIHAT ENGKAU, TETAPI ENGKAU LEBIH KACAK DARI APA YANG AKU BAYANGKAN.


YESUS DAN MURID-MURID-NYA TURUN KE YERUSALEM SEMASA PERAYAAN, DAN DIA MENGAJAR DI BAIT SUCI.
APABILA SESEORANG MENGUTUK ENGKAU, JANGANLAH BALAS MENGUTUKNYA, TETAPI BERDOALAH KEPADANYA AGAR DIA DIBERKATI. LAYANILAH ORANG LAIN SEPERTI ENGKAU INGIN DILAYANI JIKA ENGKAU BERADA DI TEMPAT MEREKA.
JIKALAU SESEORANG MENGKHIANATIMU HENDAKLAH ENGKAU MEMAAFKANNYA. ENGKAU AKAN DIBERKATI JIKA MEMILIKI HATI YANG SUCI, ENGKAU AKAN MELIHAT ALLAH. JIKA ENGKAU MENJADI PENDAMAI, ENGKAULAH YANG PALING DIBERKATI.


KAMU SUDAH DENGAR TENTANG APA YANG DIKATAKAN MEREKA PADA MASA LAMPAU BAHAWA ENGKAU HARUS MENGASIHI RAKANMU DAN MEMBENCI MUSUHMU, TETAPI AKU BERKATA KEPADAMU SEPATUTNYA KASIHILAH MUSUHMU DAN BERBUATLAH BAIK KEPADA MEREKA.
BAGAIMANA PULA MATA GANTI MATA DAN GIGI GANTI GIGI?


JIKA SEORANG MENAMPAR PIPI KANANMU, BERILAH PIPI KIRIMU JUGA. JANGANLAH BERSIFAT BENGIS. JIKA MELIHAT JIRANMU MEMERLUKAN KOT DAN ENGKAU MEMPUNYAI DUA KOT, BERILAH KEPADANYA YANG SATU. JIKA DIA LAPAR, BERILAH DIA MAKANAN. BAPAMU YANG DI SYURGA MELIHATNYA DAN MEMBERKATI ENGKAU.




MATIUS 5:8, 21-22, 38-44, 6:12; MARKUS 1:34; LUKAS 4:40


ENGKAU TELAH MENDENGAR JANGAN BERZINA, TETAPI AKU BERKATA KEPADAMU JIKA ENGKAU MEMANDANG SEORANG WANITA DAN BERNAFSU PADANYA, ENGKAU SUDAH BERZINA DALAM HATI.


PEMIMPIN AGAMA KELIHATAN BAIK SECARA LUARAN, TETAPI PENUH KEMUNGKARAN SECARA DALAMAN.
MEREKA SEPERTI KUBUR YANG DICAT PUTIH. DI LUAR KELIHATAN BAIK TETAPI DI DALAM PENUH DENGAN TULANG MANUSIA. JIKA ENGKAU TIDAK BENAR LEBIH DARI MEREKA, ENGKAU TIDAK AKAN DAPAT MASUK KE DALAM KERAJAAN-KU.


TERDAPAT JALAN YANG LUAS YANG MEMBAWA KEPADA KEBINASAAN DAN RAMAI ORANG YANG PERGI KE SITU.
AKULAH PINTU KE SYURGA. JIKA ENGKAU MEMASUKINYA MELALUI AKU, ENGKAU AKAN MENDAPAT HIDUP YANG KEKAL. JIKA ENGKAU PERGI KE JALAN YANG LAIN, ENGKAU AKAN MATI OLEH DOSA-DOSAMU.


MENGAPA ENGKAU MENYEMBUHKAN ORANG PADA HARI SABAT? MUSA MEMERINTAHKAN UNTUK TIDAK BEKERJA PADA HARI SABAT.
BAPA-KU MENGUTUS AKU KE DUNIA UNTUK MELAKUKAN PEKERJAAN-NYA. AKU HANYA MELAKUKAN PEKERJAAN YANG DISURUH-NYA.
ENGKAU MENYAMAKAN DIRI-MU DENGAN ALLAH. ITU PENGHUJATAN, BOLEH DIHUKUM MATI!


KEHENDAK BAPA DI SYURGA ADALAH SEMUA MANUSIA HENDAKLAH MENYEMBAH DAN MENGHORMATI ANAK SEPERTI KEPADA BAPA.
AKAN TIBA MASANYA ORANG YANG BERADA DI DALAM KUBUR MENDENGARKAN SUARA-KU DAN BANGKIT DARI KEMATIAN, SEBAHAGIAN MEREKA AKAN HIDUP KEKAL DAN SEBAHAGIAN LAGI MENERIMA HUKUMAN KEKAL.


SUNGGUH DIA ADALAH MESIAS. PERTAMA DENGAN MUKJIZAT DAN SEKARANG DENGAN DAKWAAN YANG BERANI.
DIA BERBEZA DENGAN PEMIMPIN AGAMA YANG LAIN. DIA BERCAKAP DENGAN BERWIBAWA. AKU RISAU MEREKA AKAN MEMBUNUH-NYA.
AKU HARUS PERGI BERITAHU ISTERIKU.
MATIUS 5:27-28, 7:13-14, 28-29, 23:27-28; YOHANES 5:18-19, 23, 29-30, 14:6




*SEORANG AHLI MAZHAB YAHUDI KUNO YANG TERKENAL DENGAN KETAATAN YANG KETAT KEPADA TRADISI YAHUDI.


TUAN, KAMI PEMIMPIN YAHUDI TAHU ENGKAU SEORANG GURU YANG DATANG DARI ALLAH, KERANA TIDAK ADA SEORANG PUN YANG DAPAT MELAKUKAN MUKJIZAT KECUALI ALLAH MENYERTAI-NYA.
MELAINKAN ENGKAU DILAHIRKAN SEMULA ENGKAU TIDAK AKAN MELIHAT KERAJAAN ALLAH.


ADAKAH ENGKAU MEMBERITAHUKU BAHAWA AKU HARUS MASUK KE DALAM RAHIM IBUKU DAN KELUAR UNTUK KEDUA KALINYA?
TIDAK, DAGING MELAHIRKAN DAGING DAN ROH MELAHIRKAN ROH. NIKODEMUS, DENGARLAH APA YANG AKU KATAKAN KEPADAMU. ENGKAU HARUS DILAHIRKAN SEMULA.
BAGAIMANA KELAHIRAN BARU INI DATANG?


SEBAGAIMANA MUSA MENINGGIKAN ULAR DI PADANG GURUN, DEMIKIAN AKU HARUS DITINGGIKAN.
KELAHIRAN ROHANI YANG AKU KATAKAN ITU ADALAH MISTERI SEPERTI ANGIN, TETAPI KITA MENGALAMINYA SAMA SAHAJA. ENGKAU HARUS MENGALAMI KELAHIRAN DARI ATAS INI JIKA HENDAK MASUK KE DALAM KERAJAAN ALLAH.
BILANGAN 21:5-9; YOHANES 3:1-14


TETAPI MEREKA MATI DIGIGIT ULAR KERANA DOSA MEREKA TERHADAP ALLAH. KETIKA MEREKA MEMANDANG ULAR TEMBAGA ITU MEREKA SEGERA SEMBUH.


INRI
YA, DAN JUGA SEKARANG SEMUA MANUSIA MATI KERANA DOSA GIGITAN ULAR. TETAPI KALI INI AKU AKAN DIANGKAT AGAR SEMUA MANUSIA MELIHAT. SEBAGAIMANA DI PADANG GURUN MEREKA TELAH DIGIGIT OLEH ULAR DILEPASKAN DENGAN MELIHAT ULAR TEMBAGA, MEREKA YANG DIGIGIT DOSA AKAN MENCARI PELEPASAN DENGAN PERCAYA KEPADA-KU.


KERANA ALLAH SANGAT MENGASIHI DUNIA INI, SEHINGGA DIA MEMBERIKAN ANAK TUNGGAL-NYA, AGAR SEMUA YANG PERCAYA KEPADA-NYA TIDAK BINASA, TETAPI MENDAPAT HIDUP KEKAL, TETAPI MEREKA YANG TIDAK PERCAYA SUDAH DIKUTUK.
YOHANES 3:14-18


JADI ENGKAU MENGATAKAN BAHAWA KELAHIRAN BARU ITU ADALAH SATU-SATUNYA PENAWAR DOSA, DAN ENGKAU AKAN DITEMPATKAN PADA TIANG UNTUK MENYEDIAKAN PELEPASAN.
BILAKAH KELAHIRAN BARU INI AKAN BERLAKU?
SELEPAS AKU DIANGKAT AGAR SEMUA ORANG MELIHAT-KU.


ORANG SAMARIA TINGGAL DI ANTARA YERUSALEM DENGAN GALILEA. YAHUDI MENGELAK ADA HUBUNGAN DENGAN SAMARIA, MEREKA TIDAK AKAN MELALUI BANDAR SAMARIA, KERANA MEREKA PERCAYA ORANG SAMARIA SUDAH TERCEMAR ROHANINYA. SUATU HARI YESUS MENGEJUTKAN MURID-MURID-NYA DENGAN BERKATA:
MARI, AKU HARUS PERGI MELALUI SAMARIA.
TUHAN, MEREKA ADALAH NAJIS DAN JAHIL! MEREKA MISKIN DAN TIDAK BERMORAL.
IANYA KEHENDAK BAPA AKU HARUS PERGI KE SAMARIA.


KIRA-KIRA WAKTU TENGAHARI MEREKA TIBA DI SEBUAH PERIGI DI LUAR BANDAR.
PERGILAH KE DALAM BANDAR DAN BELI DAGING. AKU AKAN TUNGGU DI PERIGI INI.
APAKAH ENGKAU AKAN MENUNGGU SEORANG DIRI DI SINI?
YA, AKU HARUS MELAKUKAN PEKERJAAN BAPA-KU.


YESUS LETIH, DAHAGA DAN LAPAR. WALAUPUN PADA MASA ITU BUKANLAH MASA SEORANG PEREMPUAN DATANG KE PERIGI, SEORANG PEREMPUAN SAMARIA DATANG MENIMBA AIR DI PERIGI ITU.
YOHANES 4:1-8


BOLEHKAH ENGKAU MEMBERIKAN AKU MINUM DARI KENDIMU ITU?
HA! MENGAPA ENGKAU SEORANG YAHUDI MEMINTA MINUM DARIKU, SEORANG PEREMPUAN SAMARIA? SEFIKIRKU YAHUDI TIDAK BOLEH BERGAUL DENGAN KAMI.
JIKA ENGKAU TAHU ANUGERAH ALLAH DAN SIAPA AKU, ENGKAU BOLEH MEMINTA KEPADA-KU DAN AKU AKU AKAN BERIKAN ENGKAU AIR HIDUP.


ENGKAU MENAWARKANKU AIR? ENGKAU TIDAK MEMPUNYAI TIMBA DAN PERGI INI SANGAT DALAM. DI MANAKAH ENGKAU MENDAPATKAN AIR HIDUP ITU?
KETIKA ENGKAU MINUM AIR PERIGI INI ENGKAU MASIH AKAN DAHAGA. AIR YANG AKU TAWARKAN KEPADAMU BERADA DI DALAM JIWAMU SEBAGAI MATA AIR HIDUP YANG KEKAL ABADI.
BERIKANLAH AKU AIR HIDUP ITU AKAN AKU TIDAK AKAN DAHAGA LAGI.


PERGILAH PAANGGIL SUAMIMU DAN AKU AKAN BERITAHU ENGKAU TENTANG AIR INI.
AKU TIDAK MEMPUNYAI SUAMI.
ENGKAU SUDAH MEMPUNYAI LIMA SUAMI, TETAPI LELAKI YANG TINGGAL BERSAMAMU SEKARANG BUKANLAH SUAMIMU.


PASTI ENGKAU ADALAH NABI KERANA MENGETAHUI DOSA TERSEMBUNYIKU.
ENGKAU ORANG YAHUDI MENYEMBAH DI YERUSALEM DAN NENEK MOYANG KAMI MENYEMBAH DI GUNUNG INI. MANAKAH GUNUNG SEPATUTNYA TEMPAT UNTUK MENYEMBAH?


ALLAH ADALAH ROH. IA TIDAK DISEMBAH DI BAIT SUCI YANG DIBINA OLEH TANGAN MANUSIA. ALLAH MENCARI ORANG YANG PERCAYA KEPADA KEBENARAN DAN MENYEMBAH-NYA DALAM ROH.
KAMI TAHU MESIAS AKAN DATANG DAN APABILA DIA DATANG KEBENARAN AKAN DINYATAKAN KEPADA KAMI.


ENGKAU SEDANG BERCAKAP DENGAN MESIAS ITU.


AKU HARUS PERGI MENCARI KAWAN-KAWANKU DAN MEMBERITAHU MEREKA.
YESUS TINGGAL DI SAMARIA SELAMA DUA HARI DAN MENGAJAR MEREKA FIRMAN TUHAN.
YOHANES 4:7-29, 40


ADA SEKALI YESUS DAN MURID-MURID-NYA BERADA DI TEPI KAWASAN BUKIT YANG BERHADAPAN DENGAN TASIK GALILEA,
APABILA ENGKAU MEMBERIKAN DERMA KEPADA ORANG MISKIN, JANGANLAH LAKUKANNYA DI KHALAYAK UMUM.
BERIBU-RIBU ORANG DATANG DARI BANDAR UNTUK MENDENGAR PENGAJARAN-NYA.
APABILA ENGKAU MELAKUKAN HAL KEAGAMAAN YANG MEMBUATKAN ENGKAU DIPUJI DAN DISANJUNG ORANG, ENGKAU TIDAK AKAN MENERIMA GANJARAN DARI ALLAH. JADI, JANGANLAH TANGAN KANANMU TAHU APA YANG DILAKUKAN OLEH TANGAN KIRIMU.


JIKA ENGKAU BERDOA JANGANLAH JADI SEPERTI ORANG AGAMA YANG HIPOKRIT, YANG BERDOA DI KHALAYAK UMUM AGAR DILIHAT OLEH ORANG.
APABILA BERDOA JANGANLAH BERUANG-ULANG, SEPERTI PEMIMPIN AGAMAMU, KERANA MEREKA BERDIRI DI TEMPAT UMUM DAN MENUNJUK-NUNJUK.


JANGAN BERUSAHA MENJADI KAYA, ORANG KAYA MEMPUNYAI MASALAH LEBIH DARI YANG LAIN. MEREKA MENCINTAI KEKAYAAN SEBAB ITU SUKAR BAGI MEREKA MASUK SYURGA.
JANGAN MENYIMPAN HARTA DI DUNIA, TETAPI SIMPANLAH HARTA DI SYURGA YANG AKAN KEKAL SELAMANYA. ENGKAU TIDAK BOLEH BERKHIDMAT KEPADA DUA TUAN, ALLAH DAN WANG. AKHIRNYA, ENGKAU AKAN MEMBENCI YANG SATU DAN MENCINTAI YANG SATU LAGI.


TUAN, HARI SUDAH LEWAT, ORANG RAMAI SUDAH BERSAMA DENGAN KITA SEPANJANG HARI. MEREKA PASTI KELAPARAN, DAN BANDAR TERLETAK AGAK JAUH UNTUK MEREKA MEMBELI MAKANAN.
ENGKAU HARUS MENYURUH MEREKA PERGI SUPAYA MEREKA DAPAT MEMBELI MAKANAN.


TUAN, AMBILLAH MAKANANKU INI. EMAK MENYEDIAKANNYA BAGIKU LIMA KEPING ROTI DAN DUA EKOR IKAN KECIL.


SURUHLAH SEMUA ORANG DUDUK DAN KITA AKAN MELAYANI MEREKA.
DENGAN APA?
MATIUS 6:1-7, 9-21, 14:15


MARI KITA LIHAT. KITA MEMPUNYAI IKAN DAN ROTI.
PINJAMLAH 12 BAKUL BESAR DAN BERSIAPLAH UNTUK MENGEDARKAN MAKANAN.
TETAPI TUAN, ITU TIDAK CUKUP PUN UNTUK SEORANG. KITA ADA LEBIH KURANG 5,000 ORANG.


TERPUJILAH TUHAN ALLAH KITA, RAJA ALAM SEMESTA, YANG MEMBUAT ROTI DARI BUMI.


APA YANG DIA LAKUKAN, MENUANGKAN MAKANAN YANG SEDIKIT ITU KE DALAM BAKUL BESAR?


LIHAT ITU! DARI MANAKAH SEMUA MAKANAN ITU DATANG?
MATIUS 14:19-21; LUKAS 9:16-17


TERPUJILAH ALLAH!
DIA MEMBERIKAN KITA ROTI DARI SYURGA SEPERTI MUSA.
EMAK TIDAK AKAN PERCAYA INI.


ORANG RAMAI MENGAMBIL MAKANAN DARI BAKUL-BAKUL ITU. MAKANAN ITU SEMAKIN BERTAMBAH BANYAK.


TUAN, SEMUA ORANG SUDAH MAKAN DAN BAKUL-BAKUL ITU MASIH PENUH. KITA TIDAK DAPAT HABISKANNYA.
KUMPULKAN SEMUA SISANYA, DAN ENGKAU SERTA YANG LAIN PERGILAH BERLAYAR KE TASIK. AKU AKAN BERJUMPA DENGAN KAMU KEMUDIAN. AKU HARUS PERGI KE GUNUNG UNTUK BERDOA.


YESUS NAIK KE GUNUNG SEORANG DIRI, DAN SEMUA MURID-MURID-NYA BERLAYAR KE BAHAGIAN KIRI TASIK ITU.
YESUS SELALU SEORANG DIRI KE TEMPAT YANG SUNYI UNTUK BERDOA.
MATIUS 14:20-23


SELEPAS MURID-MURID ITU BERLAYAR KE TENGAH TASIK ITU, DATANGLAH ANGIN BADAI, MEREKA TAKUT DAN HAMPIR KARAM.
AKU BELUM PERNAH MELIHAT BADAI SEPERTI INI.
KITA SUDAH TIDAK BOLEH BERTAHAN.


KITA AKAN KARAM!
LIHAT! ADA SESUATU DI ATAS AIR!


ITU HANTU!
ITU HANTU!
ITU ADALAH ORANG YANG BERJALAN DI ATAS AIR.


TUHAN, JIKA ITU ADALAH ENGKAU, IZINKAN AKU DATANG KEPADA-MU BERJALAN DI ATAS AIR SEPERTI ENGKAU.
PETRUS, INI AKU, JANGAN TAKUT.
DATANGLAH KEPADA-KU PETRUS.
MATIUS 14:24-29


AKU DATANG, TUHAN.
TIDAK, PETRUS!


PETRUS BETUL-BETUL BERJALAN DI ATAS AIR KE ARAH YESUS.

KETIKA PETRUS MELIHAT OMBAK YANG BESAR DAN TIDAK LAGI MELIHAT YESUS, DIA MULAI TAKUT.



KETAKUTAN MELENYAPKAN IMANNYA, DAN DIA MULAI TENGGELAM.




MATIUS 14:29-30


PETRUS, ENGKAU MULAI RAGU-RAGU TERHADAP-KU.


YESUS MEMBAWA PETRUS KEMBALI KE PERAHU, KEDUA-DUA MEREKA MASIH BERJALAN DI ATAS AIR.
PETRUS, ENGKAU BERJALAN DI ATAS AIR!


DAMAI, TENANGLAH.
YESUS MENENGKING ANGIN BADAI ITU DAN TIBA-TIBA KEADAAN MENJADI TENANG.
MATIUS 14:31-33; MARKUS 4:38-41


BEREDARLAH DARIPADAKU YA TUHAN, AKU ORANG YANG BERDOSA.
BENAR, ENGKAU ADALAH ANAK ALLAH.
TUHANKU DAN ALLAHKU.
PENYELAMAT ISRAEL.


KEMUDIAN...
PERAYAAN INI ADA RAMAI ORANG BERPUSU-PUSU. MEREKA DARI SELURUH NEGERI, BEBERAPA MEREKA DATANG DARI JAUH, DARI ROM DAN MESIR.
MARI TURUN KE BAWAH DI KOLAM.


DIA SUDAH BERADA DI SINI LAMA SEINGAT AKU.


MAHUKAN ENGKAU SEMBUH?
TIDAK ADA ORANG YANG MENOLONG AKU.


BERDIRILAH, ANGKAT TIKARMU DAN BERJALAN.
BUKANKAH, ENGKAU ADALAH YESUS? AKU TELAH MENDENGAR MUKJIZAT YANG ENGKAU LAKUKAN.

YOHANES 5:1-8


BUKANKAH, ENGKAU ADALAH YESUS? AKU TELAH MENDENGAR MUKJIZAT YANG ENGKAU LAKUKAN.
JENAKA YANG MELAMPAU. ORANG MISKIN ITU SUDAH LUMPUH 38 TAHUN LAMANYA. INI ADALAH SABAT YANG KUDUS. MENGAPAKAH DIA MENGGANGGU KEDAMAIAN KITA?


AKU DENGAR ADA GERAKAN UNTUK MEMBUNUH DIA. DIA SUDAH MELAMPAU, TERLALU BANYAK PERHATIAN.
SIAPAKAH YANG MEMBUATKAN YESUS BERFIKIR DIA SIAPA, MESIAS?
YA, DIA MEMPUNYAI PENGIKUT YANG YAKIN DIA BOLEH MELAKUKAN MUKJIZAT.


KAKINYA! SEDANG TUMBUH.


DIA SEDANG BANGUN!
TIDAK MUSTAHIL!


TERPUJILAH ALLAH! SELEPAS BERTAHUN-TAHUN LAMANYA!
YESUS ADALAH MESIAS!


MENGAPA ENGKAU MENYEMBUHKAN ORANG PADA HARI SABAT?
MUSA MEMERINTAHKAN KITA BERHENTI BEKERJA PADA HARI SABAT.
DIPERBOLEHKAN MENARIK LEMBU KELUAR DARI LUBANG. ADAKAH AKU MELANGGAR HUKUM KERANA MENYEMBUHKAN ORANG PADA HARI SABAT?
BAPA-KU JUGA BEKERJA PADA HARI SABAT, DAN AKU JUGA MELAKUKAN SEPERTI YANG DIA LAKUKAN.
LUKAS 14:5-6; YOHANES 5:9-17


DIA BERKATA ALLAH ADALAH BAPA-NYA, DIA MENJADIKAN DIRI-NYA SAMA SEPERTI ALLAH.
PEGANG DIA! DIA HARUS DIREJAM DENGAN BATU SAMPAI MATI.
BUNUH DIA!


DIA BERKATA-KATA MELAWAN HUKUM KITA.
ADAKAH ENGKAU MAHU MEMBUNUH ORANG YANG MENYEMBUHKAN PADA HARI SABAT?
DIA TIDAK BERKATA APA-APA MELAWAN HUKUM KITA.
DENGARLAH APA YANG DIA HENDAK KATAKAN.


DENGARKANLAH AKU. ENGKAU KAGUM KERANA TELAH MELIHAT AKU MELAKUKAN SATU MUKJIZAT INI. ENGKAU AKAN MELIHAT BANYAK MUKJIZAT BESAR DARI INI. SEPERTI BAPA-KU MEMBANGKITKAN ORANG MATI, DIA MEMBERIKAN KUASA YANG SAMA KEPADA-KU. BAPA TELAH MEMBERIKAN KUASA PENUH KEPADAKU ATAS DUNIA INI.
JIKA ENGKAU TIDAK MENGHORMATI AKU, ENGKAU TIDAK MENGHORMATI ALLAH. AKU BERKATA KEPADAMU, SIAPA YANG PERCAYA KEPADA-KU PERCAYA JUGA KEPADA DIA YANG TELAH MENGUTUS AKU, DAN AKAN MEMPUNYAI HIDUP YANG KEKAL.
BAGAIMANAKAH ENGKAU MEMBERIKAN HIDUP YANG KEKAL?


AKAN TIBA MASANYA ORANG YANG TELAH MATI MENDENGARKAN SUARA-KU. DAN KELUAR DARI KUBUR MEREKA. MEREKA YANG MELAKUKAN KEBAIKAN AKAN DIBANGKITKAN DALAM HIDUP KEKAL, TETAPI MEREKA YANG MELAKUKAN KEJAHATAN AKAN DIBUANG KE HUKUMAN YANG KEKAL DI LAUTAN API.
ITU PENGHUJATAN, TIDAK ADA SEORANG PUN YANG DAPAT MEMBANGKITKAN ORANG MATI. HANYA ALLAH YANG DAPAT MEMBERIKAN HIDUP KEKAL.
YOHANES 5:18-29


ENGKAU TIDAK PERCAYA KEPADA-KU, TETAPI YOHANES SUDAH MENUBUATKAN KEDATANGAN-KU DAN JUGA KITAB SUCI. BACALAH KITAB SUCI, BANYAK NUBUAT TENTANG AKU.
JANGAN BERFIKIR AKU AKAN MENUDUHMU DI HADAPAN ALLAH. HUKUM MUSA, YANG ENGKAU TELAH GAGAL MEMATUHINYA, AKAN MENJADI KESAKSIAN MELAWAN ENGKAU.
DIAKAH YANG MEREKA CUBA UNTUK BUNUH, DIA BERKATA-KATA DENGAN BERANI TIDAK SEPERTI MEREKA. ADAKAH PEMERINTAH TAHU DIA INI ADALAH PENYELAMAT, MESIAS ISRAEL?
JURUTULIS MENGAJAR KITA BAHAWA KITA TIDAK TAHU DARI MANA MESIAS AKAN DATANG, TETAPI KITA TAHU ORANG INI ADALAH ANAK SEORANG TUKANG KAYU DI GALILEA.


ENGKAU BERKATA MENGENALI-KU DAN TAHU DI MANA ASAL-KU. AKU TIDAK DATANG KE DUNIA INI DENGAN SENDIRI. BAPA-KU YANG MENGUTUS AKU, TETAPI KAMU TIDAK MENGENAL BAPA-KU; TETAPI AKU MENGENALI-NYA DAN DIA MENGUTUS AKU KEPADAMU.
BAGAIMANA DIA BOLEH DENGAR YANG AKU KATAKAN?


DIA TAHU SEGALANYA.
INILAH MESIAS YANG DIRAMALKAN AKAN DATANG.
ADAKAH ENGKAU BERHARAP MESIAS ITU AKAN MELAKUKAN LEBIH BANYAK MUKJIZAT DARI ORANG INI LAKUKAN?




YOHANES 5:30-39, 45, 6:42-43, 7:25-32, 40-41


BERBAHAGIALAH MEREKA YANG MENCARI KEBENARAN, KERANA MEREKA AKAN MENDAPATKANNYA.
JIKA SESIAPA HAUS, DATANGLAH KEPADA-KU DAN MINUMLAH. ROH KUDUS AKAN MEMENUHINYA SEPERTI MATA AIR DI PERIGI YANG MENJADI KEHIDUPAN KEKAL.
BERBAHAGIALAH MEREKA YANG MEMBAWA DAMAI, KERANA MEREKA AKAN DISEBUT ANAK-ANAK ALLAH. KASIHILAH MUSUHMU DAN BERKATILAH MEREKA.
DIA TIDAK BERKATA-KATA SEPERTI SEORANG PENJENAYAH.
MEREKA KATAKAN DIA ADALAH JAWAPAN KEPADA NUBUAT 4,000 TAHUN LALU.


KENAPA KAMU TIDAK MEMBAWA-NYA KEPADA KAMI? DIA BERDIRI DI HADAPAN KAMU TADI. KENAPA TIDAK MENANGKAP-NYA?
TIDAK PERNAH ADA ORANG YANG BERKATA-KATA SEPERTI ORANG INI.
DIA BERKATA-KATA TENTANG KASIH DAN PENGAMPUNAN.
HA! DIA JUGA TELAH MENGALAHKAN KAMU JUGA? ADAKAH DI ANTARA ORANG TERPELAJAR DAN AHLI FARISI YANG PERCAYA KEPADA-NYA? YESUS INI HARUS MATI.


NIKODEMUS YANG BERJUMPA YESUS PADA WAKTU MALAM BERSUARA.
ADAKAH HUKUM KITA MENGHUKUM SESEORANG SEBELUM KATA-KATANYA DIDENGAR?
NIKODEMUS, ENGKAU JUGA SALAH SEORANG PENGIKUT ORANG GALILEA ITU? CARILAH DI DALAM KITAB SUCI, MESIAS BUKAN BERASAL DARI GALILEA. DIA HARUS BERASAL DARI BETLEHEM, YUDEA, DAN DIA HARUSLAH KETURUNAN DAUD.
MATIUS 5:6, 9;
YOHANES 4:14, 7:45-52


DIA MEMPENGARUHI ORANG BIASA DENGAN TIPU DAYA-NYA.
DIA SEPERTINYA MEMPUNYAI JAWAPAN UNTUK SEGALANYA.
MENGAPA TIDAK KITA KIRIMKAN SEORANG PEGUAM YANG HEBAT UNTUK MEMERANGKAP-NYA?


AKU MENGENALI SEORANG PEGUAM YANG HEBAT DAN KEJAM.


PEGUAM ITU PUN DATANG MENCABAR YESUS.
TUAN, APA YANG HARUS AKU LAKUKAN UNTUK MENDAPATKAN HIDUP YANG KEKAL?
APA YANG HUKUM KATAKAN?
IA MENGATAKAN BAHAWA ENGKAU HARUSLAH MENGASIHI TUHAN ALLAHMU DENGAN SEGENAP HATI, JIWA, KEKUATAN DAN AKAL BUDI, DAN BAHAWA ENGKAU HARUSLAH MENGASIHI SESAMAMU MANUSIA SEPERTI DIRIMU SENDIRI.


ITULAH JAWAPANMU. KASIH MELENGKAPI HUKUM. JIKA ENGKAU MENGASIHI SESAMAMU MANUSIA SEPERTI DIRIMU SENDIRI, ENGKAU MENYENANGKAN HATI ALLAH.
YA, TAPI SESAMAMU YANG MANA SATU? ADAKAH YANG ENGKAU MAKSUDKAN ADALAH SEMUA ORANG TERMASUKLAH ORANG ROMA YANG JAHAT?
AKU AKAN MENCERITAKAN SEBUAH CERITA KEPADAMU.


SEORANG LELAKI DALAM PERJALANAN DARI YERUSALEM KE YERIKHO DISERANG OLEH SEKUMPULAN PEROMPAK, DIPUKUL DAN DITINGGALKAN SEPARUH MATI.
APABILA SEORANG IMAM LALU DI SITU MELIHAT LELAKI ITU, DIA TIDAK BERHENTI DAN MENOLONGNYA.
LUKAS 10:25-31


ORANG LEWI JUGA SAMA, SEORANG LELAKI YANG DIPILIH UNTUK MELAYANI DI BAIT SUCI, DIA MELALUI JALAN ITU DENGAN HANYA BERHENTI DAN MELIHAT LELAKI SEPARUH MATI ITU SEKEJAP TETAPI TIDAK MENOLONGNYA.
APAKAH ITU KEBAIKAN JIKA TIDAK MELAKSANAKAN KASIH DENGAN PERBUATAN? JIKA ENGKAU TIDAK MENGASIHI SESAMAMU MANUSIA, ENGKAU TIDAK MENGASIHI ALLAH.


LALU DATANGLAH SEORANG SAMARIA MELALUI JALAN ITU; ORANG YANG DIHINA DAN DIANGGAP JIJIK OLEH ORANG YAHUDI. KETIKA DIA MELIHAT LELAKI YANG SEPARUH MATI ITU, DIA TIDAK BERFIKIR BAHAWA LELAKI ITU ADALAH SEORANG YAHUDI.
ORANG SAMARIA ITU BERBELAS KASIHAN KEPADA LELAKI ITU, LALU MENOLONGNYA.


LELAKI SAMARIA ITU MENOLONG DAN MERAWAT LELAKI SEPARUH MATI ITU, BUKAN DENGAN PERKATAAN TETAPI DENGAN PERBUATAN.


KEMUDIAN ORANG SAMARIA ITU MEMBAWA LELAKI SEPARUH MATI ITU KE SEBUAH RUMAH PENGINAPAN SUPAYA DIA BOLEH BEREHAT DAN PULIH.
BERTENANGLAH, AKU BERUSAHA MENOLONGMU. TIDAK LAMA LAGI ENGKAU BOLEH BEREHAT.




LUKAS 10:32-35


ENGKAU BERTANYA KEPADA-KU SIAPAKAH SESAMAMU MANUSIA. SEKARANG BERITAHULAH KEPADA-KU DI ANTARA TIGA ORANG INI SIAPAKAH SESAMAMU MANUSIA KEPADA LELAKI YANG SEPARUH MATI ITU?
SUDAH TENTULAH, ORANG YANG BERBELAS KASIHAN MENOLONGNYA.
HEBAT!


ENGKAU BOLEH PERGI MELAKUKAN SEPERTI ORANG SAMARIA ITU TELAH LAKUKAN. ENGKAU BOLEH MENGASIHI SESAMAMU MANUSIA.


BODOH! BAWA DIA PERGI DARI SITU SEBELUM YESUS MEMPENGARUHINYA.
APAKAH JENIS PENGAJARAN GILA INI? IANYA TIDAK PRAKTIKAL. BUKAN SEMUA ORANG HARUS DIKASIHI.




MATIUS 5:43-44; LUKAS 10:36-37




BAB 10

# MUKJIZAT DAN PERUMPAMAAN


DI TEMPAT LAIN...
SUDAH BEBERAPA HARI AKU TIDAK MAKAN.
ENGKAU AKAN MATI TIDAK BELAJAR MAKAN SERANGGA DAN TIKUS. ITU ADALAH SATU-SATUNYA CARA UNTUK HIDUP.
AKU FIKIR BIARLAH AKU MATI SAJA. SETAHUN YANG LALU AKU SEORANG YANG KAYA, DIHORMATI OLEH MASYARAKAT. LIHATLAH KEADAANKU SEKARANG.
ENGKAU TIDAK LAGI DIHORMATI; ENGKAU HANYALAH SEORANG PESAKIT KUSTA YANG DIKUTUK.


PADA MULANYA AKU BERHARAP SUATU HARI AKU AKAN SEMBUH DAN KEMBALI KEPADA ISTERI DAN ANAK-ANAKKU. TETAPI AKU TELAH BERADA DI SINI 10 TAHUN LAMANYA, DAN BELUM PERNAH MENDENGAR ADA YANG SEMBUH DAN KEMBALI KEPADA MASYARAKAT.


PADA MULANYA, ISTERIKU MEMBAWA ANAK-ANAKKU BERBICARA DENGANKU DARI JARAK JAUH, TETAPI MEREKA SUDAH JARANG DATANG. ANAK-ANAKKU SUDAH BESAR SEKARANG. MEREKA TIDAK LAGI MENGENALIKU DENGAN KEADAANKU SEKARANG INI. KEADAAN INI LEBIH TERUK DARI MATI.


AH, BERHENTI MERASA KASIHAN KEPADA DIRIMU. TIDAK SEORANGPUN PEDULI. MARI PERGI MEMINTA SEDEKAH.


KITA AKAN KELUAR KE JALAN UTAMA UNTUK MEMINTA BELAS KASIHAN.
KITA BERJALAN BERSAMA-SAMA, LEBIH SELAMAT.


AKU MELIHAT BEBERAPA PENGEMBARA SEDANG MENUJU KE JALAN UTAMA.


AWAS! BUDAK-BUDAK ITU LAGI.
PERGI DARI SINI, ORANG-ORANG KUSTA YANG JIJIK. PERGILAH KE TEMPAT LAIN DAN MATI DI SANA.
ULAT-ULAT YANG MENJIJIKAN! ALLAH SEDANG MENGHUKUM KAMU.
LARI! LARI!


NAJIS! NAJIS! KAMI SEMUA NAJIS.
PARA KUSTA. JANGAN BIARKAN MEREKA MENDEKATIMU. ENGKAU AKAN DIJANGKITI.


BERBELAS KASIHANLAH KEPADA KAMI. BOLEHKAH BERIKAN SETIAP KAMI SEDIKIT MAKANAN?
BERILAH SESUATU AGAR MEREKA PERGI DARI SINI.
KE BELAKANG. KAMU NAJIS!


MENJAUH KE BELAKANG DAN KAMI AKAN TINGGALKAN MAKANAN DI ATAS TANAH.
SEKARANG, JANGAN DATANG DEKAT. BIARKAN KAMI PERGI DAHULU.


ROTI!
TINGGALKAN SEDIKIT UNTUKKU!
MAKANAN!
JANGAN AMBIL SEMUA!


AKU PUNYA!
BABI!
ROTI! ROTI!
YA ALLAH!


SEDANG DATANG KUMPULAN BESAR PENGEMBARA.
KITA HARUS BERHATI-HATI, MEREKA SANGAT RAMAI.
DAN MEREKA SEMUA LELAKI.


ITU YESUS DARI NAZARET. AKU TELAH MELIHAT-NYA SEKALI, SEBELUM AKU DIJANGKITI PENYAKIT INI. DIALAH YANG MENYEMBUHKAN ORANG.
DIA MENGAKU DATANG DARI ALLAH. KATA-NYA DIA DAN BAPA ADALAH SATU. AKU MELIHAT-NYA MENYEMBUHKAN ORANG BUTA DAN ORANG LUMPUH.


YESUS! TOLONG KAMI!
TUAN, MEREKA ADALAH PARA KUSTA.
JANGAN BIARKAN MEREKA MENDEKAT.


APA YANG KAMU HENDAK AKU LAKUKAN?
BERBELAS KASIHANLAH KEPADA KAMI DAN SEMBUHKANLAH KAMI.
JIKA ENGKAU HENDAK, ENGKAU BOLEH MEMBERSIHKAN AKU.


ENGKAU TIDAK SEPATUTNYA MENYENTUHKU!
TIDAK APA-APA. PERGILAH KE BAIT SUCI DAN PERLIHATKANLAH DIRIMU KEPADA IMAM. DIA AKAN MENGISTIHARKAN ENGKAU BERSIH DAN MEMBENARKAN ENGKAU KE RUMAHMU DAN KELUARGAMU.


DIA KATAKAN KITA SUDAH BERSIH.
MEREKA AKAN MENGHALAU KITA SEBELUM KITA MENDEKATI BAIT SUCI.
AKU AKAN LAKUKAN SEPERTI YANG DIA KATAKAN.
AKU JUGA. MARI KITA PERGI.
LUKAS 17:11-14


KATA YESUS KITA SUDAH SEMBUH SEPENUHNYA.
AKU MERASAKAN SEMAKIN MEMBAIK.


KITA SEDANG BERUBAH!


KULITKU SUDAH SEMBUH!
YESUS TELAH LAKUKANNYA! ENGKAU SUDAH PULIH SEPENUHNYA!
ENGKAU TIDAK LAGI HODOH!
AKU HARUS PERGI MENCARI ISTERIKU!




LUKAS 17:14-19


SEORANG LELAKI BERTANYA KEPADA YESUS ADAKAH RAMAI ORANG AKAN MASUK KE KEHIDUPAN KEKAL. YESUS MENJAWAB:
KEHIDUPAN KEKAL
NIGHT CLUB
CARLOS
Club
KETAHUILAH BAHAWA JALAN MENUJU KEHIDUPAN ITU SEMPIT DAN SUSAH SERTA SEDIKIT ORANG YANG MELALUINYA. TETAPI JALAN MENUJU KEHANCURAN LUAS DAN DIPENUHI ORANG YANG MENUJU KE HUKUMAN YANG KEKAL.


BERUSAHALAH MASUK DI PINTU GERBANG YANG SEMPIT ITU, KERANA RAMAI YANG BERUSAHA MENDAPATKAN HIDUP TETAPI GAGAL. APABILA HARI PENGHAKIMAN ITU DATANG, RAMAI YANG AKAN MERAYU KEPADA ALLAH DENGAN BERKATA, "TUAN, SESUNGGUHNYA AKU ADALAH MILIK-MU. AKU SEORANG YANG BERAGAMA. AKU BERDOA DAN BERPUASA. AKU MEMBERIKAN WANG UNTUK MENYOKONG KEAGAMAAN. AKU BERNUBUAT DI DALAM NAMA-MU DAN MENGUSIR SYAITAN."
club
DAN AKU AKAN KATAKAN KEPADA MEREKA, "AKU TIDAK PERNAH MENGENAL ENGKAU. BERAMBUS DARI-KU, KAMU YANG TERKUTUK, PERGILAH KE API YANG KEKAL. DI SANA TERDAPAT TANGISAN DAN KERTAKAN GIGI."
IA ADALAH TEMPAT DI MANA JIWA TIDAK AKAN MATI DAN API TIDAK PERNAH PADAM. ASAP PENDERITAAN MEREKA BERKEPUL NAIK KE ATAS SELAMA-LAMANYA.
MATIUS 7:13-14, 22-23; WAHYU 14:11


YESUS MENCERITAKAN CERITA LAIN:
ADA SEORANG KAYA YANG BERPAKAIAN CANTIK DAN MAKAN MAKANAN YANG ENAK SETIAP HARI. DIA JUJUR DAN ADIL, TIDAK BERKELAKUAN JAHAT, TETAPI HANYA MEMENTINGKAN DIRI SENDIRI.
DIA MENGUMPUL WANGNYA DAN SEMAKIN KAYA SETIAP HARI.


AMBIL SISA MAKANAN INI DAN BERIKAN KEPADA PEENGEMIS, LAZARUS YANG DUDUK DI PINTU GERBANGKU ITU. AKU ADALAH SEORANG YANG BERBELAS KASIHAN DAN BAIK HATI.
YA TUAN. AKU PASTI DIA AKAN MENGHARGAINYA.


TUAN MENYURUHKU MEMBERIKANNYA KEPADAMU.
TERPUJILAH TUHAN! ALLAH MENYEDIAKAN. INI LEBIH DARI APA YANG SELAYAKNYA AKU. UCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA TUANMU.
AKU MEMPUNYAI BANYAK HARTA KEKAYAAN. AKU HARUS MENYEDIAKAN TEMPAT YANG LEBIH BESAR LAGI.


BODOH. MALAM INI ENGKAU AKAN MATI DAN AKAN DIHAKIMI.
GASP! BLOUBB-GU
"SETIAP ORANG AKAN MATI DAN AKAN DIHAKIMI."
LUKAS 16:19-22; IBRANI 9:27


SEMENTARA PROSES PENGEBUMIAN ORANG KAYA ITU SEDANG BERJALAN, MEREKA MENDAPATI PENGEMIS LAZARUS JUGA MATI.
PENGEMIS TUA LAZARUS JUGA TELAH MATI SEMALAM. DIA NAMPAKNYA DAMAI.
MAYAT LAZARUS DIKUBURKAN DI LUAR BANDAR SECARA PENGUBURAN ORANG MISKIN. TIDAK ADA ACARA DAN TIDAK ADA SEORANG PUN MENANGISINYA.


TETAPI PARA MALAIKAT DATANG MEMBAWA LAZARUS KE FIRDAUS.
WAH! SERONOKNYA. AKU TIDAK PERNAH TERFIKIR JIKA MATI AKAN SERONOK SEPERTI INI.
LAZARUS, SAUDARA KITA, SELAMAT PULANG KE RUMAH. ENGKAU TIDAK AKAN MERASA LAPAR LAGI DAN TUBUHMU TIDAK AKAN SAKIT LAGI. MARI, SUDAH TERSEDIA MEJA YANG LUAS UNTUKMU.


DIA SEORANG YANG BAIK. KADANG-KADANG DIA SANGAT SUSAH UNTUK MENGASIHI, TETAPI DIA AKAN DIINGATI SELALU KERANA CINTANYA KEPADA BANGSANYA DAN JUJUR DALAM HIDUPNYA.
DIA TELAH PERGI MENDAPATKAN PENGHARGAANNYA. SEMOGA JIWANYA AMAN SENTOSA.
ORANG KAYA ITU DIKUBURKAN DI KUBUR YANG CANTIK DAN SEMUA ORANG YANG MENYUKAI WANGNYA DATANG MELIHAT APA YANG TELAH DITINGGALKANNYA DALAM WASIATNYA.


TETAPI APABILA ORANG KAYA ITU MATI DIA MELIHAT DIRINYA JATUH KE DALAM LUBANG API.

LUKAS 16:22


TOLONG AKU! YA ALLAH, ADA SESIAPA BOLEH TOLONG AKU! AKU DI SINI, DI DALAM API!


BAPA ABRAHAM, KASIHANILAH AKU. AKU MELIHAT LAZARUS DI SANA, HANTARLAH DIA KEPADAKU UNTUK MENITISKAN AIR ATAS LIDAHKU, KERANA AKU SENGSARA DI DALAM API INI.
ANAKKU, AKU HENDAK MENOLONGMU JIKA BOLEH, TETAPI ADA JURANG YANG BESAR DI ANTARA KITA, DENGAN LAUTAN API DI BAWAHNYA. KAMI TIDAK DAPAT MENYEBERANG MENOLONGMU, ENGKAU JUGA TIDAK DAPAT MENYEBERANG KE SINI.
KALAU BEGITU HANTARLAH LAZARUS KE RUMAH AYAHKU UNTUK BERPESAN KEPADA LIMA SAUDARAKU AGAR HIDUP MEREKA TIDAK BERAKHIR DI TEMPAT PENYIKSAAN YANG NGERI INI.


LUKAS 16:22-31
MEREKA MEMPUNYAI KITAB MUSA DAN PARA NABI. BIARLAH MEREKA PERCAYA KEPADA KITAB SUCI ITU.
TETAPI ITU TIDAK CUKUP. JIKA MEREKA MELIHAT MUKJIZAT KEBANGKITAN, MEREKA AKAN BERTAUBAT DARI KETIDAKPERCAYAAN MEREKA.
JIKA MEREKA TIDAK PERCAYA KEPADA KITAB SUCI, MEREKA TIDAK PERLU DIPUJUK UNTUK MELIHAT KEBANGKITAN ORANG MATI. SUDAH TERLAMBAT. MEREKA HARUS MEMBUAT KEPUTUSAN SENDIRI. MAAFKANKU. AKU TIDAK DAPAT BERBUAT APA-APA.


HAI, JEJAKA-JEJAKA TAMPAN. HENDAK BERSERONOK? AKU BOLEH BAGI HARGA MURAH.
TUAN, ABAIKAN DIA.


"JANGAN BERZINAH,"
AKU PEREMPUAN YANG SOLEH. AKU PERCAYA KEPADA ALLAH.
ROH JAHAT TELAH MENIPUMU. TEMPATMU HANYALAH DI NERAKA.


ENGKAU DENGAR KATA-KATA RAKANMU. SUDAH TERLAMBAT BAGIKU. AKU SUDAH BERZINAH SEJAK MASIH BUDAK.
BELUM TERLAMBAT BAGI ALLAH. JIKA ENGKAU MENCARI-NYA ENGKAU AKAN MENDAPATKAN-NYA. DIA KAN MENGAMPUNI DOSAMU DAN MEMULIHKAN JIWAMU.


JIWAKU ADALAH MILIK ROH JAHAT TETAPI AKU AKAN SERAHKANNYA KEPADA ALLAH JIKA IA BOLEH...BOLEH...BO...BO...




KELUARAN 20:14; LUKAS 8:2; 1 YOHANES 1:9


IEEEEEE!
SYAITAN, KELUAR DARI TUBUHNYA!


AKU PERINTAHKAN ENGKAU KELUAR DAN JANGAN KEMBALI LAGI.
ATAS PERINTAH YESUS TUJUH ROH JAHAT KELUAR DARI TUBUH PEREMPUAN ITU.


MEREKA TELAH PERGI.
SIAPAKAH ENGKAU?
AKU ADALAH YESUS


LUKAS 8:2, 11:24-26
ENGKAU HARUS BERHENTI MELAKUKAN DOSA DAN MENYEMBAH ALLAH ATAU ROH-ROH JAHAT AKAN KEMBALI KEPADAMU, MEMBAWA ROH JAHAT YANG LAIN LEBIH TERUK DARI MEREKA.
AKU HENDAK MELAYANI ALLAH. AKU AKAN MENGIKUTI ENGKAU DAN BELAJAR LEBIH LAGI.
APA YANG TELAH TERJADI KEPADANYA?


TUAN, AKU MELIHAT APA YANG TERJADI. LUARBIASA SEKALI. PEMIMPIN AGAMA KAMI TIDAK MENGHIRAUKAN MARIA MAGDALENA PADA WAKTU SIANG,
TETAPI BEBERAPA DI ANTARA MEREKA DATANG KEPADANYA PADA WAKTU MALAM. ENGKAU TELAH MEMBERIKANNYA HIDUP YANG BARU.
BOLEHKAH ENGKAU DAN MURID-MURID-MU DATANG KE RUMAHKU UNTUK MAKAN BERSAMA? AKU HENDAK BEBERAPA RAKANKU MENDENGAR LEBIH TENTANG INI.
KAMI AKAN PERGI.


BERITAHU KAMI, YESUS, BAGAIMANAKAH SESEORANG BOLEH HIDUP JUJUR DI DALAM MASYARAKAT YANG KORUP INI? KAMI AKAN KELAPARAN JIKA TIDAK MEMBENGKOKKAN SEDIKIT UNDANG-UNDANG.
JANGAN BEKERJA BAGI PERKARA YANG BOLEH BINASA TETAPI BAGI PERKARA YANG BOLEH BERTAHAN SAMPAI KEABADIAN. JANGAN HANYA BERFIKIR TENTANG KEKAYAANMU, TETAPI BERFIKIRLAH BAGAIMANA ENGKAU BOLEH MENJADI BERKAT KEPADA ORANG LAIN.


HIDUP LEBIH DARI MAKANAN DAN PAKAIAN. JIKA ALLAH MEMELIHARA BUNGA BAKUNG, DIA JUGA AKAN MEMELIHARA ENGKAU.
AKAN SAMPAI MASANYA SETIAP ORANG AKAN BERDIRI DI HADAPAN ALLAH DAN AKAN DIHAKIMI SESUAI DENGAN PERBUATANNYA.


JANGAN LAKUKAN SEPERTI PEMIMPIN AGAMAMU, KERANA MEREKA HIDUP TIDAK SEPERTI YANG MEREKA KHUTBAHKAN. MEREKA SEPERTI MANGKUK YANG BERSIH DILUAR TETAPI KOTOR DI DALAM.
JIKA HIDUPMU TIDAK BENAR LEBIH DARI MEREKA, ENGKAU TIDAK AKAN DAPAT MEMASUKI KERAJAAN ITU.

PENGKHUTBAH 12:14; MATIUS 23:25, 6:19-21, 25, 28-30, 12:36; LUKAS 15:1-3




ADA SEORANG MEMPUNYAI DUA ORANG ANAK. ANAK YANG BONGSU SUKA MEMBERONTAK DAN LEBIH MENGIKUTI KEINGINAN SENDIRI.
YA, AKU SUKA CERITA INI.


Jadi dia meminta bahagian harta miliknya.
Ayah, jika engkau memberikan bahagian hartaku dari ladang ini, aku akan pergi ke bandar untuk mencari nasib.
Tapi anakku, semua yang ayah punya adalah milikmu. Aku tidak akan hidup lama dan engkau serta abangmu akan mewarisi semua ini. Engkau akan bahagia seumur hidupmu. Kita ada banyak kambing biri-biri dan lembu. Ladang kita penuh dengan tanaman. Kita ada ramai pekerja dan banyak lagi...


TAPI AKU HENDAK KELUAR UNTUK MELIHAT DUNIA. AKU TIDAK MAHU TINGGAL DI LADANG DAN BEKERJA SEPERTI HAMBA SEUMUR HIDUPKU. SELAGI MASIH MUDA AKU MAHU MENIKMATI KEHIDUPAN INI. RAKAN-RAKANKU...
RAKAN-RAKANMU, YANG TIDAK BEKERJA, YANG HANYA BERFIKIR KUDA MANAKAH YANG LEBIH PANTAS, SIAPAKAH PEMENANG, SIAPAKAH YANG TERBAIK, DAN GADIS MANAKAH YANG MENARIK.


APA YANG ENGKAU TAHU TENTANG KEHIDUPAN? ENGKAU HANYA TERPERUK DI LADANG INI. AKU MAHUKAN BAHAGIAN HARTAKU SEKARANG. AKU AKAN KE BANDAR UNTUK HIDUP MENURUT KEINGINANKU.
BERIKAN HARTA ITU KEPADANYA. KITA AKAN LEBIH BAIK TANPANYA. DIA TIDAK PERNAH BEKERJA UNTUK HARTANYA.


AYAH ITU MEMBERIKAN HARTA WARISAN MILIK ANAK BONGSUNYA. JADI, ANAK ITU MENYEBERANG LAUT KE BANDAR YANG BESAR UNTUK BERSENANG-LENANG.
SEKARANG, INILAH KEHIDUPAN - TIDAK SEORANG PUN YANG MENYURUHKU UNTUK MELAKUKAN KERJA.
LUKAS 15:11-13


ANAK BONGSU ITU...
WAH, INI LEBIH DARI APA YANG AKU FIKIRKAN. SEMUA ORANG-ORANG INI DAN BAGUNAN-BANGUNAN INI. DI SINILAH AKAN BERMULA EPISOD HIDUPKU.
AKU HARUS MENCARI SEBUAH PANGSAPURI YANG BAIK UNTUK DISEWA.


YA, KELIHATAN MEMUASKAN. AKU AKAN MENYEWANYA.
JIKA ENGKAU MEMERLUKAN SESUATU HUBUNGI KAMI. PERKHIDMATAN SIANG DAN MALAM TERSEDIA.


SEKARANG SIAPAKAH YANG BOLEH MENIKMATI SEPERTI INI? ESOK AKU AKAN KELUAR BERJUMPA BEBERAPA ORANG.
LUKAS 15:13


HEI, SIAPAKAH ORANG BARU INI? SEORANG DARI DESA. DIA MUNGKIN TAMPAN JIKA KITA DAPAT MELIHAT WAJAHNYA.
HEI, KAWAN KALAU KAU MAU KELIHATAN MENARIK, CUKURLAH JANGGUTMU DAN PAKAILAH PAKAIAN YANG BAGUS.


BAJINGAN. KAU KELIHATAN LEBIH BAIK DENGAN PAKAIAN INI.


KAMI GEMBIRA KAU DAPAT SERTAI KAMI.
TIDAKKAH DIA TAMPAN TANPA BULU DI WAJAHNYA SEKARANG?


MINUMAN UNTUK RAKAN BARU KITA. SEMOGA DIA SELALU BAHAGIA DAN GEMBIRA.
...DAN DIKASIHI...




LUKAS 15:13


BOLEHKAH KITA KE PANGSAPURIMU, HANYA KITA BERDUA?


DAN PEMUDA ITU SEMAKIN JAUH DARI RUMAHNYA, HIDUP DALAM KESENANGAN BERBULAN LAMANYA. DIA MEMPUNYAI RAMAI KAWAN SELAGI WANGNYA MASIH ADA.
HARI ITU AKAN TIBA APABILA KESERONOKAN YANG BODOH ITU MENGHABISKAN SEMUA WANGNYA - TETAPI DIA MASIH MEMPUNYAI RAKAN YANG CUKUP KAYA.


APA MAKSUDMU ENGKAU SUDAH KEHABISAN WANG? AKU FIKIR ENGKAU KAYA.
RAMAI ORANG YANG AKU TANGGUNG DI SINI, DAN AKU KALAH JUDI PERLUMBAAN MINGGU LALU. AKU FIKIR PASTI AKAN MENANG, AKU SANGAT BERHARAP...


MAKSUDMU ENGKAU SUDAH MUFLIS? BAGAIMANA DENGAN PAKAI YANG KAU JANJI BELI UNTUKKU?
AKU BERHARAP AYAHMU BOLEH BERIKAN AKU KERJA MENJADI PENGURUSNYA.
KERJA?


AKU TIDAK PERCAYA SEDANG BEKERJA MEMBERIKAN MAKAN KEPADA BABI – BINATANG HARAM DAN KOTOR INI.
AKU FIKIR AKU MEMPUNYAI RAMAI KAWAN. MEREKA TIDAK MENGHUBUNGI AKU PUN SEKARANG. TAPI AKU AKAN MENCARI KERJA YANG LEBIH BAIK DAN AKAN BERADA DI ATAS KEMBALI.
OINK
SLUUUKK
GRUNT
LUKAS 15:13-15


AKU TAK PEDULI KAU SAKIT. KELUAR DAN BERIKAN MAKAN KEPADA BABI-BABI ITU. AKU AKAN MEMECAT KAU DAN MENCARI PEKERJA LAIN. SEKARANG KERJA!
YA, TUAN, MAAFKAN AKU. AKU AKAN LAKUKANNYA SEKARANG.


KERJA INI TIDAK DAPAT MEMBERIKAN WANG YANG CUKUP UNTUK MEMBELI MAKANAN. KAWAN-KAWANKU SEDANG MAKAN MAKANAN YANG ENAK.


LIHATLAH KEADAANKU SEKARANG KELAPARAN, KEPENATAN DAN KESEJUKAN. AKU BOLEH MAKAN MAKANAN BABI INI. HAMBA-HAMBA AYAHKU ADA BANYAK MAKANAN. JIKA AKU BOLEH... TIDAK, AKU TIDAK BOLEH KEMBALI KE SANA. AKU TELAH TINGGALKAN MEREKA. MEREKA AKAN MENGHINAKU.


AKU TELAH MELAKUKAN PERKARA YANG BODOH. BAGAIMANA JIKA AKU KEMBALI KE RUMAH AYAHKU DAN MENJADI HAMBANYA? AKU TELAH MENGHABISKAN SEMUA HARTAKU. TAPI AKU BOLEH MENJADI HAMBA - JIKA MEREKA MENERIMAKU.


AKU HARUS PULANG KE RUMAH.
KAU GILA! SEKARANG KAU TIDAK ADA WANG. KAU AKAN BERJALAN KAKI BERIBU BATU JAUHNYA.


SELEPAS SEMINGGU BERJALAN DIA SUDAH HAMPIR SAMPAI.
AKU SUDAH HAMPIR SAMPAI. AKU TIADA HAK UNTUK MEMINTA PERTOLONGAN. AKU AKAN BERKATA, "AYAH, AKU TELAH BERDOSA DAN TIDAK LAGI LAYAK DIPANGGIL ANAKMU. JADIKANLAH AKU SEORANG DARI HAMBA-HAMBAMU."
LUKAS 15:16-19


ADAKAH ENGKAU LIHAT LELAKI YANG SEDANG DATANG KE SINI ITU? PENGLIHATANKU SUDAH KURANG JELAS, TAPI DARI CARA BERJALANNYA AKU BOLEH TAHU DIA ADALAH ANAKKU YANG SUDAH LAMA HILANG.
YA, DIA KELIHATAN TUA DAN KURUS, TAPI AKU YAKIN DIA ADALAH ANAKMU.


ANAKKU!


ANAKKU, ANAKKU! KAU SUDAH PULANG!
AKU TELAH BERDOSA KEPADAMU...


...DAN TIDAK LAGI LAYAK DIPANGGIL ANAKMU...


LUKAS 15:20-22
KAMI FIKIR KAU TELAH MATI, DAN SEKARANG KAU SUDAH HIDUP KEMBALI. KAMI AKAN SEGERA BERSIHKAN ENGKAU.
ENGKAU TIDAK BOLEH MASUK KE DALAM RUMAH DENGAN KEADAAN BEGINI. HAMBAKU AKAN MEMBAWA JUBAH YANG TERBAIK DAN KASUT UNTUKMU. CINCINMU TELAH HILANG, ENGKAU PERLUKAN CINCIN YANG BARU. ANAKKU YANG TELAH HILANG KINI SUDAH DITEMUI.


SEMBELIH LEMBU YANG GEMUK, SIAPKAN PESTA, JEMPUT TETAMU-TETAMU, KITA AKAN BERPESTA DENGAN MERIAH, KERANA HARI INI ADALAH HARI UNTUK BERGEMBIRA.


AKU SANGAT GEMBIRA ATAS KEDATANGAN ANDA SEMUA KE MAJLIS YANG MERIAH INI. ANAKKU MASIH LEMAH DARI KEGETIRAN HIDUPNYA, TAPI DENGAN MAKANAN YANG BAIK, DIA AKAN KEMBALI KUAT. INILAH HARI YANG TERISTIMEWA BAGIKU.


ABANGNYA TELAH PERGI BEBERAPA HARI LAMANYA. KETIKA PULANG, DIA MENDAPATI SEBUAH PESTA YANG MERIAH DI RUMAH.
APA BUNYI MUZIK DAN MERIAH YANG AKU DENGAR ITU?
ADIKMU TELAH KEMBALI DALAM KEADAAN YANG MENYEDIHKAN. DIA MISKIN DAN SAKIT. AYAHMU BERGEMBIRA KERANA MENDAPATINYA SEMULA. SEGERA MASUK KE DALAM.
AKU TIDAK MAHU MENYERTAI PESTA KEBODOHAN INI. DIA TELAH HIDUP BERDOSA DAN MEMALUKAN.
HAMBA ITU MEMBERITAHU AYAHNYA SEMUA KATA-KATA ANAK SULUNGNYA, DAN AYAHNYA KELUAR MENJUMPAINYA.


SUDAH SEKIAN LAMA KAU MENCARI ADIKMU, AKU FIKIR DIA SUDAH HILANG UNTUK SELAMANYA. AKU SUDAH BERPUTUS ASA TETAPI DIA DATANG BERJALAN DARI JAUH. PERCAYAKAH ENGKAU INI ADALAH SEBUAH BERKAT? ALLAH ITU BAIK!
AKU TIDAK PERCAYA AYAH BERGEMBIRA DENGAN ORANG YANG BERDOSA ITU. AKU TIDAK AKAN MENYERTAINYA.




LUKAS 15:23-32


ORANG INI BERBAHAYA. SEMUA ORANG MENYUKAINYA.
DIA MEMBERI MEREKA HARAPAN.
YA, TETAPI ITU ADALAH HARAPAN YANG PALSU. SIAPAKAH BOLEH BERJANJI MEMBERIKAN HIDUP YANG KEKAL KEPADA ORANG BERDOSA? DIA HARUS MATI. PANGGIL SEMUA ORANG BERKUMPUL. KITA AKAN BERJUMPA MALAM INI DI RUMAH IMAM BESAR.


MARI, KITA AKAN KEMBALI KE GALILEA DAN BEREHAT SEKETIKA. MASANYA AKAN TIBA MEREKA AKAN CAMPAKKAN AKU KE DALAM PENJARA. MEREKA AKAN MENGHINA AKU BAHKAN AKAN MENYALIBKAN-KU. TETAPI PADA HARI KETIGA AKU AKAN BANGKIT DARI KEMATIAN.
APAKAH YANG DIMAKSUDKAN-NYA, "BANGKIT DARI KEMATIAN?"
AKU TIDAK TAHU. MUNGKINKAH SEBUAH PERUMPAMAAN.


GURU, ADA HAL YANG MUSTAHAK! MARTA MENGHANTARKU KEPADA-MU. SAUDARANYA, LAZARUS SEDANG NAZAK. DIA ADALAH SAHABAT-MU. JIKA ENGKAU DENGAN SEGERA KE SANA, MASIH DAPAT BERJUMPA DENGANNYA. KAMI TAHU ENGKAU DAPAT MENYEMBUHKANNYA.
LAZARUS? SAKIT? KITA HARUS SEGERA KE SANA.
BERITAHU MARIA DAN MARTA, AKU AKAN KE SANA. BERITAHU JUGA MEREKA BAHAWA PENYAKIT INI BUKANLAH UNTUK KEMATIAN TETAPI UNTUK MEMULIAKAN ALLAH.


DUA HARI KEMUDIAN..
GURU, SUDAH HAMPIR DUA HARI SEJAK KITA MENDENGAR SAHABAT-MU LAZARUS SEDANG NAZAK, DAN KITA AKAN MENGAMBIL MASA DUA HARI PERJALANAN KE SANA. BUKANKAH KITA PATUT PERGI?
KITA AKAN BERANGKAT ESOK. ENGKAU AKAN MELIHAT KEMULIAAN ALLAH.




MATIUS 20:17-19; YOHANES 11:1-15



YESUS DAN MURID-MURID-NYA BERADA DI LUAR.
BERITAHU MEREKA UNTUK TUNGGU AKAU DI SANA. SANGAT BAHAYA KEPADA MEREKA UNTUK MASUK KETIKA AHLI FARISI DAN PARA IMAM ADA DI SINI. MEREKA MASIH MAHU MEMBUNUH-NYA.
TIDAK!
AAHHHHH!
KASIHAN LAZARUS!


TUHAN, JIKA ENGKAU BERADA DI SINI, SAUDARAKU TIDAK AKAN MATI. ENGKAU MASIH DAPAT MEMINTA APA SAHAJA YANG ENGKAU MAHU DAN ALLAH AKAN MENUNAIKANNYA.
SAUDARAMU AKAN BANGKIT.
AKU TAHU DIA AKAN BANGKIT PADA HARI KEBANGKITAN PADA HARI PENGAKHIRAN DUNIA.


AKULAH KEBANGKITAN DAN HIDUP.
DIA YANG PERCAYA KEPADA-KU, WALAUPUN SUDAH MATI AKAN HIDUP KEMBALI. DAN YANG HIDUP, YANG PERCAYA KEPADA-KU TIDAK AKAN MATI. ADAKAH ENGKAU PERCAYA AKAN HAL INI?


YA, TUHAN, AKU PERCAYA BAHAWA ENGKAU ADALAH MESIAS, ANAK ALLAH, YANG DINUBUATKAN AKAN DATANG KE DUNIA.


SELEPAS MARTA BERCAKAP DENGAN YESUS, DIA MENGHANTAR HAMBA UNTUK MEMBAWA MARIA.
MARI. DIA TELAH PERGI KE KUBUR UNTUK MERATAP.
OHHHHHH!
YOHANES 11:17-31


TUHAN, JIKA ENGKAU BERADA DI SINI SAUDARAKU TIDAK AKAN MATI.
DI MANAKAH ENGKAU MENEMPATKANNYA?


KAMI SANGAT RINDU KEPADANYA.


LIHATLAH BETAPA YESUS MENGASIHI LAZARUS.
BUKANKAH DIA YANG MENYEBABKAN ORANG BUTA MELIHAT DAPAT MENGELAKKAN SAHABATNYA DARI KEMATIAN?


GULINGKAN BATU ITU.
TAPI TUHAN, SEKARANG DIA SUDAH MEMBUSUK, KERANA SUDAH EMPAT HARI MATI.
TIDAKKAH SUDAH KU KATAKAN JIKA ENGKAU PERCAYA KEPADA-KU, ENGKAU AKAN MELIHAT KEMULIAAN ALLAH? ALIHKAN BATU ITU.




YOHANES 11:32-42


LAZARUS, KELUAR.
DIA SUDAH MELAMPAU KALI INI.
YAH, DIA MEMPERBODOHKAN DIRI-NYA.


MENGAPA, MAYAT ITU SUDAH MULAI MEREPUT.
APABILA SEMUA ORANG MELIHAT DIA SEORANG PENYAMAR, AKAN MENYENANGKAN KITA UNTUK MENANGKAP DAN MEMBUNUH-NYA.


APA? AKU TIDAK PERCAYA!
TAK BOLEH JADI!


TERPUJILAH ALLAH!
HOOOEEEE!




YOHANES 11:43-44


LAZARUS, YANG SUDAH MATI EMPAT HARI, KELUAR DARI KUBUR DENGAN KAIN KAFAN YANG MASIH MEMBALUTI TUBUHNYA.
BUKA BALUTAN KAIN ITU DAN BIARKAN DIA PERGI!
SIAPA YANG BOLEH MELAKUKAN PERKARA INI SELAIN ALLAH?


APA YANG KECOH NI? LEPASKAN AKU DARI BALUTAN KAIN KAFAN INI.
ENGKAU TELAH MATI EMPAT HARI.
GURU, SANGAT SENANG MELIHAT-MU KEMBALI. AKU RASA ENGKAU YANG BERTANGGUNGJAWAB MEMBAWAKU KEMBALI.


O, LAZARUS, KAMI MERINDUIMU.
AKU LAPAR. SURUHLAH ORANG-ORANG YANG BERKABUNG ITU PULAN DAN MARILAH KITA MAKAN.
TERPUJILAH ALLAH, TUHAN KITA.


ENGKAU PERCAYAKAH APA YANG BARU KITA LIHAT? TIDAK ADA CARA MEMALSUKANNYA. AKU MELIHAT LAZARUS SEBELUM DIA DIKUBURKAN. AKU SANGAT YAKIN, DIA SUDAH MATI.
APABILA YERUSALEM MENDENGAR HAL INI MEREKA AKAN MENJADIKAN-NYA RAJA. SESUATU HARUS DILAKUKAN SEGERA.
KAMI AKAN SEGERA MEMBERITAHU AHLI KITAB DAN AHLI FARISI.




YOHANES 11:44-48


TETAPI YESUS TIDAK PERNAH BERTINDAK GANAS ATAU MELAWAN KERAJAAN ROMA.
KATA-KATA-NYA GANAS! DIA MEMANGGIL KITA HIPOKRIT DI KHALAYAK UMUM. ORANG RAMAI MENTERTAWAKAN KITA. MEREKA MENGEJEK KITA.


DIA HARUS DILENYAPKAN. DIA TIDAK AKAN DAPAT MEMBANGKITKAN DIRI-NYA SENDIRI.
IANYA HARUS DILAKSANAKAN SEGERA, SEBELUM DIA MEMUSNAHKAN HORMAT KEPADA AGAMA KITA.
SEBELUM ORANG-ORANG ROMA MENGAMBIL TINDAKAN TERHADAP KITA.


MEREKA TELAH MENOLAK AKU DAN HENDAK MEMBUNUH-KU. MEREKA TIDAK FAHAM BAHAWA AKU DATANG DEMI KESELAMATAN MEREKA. AKU BERITAHU KEPADAMU, SETELAH AKU PERGI, KERAJAAN ROMA AKAN MEMUSNAHKAN BAIT SUCI YANG MEREKA CINTAI ITU. TIDAK ADA SATUPUN YANG AKAN TERTINGGAL.


MASANYA AKAN TIBA MEREKA YANG MENGASIHI-KU AKAN DICAMPAKKAN KE DALAM PENJARA. ENGKAU AKAN DIBENCI OLEH BANGSA-BANGSA HANYA KERANA ENGKAU MENGASIHI-KU. BEBERAPA DI ANTARA KAMU AKAN MATI DI TANGAN MEREKA. YANG LAIN AKAN DIBAWA KELUAR DARI RUMAH MEREKA DAN TIDAK DIBENARKAN BEKERJA. JANGAN TERKEJUT APABILA ENGKAU MELIHAT SEMUA INI TERJADI, AKAN TERJADI BANYAK PEPERANGAN, GEMPA BUMI, PENYAKIT, KEBULURAN, DAN MALAPETAKA KEPADA SEMUA YANG HIDUP, TETAPI PENGAKHIRAN BELUM SAMPAI.


SEMUA INI HANYALAH PERMULAAN PENDERITAAN. YERUSALEM AKAN DIJAJAH OLEH ORANG BUKAN YAHUDI, SAMPAI MASA MEREKA SELESAI. APABILA SESEORANG MEMBERITAHU ENGKAU BAHAWA AKU SUDAH KEMBALI, DAN ENGKAU KE SANA DAN KE SINI MENCARI-KU, JANGANLAH PERCAYA KEPADA MEREKA. RAMAI YANG AKAN MENGAKU DIRINYA ADALAH AKU, ATAU MENGAKU BERBICARA BAGI-KU.


TETAPI KETIKA AKU KEMBALI , AKU AKAN KEMBALI SEPERTI KILAT. SETIAP ORANG AKAN MELIHAT AKU. YANG MATI AKAN DIBANGKITKAN DAN AKU AKAN MENDIRIKAN KERAJAAN-KU DI DUNIA INI. TETAPI SEBELUM HAL INI TERJADI, AKAN ADA MASA KESUSAHAN YANG BESAR, YANG BELUM PERNAH DILIHAT OLEH DUNIA.
MATIUS 10:22, 24:2, 5-9, 21, 27-31;
LUKAS 19:43-44, 21:8; YOHANES 11:49-53; WAHYU 2:10


GURU, MARTA MENGHANTAR AKU KE SINI MENCARI ENGKAU. KATANYA, DIPERSILAKAN DATANG KE RUMAHNYA BERSAMA MURID-MURID-MU. YERUSALEM TIDAK SUDAH SELAMAT BAGI-MU. BEBERAPA ORANG TIDAK MENYUKAI ENGKAU YANG TELAH MEMBANGKITKAN TUAN AKU. BOLEHKAH ENGKAU DATANG DAN TINGGAL BERSAMA KAMI?
KAMI DENGAN SENANG HATI AKAN DATANG. AKU HENDAK MELIHAT MEREKA SEBELUM MASA PENDERITAAN-KU TIBA.


ITU YESUS DAN MURID-MURID-NYA.
GURU, BUATLAH SEPERTI RUMAH-MU. MASUK DAN BEREHATLAH.
LAZARUS, SAHABAT-KU, ENGKAU KELIHATAN LEBIH BAIK SEJAK TERAKHIR AKU MELIHATMU. LEBIH BAIK DATANG KE RUMAHMU DARIPADA KE KUBURMU.


KAMI ADAKAN MAJLIS DAN BEBERAPA TETAMU TELAH DIJEMPUT.
GURU, ENGKAU ADALAH KEBANGKITAN DAN HIDUP.




MATIUS 20:19, 26:2;
YOHANES 12:1-2, 14:6


ENGKAU ADALAH KEBANGKITAN DAN HIDUP, SESIAPA YANG PERCAYA KEPADA-MU TIDAK AKAN MATI.


MARIA, APA YANG SEDANG KAU LAKUKAN DENGAN MINYAK WANGI YANG MAHAL ITU?


TUHANKU, ENGKAU ADALAH KEBANGKITAN DAN HIDUP. WALAUPUN ENGKAU MATI, NANTI ENGKAU AKAN HIDUP SEMULA.


MARIA, MINYAK WANGI ITU, BOLEH MENGUPAH ORANG UNTUK SETAHUN. MENGAPA BAZIRKANNYA?
TAPI DIA SEDANG MENGURAPI GURU.
ITU BOLEH DIJUAL DAN HASILNYA BOLEH DIDERMAKAN KEPADA ORANG MISKIN.


MARIA MENGESAT KAKI YESUS DENGAN RAMBUTNYA.
BIARKAN DIA. DIA LAKUKAN INI UNTUK HARI PENGEBUMIAN-KU NANTI.


APA YANG DIA MAKSUDKAN DENGAN PENGEBUMIAN?
KATA-NYA DIA AKAN DISALIBKAN. TAPI PASTI BUKAN BERMAKSUD DISALIBKAN SEHINGGA MATI.


AKU TELAH BERKATA KEPADAMU, GEMBALA YANG BAIK MEMBERIKAN NYAWANYA KEPADA DOMBANYA. AKU AKAN DITOLAK, DISALIBKAN, DAN DIKUBUR, TETAPI PADA HARI KETIGA AKU AKAN HIDUP SEMULA.
MARIA MEMPERSIAPKAN TUBUH-KU UNTUK DIKEBUMIKAN. MASA-KU TELAH TIBA, MASA DI MANA AKU AKAN DIMULIAKAN. MARI, KITA HARUS PERGI KE YERUSALEM, TEMPAT SEMUA INI AKAN TERJADI.
MATIUS 20:19; YOHANES 10:11, 12:3-8


GURU, ORANG-ORANG DI YERUSALEM SEDANG MENANTI ENGKAU!
PERGI, BAWA KELDAI UNTUK AKU TUNGGANGI. KITA AKAN MASUK KE YERUSALEM UNTUK KALI TERAKHIR.


GURU, ADA BERIBU ORANG SEDANG MENANTI-MU MASUK KE YERUSALEM. MEREKA AKAN MENJADIKAN ENGKAU RAJA.
AKU AKAN DITOLAK DAN DISALIBKAN, TETAPI PADA HARI KETIGA AKU AKAN BANGKIT DARI KEMATIAN.


DAULAT, RAJA ORANG YAHUDI.
TERPUJILAH DIA YANG DATANG DALAM NAMA TUHAN.
TERPUJILAH ANAK DAUD.


BUKA JALAN BAGI RAJA ISRAEL.
TERPUJILAH ALLAH.
PENYELAMAT YANG DIJANJIKAN.
YOHANES 12:12-13


ORANG RAMAI MEMANGGIL-NYA RAJA ORANG YAHUDI.
MEREKA FIKIR DIA ADALAH MESIAS YANG DIJANJIKAN.
MENGAPA DIA DATANG KE BAIT SUCI? DIA SEHARUSNYA TAHU DIA DALAM BAHAYA.
ANAK DAUD, BEBASKANLAH KAMI.


MEREKA MASIH MENYALAHGUNAKAN RUMAH ALLAH INI. KELIHATAN SEPERTI PASAR TIDAK SEPERTI RUMAH DOA.
AKU BOLEH MENJUALNYA KEPADAMU DENGAN HARGA ISTIMEWA. IA SUDAH SAH UNTUK KORBAN BAKARAN.


MINTA MAAF, JIKA ENGKAU MAHU NILAI PERTUKARAN YANG BAIK, PERGILAH KE TEMPAT YANG LAIN. ITU ADALAH TAWARANKU YANG TERBAIK.
MATIUS 21:11-12


YESUS LAKUKANNYA LAGI. DIA MEMBERSIHKAN BAIT SUCI ITU DARI PARA PEROMPAK DAN PENYAMUN.
KELUARKAN BARANG-BARANG DAGANGAN INI DARI RUMAH BAPA-KU. HAI, KAMU PEROMPAK DAN PENYAMUN.
KRAS!
ENGKAU DATANG KE SINI UNTUK MENGAMBIL WANG DARI ORANG YANG DATANG UNTUK BERDOA. SEMOGA WANGMU ITU PERGI KE NERAKA BERSAMAMU.
AWAS!


DENGAN KUASA APAKAH ENGKAU LAKUKAN INI?
BANG!
ENGKAU FIKIR ENGKAU SIAPA?
KRAS!
JANGAN JADIKAN RUMAH BAPA-KU SARANG PENYAMUN.


GURU, PARA IMAM DAN AHLI FARISI TELAH MENGHANTAR PENGINTIP UNTUK MEMERHATI KITA. ADA KHABAR BAHAWA MEREKA AKAN MENANGKAP-MU SEBELUM PERAYAAN PASKAH YANG HANYA BEBERAPA HARI LAGI DARI SEKARANG.
TAHUKAH ENGKAU MAKSUD KEPADA-NYA MEMBERSIHKAN BAIT SUCI SELEPAS PERARAKAN MASUK KE YERUSALEM?


AKU TELAH KATAKAN KEPADAMU BAHAWA AKU AKAN MENDERITA DI TANGAN MEREKA, DAN AKAN DISALIBKAN TETAPI SELEPAS HARI YANG KETIGA AKU AKAN BANGKIT KEMBALI.
YA, NUBUAT BERKATA, “CINTA AKAN RUMAH-MU MENGHANGUSKAN AKU” DAN DIA “TIBA-TIBA DATANG KE BAIT SUCI.” ITU ADALAH SATU TUNTUTAN UNTUK MENJADI MESIAS.
DIA HARUS DIHENTIKAN SEBELUM PASKAH. KITA ADA PENGINTIP DI KALANGAN MURID-MURID-NYA.
MAZMUR 69:9; MATIUS 21:12-13


AKU BERI AMARAN KEPADAMU, SETELAH AKU TIADA, MEREKA AKAN MEMENJARAKAN KAMU, MEMUKUL KAMU DAN MEMBUNUH BEBERAPA DIANTARA KAMU. ENGKAU AKAN BERSAKSI TENTANG KASIH DAN KUASA-KU. KETIKA MEREKA MENGADILI KAMU, AKU AKAN MENARUH PERKATAAN-KU DI MULUTMU. ANAK-ANAK AKAN BERSAKSI KEPADA IBUBAPA MEREKA DAN SEBALIKNYA. ENGKAU AKAN DIBENCI KERANA MENGENAL AKU. RAMAI NABI PALSU AKAN MUNCUL DAN MENGAKU MEWAKILI AKU. ROH KUDUS AKAN BESERTAMU.
GURU, APAKAH TANDANYA KEDATANGAN-MU KE DUNIA NANTI DAN PENGAKHIRAN DUNIA INI?


GURU, APAKAH TANDANYA KEDATANGAN-MU KE DUNIA NANTI DAN PENGAKHIRAN DUNIA INI?
JIKA SESEORANG BERKATA AKU DATANG KEMBALI PADA SEKIAN MASA ATAU DI TEMPAT TERTENTU, JANGAN SESEKALI PERCAYA, KERANA MEMANG AKU AKAN KEMBALI TETAPI SEPERTI LAJUNYA CAHAYA. SETIALAH KEPADA-KU MAKA ENGKAU AKAN SELAMAT DARI PENGHAKIMAN. BERJAGA-JAGALAH KERANA KAMU TIDAK TAHU AKAN HARI DAN MASANYA AKU AKAN KEMBALI.


SAMA SEPERTI ZAMAN NUH, SEPERTI ITU JUGALAH KEDATANGAN-KU KEMBALI NANTI. RAMAI ORANG SIBUK BEKERJA DAN TIDAK SEDAR AKAN DATANGNYA BAHAYA SEHINGGA AIR BAH DATANG DAN MENENGGELAMKAN MEREKA SEMUA. AKU AKAN DATANG SECARA TIBA-TIBA, SEPERTI PENCURI DATANG KE RUMAH PADA WAKTU MALAM.
ADA DUA ORANG SEDANG BEKERJA, SEORANG AKAN DIAMBIL BERJUMPA DENGAN-KU DAN SEORANG LAGI AKAN DITINGGALKAN UNTUK MENDERITA.
ADA DUA ORANG PEREMPUAN MENGISAR MAKANAN, SEORANG AKAN DIAMBIL DAN SEORANG LAGI DITINGGALKAN. BERJAGA-JAGALAH DAN BERSIAP SEDIALAH KERANA AKU AKAN DATANG PADA HARI YANG TIDAK AKAN KAMU JANGKA.


GURU, AKU HARUS BERJUMPA DENGAN SESEORANG DI BANDAR. AKU AKAN KEMBALI.
PERGILAH, YUDAS, DAN LAKUKAN APA YANG HENDAK ENGKAU LAKUKAN.


JIKA BAYARANNYA SESUAI, AKU BOLEH SERAHKAN YESUS KEPADAMU.
TAPI BUKANKAH ENGKAU YUDAS, SALAH SEORANG MURID-NYA?
BENAR, AKU SUDAH MENGIKUTI-NYA SELAMA TIGA TAHUN, TAPI AKU SUDAH PENAT. DIA BERKATA-KATA TAK MASUK AKAL, DAN AKU BOLEH MENGGUNAKAN WANG.




MATIUS 26:14-16; MARKUS 13:5-13; LUKAS 17:26-37; YOHANES 12:23-24; 2 PETRUS 3:10


SEKARANG JIWA-KU SANGAT TERBEBAN, DAN APAKAH YANG HARUS AKU KATAKAN, "BAPA SELAMATKAN AKU SEKARANG?" TIDAK, INILAH TUJUAN SEBENAR AKU DATANG KE DUNIA.


BAPA, MULIAKANLAH NAMA-MU.


NAMA-KU SUDAH DIMULIAKAN DAN AKU AKAN LAKUKANNYA LAGI.
SUARA ITU KUAT SEPERTI GURUH.
ALLAH TELAH BERBICARA KEPADA-NYA!
MALAIKAT TELAH BERBICARA KEPADA-NYA.


SUARA ITU BUKAN UNTUK-KU TETAPI DEMI-MU. SEKARANG MASANYA TELAH TIBA, PUTERA DUNIA, SYAITAN AKAN DIKALAHKAN, DAN JIKA AKU DITINGGIKAN DI KAYU SALIB, AKU AKAN MEMBAWA SEMUA MANUSIA DEKAT DENGAN-KU.
KAMI TAHU PARA NABI BERKATA MESIAS ITU AKAN HIDUP SELAMANYA, DAN ENGKAU KATAKAN YANG ENGKAU AKAN MATI; JADI SIAPAKAH MESIAS?


KAMU AKAN BERSAMA DENGAN CAHAYA ITU SEKEJAP SAJA LAGI. PERCAYALAH KEPADA CAHAYA ITU SELAGI IA BERSAMAMU, SUPAYA KAMU AKAN MENJADI ANAK-ANAK ALLAH.
KEDENGARAN JANGGAL BAGIKU.


SESIAPA SAHAJA YANG MENOLAK AKU DAN FIRMAN-KU, MENOLAK ALLAH. AKULAH CAHAYA DUNIA. JIKA ENGKAU PERCAYA KEPADA-KU, ENGKAU TIDAK AKAN DIKUASAI KEGELAPAN, TAPI AKAN MEMILIKI HIDUP YANG KEKAL.
YOHANES 12:27-36



BAB 11

# PASKAH DAN PENDERITAAN


PERGI DAN SIAPKAN JAMUAN PASKAH.


AKU BERKEINGINAN MAKAN JAMUAN PASKAH INI BERSAMA KAMU SEBELUM AKU MENDERITA. AKU TIDAK AKAN MEMAKANNYA LAGI SEHINGGA KERAJAAN ALLAH DATANG KE DUNIA. DAN KAMU AKAN MAKAN BERSAMA-KU SERTA AKAN MENGHAKIMI 12 SUKU ISRAEL.
AKU AKAN MEMBERITAHU KAMU SESUATU SUPAYA APABILA IANYA TERJADI NANTI KAMU AKAN PERCAYA. KITAB SUCI MENUBUATKAN DI MAZMUR 41:9, “DIA YANG MAKAN ROTI DENGANKU, AKAN MENGANGKAT TUMITNYA TERHADAP AKU.” AKU BERKATA KEPADAMU, SEORANG DARI KAMU AKAN MENGKHIANATI-KU.
TIDAK!


IANYA SUDAH DITENTUKAN, TAPI CELAKALAH ORANG YANG AKAN MELAKUKANNYA.


TUHAN, AKUKAH ITU? AKU TIDAK MAHU MENGKHIANATI-MU.
TUHAN, ITU BUKAN AKU KAN?
GURU, AKU TIDAK AKAN SESEKALI MENGKHIANATI-MU.

LUKAS 22:8-23


DIA ADALAH ORANG YANG MENCELUPKAN TANGANNYA KE DALAM MANGKUK INI DENGAN-KU.


SEMUA KAMI MENCELUPKAN ROTI KE DALAM MANGKUK ITU.
YOHANES BERBISIK KEPADA YESUS SIAPAKAH YANG AKAN MENGKHIANATI-NYA. YESUS MENJAWAB, "DIA YANG AKAN KUBERIKAN ROTI SELEPAS KUCELUPKAN KE DALAM MANGKUK."


GURU, DIAKAH?
ENGKAU SUDAH KATAKANNYA.


YESUS MENCELUPKAN ROTI ITU DAN MEMBERIKANNYA KEPADA YUDAS.


LAKUKAN APA YANG HENDAK ENGKAU LAKUKAN, CEPAT.

MATIUS 26:23-29;
YOHANES 13:26-30




SEKARANG AKU AKAN DIMULIAKAN. ANAK-ANAK MASA-KU BERSAMAMU SUDAH TIDAK LAMA.
KAMU TIDAK DAPAT PERGI KE TEMPAT YANG AKU PERGI. AKU MEMBERIKAN ENGKAU PERJANJIAN YANG BARU, BAHAWA ENGKAU HARUS SALING MENGASIHI. DENGAN INI SEMUA ORANG AKAN MENGENAL ENGKAU ADALAH MURID-MURID-KU JIKA KAMU SALING MENGASIHI.
ZAKARIA MENUBUATKAN PADA MASA INI DENGAN BERKATA, "AKU AKAN MEMUKUL GEMBALA ITU, DAN KAWANAN KAMBING BIRI-BIRI ITU AKAN TERPISAH." SELEPAS AKU BANGKIT DARI KEMATIAN, AKU AKAN MENDAHULUI ENGKAU DI GALILEA. SEMUA KAMU AKAN MENAFIKAN-KU MALAM INI.


TUHAN, SEMUA ORANG AKAN MENAFIKAN ENGKAU TETAPI AKU SESEKALI TIDAK.
PETRUS, SEBELUM AYAM JANTAN BERKOKOK DUA KALI, ENGKAU AKAN MENAFIKAN-KU TIGA KALI.


AKU AKAN MATI BERSAMA-MU SEBELUM AKU MENAFIKAN ENGKAU.
AKU TIDAK AKAN SESEKALI MENAFIKAN ENGKAU.
MEREKA TIDAK DAPAT MENYIKSA AKU UNTUK MENAFIKAN ENGKAU.


KITAB SUCI JELAS MENGATAKAN BAHAWA ENGKAU AKAN MENAFIKAN-KU. NABI YESAYA BERKATA TENTANG-KU, "DIA DIHUKUM SEPERTI SEORANG PESALAH."
PETRUS, SELEPAS ENGKAU KEMBALI BERIMAN KEPADA-KU, KUATKANLAH SAUDARA-SAUDARAMU DALAM IMAN.




MATIUS 26:33-35; YOHANES 13:31-38;
1 KORINTUS 11:24-25


TUBUH-KU AKAN TERPECAH BAGIMU.


AMBIL DAN MAKANLAH.


CAWAN YANG DIISI AIR ANGGUR INI ADALAH PERJANJIAN BARU OLEH DARAH-KU YANG AKAN DICURAHKAN BAGI PENEBUSAN BAGI DOSA-DOSAMU.


KONGSIKANLAH DIANTARAMU DAN MINUMLAH. AKU TIDAK AKAN MINUM ANGGUR LAGI SEHINGGA ENGKAU BERSAMA-KU MEMINUMNYA DI KERAJAAN-KU NANTI.


PADA MASA AKAN DATANG KETIKA MELAKUKANNYA, ENGKAU AKAN MENGINGAT AKAN KEMATIAN-KU SEHINGGA AKU DATANG KEMBALI.




YOHANES 14:1-3;
1 KORINTUS 11:24-26


TAPI TUHAN, KAMI TIDAK TAHU KEMANA ENGKAU PERGI, JADI BAGAIMANA KAMI TAHU JALAN UNTUK DATANG KEPADA-MU?


ENGKAU JALAN ITU KERANA AKU ADALAH JALAN, KEBENARAN DAN HIDUP. TIDAK ADA SEORANGPUN DAPAT DATANG KEPADA ALLAH KECUALI MELALUI AKU. JIKA ENGKAU MENGENAL AKU, ENGKAU JUGA MENGENAL BAPA DAN TELAH MELIHAT-NYA.


GURU, PERLIHATKAN KEPADA KAMI BAPA SUPAYA KEHENDAK KAMI DIPENUHI.
FILIPUS, ENGKAU SUDAH LAMA BERSAMA-KU DAN MASIH TIDAK MENGENALI AKU? JIKA ENGKAU MELIHAT AKU, ENGKAU JUGA MELIHAT BAPA. AKU DAN BAPA ADALAH SATU.


AKU TIDAK AKAN TINGGALKAN KAMU SENDIRIAN. AKU AKAN DATANG KEPADAMU. DUNIA TIDAK AKAN MELIHAT-KU LAGI, TETAPI AKU AKAN MENGIRIMKAN ROH KUDUS UNTUK TINGGAL DI DALAMMU DAN MENGHIBURMU. IA AKAN BERADA DI DALAMMU DAN MENUNTUNMU KE DALAM SELURUH KEBENARAN.
JIKA ENGKAU MENGASIHI-KU DAN MEMELIHARA PERINTAH-KU, AKU AKAN MEMBERIMU DAMAI YANG TIDAK AKAN DIAMBIL OLEH DUNIA INI.


JIKA ENGKAU MENGASIHI-KU, ENGKAU AKAN BERGEMBIRA, SEBAB AKU AKAN KEMBALI KEPADA BAPA-KU. AKU TELAH KATAKAN SEMUA INI KEPADAMU SEBELUM MEREKA DATANG SUPAYA KAMU PERCAYA.
VBANGUNLAH, MARI KITA MEMUJI TUHAN DAN PERGI KE TAMAN UNTUK BERDOA.




MATIUS 26:30; YOHANES 14:5-10, 15, 25-30


IKUTLAH DENGAN SENYAP. KITA AKAN KE SUATU TEMPAT RAHSIA UNTUK BERDOA.



JANGAN SEDIH KERANA SEBENTAR LAGI AKU AKAN DIAMBIL DARIMU, DAN SETELAH BEBERAPA WAKTU ENGKAU AKAN MELIHAT AKU KEMBALI.
WALAUPUN ENGKAU AKAN MENANGIS, KESEDIHANMU AKAN BERTUKAR MENJADI KEGEMBIRAAN YANG BESAR. AKU DATANG DARI BAPA, DAN AKAN KEMBALI SEGERA KEPADA-NYA.
SEKARANG ENGKAU BERKATA TERUS TERANG. KAMI PERCAYA.
ADAKAH ENGKAU PERCAYA SEKARANG? DALAM MASA YANG SINGKAT SEMUA KAMU AKAN TINGGALKAN AKU DAN TERPISAH-PISAH. TINGGALLAH DI SINI AKU AKAN PERGI SEDIKIT JAUH UNTUK BERDOA.


BAPA, MASANYA TELAH TIBA. AKU TELAH SELESAIKAN KERJA YANG ENGKAU HENDAK AKU LAKUKAN. SEKARANG MULIAKANLAH AKU DENGAN KEMULIAAN YANG AKU ADA DENGAN-MU SEBELUM DUNIA DICIPTAKAN. AKU TELAH MENGAJAR MEREKA TENTANG-MU DAN MEREKA TELAH MENERIMA PERKATAAN-KU. DUNIA AKAN MEMBENCI MEREKA SEPERTI IA MEMBENCI-KU, KERANA AKU TELAH MEMBERITAHU TENTANG DOSA MEREKA. MEREKA BUKAN DARI DUNIA INI. AKU TIDAK BERDOA KEPADA-MU UNTUK MENGAMBIL MEREKA DARI DUNIA INI, TAPI UNTUK MENJAGA MEREKA DARI SI JAHAT.
AKU JUGA BERDOA UNTUK SEMUA YANG AKAN PERCAYA KEPADA-KU MELALUI KESAKSIAN MEREKA. AKU AKAN BERSAMA MEREKA SEPERTI AKU BERSAMA DENGAN-MU. BAPA, BIARLAH KASIH-MU KEPADA-KU, TINGGAL DI DALAM MEREKA DAN AKU DI DALAM MEREKA.




MATIUS 26:31, 38; YOHANES 16:19-20, 17:1-10


BAPA, KALAU BOLEH, JANGANLAH KIRANYA AKU MINUM AIR DARI CAWAN PENDERITAAN INI. TAPI BUKAN KEHENDAK-KU MELAINKAN KEHENDAK-MULAH YANG TERJADI. AKU AKAN MEMINUMNYA JIKA HARUS.


YESUS DATANG KE DUNIA UNTUK MENANGGUNG DOSA MANUSIA, TETAPI APABILA MASA ITU TELAH TIBA, DIA MENDATANGKAN AIB PADA SALIB ITU, KERANA DIA YANG TIDAK BERDOA MENJADI BERDOSA KERANA MENANGGUNG SEMUA DOSA MANUSIA SEPANJANG MASA.
BAPA, JIKA BOLEH BIARLAH CAWAN INI BERLALU DARIPADA-KU.


TETAPI BUKAN KEHENDAK-KU; KEHENDAK-MULAH YANG TERJADI.
YESUS BERPELUH SEPERTI TITISAN DARAH.


TIBA-TIBA MALAIKAT MUNCUL DAN MELAYANI DIA.
YANG KUDUS, MASA PENDERITAAN-MU SUDAH TIBA, TETAPI BAPA AKAN BERSAMA-MU. SEMUA PENGHUNI SYURGA AKAN MELIHAT ENGKAU MENGAMBIL SEMUA DOSA DUNIA ESOK.
KAMI BERADA DI SANA SEMASA ENGKAU MENCIPTAKAN DUNIA; KAMI AKAN BERADA DI SANA SEMASA ENGKAU MENEBUSNYA.


MAZMUR 23:5-6; LUKAS 22:41-44; YOHANES 17:12; IBRANI 6:6, 12:2
ESOK SYAITAN AKAN DIKALAHKAN DAN HUTANG DOSA AKAN DILUNASKAN.
ABRAHAM DAN SEMUA PENGHUNI SYURGA SEDANG MENANTI KEPULANGAN-MU. MEREKA TELAH MENYEDIAKAN HIDANGAN DI HADAPAN MUSUHMU; CAWAN-MU TELAH PENUH. PASTI KEBAIKAN DAN RAHMAT MENGIKUTI ENGKAU, DAN ENGKAU AKAN TINGGAL DI RUMAH TUHAN SELAMA-LAMANYA.
BANGUNLAH. YUDAS, ANAK KEBINASAAN ITU, SEDANG DATANG MENGKHIANATI-MU.


BAPA, SEBAB INILAH AKU DATANG KE DUNIA.


KAMU TERTIDUR. TIDAKKAH ENGKAU BOLEH BERJAGA DENGAN-KU SEJAM? BANGUN, AKU AKAN DIKHIANATI OLEH TANGAN ORANG BERDOSA.


GURU, ENGKAU ADA DI SINI, TAPI AKU RISAU TELAH DIEKORI.


YUDAS, ADAKAH ENGKAU MENGKHIANATI-KU DENGAN CIUMAN?


YUDAS! KAU PENGKHIANAT TERKUTUK!
HENTIKAN! SIAPAKAH YANG ENGKAU CARI?
BUNUH MEREKA JIKA MELAWAN.
MATIUS 26:40, 45-50; YOHANES 12:27, 18:1-4


YESUS DARI NAZARET.
AKULAH DIA.


AWAS! DIA ADA KUASA!
ASKAR-ASKAR ITU TAKUT KEPADA YESUS DAN TERUNDUR JATUH KE TANAH.


ITULAH DIA. APA YANG KAMU TAKUTKAN? TANGKAP DIA!


KAMU TIDAK AKAN DAPAT MENANGKAP GURUKU.




YOHANES 18:4-6, 10


HENTIKAN! JANGAN ADA PERTUMPAHAN DARAH LAGI. PETRUS, SARUNGKAN PEDANGMU. KALAU AKU HENDAK, AKU BOLEH MEMANGGIL 10 RIBU MALAIKAT DATANG MEMBANTU-KU. MASA INI ADALAH MASA KEGELAPAN.
DIA MEMOTONG TELINGAKU.


KAMU DATANG KEPADA-KU DENGAN MEMBAWA PEDANG SEPERTI AKU INI ADALAH SEORANG PENJENAYAH. AKU ADA BERSAMA KAMU KETIKA BERADA DI BAIT SUCI. MENGAPA TIDAK MENANGKAP AKU KETIKA ITU? AKU BERITAHU MENGAPA. SUPAYA TERJADI APA YANG TERTULIS DI KITAB SUCI.


ALLAH TOLONG AKU!


INI DIA, SEPERTI BARU.


AKULAH YANG KAMU KEHENDAKI. KAMI TIDAK AKAN MELAWAN. TANGKAPLAH AKU DAN LEPASKAN MEREKA PERGI.


MUKJIZAT! DIA SEMBUHKAN TELINGAKU! DIA SEMBUHKAN TELINGAKU!




MATIUS 26:52-57; MARKUS 14:51-52; LUKAS 22:50-51


JALAN TERUS; MEREKA MAHU INI SELESAI SEBELUM ORANG RAMAI MENDENGARNYA.


MEREKA MEMBAWA YESUS KE TEMPAT PARA IMAM DAN PARA SAKSI BERKUMPUL.
MEREKA KATAKAN ENGKAU MENGAKU DIRI-MU ADALAH MESIAS, DAN MENGAKU ALLAH ADALAH BAPA-MU. ENGKAU KATAKAN DIRI-MU BUKAN DARI DUNIA INI. DARI MANAKAH ENGKAU?
AKU MENGAJAR DI SINAGOG DAN DI BAIT SUCI. AKU TIDAK MENGAJAR TERSEMBUNYI. MENGAPA BERTANYA KEPADA-KU? TANYALAH KEPADA MEREKA YANG TELAH MENDENGAR AJARAN-KU. MEREKA TAHU APA YANG TELAH AKU AJARKAN.


GLUNK


ENGKAU TIDAK BOLEH MENJAWAB IMAM BESAR SEPERTI ITU.
JIKA AKU MENGAJAR KEJAHATAN, AKU JUGA AKAN MELAKUKAN KEJAHATAN. TETAPI AKU MENGAJAR KEBAIKAN, MENGAPA ENGKAU MEMUKUL-KU?




YOHANES 18:19-23


KATA-NYA DIA AKAN MUSNAHKAN BAIT SUCI DAN AKAN MEMBINANYA SEMULA DALAM MASA TIGA HARI TANPA BEKERJA.
BUKAN, KATA-NYA JIKA ORANG LAIN MUSNAHKANNYA, DIA AKAN MEMBINANYA SEMULA.
ENGKAU TIDAK ADA DI SANA MASA ITU. YANG DIA MAKSUDKAN ADALAH DIRI-NYA KETIKA DIA BERKATA TENTANG MEMUSNAHKAN BAIT SUCI. AKU FIKIR APA YANG DIA KATAKAN ADALAH TENTANG DIRI-NYA YANG DIMUSNAHKAN.


ITU KETERLALUAN. BAGAIMANA DIA MEMBINA DIRI-NYA SELEPAS TIGA HARI?
AKU TIDAK TAHU. BAGAIMANA DIA MEMBINA SEMULA BAIT SUCI ITU DALAM MASA TIGA HARI?


TIDAKKAH ENGKAU MENDENGAR MEREKA MENUDUH-MU? TIDAKKAH ENGKAU MAHU MENJAWABNYA?


YESUS TETAP DIAM.
ORANG BODOH TIDAK AKAN MENJAWAB.


AKU PERINTAHKAN ENGKAU UNTUK MENJAWAB ADAKAH BENAR ENGKAU ADALAH KRISTUS, ANAK ALLAH YANG HIDUP?
AKU ADALAH ANAK ALLAH. DAN ENGKAU AKAN MELIHAT-KU DUDUK DI SEBELAH KANAN DENGAN KUASA DAN AKAN DATANG KEMBALI KE DUNIA INI DI DALAM AWAN-AWAN.


KITA TIDAK MEMERLUKAN SAKSI LAGI. KITA TELAH MENDENGARNYA DENGAN TELINGA SENDIRI. DIA TELAH MENGHUJAT DENGAN MENGAKU BAHAWA DIA ADALAH ANAK ALLAH. DIA SEPATUTNYA DIHUKUM MATI!
IMAM ITU MENGOYAKKAN JUBAHNYA TANDA KESEDIHAN YANG BESAR.
TUTUP MATA-NYA, DAN KITA LIHAT JENIS NABI APAKAH DIA INI.
MATIUS 26:59-65


LIHAT JIKA DIA BOLEH BERNUBUAT.
PUKUL DIA! DIA TELAH MUSNAHKAN PERNIAGAANKU DI BAIT SUCI.
BIAR DIA LAKUKAN MUKJIZAT.


PUKUL DIA LAGI!


KRAK!
LIHAT BETAPA LEMAHNYA DIA.
WHOP!
BERNUBUATLAH DAN BERITAHU KAMI SIAPAKAH YANG MEMUKUL-MU. BUKANKAH ENGKAU ADALAH NABI?
SEMBUHKAN LUKA-MU. TUNJUKKAN KAMI MUKJIZAT.


SEMENTARA ITU PETRUS DI LUAR ISTANA IMAM BESAR DARI JAUH.
AKU KENAL ENGKAU! AKU PERNAH LIHAT ENGKAU BERSAMA YESUS. BUKANKAH ENGKAU ADALAH MURID-NYA?
AKU TIDAK KENAL YESUS. AKU HANYA HENDAK TAHU APA YANG SEDANG BERLAKU.




MATIUS 26:67-70;
LUKAS 22:64-65


YA, ENGKAU PASTI SALAH SATU MURID-NYA. AKU MELIHAT ENGKAU DI BEBERAPA MAJLIS.
$?!#&!, PEREMPUAN, AKU TIDAK PERNAH MELIHAT ORANG INI SEPANJANG HIDUPKU.


COCK-A-DOODLE-DO
COCK-A-DOODLE-DO
AYAM JANTAN BERKOKOK AWAL HARI INI YA?
MEREKA MEMBAWA-NYA KELUAR. NAMPAKNYA MEREKA TELAH MEMUKULNYA.


MEREKA MENYURUH UNTUK MEMBAWA-NYA KE PIHAK BERKUASA AWAN UNTUK DIHUKUM.
ORANG GEMUK MUNAFIK ITU HENDAK ORANG LAIN MELAKUKAN KERJA KOTOR MEREKA.
SEBAT DIA.
PETRUS MENDENGAR AYAM JANTAN BERKOKOK DAN TERINGAT AKAN KATA-KATA YESUS, BAHAWA SEBELUM AYAM BERKOKOK DUA KALI, DIA SUDAH MENAFIKAN YESUS TIGA KALI. DIA MERASA MALU SEBAGAI SEORANG PENGECUT.
MATIUS 26:71-75, 27:1-2; LUKAS 22:58-62, 23:1


SEBAT DIA DENGAN PENYEBAT KUCING SEMBILAN EKOR.
ALLAH, APA YANG TELAH AKU LAKUKAN? AKU TELAH MENAFIKAN-NYA TIGA KALI. MENGAPA INI TERJADI? MENGAPA DIA HARUS MENDERITA?
CEPAT. KITA KESUNTUKAN MASA.
BAPA, BERIKAN AKU KEKUATAN.


APAKAH YANG ENGKAU MAHU DI SINI? BUKANKAH KAMI TELAH CUKUP MEMBAYAR BAGI PENGKHIANATANMU KEPADA GURUMU?
AKU BERUBAH FIKIRAN. LEPASKAN DIA DAN AKU AKAN KEMBALIKAN WANGMU.
ITU ADALAH WANG DARAH. HARAM; KAMI TIDAK AKAN SESEKALI MENYENTUHNYA. GURUMU AKAN MATI SELEPAS MALAM INI BERLALU. ENGKAU TIDAK PERLU TAKUT. KEMUNGKINAN KAMI AKAN MEMAKAI ENGKAU UNTUK MENGHASUT YANG LAIN.


AMBIL WANGMU INI KEMBALI. AKU TIDAK MAHU. AKU TIDAK BOLEH HIDUP DENGAN KESALAHAN INI.
KLING!
PING!




MATIUS 27:3-6


AKU TIDAK BOLEH HIDUP DENGAN KESALAHAN INI.


ALLAH, APA YANG TELAH TERJADI KEPADAKU?


MENGAPA AKU TIDAK BOLEH MENGUASAI NAFSUKU?


MUNGKIN KEMATIAN AKAN MEMBERIKU DAMAI...


AKU MELIHATNYA TETAPI AKU TIDAK BOLEH BERBUAT APA-APA.
CEPAT, KITA MESTI TURUNKAN DIA. MUNGKIN DIA MASIH HIDUP.


SEBELUM PUN MEREKA MEMANJAT POKOK ITU, JIWA YUDAS SUDAH DILEMPARKAN KE DALAM API YANG MENYALA-NYALA.


ENGKAU HARUS MENYAMBUTNYA KALAU TIDAK DIA AKAN JATUH KE DALAM GAUNG.

MATIUS 27:5


DIA TERSASAR JAUH!


MENYERAMKAN! TUBUHNYA HANCUR BERKECAI!
UGG! MELOYAKAN.
INI JUGA TELAH DIRAMALKAN OLEH PARA NABI.


APA YANG TELAH ENGKAU BAWA KEPADAKU, SEORANG LAGI PENYESAT? HAKIMILAH DIA DENGAN HUKUMMU.
DIA LAYAK UNTUK MATI, ATAU KAMI SEHARUSNYA TIDAK MEMBAWA-NYA KEPADAMU. ENGKAU TELAH MENGAMBIL KUASA KAMI UNTUK MEMBUNUH PENGHUJAT, JADI KAMI DATANG UNTUK MEMINTA KEBENARAN DARIMU.
APAKAH JENAYAH-NYA?


DIA MENGAKU SEBAGAI RAJA.
ADAKAH ENGKAU RAJA ORANG YAHUDI?
KERAJAAN-KU BUKANLAH DARI DUNIA INI. JIKA DARI DUNIA INI HAMPA-HAMBA-KU AKAN BERPERANG UNTUK SELAMATKAN-KU.


JADI ENGKAU ADALAH SEORANG RAJA?


AKU DATANG KE DUNIA UNTUK MEMBAWA KEBENARAN. SETIAP ORANG YANG DARI KEBENARAN ITU AKAN MENDENGARKAN APA YANG AKU KATAKAN.




ZAKARIA 11:12-13; MATIUS 27:8; MARKUS 15:14;
LUKAS 23:1-4; YOHANES 18:29-38;
KISAH PARA RASUL 1:18




PENYEBAT KUCING SEMBILAN EKOR ADALAH PENYEBAT YANG PEMEGANGNYA KAYU, PANJANG KIRA-KIRA 18 INCI, DENGAN SEMBILAN TALI KULIT KIRA-KIRA TIGA KAKI PANJANG YANG HUJUNGNYA DIIKAT DENGAN BENDA YANG TAJAM.


UAAAAA!
KUAT LAGI!
KRAK!
DI MANAKAH TEMAN-TEMAN-NYA SEKARANG?
DIA TIDAK MEMINTA BELAS KASIHAN.
INI MUNGKIN AKAN MEMBUNUH-NYA, DAN KITA AKAN SELESAIKANNYA DENGAN MUKJIZAT INI.




LUKAS 23:11; YOHANES 19:1-2


BELAKANG-NYA TERUK!
AKU SELALU BERHARAP DAPAT MENYEBAT RAJA.


KATA-NYA DIA ADALAH RAJA PAKAIKAN DIA JUBAH UNGU INI.
SEORANG RAJA PERLUKAN MAHKOTA.


HA! HA! HA! INI AKAN ADALAH MAHKOTA YANG BAGUS.
OUCH!


PEGANG TONGKAT KERAJAAN-MU INI, YANG MULIA. HA, HA, HA!
PAKAIKAN MAHKOTA ITU DENGAN BAIK DAN KETAT DI KEPALA-NYA.


KAMI MEMAHKOTAI-MU WAHAI RAJA DUNIA.
AAUUHHH!




YOHANES 19:1-3


RAJA ROMA TIDAK MEMPUNYAI JANGGUT.


SEKARANG BARULAH KELIHATAN SEPERTI SEORANG RAJA.


DIA TIDAK MENYERONOKKAN; DIA LANGSUNG TIDAK MEMINTA BELAS KASIHAN. MARI KITA KEMBALIKAN DIA KEPADA PILATUS.


LIHATLAH RAJA ITU.
KAMI TIDAK MEMPUNYAI RAJA SELAIN KAISAR.
LIHATLAH ORANG INI. APAKAH YANG ENGKAU HENDAK AKU LAKUKAN KEPADA-NYA?
SALIBKAN DIA! SALIBKAN DIA!


ENGKAU BOLEH MENYALIBKAN DIA. AKU TIDAK MENDAPATI APA-APA KESALAHAN-NYA.


APAKAH MAKSUDMU TIDAK ADA KESALAHAN? DIA MENGAKU ANAK ALLAH.




MAZMUR 22; YESAYA 50:6, 53:5, 7;
LUKAS 23:13-22; YOHANES 19:4-8


SIAPAKAH ENGKAU? MENGAPA ENGKAU TIDAK MENJAWAB AKU? TIDAKKAH ENGKAU TAHU AKU MEMPUNYAI KUASA UNTUK MEMBUNUH-MU?
ENGKAU TIDAK MEMPUNYAI KUASA JIKA BAPA-KU TIDAK MEMBERIKANNYA KEPADAMU.


AKU TIDAK MENDAPATI APA-APA KESALAHAN DARI ORANG INI. AKU AKAN LEPASKANNYA.
JIKA ENGKAU MELEPASKAN-NYA ENGKAU BUKAN LAGI SAHABAT KAISAR.
SALIBKAN DIA! SALIBKAN DIA!
AMBILLAH DIA DAN LAKUKANKAN SEPERTI YANG ENGKAU KEHENDAKI. AKU AKAN MEREKODKAN KESALAHAN-NYA. TETAPI AKU TIDAK BERSALAH KE ATAS DARAH ORANG BENAR INI.


SALIBKAN PENYAMAR ITU!
DI MANAKAH MUKJIZAT-MU SEKARANG?
MATIUS 27:24; YOHANES 19:9-17


AKU FIKIR DIA HENDAK MELAKUKANNYA.
THUD!
KRUNCH!


BERDIRI, ATAU AKU AKAN SEBAT ENGKAU.
WEI, KAU! BANTU ORANG INI MENGANGKAT SALIB-NYA.
MENGAPA AKU?


APA YANG DIA TELAH LAKUKAN?
DIA MENGASIHI SEMUA ORANG.


O, YESUS, KAMI SANGAT RISAU.
ANAK PEREMPUAN YERUSALEM, JANGAN BERSEDIH UNTUK-KU. BERSEDIHLAH UNTUK DIRIMU DAN ANAK-ANAKMU, KERANA AKAN TIBA MASANYA SEMUA YANG ADA DI YERUSALEM DALAM KETAKUTAN DAN BERDOA AGAR MATI.


YESUS MEMBAWA SALIB-NYA KE TEMPAT YANG DINAMAKAN KEMATIAN. ADA DUA ORANG PENCURI JUGA YANG MEMBAWA SALIB MEREKA PADA MASA ITU.
MASIH TERDAPAT RAMAI ORANG YANG MENGASIHI YESUS DAN MENGHORMATI-NYA, TETAPI MEREKA TAKUT UNTUK BERKATA-KATA.
MATIUS 27:32; LUKAS 23:26-33


MINUM INI. IA AKAN MENGHILANGKAN KESAKITAN.
TIDAK, AKU HARUS MELAKSANAKAN KEHENDAK BAPA-KU.
DIA MASIH BERFIKIR BAHAWA DIA ANAK ALLAH.


TARIK DIA.
BAWA PAKU DAN TUKUL.


PEGANG DIA KUAT-KUAT. DIA AKAN MERONTA KUAT SELEPAS TUKULAN PERTAMA. ENGKAU HARUS MENENANGKAN-NYA SEHINGGA PAKU INI TERPACAK DI ANTARA TULANG DAN KAYU.


TIDAK! ANAKKU!
BAM!
KRUNCH!




MAZMUR 22; YESAYA 53; MATIUS 27:33-34


PEGANG KAKI TU SEKUATNYA. INI MEMERLUKAN BEBERAPA TUKULAN SEHINGGA PAKU MENEMBUSI TULANG.


OH MARIA. AKU TIDAK PERCAYA, BERTAHAN MELIHATNYA.
AKU TIDAK PERNAH BERFIKIR AKAN TERJADI SEPERTI INI.
TARIK, BODOH!
AKU BOLEH TOLONG SEDIKIT SAHAJA, BABI MALAS.


BAPA, AMPUNILAH MEREKA KERANA MEREKA TIDAK TAHU APA YANG MERAKA LAKUKAN.
YOHANES, AKU GEMBIRA ENGKAU ADA DI SINI. IANYA SANGAT NGERI.
KITA SEMUA TELAH TINGGALKAN DIA.
ZAKARIA 13:6; LUKAS 23:32-34


INI BAJU-NYA. AKU HANYA AMBIL YANG SATU INI.
TIDAK. KITA HARUS KOYAKKAN KEPADA EMPAT BAHAGIAN.
KITA AKAN BUANG DADU MENENTUKAN SIAPA YANG DAPAT.
KITA TIDAK BOLEH KOYAKKAN YANG INI. INI DISULAM.
KITAB SUCI MENUBUATKAN BAHAWA SEBUAH JUBAH AKAN DIKOYAK EMPAT BAHAGIAN DAN SATU LAGI JUBAH BUANG UNDI.


YANG TERTINGGI AMBIL SEMUA.
AWAS LEO. DADU ITU TERKENA TITISAN DARAH ITU.


DIA MENYELAMATKAN ORANG LAIN TAPI TIDAK DAPAT SELAMATKAN DIRI-NYA SENDIRI.
HEI, YESUS, KAU KATA AKAN MUSNAHKAN BAIT SUCI DAN MEMBINANYA SEMULA DALAM TIGA HARI. SELAMATKAN DIRI-MU DAN TURUNLAH DARI SALIB ITU.
BIARLAH KRISTUS, RAJA ISRAEL, TURUN SEKARANG DARI SALIB ITU SUPAYA KAMI DAPAT MELIHAT DAN PERCAYA.
PENIPU!
DIA PERCAYA ALLAH AKAN MELEPASKAN DIA. BIARKAN ALLAH MELEPASKAN-NYA SEKARANG.
MAZMUR 22:18; MATIUS 27:39-43; YOHANES 19:23-24


MINUM INI, IA AKAN MEREDAKAN KESAKITAN-MU.
TIDAK


JIKA BENAR ENGKAU ANAK ALLAH, SELAMATKAN DIRI-MU DAN KITA AKAN MEMBUNUH BEBERAPA ORANG ROMA DI SINI.
MENGAPA KAU KATA SEPERTI ITU? TIDAKKAH ENGKAU TAKUT KEPADA ALLAH, TAHU BAHAWA ENGKAU TIDAK LAMA LAGI AKAN MATI.


KITA SELAYAKNYA DIHUKUM KERANA KESALAHAN KITA, TETAPI INI ADALAH YESUS. DIA TIDAK LAKUKAN APA-APA KESALAHAN.
YESUS INGATLAH AKU KETIKA ENGKAU KEMBALI KE DALAM KERAJAAN-MU.


HARI INI ENGKAU AKAN BERSAMA-KU DI FIRDAUS.




MAZMUR 69:21; LUKAS 23:36-43; YOHANES 19:25-27


LANGIT MENJADI GELAP SELAMA TIGA JAM SEPANJANG YESUS DISALIBKAN. ITULAH MASA KEGELAPAN. YESUS MATI BAGI DOSA DUNIA.


DENGAN BEBAN DOSA SEPENUHNYA DITANGGUNG OLEH YESUS, DIA MENANGIS DENGAN SUARA NYARING;
ALLAH-KU, ALLAH-KU, MENGAPA ENGKAU MENINGGALKAN AKU?


ALLAH MENJADIKAN-NYA BERDOSA KERANA DOSA-DOSA KITA.
MATIUS 27:45-50; LUKAS 23:44-46; YOHANES 19:30; 2 KORINTUS 5:21
BAPA, KE DALAM TANGAN-MU KUSERAHKAN ROH-KU.
O YOHANES, DIA SEDANG NAZAK. AKU TIDAK PERCAYA DIA AKAN MATI.
SUDAH SELESAI!
DAN DIA MATI.


TIBA-TIBA TERJADI GEMPA BUMI YANG KUAT.
APA YANG SEDANG TERJADI? MULA-MULA LANGIT MENJADI GELAP SEPERTI PADA WAKTU MALAM, SEKARANG BUMI BERGUNCANG.
INI DISEBABKAN OLEH YESUS, RAJA ORANG YAHUDI. DIA ADALAH PEMBUAT MUKJIZAT.
DIA TIDAK DAPAT LAKUKANNYA LAGI. DIA SUDAH MATI.


SUDAH KEMBALI CERAH. HARI YANG SANGAT MENGHAIRANKAN.
YA, DAN IANYA TERJADI SELEPAS ORANG INI MATI.


BENAR DIA INI ANAK ALLAH.


KITA DIPERINTAHKAN UNTUK MEMATAHKAN KAKI MEREKA. MEREKA MAHU MEREKA INI MATI SEBELUM MATAHARI TERBENAM. ESOK ADALAH HARI SUCI MEREKA.
TELAH DINUBUATKAN BAHAWA DIA AKAN MATI TETAPI TIDAK SATUPUN TULANG-NYA AKAN PATAH. JADI, INI SUDAH DIGENAPI.
TIDAK PERLU PATAHKAN KAKI-NYA, DIA BARU SAJA MATI. TAHUKAH ENGKAU APA YANG DIA KATAKAN SEBELUM DIA MATI? DIA MEMINTA BAPA-NYA MENGAMPUNI KITA KERANA TELAH MEMBUNUH-NYA. MEREKA BERITAHU AKU DIA INI ORANG BENAR YANG MELAKUKAN MUKJIZAT.




MAZMUR 34:20; ZAKARIA 12:10;
MATIUS 27:54; YOHANES 19:31-37


SEKURANG-KURANGNYA MEREKA TIDAK MEMATAHKAN KAKI-NYA.
MARIA, AKU AKAN MENCARI SEORANG YANG BOLEH MEMBANTU BAGI PENGEBUMIAN-NYA.


SABAT AKAN MULA WAKTU MATAHARI TERBENAM, DAN IANYA SUDAH SEMAKIN REDUP. MEREKA HARUS SEGERA MENGEBUMIKAN JENAZAH ITU.


YOHANES 19:31, 38
YUSUF, SEORANG YANG KAYA, BUKAN DARI 12 ORANG MURID, MENAWARKAN KUBURNYA UNTUK YESUS.
SABAT AKAN MULA SEKEJAP LAGI. KITA AKAN KEBUMIKAN DIA DI KUBUR BARU KEPUNYAANKU.
ENGKAU SANGAT BAIK HATI YUSUF. ENGKAU ADALAH TEMAN YANG BAIK.



BAB 12

# Kebangkitan dan Gereja Awal.


KAU TAHU, DIA MEMBERITAHU KITA BANYAK KALI HAL INI AKAN TERJADI. AKU TIDAK MENGERTI MENGAPA. SEPERTI DIA HENDAK MATI DENGAN CARA INI. DIA TAHU MASANYA DAN SEGALANYA. DIA MEMBERITAHU KITA SEKALI LAGI SEMALAM.
CEPAT. SUDAH AGAK LAMBAT.


KITA TIDAK SEMPAT MENYIAPKAN URAP UNTUK JENAZAH ITU.
KITA AKAN KEMBALI KE SINI SELEPAS SABAT BERLALU.
TETAPI ITU SUDAH TIGA HARI DARI SEKARANG.
ITU SAHAJA YANG DAPAT KITA LAKUKAN.
HATI-HATI DENGAN JALAN INI.


PARA IMAM KEMBALI KEPADA PILATUS.
TUAN, PENIPU YANG TELAH ENGKAU SALIBKAN ITU PERNAH BERKATA SELEPAS TIGA HARI DIA AKAN BANGKIT DARI KUBUR.
KEMUNGKINAN AKAN TERJADI PARA MURID-NYA AKAN MENYUSUP MASUK DAN MENCURI JENAZAH ITU. ENGKAU HARUS MENGHANTAR ASKAR UNTUK BERKAWAL DI KUBUR ITU AGAR HAL INI TIDAK BERLAKU.
AKU AKAN MENGHANTAR PARA PENGAWAL MENJAGA KUBUR ITU SEPERTI YANG ENGKAU KATAKAN.




MATIUS 27:59-66; YOHANES 19:40


JANGAN BIMBANG TENTANG JENAZAH MESIASMU MELARIKAN DIRI. KAMI TIDAK PERNAH KEHILANGAN MAYAT, PERNAHKAH?
HA, HA, HA!


TIGA HARI SELEPAS YESUS DIKEBUMIKAN.
INI PERTAMA KALI KITA MENGAWAL ORANG MATI.
TIDAK LAMA LAGI AKAN SIANG, KITA AKAN LEGA.


TIDAK LAMA LAGI AKAN SIANG. CEPAT. SUDAH TIGA HARI LAMANYA.
AKU BERHARAP KITA SUDAH LAKUKAN INI SEBELUMNYA.




MATIUS 28:1-2; LUKAS 24:1


GEGARAN YANG KUAT.
DENGAR ADA ORANG TERIAK! PASTI TERJADI SESUATU.


APA ITU...?
ARGH!


ITU ALLAH!
DIA AKAN MEMBUNUH KITA.
DIA SEDANG GULINGKAN BATU ITU.
IBU ALLAH, KASIHANILAH KAMI!


JANGAN, TINGGALKAN AKU! KASIHANILAH AKU!
TIDAK BOLEH JADI!
SELAMATKAN DIRIMU!
MATIUS 28:2-4


BATU ITU TERLALU BESAR. BAGAIMANA JIKA KITA MENDAPATI ADA ORANG MENGGULINGKANNYA?
AKU TIDAK TAHU. SUDAH TIGA HARI DAN TIGA MALAM. TANPA REMPAH RATUS INI MAYAT ITU PASTI SUDAH BUSUK.
MEREKA TIDAK TAHU ADA ASKAR MENGAWAL KUBUR ITU.


BEBERAPA MINIT KEMUDIAN.
ADA ORANG SUDAH GULINGKAN BATU ITU!


MAYAT-NYA TELAH HILANG. KUBUR INI SUDAH KOSONG!


O! SIAPAKAH ENGKAU? DI MANAKAH MAYAT YESUS?
KAIN KAFAN ITU ADA DI SANA.
JANGAN TERKEJUT... AKU TAHU ENGKAU SEDANG MENCARI YESUS YANG DISALIBKAN. DIA TIDAK ADA DI SINI. DIA TELAH BANGKIT SEPERTI YANG TELAH DIKATAKAN-NYA.
MARI LIHATLAH TEMPAT DIA TERBARING DAN PERGILAH BERITAHU MURID-MURID-NYA UNTUK MENJUMPAI-NYA DI GALILEA.


YESUS HIDUP! KAU KATAKAN DIA TELAH BANGKIT; SEPERTI LAZARUS!
LELAKI-LELAKI ITU ADALAH MALAIKAT.
CEPAT KITA HARUS PERGI BERITAHU MURID-MURID-NYA.
*YESUS HIDUP!*
MARKUS 16:3-8


YESUS HIDUP! KAMI BARU KEMBALI DARI KUBUR.
YESUS TIDAK ADA DI SANA, TETAPI ADA MALAIKAT DI SANA.
KAMI TERINGAT AKAN KATA-KATA YESUS BAHAWA DIA AKAN BANGKIT PADA HARI KETIGA.
MALAIKAT ITU KATAKAN BAHAWA YESUS AKAN BERJUMPA DENGANMU DIA GALILEA.


PETRUS, KEMANAKAH ENGKAU?
KE KUBUR.


YOHANES MENGIKUTINYA DAN BERLARI LEBIH LAJU DARINYA.
YOHANES! TUNGGU, AKU TIDAK DAPAT BERLARI LAJU SEPERTI ENGKAU.


IANYA KOSONG!




YOHANES 20:2-9


YOHANES, KAIN KAFAN ITU MASIH BERGULUNG, SEPERTI DIA BARU SAJA BANGUN DAN PERGI.
TIDAK, ITU TAK BOLEH JADI.
TAPI DI MANAKAH MALAIKAT-MALAIKAT ITU? PEREMPUAN ITU PASTI TELAH MELIHAT SESUATU.


ADAKAH KAMU NAMPAK LELAKI BERPAKAIAN PUTIH?
TIDAK ADA LELAKI, TIDAK ADA MALAIKAT. TUBUH-NYA SUDAH HILANG.


SNIFF, SNIFF.
PEREMPUAN, MENGAPA ENGKAU MENANGIS?


KERANA MEREKA TELAH MEMBAWA PERGI TUHANKU, DAN AKU TIDAK TAHU DI MANA MEREKA MELETAKKAN-NYA.


MARIA.


GURU!




YOHANES 20:7-17


MURID-MURID ITU TIDAK PERCAYA APA YANG TELAH DILAPORKAN BAHAWA YESUS TELAH BANGKIT DARI KEMATIAN.
PETRUS DAN YOHANES TIDAK MENEMUI APA-APA DI DALAM KUBUR ITU, AKU FIKIR MAYAT ITU TELAH DICURI. PEREMPUAN GILA ITU HARUS BERHENTI DARI BANYAK BERCAKAP. DIA HANYA MENAMBAHKAN KEKECEWAAN KITA.
KITA AKAN PULANG KE EMAUS. TIDAK ADA APA-APA LAGI KEPADA KITA DI SINI.


HARI INI ADALAH HARI YANG KETIGA.
YA, TETAPI MENGAPA DIA MEMBIARKAN MEREKA MEMBUNUH-NYA JIKA DIA BERNIAT BANGKIT DARI KEMATIAN.
YA, DAN JIKA DIA INGIN MENJADI RAJA, DIA TIDAK SEPATUTNYA BERSEMBUNYI, BUKANKAH?


BOLEH AKU BERJALAN BERSAMA KAMU?
WHUUU! ENGKAU MENAKUTKAN AKU. DARI DARI MANA?
BOLEH SAJA, HARI YANG BAIK UNTUK BERJALAN.


AKU DENGAR PERCAKAPAN KAMU SEMASA AKU MENGHAMPIRIMU. ENGKAU SEPERTI DALAM KESEDIHAN.
TIDAKKAH ENGKAU DENGAR APA YANG TERJADI TIGA HARI YANG LALU TENTANG YESUS DARI NAZARET?


KAMI SANGAT BERHARAP DIA ADALAH MESIAS, TETAPI DIA TELAH DISALIBKAN.
PAGI INI BEBERAPA PEREMPUAN TELAH PERGI KE KUBUR-NYA DAN MENDAPATI JENAZAH-NYA TELAH HILANG! MEREKA MENGAKU MELIHAT MALAIKAT YANG BERKATA BAHAWA DIA TELAH HIDUP.




MAZMUR 22; ZAKARIA 13:7; LUKAS 24:13-26


YESUS DARI NAZARET ADALAH, YANG MEREKA SALIBKAN ITU, MENGAKU SEBAGAI KRISTUS, SETARAF DENGAN BAPA, BUKANKAH? YESAYA BERKATA, KRISTUS ITU AKAN DIPANGGIL, "ALLAH YANG PERKARA, BAPA YANG KEKAL." BUKANKAH YESUS BERKATA JIKA ENGKAU MELIHAT-NYA, ENGKAU TELAH MELIHAT BAPA? PENGAKUAN-NYA JELAS DISAHKAN OLEH KITAB SUCI.


YESAYA JUGA BERKATA, KRISTUS AKAN DATANG KETIKA ISRAEL ATAU YEHUDA TIDAK MEMPUNYAI RAJA, DAN MASA INILAH. BAHKAN MESIAS ITU AKAN DIKANDUNG DAN DILAHIRKAN OLEH SEORANG PERAWAN SUCI. MENURUT NABI MIKHA, DIA AKAN DILAHIRKAN DI BETLEHEM YEHUDA, YANG MANA YESUS BERASAL.
BANYAK NUBUAT MEMBERITAHU KITA BAHAWA DIA BERASAL DARI KETURUNAN RAJA DAUD. KEDUA-DUA MEREKA, MARIA DAN YUSUF ADALAH KETURUNAN DAUD.


NABI ITU BERKATA BAHAWA DIA MENJADIKAN ORANG BUTA DAPAT MELIHAT DAN MEMBEBASKAN YANG DIPENJARA, DIA ADALAH GEMBALA ISRAEL, DAN DATANG KE SION SEBAGAI PENEBUS.


YESAYA MENUBUATKAN DIA AKAN DITOLAK ORANG BANGSA ISRAEL. NABI ITU JUGA MERAMALKAN PENDERITAAN-NYA. DIA AKAN DIKHIANATI OLEH RAKAN-NYA DENGAN NILAI 30 KEPING WANG PERAK; DIA TIDAK MEMPERTAHANKAN DIRI-NYA DARI ORANG-ORANG YANG MENUDUH-NYA; DIA AKAN DIPUKUL DAN DISEBAT, JANGGUT-NYA DICABUT. MEREKA AKAN MELIHAT-NYA TELANJANG DAN MELUDAH MUKA-NYA. DIA MEMBIARKAN DIRI-NYA DIPUKUL, SEHINGGA MUKA DAN TUBUH-NYA HANCUR, TIDAK KELIHATAN SEPERTI MANUSIA LAGI.


NABI ZAKARIA MEMBERITAHU KITA BAHAWA PENYELAMAT ITU AKAN DITEBUK, DAN TEMAN-TEMAN-NYA AKAN MEMUKUL-NYA SERTA MENINGGALKAN LUKA DITANGAN-NYA, DIA SEPERTI KAMBING BIRI-BIRI DITARIK KE PENYEMBELIH, DAN SEMUA INI BERAKHIR DENGAN KEMATIAN-NYA, DAN DIA AKAN DIKUBURKAN DI KUBUR ORANG YANG KAYA.


TETAPI INI TERJADI BUKANLAH KERANA DIA TIDAK ADA KAWALAN. BUKANKAH YESUS PERNAH BERKATA TIDAK ADA SEORANG PUN YANG BOLEH MENCABUT NYAWA-NYA, TETAPI DIA YANG MEMBERIKAN NYAWA-NYA? YESAYA BERKATA DIA DISIKSA UNTUK MENYENANGKAN ALLAH KERANA JIWA-NYA TELAH DIJADIKAN SEBAGAI PERSEMBAHAN KORBAN BAGI PENGAMPUNAN DOSA. KERANA MENANGGUNG DOSA SEMUA MANUSIA DIA DIPUKUL, DAN AKAN MEMBENARKAN RAMAI ORANG MELALUI KEMATIAN-NYA.
KEMATIAN BUKANLAH PENGAKHIRANNYA. YESAYA MENUBUATKAN BAHAWA DIA AKAN TERUS HIDUP SELEPAS MATI; DIA AKAN DIMULIAKAN DAN DIPUJI - AKAN DIJADIKAN SANGAT TINGGI. DIA ADALAH KESELAMATAN BAGI PENGAKHIRAN DUNIA. DIA TIDAK AKAN GAGAL. MESIAS AKAN MENJADI PERJANJIAN BARU.




MAZMUR 22:15, 41:9; YESAYA 7:14, 16, 9:6, 11:1, 4, 40:11, 42:4, 6-7, 45:23, 49:6-7, 50:6, 52:13-14, 53:1, 3, 5, 7, 9-10, 12, 59:20; YEREMIA 23:5-6; MIKHA 5:2; ZAKARIA 11:12-13, 12:10, 13:6-7; YOHANES 10:18


INI ADALAH RUMAHKU. HARI SUDAH LEWAT. MARILAH TINGGAL BERSAMA KAMI MALAM INI. AKU HENDAK MENDENGAR LEBIH LAGI NUBUAT TENTANG YESUS.


TUAN, KAMI SANGAT BERBANGGA JIKA ENGKAU BOLEH BERDOA BAGI MAKANAN YANG SUDAH TERSEDIA.


TERPUJILAH ENGKAU, TUHAN ALLAH KAMI, RAJA SEMESTA ALAM, YANG MEMBERIKAN ROTI KEPADA BUMI. DENGAN ROTI INI KAMI MENGUCAP SYUKUR.


AMBIL DAN MAKANLAH.
YESUS! ITU ADALAH ENGKAU!
GURU!


DIA HILANG!
DIA TIBA-TIBA HILANG!
RUPANYA DIA ADALAH YESUS!
PATUTLAH DIA TAHU SEMUA NUBUATAN ITU.




LUKAS 24:28-32


SEMENTARA ITU, DI YERUSALEM...
KUNCI DENGAN BAIK, PARA IMAM SANGAT MARAH KERANA JASAD YESUS TELAH HILANG. MEREKA MENUDUH KITA YANG MENCURI-NYA.
DARI SELURUH PASUKAN TENTERA?


DIA PERNAH KATAKAN AKAN BANGKIT PADA HARI YANG KETIGA.
SAYA TIDAK AKAN PERCAYA SELAGI BELUM MELIHAT DIA DAN MELETAKKAN JARIKU KE LUBANG BEKAS PAKU.


IA ADALAH ROH!
TOLONG!
IA ADALAH YESUS!
JANGAN TAKUT, TOMAS, ENGKAU KATAKAN TIDAK AKAN PERCAYA SELAGI BELUM MELIHAT AKU. SEKARANG HULURKAN TANGANMU DAN RASAKAN BEKAS PAKU YANG ADA DI TAPAK TANGAN-KU, JUGA SENTUHLAH LUKA YANG ADA DI RUSUK-KU.


ENGKAU ADALAH TUHAN DAN ALLAHKU.
TOMAS, ENGKAU BERBAHAGIA KERANA MELIHAT DAN PERCAYA, TETAPI MEREKA YANG TIDAK MELIHAT-KU DAN PERCAYA LEBIH BERBAHAGIA.




LUKAS 24:36-43;
YOHANES 20:26-31


ENGKAU HARUS BERITAHU SEMUA MURID-MURID-KU UNTUK BERTEMU DENGAN-KU DI GALILEA. AKU AKAN BERKATA-KATA KEPADAMU DI SANA NANTI.
SUDAH TERTULIS SEJAK DULU LAGI DI DALAM KITAB SUCI BAHAWA KRISTUS AKAN MENDERITA KERANA DOSA-DOSAMU DAN AKAN BANGKIT DARI KEMATIAN PADA HARI YANG KETIGA, DAN INJIL AKAN DIBERITAKAN DI DALAM NAMA-NYA DI KALANGAN BANGSA-BANGSA, YANG BERMULA DI YERUSALEM.


SEGALA KUASA DI BUMI DAN DI SYURGA SUDAH DIBERIKAN KEPADA-KU. PERGILAH DAN AJARLAH SEMUA SEMUA BANGSA-BANGSA, BAPTISLAH MEREKA DI DALAM NAMA BAPA, ANAK DAN ROH KUDUS; AJARLAH MEREKA MELAKUKAN SEMUA YANG TELAH KAU PERINTAHKAN KEPADAMU; DAN KETAHUILAH AKU MENYERTAI-MU SELALU SAMPAI PADA AKHIR ZAMAN.
SUDAH TERSEDIA TEMPATMU DI RUMAH BAPA-KU. AKU AKAN PERGI MENYEDIAKAN TEMPAT ITU BAGIMU SEKARANG. AKU AKAN DATANG KEMBALI UNTUK MENGAMBILMU BERSAMAKU, DI MANA AKU BERADA, ENGKAU JUGA AKAN BERADA DI SITU.
MATIUS 28:18-20; LUKAS 24:44-49; YOHANES 14:2-4


PERGILAH KE YERUSALEM DAN NANTIKAN ROH KUDUS TURUN KE ATASMU DAN MEMBERIKAN ENGKAU KUASA UNTUK BERKATA-KATA DI DALAM NAMA-KU.
DIA SEDANG TERANGKAT.
DIA SEDANG PERGI KE TEMPAT BAPA-NYA.


AKU AKAN SENTIASA BERSAMAMU, SEHINGGA PADA AKHIR ZAMAN.
DIA MENGHILANG. DIA TELAH KEMBALI KE SYURGA.


MENGAPA KAMU MASIH MELIHAT KE LANGIT?
APA? SIAPA ITU?
ITU MALAIKAT YANG SAMA AKU LIHAT DI KUBUR.



LUKAS 24:49-51; KISAH PARA RASUL 1:7-11


MURID-MURID YESUS KEMBALI KE YERUSALEM SEPERTI YANG DIPERINTAHKAN-NYA. DI SANA MEREKA TERUS BERDOA SELAMA 10 HARI, MENANTIKAN JANJI KUASA YANG DARI ATAS. MEREKA TAKUT BERCAKAP TENTANG KEBANGKITAN YESUS DI KHALAYAK UMUM, KERANA MEREKA JUGA AKAN DIHUKUM MATI.


TEMPAT MEREKA BERDOA ITU MENGALAMI GEGARAN, DAN ANGIN KENCANG BERTIUP DI DALAM RUANGAN ITU. LALU TURUNLAH LIDAH API DI ATAS SETIAP KEPALA MEREKA.


MEREKA DIPENUHI ROH KUDUS DAN MULAI BERCAKAP PELBAGAI BAHASA LAIN YANG MEREKA TIDAK KETAHUI.


KETIKA ROH KUDUS TURUN KE ATAS MEREKA, KETAKUTAN KEPADA MANUSIA ITU HILANG DAN MEREKA MULAI KELUAR DI KHALAYAK UMUM MEMUJI-MUJI ALLAH.
TERPUJILAH ALLAH DAN BAPA KITA TUHAN YESUS KRISTUS.
MEREKA SEMUA MABUK, TETAPI MEREKA BERKATA-KATA DALAM BAHASAKU DENGAN BAIK DAN JELAS.


KISAH PARA RASUL 1:12-14, 2:1-13, 32, 36
MEREKA JUGA BERCAKAP DALAM BAHASAKU. BAGAIMANA ORANG-ORANG INI MEMPELAJARI SEMUA BAHASA INI DENGAN BAIK? MEREKA BUKANLAH ORANG-ORANG YANG TERPELAJAR.
ENGKAU, ORANG-ORANG ISRAEL, ENGKAU TELAH MELIHAT MUKJIZAT-MUKJIZAT YANG TELAH DILAKUKAN YESUS. INILAH BUKTI BAHAWA ALLAH MENYERTAI-NYA, DAN WALAUPUN ENGKAU TELAH MENYALIBKAN DIA, ALLAH MEMBANGKITKAN DIA DARI KEMATIAN.


1,000 TAHUN YANG LALU, DAUD TELAH BERNUBUAT TENTANG-NYA DENGAN BERKATA, “TUHAN TIDAK MEMBIARKAN JIWAKU DI NERAKA, ENGKAU TIDAK MEMBIARKAN YANG KUDUS MELIHAT KEBINASAAN.”
SEBAB ITU BIARLAH SEMUA ORANG ISRAEL TAHU DENGAN PASTI, BAHAWA ALLAHLAH YANG MENGUTUS YESUS YANG KITA SUDAH SALIBKAN, TUHAN DAN PENYELAMAT.


APA YANG HARUS KAMI LAKUKAN KERANA KAMILAH YANG TELAH SALIBKAN YESUS?
UBAH FIKIRANMU, DIA AKAN MENGAMPUNI DOSA-DOSAMU DAN ENGKAU AKAN MENERIMA KURNIA-KURNIA ROH KUDUS.


YESUS ADALAH TUHAN.
AKU PERCAYA YESUS. BAPTISLAH AKU!
ORANG YANG MENERIMA FIRMAN-NYA DIBAPTIS; DAN PADA HARI ITU JUMLAH MEREKA BERTAMBAH KIRA-KIRA 3,000 ORANG.


BEBERAPA BULAN KEMUDIAN...
SEPERTI BARU KELMARIN YESUS BERSAMA KITA.
YA, TAPI KAU TAHU AKU DAPAT MERASAKAN KEHADIRAN-NYA LEBIH KUAT DARI SEMASA DIA BERSAMA KITA.
SEKARANG ADA BERIBU-RIBU ORANG YANG MENGIKUT YESUS, SETIAP JAM BERTAMBAH.
MAZMUR 2, 16:10;
KISAH PARA RASUL 2:27, 37-41


TOLONG TUAN, BERILAH SEDIKIT WANG KEPADA ORANG MISKIN DAN TEMPANG.
PETRUS, AKU TIDAK MEMPUNYAI WANG. ADAKAH SEDIKIT WANG-MU?
TIADA, TETAPI SEJAK ROH KUDUS TINGGAL DI DALAM KITA, KITA BERIKAN SESUATU KEPADANYA.


AKU TIDAK MEMPUNYAI EMAS ATAU PERAK, TETAPI AKU AKAN BERIKAN KEPADAMU APA YANG AKU MILIKI.
JANGAN KEJAM. ORANG INI TEMPANG SEJAK DILAHIRKAN. KAKINYA LANGSUNG TIDAK BOLEH BERGERAK.


YESUS KRISTUS TELAH MENCIPTAKAN ENGKAU SEMPURNA.


GASP!
TUHAN ALLAH MAHAKUASA!
KAKINYA TUMBUH DAN BERGERAK.


AKU TIDAK PERCAYA. ORANG TEMPANG ITU BERJALAN!
TIDAK, DIA MELOMPAT-LOMPAT.
TERPUJILAH ALLAH! TERIMA KASIH YESUS!
KISAH PARA RASUL 3:1-11


ITULAH LELAKI YANG TEMPANG ITU. KAKINYA MENGECUT SEHINGGA MENJADI SANGAT KECIL.
KATA MEREKA DIA SEMBUH DI DALAM NAMA YESUS, YANG TELAH DISALIBKAN.
MENGAPA ENGKAU MELIHAT KAMI YANG TELAH MELAKUKAN MUKJIZAT INI? ALLAH ABRAHAM, ISYAK DAN YAKUB TELAH MEMULIAKAN ANAK-NYA YESUS, YANG TELAH KAMU SALIBKAN.
ENGKAU TELAH MEMBUNUH PUTERA KEHIDUPAN, TETAPI ALLAH MEMBANGKITKAN DIA DARI KEMATIAN, DAN KAMI TELAH MELIHAT DIA HIDUP. KERANA IMAN DI DALAM NAMA YESUS, LELAKI INI TELAH DISEMBUHKAN.


AKU TAHU MELALUI KEJAHILAN ENGKAU TELAH MENYALIBKAN YESUS, TETAPI PARA NABI SUDAH MEMPERINGATKAN KITA BAHAWA PERKARA INI AKAN TERJADI.
SEMUA KAMU MENGENALI AKU, HANYA ALLAH YANG BOLEH MEMBERIKAN KAKIKU KEMBALI.


UBAH MINDAMU TENTANG YESUS DAN JADILAH MURID-MURID-NYA, MAKA DOSA-DOSAMU AKAN DIHAPUSKAN.

PEMIMPIN AGAMA YANG SAMA, YANG TELAH MENYALIBKAN KRISTUS, MENGHANTAR ASKAR UNTUK MENANGKAP PETRUS DAN YOHANES.




KISAH PARA RASUL 3:12, 14-19, 4:1-3


ITU ADALAH MUKJIZAT SEPERTI YANG YESUS LAKUKAN KETIKA DIA MASIH DI SINI.
SEKARANG MEREKA MENANGKAP ORANG TEMPANG YANG BOLEH BERJALAN.
JIRANKU MENGAKU DIA TELAH MELIHAT YESUS HIDUP SELEPAS KEMATIAN-NYA. KATA MEREKA DIA MUNCUL DI HADAPAN 500 ORANG.
AKU AKAN MENCARI MURID-MURID ITU DAN INGIN TAHU LEBIH LAGI.


AKU FIKIR KITA AKAN BEBAS DARI AJARAN SESAT INI SELEPAS KITA HAPUSKAN KETUANYA.
MAKA KITA AKAN BUNUH DIA SEKALI LAGI DAN SEMUA PENGIKUT-NYA.
BAIKLAH, DUA ORANG ITU JUGA AKAN MENGIKUTI-NYA.
MEREKA MENGAKU DIA TIDAK MATI.
MEREKA KATA DIA SUDAH BERADA BERSAMA BAPA DI SYURGA.
KISAH PARA RASUL 4:3-6


KITA TAHU BAHAWA ORANG INI TEMPANG SEJAK DILAHIRKAN. BAGAIMANA ENGKAU DAPAT MENYEMBUHKANNYA? DENGAN NAMA APA ENGKAU MELAKUKAN INI?
DI DALAM NAMA YESUS KRISTUS DARI NAZARET ITU, YANG TELAH KAMU SALIBKAN, YANG TELAH ALLAH BANGKITKAN, ORANG INI DISEMBUHKAN. INGATLAH KITAB SUCI BERKATA, "BATU YANG DIBUANG OLEH PARA PEMBUAT BANGUNAN TELAH MENJADI BATU PENJURU."


TIDAK ADA KESELAMATAN DI DALAM SIAPAPUN; KERANA TIDAK ADA NAMA LAIN DI DUNIA INI YANG MEMPUNYAI KUASA UNTUK MENYELAMATKAN MANUSIA.


ORANG-ORANG INI JAHIL. MEREKA TIDAK PERNAH MENDAPATKAN PENDIDIKAN, SEMBARANGAN MENGGUNAKAN PERKATAAN DARI PARA NABI.
AKU MENGENALI MEREKA. MEREKA BERSAMA YESUS SEBELUM INI.
TIDAK ADA GUNANYA MENAFIKAN MUKJIZAT. SETIAP ORANG TAHU DIA SUDAH SEMBUH, DAN MEREKA TAHU BAHAWA MURID-MURID YESUS YANG LAKUKAN DI DALAM NAMA-NYA. KITA MEMPUNYAI MASALAH DI SINI.


MAZMUR 118:22; KISAH PARA RASUL 4:7-21
KELUARKAN MEREKA DARI SINI.
JIKA ENGKAU TERUS MENERUS BERSAKSI DAN MENYEMBUHKAN DI DALAM NAMA YESUS YANG TELAH MATI ITU, HIDUPMU AKAN BERAKHIR SEPERTI-NYA. FAHAM TAK? SEKARANG PERGI DARI PANDANGANKU DAN JANGAN SAMPAI AKU SEKALI LAGI MENDENGAR PERKARA MENGARUT TENTANG KEBANGKITAN.
HAKIMILAH JIKA IANYA BENAR DI MATA ALLAH UNTUK MENTAATIMU LEBIH DARI ALLAH, TETAPI KAMU HARUS BERSAKSI TENTANG APA YANG TELAH KAMI LIHAT DAN DENGAR.


INJIL ITU TERSEBAR KE SELURUH ISRAEL. RAMAI MENJADI PERCAYA DI DALAM YESUS DAN DIBAPTIS DENGAN AIR.
ADAKAH ENGKAU SUDAH MENDENGAR BERITA BAIK TENTANG YESUS?
GEREJA MENJADI BERIBU-RIBU KELUARGA YANG DIPENUHI DENGAN DAMAI DAN KASIH.
YESUS TELAH BANGKIT DARI KEMATIAN. DIA ADA BERSAMA-SAMA DENGAN KITA SEKARANG.


DI GEREJA WANITA DIHORMATI DAN DIHARGAI.
SEJAK KELUARGAKU PERCAYA KEPADA YESUS, ADA DAMAI SEJAHTERA DI DALAM RUMAHKU UNTUK PERTAMA KALINYA.


ORANG-ORANG KRISTIAN MENYANYI SEMASA BEKERJA.
ORANG-ORANG KRISTIAN BERTAMBAH BERIBU-RIBU ORANG DAN MEREKA BERKONGSI KEPUNYAAN BERSAMA. MEREKA SETIAP HARI BERSAKSI TENTANG YESUS RUMAH KE RUMAH JUGA DI JALAN-JALAN KEPADA SIAPAPUN YANG MEREKA TEMUI.
KISAH PARA RASUL 13:30-32


WAHAI ORANG-ORANG ISRAEL, ENGKAU TAHU ALLAH MEMBERITAHU NENEK MOYANG KITA BAHAWA KETURUNAN MEREKA AKAN DIBAWA KE TANAH BANGSA ASING DAN TINGGAL DI SANA SEBAGAI HAMBA ABDI SELAMA 400 TAHUN, SELEPA ITU ALLAH AKAN MENGHAKIMI BANGSA ITU DAN MEMBEBASKAN UMAT-NYA PERGI KE TANAH YANG DIBERIKAN-NYA KEPADA ABRAHAM.


STEPFANUS JANGAN MEMPERBODOHKAN DIRIMU.
TETAPI SALOMO TELAH MEMBINA RUMAH ALLAH. TETAPI ALLAH YANG MAHA TINGGI TIDAK TINGGAL DI TEMPAT YANG DIBINA OLEH TANGAN MANUSIA; SEPERTI NABI KATAKAN: "LANGIT ADALAH TAKTHA-KU, DAN BUMI ADALAH TEMPAT KAKI-KU: APAKAH RUMAH YANG AKAN KAU BINA UNTUK-KU?" KATA TUHAN: APAKAH TEMPAT PERHENTIAN-KU? BUKANKAH SEMUA INI DICIPTA OLEH TANGAN-KU?
ENGKAU BERCAKAP MELAWAN BAIT SUCI KITA.

YESAYA 66:1;
KISAH PARA RASUL 7:1-57




STEFANUS, ADAKAH ENGKAU ORANG YAHUDI?
ENGKAU MENOLAK DAN MENIADAKAN HUKUM SERTA TRADISI KITA DENGAN MENGGANTIKANNYA APA? ORANG MATI YANG TIDAK DILIHAT ORANG SELEPAS DIA DISALIBKAN OLEH ORANG ROMA ITU?
LIHATLAH, AKU MELIHAT LANGIT TERBUKA, ANAK MANUSIA BERDIRI DI SEBELAH KANAN ALLAH. O, SUNGGUH MULIA.


TUTUP TELINGA KAMU. JANGAN DENGARKAN KATA-KATA PENGHUJAT INI!
DIA SELAYAKNYA MATI!
BAWA DIA KELUAR BANDAR DAN REJAM SAMPAI MATI.


PENGHUJAT!
DIA CUBA MEMUSNAHKAN AGAMA KITA.
KAMI SALIBKAN YESUS, ENGKAU KAMI REJAM DENGAN BATU.
YESUS MASIH ADALAH TUHAN SELEPAS ENGKAU MEREJAM AKU.


DIA MENGHUJAT AGAMA KITA. DIA HARUS MATI. SAULUS, ADAKAH KITA PERLUKAN SOKONGAN DARI PIHAK BERKUASA?
AKU BERTANGGUNGJAWAB ATAS PEMBUNUHAN INI. DIA ADALAH SEORANG DARIPADA PENGIKUT YESUS DARI NAZARET YANG MATI ITU. PENGHUJATAN INI HARUS DIHENTIKAN. REJAM DIA.


SAULUS, JAGA PAKAIANKU.
TUHAN YESUS, TERIMALAH ROHKU, DAN JANGAN TANGGUNGKAN DOSA INI KEPADA MEREKA.
KISAH PARA RASUL 7:58-59


KLUNK!


DAN PADA MASA ITU TERJADI PENGANIAYAAN BESAR-BESARAN DI YERUSALEM, SEMUA ORANG MENINGGALKAN BANDAR ITU KECUALI PARA RASUL.
INI BARU HANYA PERMULAAN.
SELESAIKAN PENGIKUT YESUS INI.
BUNUH PENGHUJAT ITU!



SAULUS ORANG FARISI ITU MELAWAN GEREJA, MASUK KE SETIAP RUMAH DAN MENANGKAP LELAKI DAN PEREMPUAN.
ADA LAGIKAH PENGIKUT KRISTUS DI SANA?
TANGKAP PEREMPUAN ITU JUGA.
JANGAN SAKITI PAPAKU!
KISAH PARA RASUL 7:59-8:3


SEORANG KRISTIAN BERNAMA FILIPUS SEDANG BERDOA, MALAIKAT BERBICARA KEPADANYA.
FILIPUS, BANGUN DAN TURUNLAH KE SEBELAH SELATAN JALAN DARI YERUSALEM MENUJU KE GAZA.


AKU TIDAK TAHU MENGAPA DIA HENDAK AKU TURUN KE JALAN ITU, TETAPI JIKA ALLAH MENYURUH PERGI MAKA AKU HARUS PERGI.


INILAH TEMPAT ITU, SEKARANG APA YA TUHAN?


TUHAN APAKAH YANG ENGKAU MAHU?


ADA KARAVAN! TUHAN, INIKAH SEBABNYA ENGKAU MEMBAWA AKU TURUN KE SINI? ADAKAH SESEORANG DI SANA YANG TELAH ENGKAU PILIH?
PERGI DAN SERTAI KARAVAN ITU.
KISAH PARA RASUL 8:26-29


TERDAPAT SEORANG LELAKI YANG MEMPUNYAI KEDUDUKAN YANG TINGGI, YANG BERKHIDMAT BAGI PERMAISURI UTOPIA. DIA DATANG KE YERUSALEM UNTUK BERIBADAH SESUAI DENGAN KETETAPAN YAHUDI, DAN SEKARANG SEDANG DALAM PERJALANAN PULANG KE UTOPIA. DIA SEDANG MEMBACA KITAB SUCI.
"DIA DIBAWA SEPERTI DOMBA KE PEMBANTAIAN, SEPERTI INDUK DOMBA YANG DICUKUR BULUNYA, DIA TIDAK MEMBUKA MULUTNYA, HIDUPNYA DIAMBIL DARI BUMI..."


AKU DENGAR ENGKAU MEMBACA DARI KITAB NABI YESAYA. ADAKAH ENGKAU MEMAHAMINYA?
ENGKAU TAHU APA YANG AKU SEDANG BACA TETAPI AKU TIDAK MEMAHAMINYA KECUALI SESEORANG MENJELASKANNYA KEPADAKU. MARI IKUT AKU.


ENGKAU DATANG DARI YERUSALEM.
YA, AKU DI SANA UNTUK BERIBADAH. AGAMA DI NEGARAKU TIDAK MEMBERIKAN DAMAI. ALLAH SEPERTI SANGAT JAUH.


AKU MEMBACA TENTANG MESIAS YANG DIJANJIKAN ITU. SEKARANG SEMASA AKU PERGI KE YERUSALEM ADA BERIBU ORANG MENGAKU MESIAS TELAH DATANG, TETAPI DIA TELAH DISALIBKAN DAN BANGKIT DARI KEMATIAN.
AKU SEDANG MENCARI NABI-NABI SAMA ADA ITU ADALAH YANG TELAH DINUBUATKAN. ADAKAH ENGKAU TAHU NABI YESAYA BERKATA TENTANG DIRINYA ATAU ORANG LAIN?
YESAYA 53; KISAH PARA RASUL 8:27, 30-34


SEPERTI YANG ENGKAU TAHU KITAB YESAYA INI DITULIS AWAL 800 TAHUN DAHULU. KESELURUHAN BAB 53 INI ADALAH SALAH SATU DARIPADA BANYAK NUBUAT TENTANG MESIAS. TERTULIS DIA AKAN "DIHINA DAN DITOLAK."
ENGKAU BARU SAHAJA DATANG DARI YERUSALEM, ENGKAU TAHU BAHAWA WALAUPUN YESUS MELAKUKAN BANYAK MUKJIZAT, DIA DITOLAK OLEH PEMIMPIN KAMI.


AYAT 7 ADALAH NUBUAT KETIKA YESUS BERDIRI DI HADAPAN PARA HAKIM, DIA TIDAK MEMPERTAHANKAN DIRI-NYA.
YESAYA BERNUBUAT BAHAWA YESUS AKAN MENDERITA KESAKITAN UNTUK MEMBAYAR DOSA-DOSA KITA. DI DALAM AYAT 5 BERKATA, HUKUMAN YANG SEPATUTNYA KITA TANGGUNG, DITANGGUNG OLEH-NYA.
DOSA


AYAT 8 BERKATA DIA DIAMBIL DARI PENJARA DAN AKAN DIBUNUH UNTUK MEMBAYAR PELANGGARAN UMAT-NYA.
AKU SUKA AYAT 6 YANG BERKATA, "SEMUA KITA SEPERTI DOMBA YANG SESAT, MASING-MASING MENGIKUT JALAN SENDIRI; DAN TUHAN MENJATUHKAN HUKUMAN KEPADANYA, HUKUMAN YANG SEHARUSNYA DIJATUHKAN KEPADA KITA SEMUA." ITU MEMBERITAHU KITA BAHAWA SETIAP MANUSIA SUDAH KEHILANGAN KEHENDAK ALLAH DAN MENGIKUT JALAN MEREKA SENDIRI YANG BERDOSA, TETAPI TUHAN MELETAKKAN DOSA KITA ITU PADA YESUS AGAR KETIKA DIA MATI, DIA MEMBAYAR KETIDAKTAATAN KITA.
INRI


AYAT 9 BERKATA YESUS AKAN DIKUBURKAN BERSAMA ORANG KAYA DAN ORANG JAHAT.
DAN AYAT 9 MEMBERITAHU KITA BAHAWA YESUS TIDAK BERDOSA SEPERTI MANUSIA DAN ITU ADALAH KEHENDAK ALLAH BAHAWA YESUS AKAN DIPUKUL DAN MENDERITA KESEDIHAN, KERANA YESUS MEMBERIKAN JIWA-NYA BAGI MEMBAYAR DOSA.


AYAT 10 BERKATA TENTANG KEBANGKITAN-NYA DAN PELAYANAN YANG DILAKUKAN-NYA SELEPAS ITU.
DAN BANYAK LAGI NUBUAT YANG MEMBERITAHU KITA BAHAWA SELEPAS KEBANGKITAN-NYA, YESUS AKAN DUDUK DI TAKHTA-NYA, DAN SELEPAS KITA MATI, KITA SEMUA AKAN BERDIRI DIHADAPAN-NYA DAN DIBERIKAN PERTANGGUNGJAWABAN HIDUP YANG KITA HIDUPI.
YESAYA 53:3-10; KISAH PARA RASUL 8:35; ROMA 2:16; 2 KORINTUS 5:21


AKU ADA MENDENGAR AHLI KITAB DAN IMAM-IMAM BERKATA-KATA TENTANG NUBUATAN MESIANIK BANYAK KALI. MENGAPA RAMAI MEREKA MENOLAK YESUS?
BEBERAPA AHLI KITAB DAN IMAM MENERIMA YESUS, DAN BEBERAPA YANG LAIN TERSINGGUNG APABILA DIA MENUNJUKKAN BAHAWA MEREKA HIPOKRIT. MEREKA MAHUKAN MESIAS YANG MEMBUNUH ORANG ROMA, BUKAN SEORANG YANG MENDEDAHKAN DOSA-DOSA MEREKA. MEREKA MAHU MEMERINTAH SEBUAH KERAJAAN, TETAPI TIDAK MAHU ALLAH MEMERINTAH HATI MEREKA.


ADA LAGIKAH NUBUAT YANG YESUS TELAH GENAPI?
MAZMUR 22 ADALAH NUBUAT TENTANG KEMATIAN-NYA MELALUI PENYALIBAN.
TAPI BUKANKAH MAZMUR TELAH DITULIS 1,000 TAHUN YANG LALU, SEBELUM PENYALIBAN DIGUNAKAN SEBAGAI HUKUMAN UTAMA?




DALAM MAZMUR 22 MEMBERITAHU KITA BAHAWA TANGAN DAN KAKI-NYA TEBUK - IANYA TELAH DIPAKU. AYAT 14 MAZMUR 22 BAGAIMANA DIA HAUS DAN SEMUA SENDI-SENDI-NYA TERCABUT KETIKA DIA MATI, DAN KEMUDIAN MAZMUR 34:20 MEMBERITAHU KITA TIDAK ADA TULANG YANG PATAH KETIKA DIA DISALIBKAN. DAN BAHAWA ENGKAU TAHU, LAZIMNYA ORANG YANG DISALIBKAN HARUS DIPATAHKAN TULANG KAKINYA, TETAPI YESUS TELAH MATI SEBELUM MEREKA HENDAK MEMATAHKAN KAKINYA. AYAT 17 MAZMUR 22 TELAH MERAMALKAN MEREKA AKAN MELIHAT DIA TELANJANG DAN AYAT 18 MEMBERITAHU KITA BAGAIMANA MEREKA MEMBUANG UNDI JUBAH-NYA DAN SATU LAGI MEREKA KOYAKKAN KEPADA HELAIAN KECIL DAN BAHAGI-BAHAGIAKAN DIANTARA MEREKA.

JUGA, ZAKARIA 12:10, MEMBERITAHU KITA BAHAWA TANGAN-NYA AKAN DITEBUK, DAN KEMUDIAN, ORANG YAHUDI MELIHAT BEKAS TEBUKAN ITU DITANGAN-NYA.

YESAYA 50:6 BERKATA BELAKANG-NYA AKAN DIPUKUL DAN PIPI-NYA JUGA DITUMBUK.

MAZMUR 16:10 MEMBERITAHU KITA WALAUPUN DIA DIKUBURKAN, TUBUH-NYA TIDAK AKAN BERADA DI DALAM KUBUR ITU SEHINGGA MEMBUSUK. NUBUAT MEMBERITAHU KITA BAHAWA RAKAN-NYA AKAN MENGKHIANATI-NYA, DAN PENGKHIANAT ITU AKAN MENGGANTUNGKAN DIRINYA, DAN AKHIRNYA TUBUHNYA JATUH DAN HANCUR BERKECAI DI TANAH LAPANG, YANG AKHIRNYA MENJADI TEMPAT KUBUR ORANG ASING.

SEMUA INI DAN BANYAK LAGI TELAH DIGENAPI SEPERTI YANG PARA NABI TELAH TULISKAN. TIDAK DINAFIKAN LAGI BAHAWA YESUS KRISTUS DARI NAZARET ADALAH MESIAS, PENYELAMAT DUNIA.

MAZMUR 22:6, 17-18, 16:10, 34:20;
YESAYA 50:6; ZAKARIA 12:10


AKU PERCAYA YESUS ADALAH MESIAS. DIA ADALAH DOMBA YANG DIJANJIKAN UNTUK MENGHAPUS SEMUA DOSA KITA. KITA TIDAK PERLU LAGI MEMPERSEMBAHKAN KORBAN. YESUS ADALAH PINTU KEPADA ALLAH. AKU AKAN MENJADI MURID-NYA.


ADA AIR DI SINI! APAKAH YANG MENGHALANG AKU UNTUK DIBAPTIS?
AKU AKAN MEMBAPTIS ENGKAU JIKA ENGKAU PERCAYA DENGAN SEGENAP HATIMU.
O! AKU PERCAYA DENGAN SEGENAP HATI.


AKU MEMBAPTIS ENGKAU DI DALAM NAMA TUHAN DAN PENYELAMAT KITA, YESUS KRISTUS.


TERPUJILAH ALLAH!




KISAH PARA RASUL
8:36-39



# BAB 13

# KE SELURUH DUNIA


KERANA TAKUT AKAN KESELAMATAN DIRI MEREKA, ORANG KRISTIAN BERJUMPA SECARA RAHSIA UNTUK MENDENGAR FIRMAN TUHAN DAN MENYANYIKAN LAGU-LAGU PUJIAN.
SABAHAT YANG DIKASIHI, TUHAN KITA MENDERITA SUPAYA DOSA-DOSA KITA DIHAPUSKAN. KITA JUGA HARUS MENDERITA BAGI DIA. JANGAN MERASA KAGUM DENGAN PENDERITAAN YANG KITA ALAMI SEKARANG INI.
YESUS BERKATA, "SESIAPA YANG MENJADI MURID-MURID-KU HARUS MEMIKUL SALIBNYA DAN MENGIKUT AKU." INI BERMAKSUD KITA HARUS MEMIKUL SALIB KITA KE BUKIT PENGORBANAN JIKA KITA DIPANGGIL MELAKUKANNYA. SEKARANG MAZMUR 22 MEMBERITAHU KITA...


ALLAH TOLONG KAMI. ITU SAULUS, PEMBUNUH ITU.
TETAP DI MANA ENGKAU BERADA! AGAMA ASING INI TIDAK DIBENARKAN. ENGKAU TELAH MENGHUJAT NENEK MOYANG DAN BANGSA KITA. BODOH! ENGKAU HARUS MENARIK BALIK ATAU MATI.
TANGKAP KETUA MEREKA. KITA AKAN MENJADIKANNYA CONTOH.


KITA SUDAH MEMPUNYAI MESIAS SELAMA INI. MENGAPA ENGKAU MENYEMBAH TUKANG KAYU YANG SUDAH MATI?
TUHAN KITA YESUS KRISTUS HIDUP DAN DIA ADALAH PENCIPTA ALAM SEMESTA.
ENGKAU AKAN MENGUBAH PERCAKAPANMU KETIKA KAMI MEMASUKKAN ISTERIMU KE DALAM PENJARA SEHINGGA MEREPUT.




MATIUS 16:24; MARKUS 8:34;
KISAH PARA RASUL 9:1-2


INI DIA SEORANG LAGI PENCINTA YESUS.
KITA TAHU INI AKAN TERJADI APABILA KITA MENJADI ORANG KRISTIAN.



KERANA SAULUS ORANG FARISI ITU. DIA KEJAM DAN MEMBENCI KITA.
YA, KITA HARUS BERDOA UNTUKNYA. BERDOA AGAR ALLAH MELEMBUTKAN HATINYA DAN MEMBUAT DIA MELIHAT KEBENARAN.
DIA PENUH DENGAN KEBENCIAN.
INGAT, BEBERAPA DIANTARA KITA RAGU-RAGU PADA MULANYA.


BAGUS SAUL, ENGKAU TELAH MEMBERSIHKAN YERUSALEM DARI MAZHAB PENGIKUT YESUS.
TIDAK, SEMAKIN KITA MEMBUNUH DAN MEMENJARAKAN MEREKA, MEREKA SEMAKIN BERTAMBAH. MEREKA TELAH TERSEBAR KE BANDAR LAIN. SINAGOG DI DAMASKUS DIPENUHI OLEH MEREKA.


AKU AKAN MEMBERIKAN ENGKAU WARAN UNTUK MENANGKAP MEREKA DAN ENGKAU BOLEH PERGI KE DAMASKUS.
AKU AKAN PERGI SEKARANG.
SAUL BERFIKIR ADALAH TUGASNYA UNTUK MELINDUNGI AGAMA DAN BANGSANYA DARI KEPERCAYAAN YANG LAIN. TETAPI IA MENGGANGGU DIRINYA KERANA ORANG KRISTIAN MEMILIKI DAMAI SEJAHTERA DAN KEYAKINAN YANG BELUM PERNAH DIA TEMUI.


TIBA-TIBA CAHAYA YANG SANGAT TERANG LEBIH TERANG DARI MATAHARI MUNCUL DI HADAPANNYA.
SAULUS, SAULUS, MENGAPA ENGKAU MENGANIAYA AKU?
KUDA YANG DINAIKI SAULUS TERPERANJAT LALU MENGHUMBANNYA KE JALAN DAN LARI.


SIAPAKAH ENGKAU TUHAN, YANG AKU ANIAYA?
AKU YESUS, YANG ENGKAU ANIAYA KETIKA ENGKAU MENGHUKUM PENGIKUT-PENGIKUT-KU.
TUHAN, APA YANG ENGKAU MAHU AKU LAKUKAN?
BANGUN DAN PERGILAH KE BANDAR. AKU AKAN BERITAHU ENGKAU APA YANG HARUS DILAKUKAN.
KISAH PARA RASUL 9:1-6


ADAKAH ENGKAU MENDENGAR SUARA ITU?
YA, TETAPI AKU TIDAK MEMAHAMINYA.
AKU JUGA. KEDENGARAN SEPERTI GURUH.
AKU TIDAK DAPAT MELIHAT! TOLONG AKU. PIMPIN AKU KE BANDAR.
ITU ADALAH SUARA ALLAH.


NAMAKU ANANIAS. YESUS BERCAKAP KEPADAKU UNTUK DATANG KEPADAMU DAN MENYEMBUHKAN PENGLIHATANMU.
AKU SUDAH BUTA.


DI DALAM NAMA YESUS KRISTUS, MELIHATLAH!


AKU DAPAT MELIHAT! DAN ENGKAU KATAKAN YESUS YANG LAKUKANNYA? BERITAHU AKU LEBIH LAGI TENTANG YESUS.


JADI ANANIAS MEMBUKA KITAB SUCI DAN MENUNJUKKAN SAULUS NUBUAT TENTANG YESUS.
YA, AKU MEMANG BODOH. SEMUANYA ADA DI DALAM KITAB SUCI. AKU DIBUTAKAN OLEH API KEAGAMAAN. AKU MAHU DIBAPRIS DAN MENJADI PENGIKUT YESUS.
ALLAH MENUKAR NAMA SAULUS KE PAULUS.
KISAH PARA RASUL 9:7-19


SAULUS, SEKARANG PAULUS, ADALAH ORANG YANG BARU DENGAN SEBUAH MESEJ YANG BARU. DIA TIDAK LAGI INGIN MEMBUNUH ORANG KRISTIAN. DIA HENDEK MEMUJUK ORANG LAIN PERCAYA KEPADA YESUS.
AKU MEMAHAMI KERAGUANMU. AKU JUGA TIDAK PERCAYA, TETAPI AKU BERITAHU ENGKAU, YESUS DARI NAZARET ITU TELAH MENGGENAPI SEMUA NUBUAT KUNO BERKENAAN MESIAS KITA.
TETAPI BUKTI TERBESAR ADALAH ALLAH MEMBANGKITKAN-NYA DARI KEMATIAN.


ORANG BODOH JENIS APAKAH ENGKAU INI? BAGAIMANAKAH MESIAS BOLEH BIARKAN DIRI-NYA DIBUNUH
DIA ADALAH ANAK DOMBA ALLAH YANG MENGHAPUS DOSA KITA.


ALLAH JUGA MENYELAMATKAN ORANG BUKAN YAHUDI. ADA SEORANG ASKAR ROMA YANG MENCARI ALLAH DENGAN BERDOA.
ILLAH, AKU TAHU ENGKAU ADALAH SATU, PENCIPTA SEMUA MANUSIA, AGAMA BANGSAKU TERCEMAR DAN TIDAK MEMBERIKAN DAMAI SEJAHTERA. NYATAKAN JALAN-MU DAN AKU AKAN BERJALAN MELALUINYA.


SIAPA? APA? SIAPAKAH ENGKAU? DARI MANAKAH ENGKAU DATANG?
DOAMU TELAH DIDENGAR. AKU DIHANTAR OLEH ALLAH. HANTARLAH ORANG KE YOPA, RUMAH SEORANG PENYAMAK KULIT BERNAMA SIMON. ENGKAU AKAN MENEMUINYA DI TEPI LAUT. CARILAH ORANG YANG BERNAMA PETRUS. DIA AKAN DATANG KE SINI DAN MEMBERITAHU ENGKAU KEBENARAN TENTANG ALLAH.


ALLAH TELAH MEMBUAT DAMAI MELALUI DARAHNYA PADA KAYU SALIB.
PETRUS, GURU KAMI YANG SOLEH, YANG BAIK HATI, TETAPI DIA DISUSAHKAN OLEH BANYAK PERKARA. DIA SENTIASA BERDOA DAN MEMBERI DERMA KEPADA ORANG MISKIN. TETAPI DIA TIDAK ADA DAMAI DENGAN ALLAH.
APAKAH MAKSUDNYA?
AKU AKAN JELASKANNYA KEPADA KAPTEN KAMU.


KAPTEN ITU MENEMUI PETRUS DI DEPAN PINTU DAN SUJUD KEPADANYA.
BERDIRILAH. JANGAN BERI AKU PENGHORMATAN KEPADAKU.


HARI INI ADALAH HARI YANG TERBESAR. ALLAH TELAH MENGHANTAR PETRUS, SEORANG DARI MURID YESUS UNTUK MEMBERITAHUKAN KITA TENTANG YESUS.
KISAH PARA RASUL 9:20-22, 10:1-27, 38-41
YA, AKU BERJALAN BERSAMA-SAMA YESUS SELAMA TIGA TAHUN SETENGAH. AKU MELIHAT-NYA DISALIBKAN DAN MELIHAT-NYA SELEPAS DIA DIBANGKITKAN. SERAMAI 500 ORANG KAMI BERKUMPUL DI SUATU TEMPAT MENDENGAR KHUTBAH-NYA SELEPAS KEBANGKITAN-NYA. DIA MAKAN BERSAMA KAMI DAN KAMI MENYENTUH-NYA. DIA MENGAJAR KAMI UNTUK MENGASIHI MUSUH DAN BERDOA BAGI MEREKA YANG MENGANIAYA KAMI. DIA MENGUTUS ROH-NYA...


KAPTEN KORNELIUS DAN SELURUH RUMAHNYA PERCAYA KEPADA INJIL YESUS KRISTUS DAN SEMUANYA DIBAPTIS PADA HARI YANG SAMA.


PAULUS MASUK KE SINAGOG DI ANTIOKH DAN BERKHUTBAH KEPADA ORANG YAHUDI PADA HARI SABAT.
KAMU MENGENALIKU, AKU MENGANIAYA SEHINGGA MEMBUNUH ORANG KRISTIAN, TETAPI YESUS MUNCUL DENGAN CAHAYA YANG MEMBUTAKAN DI HADAPANKU, DAN DENGAN SUARA SEPERTI GURU, MEMBERITAHUKU UNTUK PERGI MEMBERITAKAN FIRMAN-NYA.


KATA-NYA, DIA AKAN MEMBANGKITKAN KETURUNAN DAUD UNTUK MENJADI PENYELAMAT ISRAEL, DAN BAHAWA PARA PEMIMPIN DI ISRAEL AKAN MENGHUKUM-NYA MATI. TERTULIS DI DALAM KITAB MAZMUR YANG KEDUA, "ENGKAULAH ANAK-KU, PADA HARI INI AKU MENJADI BAPA-MU."


DI DALAM KITAB MAZMUR BAB YANG LAIN BERKATA, ALLAH TIDAK BENARKAN YANG KUDUS MENGALAMI KEBINASAAN. INILAH SEBUAH NUBUATAN BAHAWA, WALAUPUN DIA MATI, TUBUH-NYA TIDAK MENGALAMI KEBINASAAN. KETAHUILAH DI DALAM YESUS ENGKAU AKAN MENERIMA PENGAMPUNAN SEMPURNA, SESUATU YANG MUSA TIDAK BOLEH BERIKAN.




MAZMUR 2:7, 16:10, KISAH PARA RASUL 2:27, 10:47, 13:33-35


ENGKAU BOLEH DIBUNUH KERANA AJARAN SESATMU.
KERANA ENGKAU MENOLAK KHABAR BAIK TENTANG HIDUP KEKAL, KAMI AKAN BERIKAN MESEJ KAMI KEPADA ORANG BUKAN YAHUDI, SEPERTI YANG DIISTIHARKAN OLEH PARA NABI.


KETIKA JELAS KEPADA PAUL BAHAWA ORANG YAHUDI MENOLAK KRISTUS, DIA MENERUSKAN USAHANYA KEPADA ORANG BUKAN YAHUDI -- BANGSA-BANGSA SELAIN YAHUDI.
TERPUJILAH ALLAH DAN ANAK-NYA YESUS. KESELAMATAN TELAH DATANG KEPADA ORANG BUKAN YAHUDI.
PAULUS BAPTISLAH AKU!
BERITAHU KAMI LEBIH BANYAK NUBUAT TENTANG YESUS.
RAMAI ORANG BUKAN YAHUDI PERCAYA KEPADA INJIL DAN TERUS HIDUP DI DALAM ANUGERAH ALLAH.


ORANG YAHUDI MARAH DAN MEMAKSA PAULUS SERTA BARNABAS KELUAR DARI BANDAR ITU, DENGAN MENAKUT-NAKUTKAN MEREKA BAHAWA MEREKA AKAN DIBUNUH KALAU KEMBALI. JADI, PAULUS DAN BARNABAS PERGI KE ASIA, MEMBERITAKAN KHABAR BAIK KEPADA SEMUA YANG MEREKA TEMUI.
BARNABAS, JIKA AKU GAGAL, TERUSKAN BERLARI JANGAN BERHENTI.


DI LISTRA, ORANG YAHUDI MEREJAM PAULUS DENGAN BATU SAMPAI MATI, LALU MENCAMPAKKAN TUBUHNYA DI LUAR BANDAR.
YA ALLAH, AMPUNILAH MEREKA. MEREKA TELAH MEMBUNUH PAULUS.
KISAH PARA RASUL 14:19-20


TETAPI ALLAH MELAKUKAN MUKJIZAT DENGAN MENGHIDUPKAN PAULUS KEMBALI.
PAULUS, AKU FIKIR ENGKAU SUDAH MATI!
BELUM LAGI, ALLAH MENYATAKAN BANYAK PERKARA KEPADAKU BAHAWA AKU AKAN MENDERITA BAGI NAMA-NYA, DAN INI HANYA PERMULAANNYA. MARI KITA KEMBALI KE DALAM BANDAR.


DI FILIPI MAKEDONIA, PAULUS DAN SILAS DI SEBAT DENGAN 39 SEBATAN DAN DIPENJARAKAN. WALAUPUN MEREKA MENDERITA, HARI MEREKA PENUH SUKACITA, DAN PADA WAKTU MALAM MEREKA MENYANYIKAN PUJI-PUJIAN KEPADA ALLAH.
HANYA ENGKAU YA TUHAN YANG LAYAK MENERIMA KEMULIAAN, HORMAT DAN PUJIAN...


AHHHH! YESUS ADALAH TUHAN!


WHAPP!
TAHUN SETERUSNYA PAULUS DIPUKUL DENGAN KAYU PEMUKUL TIGA KALI MASA BERLAINAN. DIA TERUS MEMBERITAKAN YESUS.
KISAH PARA RASUL 14:19-20, 16:23-25; 2 KORINTUS 11:24-25; WAHYU 4:11


PAULUS MEMBERITAKAN INJIL DARI SATU TEMPAT KE TEMPAT LAIN, SEBANYAK TIGA KALI KAPAL LAUT YANG DIA NAIKI KARAM.
ADA SEKALI DIA HANYUT DI LAUTAN SEPANJANG HARI DAN KEESOKKAN HARINYA DISELAMATKAN OLEH KAPAL LAUT YANG LALU.
PAULUS JUGA SELALU DISERANG PEROMPAK.
TAPI DIA TETAP TERUS MEMBERITAKAN INJIL.

PAULUS MENDERITA SAKIT, KESEJUKAN, KEPANASAN, LAPAR, DAN SEMUA PERKARA YANG TIDAK MENYENANGKAN SEMASA DIA PERGI KE SELURUH DUNIA MEMBERITAKAN INJIL YESUS.




PAULUS PERGI BANDAR KE BANDAR MEMBERIKAN AMARAN TENTANG PENYEMBAHAN BERHALA DAN MEMBERITAKAN KHABAR BAIK TENTANG YESUS KRISTUS.
ENGKAU HARUS KEMBALI KEPADA ALLAH DARI PENYEMBAHAN BERHALA, DAN ALLAH MENJADIKAN ENGKAU BENAR MELALUI IMANMU. SEKARANG ENGKAU ADALAH ANGGOTA TUBUH-NYA DAN MENJADI MILIK KEPUNYAAN-NYA.
TERPUJILAH ALLAH!


1 KORINTUS 10:14, 12:12-13, 18; 2 KORINTUS 11:25; GALATIA 2:16; EPHESUS 2:19
BARANG-BARANG INI TIDAK MEMBERIKANKU DAMAI.
APABILA ORANG-ORANG ITU KEMBALI KEPADA ALLAH, MEREKA MEMBUANG SEMUA BERHALA DAN AZIMAT YANG ADA. MEREKA MEMBUANG SEMUA YANG BERKAITAN DENGAN AGAMA DAN DOSA MEREKA KE DALAM API. DALAM MASA 20 PULUH TAHUN, ORANG YANG PERCAYA SUDAH TERSEBAR KE SELURUH TEMPAT YANG TERKENAL DI DUNIA UNTUK MENYEMBAH ALLAH MELALUI YESUS KRISTUS.

YESUS TELAH MEMBERIKAN AMARAN KEPADA MURID-MURID-NYA, “KEMUDIAN KAMU AKAN DITANGKAP DAN DISERAHKAN UNTUK DISIKSA DAN DIBUNUH. SEMUA ORANG AKAN MEMBENCIMU KERANA KAMU PENGIKUT-KU. PADA MASA ITU RAMAI DI ANTARA PENGIKUT-KU TIDAK LAGI PERCAYA KEPADA-KU. MEREKA AKAN SALING MENGKHIANATI DAN MEMBENCI. LALU RAMAI NABI PALSU AKAN MUNCUL DAN MENIPU RAMAI ORANG.”






APABILA SEMUA ORANG YANG TELAH MELIHAT YESUS MENJADI TUA DAN GEREJA TERSEBAR DI SELURUH KERAJAAN ROM, ORANG ROMA MULAI MENCARI ORANG KRISTIAN DAN MENGANIAYA MEREKA SEHINGGA MATI. JIKA ORANG PERCAYA TIDAK MENAFIKAN KRISTUS, MEREKA AKAN DIMASUKKAN KE ARENA, DAN ORANG RAMAI MELIHAT MEREKA BAHAM OLEH HARIMAU DAN SINGA YANG LAPAR.


GGRRRR!
IEEEE!




MATIUS 24:9-14


SEBELUM KEMATIAN-NYA YESUS TELAH BERNUBUAT TENTANG BAIT SUCI.
ENGKAU LIHATKAN BAIT SUCI INI? AKU KATAKAN KEPADAMU, IANYA AKAN MUSNAH DAN TIDAK ADA SATUPUN BATU AKAN TERSUSUN DI TEMPATNYA, SEMUA AKAN DIROBOHKAN.”
40 TAHUN KEMUDIAN, PADA 70 A.D, ORANG ROM DATANG MEMUSNAHKAN BANDAR DAN BAIT SUCI DI YERUSALEM. SEMASA BAIT SUCI TERBAKAR, EMAS MENCAIR DAN MENGALIR KE SEMUA SUSUNAN BATU DI DINDING DAN LANTAI. MEREKA MENGAMBIL EMAS ITU DENGAN MEMECAHKAN SEMUA SUSUNAN BATU YANG ADA TERMASUKLAH LANTAI. NUBUAT YESUS TELAH DIGENAPI.

ORANG-ORANG YAHUDI YANG TERSELAMAT DALAM PERANG DI YERUSALEM DAN ISRAEL MELARIKAN DIRI KE BANGSA-BANGSA LAIN, DI MANA RAMAI KETURUNAN MEREKA HIDUP DI SANA SEHINGGA SEKARANG.




ORANG-ORANG KRISTIAN YAHUDI JUGA MELARIKAN DIRI KE NEGARA LAIN DI MANA MEREKA MEMBERITAKAN KRISTUS, DAN GEREJA BERTUMBUH.


KEMANAPUN MEREKA PERGI SUDAH TERDAPAT ORANG KRISTIAN DI SANA MENERIMA MEREKA.
KAMI TIDAK ADA TEMPAT UNTUK PERGI.
KAMI TELAH MENDENGAR HAL YANG MENGERIKAN DI YERUSALEM. SUDAH TENTU KAMU BOLEH TINGGAL BERSAMA KAMI.
MATIUS 24:2; LUKAS 19:43-44


PARA RASUL YESUS TERUS MEMBERITAKAN KEBANGKITAN YESUS SEHINGGA MEREKA MATI SATU PERSATU. MEREKA SEMUA MATI DENGAN BERANI BAHWA MEREKA TAHU ADA TEMPAT YANG LEBIH INDAH DI SYURGA.
BEBERAPA MEREKA DISALIBKAN OLEH ORANG ROM.
YANG LAIN DIBUANG PERUT DAN DIPOTONG KE BEBERAPA POTONGAN KECIL.


SELAINNYA DI BERIKAN MAKAN KEPADA BINATANG BUAS.
BEBERAPA YANG LAIN DI REJAM BARU SAMPAI MATI.
YANG LAIN DIPOTONG KEPALA.


YOHANES 21:18; KISAH PARA RASUL 12:2
PETRUS DISALIBKAN TERBALIK.
AKU TIDAK LAYAK MATI SEPERTI ENGKAU, YA TUHAN.
BEBERAPA DIREBUS HIDUP-HIDUP.
AKU AKAN PERGI KE TEMPAT YANG LEBIH BAIK. SEMOGA ALLAH MENGAMPUNI ENGKAU.
MEREKA SEMUA MATI DI DALAM IMAN, DENGAN JAMINAN MEREKA MEMPUNYAI TUBUH YANG BARU DAN RUMAH YANG INDAH SEDANG MENANTI.


60 TAHUN SELEPAS KEBANGKITAN YESUS, YOHANES ADALAH SATU-SATUNYA RASUL YANG MASIH HIDUP. DIA TELAH DIBUANG KE PULAU BERBATU YANG DIPANGGIL PATMOS. ROH KUDUS TELAH MEMBAWA YOHANES KE SYURGA DI MANA ALLAH MEMPERLIHATKANNYA MASA HADAPAN. .
YOHANES, AKU AKAN MENUNJUKKAN ENGKAU TENTANG APA YANG AKAN BERLAKU DI MASA HADAPAN. TULISLAH APA YANG ENGKAU LIHAT DI DALAM SEBUAH BUKU DAN HANTARLAH KE TUJUH GEREJA DI ASIA.


APABILA ZAMAN INI SUDAH HAMPIR BERAKHIR, YESUS AKAN KEMBALI DAN MEMBANGKITKAN SEMUA ORANG YANG PERCAYA KEPADA-NYA. MEREKA BERSAMA DENGAN SEMUA ORANG PERCAYA YANG MASIH HIDUP, AKAN DIANGKAT BERJUMPA DENGAN YESUS DI AWAN-AWAN DAN AKAN BERSAMA DENGAN-NYA UNTUK SELAMA-LAMANYA.
PADA AKHIR ZAMAN, YESUS AKAN MELAWAT BUMI DENGAN MALAPETAKA YANG DAHSYAT. API AKAN TURUN DAN WABAK DAHSYAT AKAN DATANG MEMUSNAHKAN MANUSIA DI BUMI.


SEORANG AKAN MUNCUL DAN MENGAKU SEBAGAI MESIAS, DAN DIA AKAN MENIPU RAMAI ORANG. DIA AKAN MENYEBABKAN RAMAI ORANG AGAR MENUNJUKKAN KESETIAAN MEREKA KEPADANYA DAN KERAJAANNYA DENGAN MENERIMA TANDA DI DAHI DAN DI BELAKANG TAPAK TANGAN MEREKA.
1 TESALONIKA 4:14, 16-17; 2 TESALONIKA 2:3-4; WAHYU 1:9, 11, 8:1-13, 9:18, 13:16, 20:4
SESIAPA YANG TIDAK MAHU MENERIMA TANDA ITU AKAN DIPANGGAL KEPALANYA. IA ADALAH MASA PENDERITAAN YANG BESAR BAGI MEREKA YANG MASIH TINGGAL DI BUMI.


SEPERTI YANG DINUBUATKAN, YESUS AKAN KEMBALI PADA AKHIR ZAMAN.
DIA AKAN DATANG DALAM KEMULIAAN DAN KUASA-NYA. LANGIT AKAN TERBUKA DAN DIA AKAN TURUN DENGAN MENUNGGANG KUDA PUTIH.
DIA AKAN BERSINAR SEPERTI MATAHARI DAN MEMAKAI BANYAK MAHKOTA. DIA AKAN MEMEGANG TUJUH BINTANG DAN MULUT-NYA AKAN MENGELUARKAN PEDANG KEBENARAN.

DIA AKAN BERHADAPAN DENGAN SYAITAN DAN AKAN MEMBUANGNYA KE LAUTAN API DI MANA DIA AKAN BERADA SELAMA-LAMANYA DAN TIDAK AKAN LAGI DAPAT MENGGODA MANUSIA. YESUS JUGA AKAN MENGALAHKAN KEMATIAN, MUSUHNYA TERAKHIR DAN DUNIA AKAN DIBAHARUI.



ALLAH MENGUMPULKAN SEMUA ORANG YANG PERCAYA KEPADA ANAK-NYA, DAN MEMBERIKAN MEREKA HIDUP YANG KEKAL DI BUMI YANG BARU. ALLAH AKAN MENGHAPUSKAN SEMUA TANGISAN DAN TIDAK ADA LAGI KEMATIAN, KESEDIHAN, TANGISAN, KESAKITAN, KERANA YANG LAMA SUDAH BERLALU. YESUS AKAN MEMERINTAH SEBAGAI RAJA DAN PENYELAMAT ATAS ORANG-ORANG-NYA YANG BENAR DI DALAM DUNIA YANG BEBAS DARI DOSA DAN KEMATIAN.

1 TESALONIKA 4:16; WAHYU 1:16, 19:11-21, 20:10-15, 21:1-4


INJIL YESUS KRISTUS TELAH DIBERITAKAN SELAMA 2,000 TAHUN. YESUS MERAMALKAN MESEJ KERAJAAN-NYA AKAN TERSEBAR KE SELURUH DUNIA SEHINGGA SETIAP SUKU, BANGSA DAN KELOMPOK KELUARGA MENDENGAR TENTANG BERITA BAIK ITU.


HANYA ADA SATU ALLAH DAN SATU ANAK. HANYA ADA SATU IMAN DAN SATU KITAB SUCI. HANYA ADA SATU JALAN MENUJU KE SYURGA, YESUS ADALAH JALAN, KEBENARAN DAN HIDUP, SEPERTI YANG SEMUA BANGSA-BANGSA TELAH TEMUI.

INJIL KRISTUS ADALAH BERBEZA DENGAN AGAMA YANG LAIN, YANG TIDAK TERSEBAR MELALUI KEKANGAN DAN INTIMIDASI. YESUS MENGAJAR PENGIKUT-NYA UNTUK MENGASIHI MUSUH MEREKA DAN UNTUK DIPENUHI DENGAN SUKACITA DAN PUJI-PUJIAN. HARI INI, SETIAP ORANG DARI SETIAP BANGSA DAN BAHASA, BERSUKACITA DALAM PENGAMPUNAN DAN HIDUP YANG KEKAL.




WALAUBAGAIMANAPUN, SUDAH 2,000 TAHUN SEJAK YESUS BANGKIT DARI KEMATIAN, DAN MASIH ADA RAMAI ORANG YANG BELUM MENDENGAR TENTANG BERITA BAIK, SESEORANG PERLU MEMBERITAKAN KEPADA MEREKA.

# CERITA MODEN TENTANG PENGHAKIMAN YANG AKAN DATANG




ADAKAH ENGKAU MALAIKAT? DI MANAKAH ENGKAU MEMBAWAKU?


AKU FIKIR ALLAH AKAN MEMPERKIRAKAN PERBUATAN BAIKKU DARIPADA PERBUATAN JAHATKU.

IBRANI 9:27


DIA SEDANG MEMERIKSA SAMA ADA NAMAMU ADA TERTULIS DI DALAM BUKU KEHIDUPAN.
"AKU NAMPAK ORANG YANG SUDAH MATI, BAIK ORANG BESAR MAHUPUN ORANG BIASA, SEMUANYA BERDIRI DI HADAPAN TAKHTA ITU. LALU KITAB-KITAB PUN DIBUKA DAN SEBUAH KITAB LAIN JUGA DIBUKA IAITU KITAB ORANG HIDUP. ORANG YANG SUDAH MATI DIHAKIMI MENURUT PERBUATAN MEREKA SEPERTI YANG TERTULIS DI DALAM KITAB-KITAB ITU."


JOHN DOE ENGKAU BOLEH DATANG DI HADAPAN TAKHTA.
"ALLAH AKAN MEMBALAS SETIAP ORANG SETIMPAL DENGAN PERBUATANNYA MELALUI YESUS KRISTUS."


JOHN DOE INI ADALAH HARI PENGHAKIMANMU. ENGKAU TELAH MELAKUKAN DOSA YANG BESAR. ADAKAH ENGKAU MENGAKUINYA?
AKU MELAKUKAN BEBERAPA DOSA YANG KECIL, TETAPI AKU HIDUP SEBAGAI ORANG BAIK. TANYALAH KEPADA SEMUA ORANG YANG MENGENALKU.




ROMA 2:6, 16; WAHYU 20:12


BAWA KITAB KEHIDUPANNYA.


KEHIDUPAN
JOHN DOE


NAMAKU TERTULIS DI BUKU ITU.
KEHIDUPAN JOHN DOE


Senarai vdosa
Menipu 1-48
Nafsu 49-74
Benci 75-91
Tamak 92-115
Berhala 116-132
Sombong 133-175
Zina 176-204
Tidak percaya 205-250
Rakus 251-271
Membunuh 272
moseks 273-274


BUKU KEHIDUPANMU MENYATAKAN BANYAK DOSA YANG KAU TELAH LAKUKAN.


TANYALAH ORANG YANG MENGENALKU, AKU ADALAH ORANG BAIK.
"BUKAN DENGAN PERBUATAN BAIK KITA, TETAPI KERANA BELAS KASIHAN-NYA KITA DISELAMATKAN."
TITUS 3:5


ADAKAH ENGKAU ORANG BAIK KETIKA ENGKAU BERBOHONG?


ADAKAH ENGKAU ORANG BAIK KETIKA ENGKAU DIKUASAI HAWA NAFSU?
ADAKAH ENGKAU ORANG BAIK SEMASA ENGKAU DIKUASAI KEMARAHAN?


TETAPI AKU TIDAK MELAKUKAN DOSA YANG BESAR, AKU ADALAH ORANG YANG SOLEH.
MASIH ADA ALASAN. SEMUA DOSA ADALAH SAMA.
PERGI DARIKU SEMUA YANG BERDOSA. AKU TIDAK MENGENALMU.


YA ALLAH, INI TIDAK SEPATUTNYA TERJADI!
MAAF. SUDAH TERLAMBAT MEMINTA PERTOLONGAN DARI ALLAH SEKARANG.


IEEEEE!


ORANG JAHAT...AKAN DIBUANG KE DALAM PEMBAKARAN YANG BERAPI; AKAN ADA TANGISAN DAN KERTAKAN GIGI. MATIUS 13:49-50

# TEMPAT PENGHAKIMAN KRISTU




YOHANES 11:25-26


NAMAMU ADA DI DALAM BUKU KEHIDUPAN.
MASANYA UNTUK MENERIMA GANJARANMU.


"HAL ITU DEMIKIAN KERANA DIA SUDAH MENETAPKAN SUATU HARI UNTUK MENGADILI SELURUH DUNIA INI DENGAN ADIL.
TUGAS ITU AKAN DILAKUKAN OLEH SATU ORANG YANG SUDAH DIPILIH-NYA. ALLAH SUDAH MEMBANGKITKAN ORANG ITU DARIPADA KEMATIAN."




KISAH PARA RASUL 17:31

Keinginan kami adalah selepas membaca Baik dan Jahat ® anda bermotivasi membaca keseluruhan Alkitab dan ianya akan menjadi hidup di dalam anda. Menjadikannya sebagai kebiasaan setiap hari dengan membaca sebahagian dari Alkitab dan berdoa agar Allah membantu anda memahami dan mengaplikasikannya.

Hakcipta © 2008, 2016
Michael and Debi Pearl.

Hak Cipta Terpelihara.

*Pengarang:* Michael Pearl

*Artis:* Danny Bulanadi

*Pewarnaan:* Clint Cearley

https://goodandevilbook.com/